



Pertanika

MAHAWANGSA

MAHA

VOL. 4 (1) JUN 2017



Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu

Pertanika *MAHAWANGSA* (Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu)

Latar Belakang

Pertanika merupakan jurnal berwasit antarabangsa yang berfungsi sebagai medium penerbitan dan perbincangan isu pertanian tropika serta bidang berkaitan. *Pertanika* memulakan penerbitan pertama pada 1978 sebagai *Journal of Tropical Agricultural Science*. Pada 1992, *Pertanika* diselaraskan kepada tiga jurnal berasingan, iaitu *Journal of Social Sciences & Humanities* (JSSH), *Journal of Tropical Agricultural Science* (JTAS) dan *Journal of Science and Technology* (JST) sebagai memenuhi keperluan jurnal yang lebih khusus dalam bidang pengajian. Pengasingan ini memberikan ruang tumpuan yang khusus terhadap kekuatan bidang yang pelbagai di universiti. Pada 2013, siri terbaharu dalam *Pertanika* telah diwujudkan, iaitu *Pertanika MAHAWANGSA* (Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu). Siri jurnal ini lebih tertumpu kepada bidang bahasa, budaya dan warisan Melayu. *Pertanika MAHAWANGSA* diterbitkan dalam bahasa Melayu, dua kali setahun, iaitu pada Jun dan November dan dibuka kepada pengarang dari seluruh dunia

Matlamat

Menyebarkan penyelidikan berkualiti tinggi kepada umum.

Kualiti

Pertanika menasarkankan kecemerlangan melalui profesionalisme dalam penerbitan. Keputusan penerimaan makalah dijamin dalam tempoh 14 minggu. Masa diambil daripada serahan makalah kepada penerbitan untuk artikel adalah dalam purata 5-6 bulan.

Indeks Petikan

Pengetahuan dan pengalaman penerbitan selama 33 tahun telah melayakkan siri terbitan *Pertanika* diindeks dalam *SCOPUS* (Elsevier), *Thomson (ISI) Web of Knowledge* [CAB Abstracts], *EBSCO*, *DOAJ*, *ISC*, *MyAIS* dan *Rubriq*.

Visi

Pertanika akan terus mempertingkatkan kandungan, khidmat penyelidikan dan capaian arkib jurnal kepada umum. *Pertanika* berusaha merealisasikan wawasan baharu yang akan memberikan manfaat kepada ahli akademik dan masyarakat umum. Kemunculan medium atas talian menjadi pemacu utama sebaran berita penyelidikan terkini untuk pembaca *Pertanika*.

Skop dan Matlamat

Matlamat *Pertanika MAHAWANGSA* adalah untuk menjadi peneraju utama dalam bidang bahasa, budaya dan warisan Melayu merentas disiplin. Kandungan penulisan boleh berbentuk konseptual, teoritikal, empirikal, sejarahawi, dan sebagainya dalam kerangka kebahasaan, kesusasteraan, pendidikan, kebudayaan dan warisan Melayu. Ranah pengajian mestilah meliputi alam Melayu dan diaspora Melayu.

Kenyataan Redaksi

Pertanika ialah jurnal rasmi Universiti Putra Malaysia. Singkatan untuk Jurnal *Pertanika* Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu ialah *Pertanika MAHAWANGSA*.

MAHAWANGSA (Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu)

Latar Belakang

Pertanika merupakan jurnal berwasit antarabangsa yang berfungsi sebagai medium penerbitan dan perbincangan isu pertanian tropika serta bidang berkaitan. *Pertanika* memulakan penerbitan pertama pada 1978 sebagai *Journal of Tropical Agricultural Science*. Pada 1992, *Pertanika* diselaraskan kepada tiga jurnal berasingan, iaitu *Journal of Social Sciences & Humanities* (JSSH), *Journal of Tropical Agricultural Science* (JTAS) dan *Journal of Science and Technology* (JST) sebagai memenuhi keperluan jurnal yang lebih khusus dalam bidang pengajian. Pengasingan ini memberikan ruang tumpuan yang khusus terhadap kekuatan bidang yang pelbagai di universiti. Pada 2013, siri terbaharu dalam *Pertanika* telah diwujudkan, iaitu *Pertanika MAHAWANGSA* (Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu). Siri jurnal ini lebih tertumpu kepada bidang bahasa, budaya dan warisan Melayu. *Pertanika MAHAWANGSA* diterbitkan dalam bahasa Melayu, dua kali setahun, iaitu pada Jun dan November dan dibuka kepada pengarang dari seluruh dunia

Matlamat

Menyebarluaskan penyelidikan berkualiti tinggi kepada umum.

Kualiti

Pertanika menyasarkan kecemerlangan melalui profesionalisme dalam penerbitan. Keputusan penerimaan makalah dijamin dalam tempoh 14 minggu. Masa diambil daripada serahan makalah kepada penerbitan untuk artikel adalah dalam purata 5-6 bulan.

Indeks Petikan

Pengetahuan dan pengalaman penerbitan selama 33 tahun telah melayakkan siri terbitan *Pertanika* diindeks dalam *SCOPUS (Elsevier)*, *Thomson (ISI) Web of Knowledge [CAB Abstracts]*, *EBSCO*, *DOAJ*, *ISC*, *MyAIS* dan *Rubriq*.

Visi

Pertanika akan terus mempertingkatkan kandungan, khidmat penyelidikan dan capaian arkib jurnal kepada umum. *Pertanika* berusaha merealisasikan wawasan baharu yang akan memberikan manfaat kepada ahli akademik dan masyarakat umum. Kemunculan medium atas talian menjadi pemacu utama sebaran berita penyelidikan terkini untuk pembaca *Pertanika*.

Skop dan Matlamat

Matlamat *Pertanika MAHAWANGSA* adalah untuk menjadi peneraju utama dalam bidang bahasa, budaya dan warisan Melayu merentas disiplin. Kandungan penulisan boleh berbentuk konseptual, teoritikal, empirikal, sejarawi, dan sebagainya dalam kerangka kebahasaan, kesusasteraan, pendidikan, kebudayaan dan warisan Melayu. Ranah pengajian mestilah meliputi alam Melayu dan diaspora Melayu.

Kenyataan Redaksi

Pertanika ialah jurnal rasmi Universiti Putra Malaysia. Singkatan untuk Jurnal *Pertanika Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu* ialah *Pertanika MAHAWANGSA*.

Sidang Editorial

2013-2017

Ketua Editor

Abdul Mua'ti@ Zamri Ahmad

Pengucapan Awam, Retorik dan Komunikasi Politik

Universiti Putra Malaysia

Editor Bersekutu I

Mohd Zariat Abdul Rani

Teori dan Kritikan Sastera

Universiti Putra Malaysia

Editor Bersekutu II

Muhd Zulkifli Ismail

Bahasa dan Kesusasteraan Arab

Universiti Putra Malaysia

Anggota Sidang Editorial

Arndt Graf, *Linguistik dan Bahasa Melayu*, Goethe-University Frankfurt, Germany.

Barbara Watson Andaya, *Pengajian Sejarah Alam Melayu*, University of Hawai'i, USA.

Che Ibrahim Salleh, *Linguistik Terapan dan Tatabahasa Melayu*, Universiti Putra Malaysia.

Deddy Mulyana, *Komunikasi antara budaya*, Universitas Padjadjaran, Indonesia.

Ezhar Tamam, *Komunikasi antara Budaya, Pembangunan Belia dan Komunikasi*, Universiti Putra Malaysia.

Halis Azhan, *Penulisan Kreatif, Kesusasteraan Kanak-Kanak dan Remaja*, Universiti Putra Malaysia.

Mohamad Mokhtar Abu Hassan, *Kesusasteraan Melayu Moden*, Universiti Malaya.

Noriah Mohamed, *Bahasa Melayu dan Linguistik*, Universiti Sains Malaysia.

Osman Bakar, *Falsafah Sains, Peradaban dan Pemikiran Islam*, Universiti Brunei Darussalam.

Syed Farid Alatas, *Sosiologi Pengajian Masyarakat dan Budaya Melayu*, National University of Singapore.

Wu Zong Yu, *Bahasa, Sastera dan Pengajian Melayu*, Beijing Foreign Studies University, China.

Zaharani Ahmad, *Bahasa Melayu dan Linguistik*, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ketua Editor

Pertanika MAHAWANGSA (Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu),
Pejabat Dekan,

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia

Tel: +603-8946 8661 / 8326 / 8723 / 8753 • Faks: +603 8943 9951

E-mel: mahawangsa@upm.edu.my

Laman Sesawang: <http://www.mahawangsa.upm.edu.my>

Penerbit

Penerbit Universiti Putra Malaysia



Universiti Putra Malaysia

43400 UPM, Serdang, Selangor, Malaysia

Tel: +603 8946 8855, 8946 8854 • Faks: +603 8941 6172

E-mel: penerbit@upm.edu.my

Laman Web : <http://penerbit.upm.edu.my>



Corak dasar : PUCUK REBUNG
Variasi : PUCUK REBUNG BUAH PADI
Filosofi : *Pucuk rebung buah padi
Tanda hidup mengenang budi
Sebarang kerja akan menjadi
Ilmu banyak dada berisi*

Keterangan Warna

Emas : Mercu Kegemilangan
Ungu : Warisan Peradaban Melayu

Adaptasi daripada:

Corak dan Ragi Tenun Melayu Riau

*Penulis: Abdul Malik, Tenas Effendy, Hassan Junus
dan Auzar Thaher*

Terbitan: BKPBM dan Adicita, Yogyakarta Indonesia



MAHAWANGSA
(Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu)

Vol. 4 (1) Jun 2017

Kandungan

Makalah

Nilai Budaya dalam Novel Penulis ASEAN <i>Norazlina Haji Mohd. Kiram, Coretta Herliana Kura dan Kamariah Kamarudin</i>	1
Analisis Pemetaan Sematik Unsur Flora dan Fauna dalam Pantun Melayu: Satu Tinjauan Awal <i>Muhamad Fadzllah Hj Zaini</i>	17
Jati diri Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asean <i>Shalizaini Uyob dan Che Ibrahim Salleh</i>	33
Perubahan Makna dan Sosial Budaya dalam Masa 200 Tahun: Penelitian terhadap Perkamusan Melayu <i>Nazilah Mohamad, Karim Harun dan Nor Hasimah Ismail</i>	49
Bahasa Melayu sebagai Medium Perantara Komunikasi Diplomatik Kerajaan Nusantara <i>Salmah Jan Noor Muhammad</i>	63
Penggunaan Slanga dalam Kalangan Pelajar Kadazandusun di Universiti Pendidikan Sultan Idris <i>Minah Sintian</i>	75
Konflik Emosi dalam Lirik Lagu ‘Nipah oh Nipah’ <i>Normaliza Abd Rahim, Siti Nur Aliaa Roslan dan Nur Maisarah Roslan</i>	89
Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asean: Antara Realiti dengan Hambatan <i>Zaitul Azma Zainon Hamzah</i>	99
Bahasa Melayu di Thailand: Cabaran dan Saranan Penyelesaiannya <i>Hishamudin Isam, Abdonloh Khreeda-oh dan Mashetoh Abd Mutalib</i>	109
Pembangunan Kit Asas Membaca bagi Kanak-Kanak Lembam <i>Puteri Roslina Abdul Wahid dan Nurul Haniza Samsudin dan Nur Azimah Mohd Bukhari</i>	131
Manifestasi Fenomena Ketidaksantunan Pragmatik Berbahasa Berasaskan Budaya Indonesia <i>R. Kunjana Rahardi</i>	147



MAHAWANGSA
(Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu)

Vol. 4 (1) Jun 2017

Kandungan

Makalah

Pendekatan Semantik Ranah Dalam Analisis Makna Leksis Bahasa
Sukuan“Lansaran” Dalam Korpus Bahasa Melayu 167
Effendy Yusuff, Anida Sarudin dan Norliza Jamaluddin

Nilai Budaya dalam Novel Penulis ASEAN

Norazlina Haji Mohd. Kiram*, Coretta Herliana Kura dan Kamariah Kamarudin

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM, Serdang, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Nilai budaya menggambarkan perilaku manusia dalam kehidupan bermasyarakat. Pemahaman tentang sistem nilai budaya dan orientasi nilai budaya akan menentukan konteks perilaku masyarakat tersebut. Walau bagaimanapun, nilai budaya bagi setiap masyarakat adalah berbeza antara satu sama lain. Kadang kala berlaku persamaan budaya dan dalam kebanyakan masa pula berlaku pertembungan budaya. Sehubungan dengan itu, makalah ini akan membincangkan nilai budaya masyarakat berdasarkan tiga buah novel terpilih, iaitu novel *Laskar Pelangi*-2007 (Indonesia), *Kereta Api Terbalik Langgar Kerbau di Rembau*-2015 (Singapura) dan *Sarjana Bangsa*-2015 (Malaysia), yang ketiga-tiganya merupakan penulis ASEAN. Selain itu, perbandingan nilai budaya dalam ketiga-tiga novel akan dikupas berdasarkan kerangka kebudayaan Anwar Din (2008). Aspek kebudayaan yang ditekankan ialah etos, norma, kepercayaan, pandangan dunia, simbol, dan hasil dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Hasil kajian mendapati bahawa masyarakat ASEAN berkongsi nilai budaya yang hampir sama dalam kebanyakan aspek. Hal ini mungkin disebabkan ketiga-tiga karya tersebut dihasilkan oleh pengkarya yang mempunyai latar kebudayaan dalam lingkungan negara ASEAN. Secara keseluruhannya, novel yang dikaji memaparkan nilai budaya dan kesantunan berbahasa yang tinggi.

Kata kunci: nilai budaya, etos, norma, kepercayaan, pandangan dunia, simbol, hasil

Cultural Values in ASEAN Authors Novels

ABSTRACT

Cultural values are the reflection of human behavior in society. The understanding based on the culture and the orientation of cultural values generally determine the context of the culture in the community. Nevertheless, each cultures are distinctively different. In certain circumstances, there are similarities between different cultures all over the world and yet, do encounter cultures

INFO MAKALAH

Pewasitan Makalah:

Dihantar: -

Diterima: -

E-mel:

noraz@upm.edu.my (Norazlina Haji Mohd Kiram)

corettaherliana.k@gmail.com (Coretta Herliana Kura)

kkamaria@upm.edu.my (Kamariah Kamarudin)

* Penulis penghubung

confluence too. This research will discuss the cultural values of three selected novels by ASEAN author; Laskar Pelangi-2007 (Indonesia), Kereta Api Terbalik Langgar Kerbau di Rembau-2015 (Singapore) and Sarjana Bangsa-2015 (Malaysia). In addition to that, the comparison of values in all three novels will be discussed within the cultural framework by Anwar Din (2008). The cultural aspects that had been highlighted in this research were the ethos, norms, beliefs, worldview, symbols and result, and were analyzed by qualitative approach. The study found that ASEAN share most of the cultural values. This may be due to the similar cultural background within ASEAN countries. In conclusion, the three novels portrays high courtesy of cultural value and politeness among Asians.

Key words: the culture, ethos, norms, beliefs, worldview, symbols, results

PENGENALAN

Pentingnya nilai budaya dalam masyarakat sememangnya tidak dinafikan. Hal ini demikian kerana nilai budaya merupakan elemen utama dalam membentuk kesejahteraan dan keharmonian dalam kehidupan. Justeru, menurut Sharifah Alwiah Al-Sagoff (1987:32), nilai merupakan satu bentuk idea yang dikongsi bersama anggota masyarakat mengenai perkara yang dianggap betul dan baik. Nilai ditakrifkan sebagai satu prinsip yang menghasilkan peraturan seterusnya menjadi dasar dan landasan kepada masyarakat. Peraturan inilah yang dijadikan pengukur kepada segala tindakan dan tingkah laku masyarakat tersebut. Wan Hashim Wan Teh dan Ismail Hamid (1998:10) menjelaskan pula bahawa nilai merupakan salah satu aspek penting dalam kebudayaan sesuatu kelompok masyarakat.

Secara umumnya, sistem nilai ini mendorong individu dalam sesebuah masyarakat tersebut untuk melakukan sebarang justifikasi terhadap tindakannya yang dikenali sebagai nilai budaya. Nilai budaya ditakrifkan oleh Koentjaraningrat (1987:85) sebagai satu bentuk pemikiran masyarakat berkenaan sesuatu nilai mulia yang dijadikan orientasi dan rujukan dalam tindakan dan pertuturan. Sumaatmadja dalam Marpaung (2000:55) pula menjelaskan bahawa nilai budaya itu berkait rapat dengan perkembangan dan penerapan budaya yang lazim diamalkan dalam kehidupan bermasyarakat dengan mengambil kira keselarasan, keseimbangan dan keserasian nilai tersebut. Dengan ini, bolehlah dikatakan nilai budaya merupakan nilai asas yang menentukan perilaku individu dalam masyarakat. Isu nilai budaya banyak dibincangkan dalam tulisan sarjana, terutamanya dalam penulisan kreatif seperti cerpen dan novel. Dalam konteks kajian, nilai budaya yang dibincangkan adalah berdasarkan novel pilihan. Novel dipilih sebagai bahan kajian kerana novel begitu sinonim dengan kehidupan bermasyarakat. Menerusi novel, kita didedahkan dengan gambaran kehidupan manusia, pemikiran yang luhur, pengalaman dan pertimbangan sifat baik dan buruk anggota masyarakat.

PERNYATAAN MASALAH

Perbandingan nilai budaya dalam konteks masyarakat ASEAN umumnya sering kali dianggap rumit disebabkan perbezaan dalam konteks masyarakat majmuk malah dijadikan sebagai alasan untuk tidak mengambil kira kepekaan individu yang lain. Tidak dapat dinafikan bahawa setiap kelompok kebudayaan masyarakat majmuk mempunyai

percanggahan budaya, terutamanya dalam konteks sifat perubahan peradaban yang sering menyaksikan perubahan nilai budaya akibat perkembangan dunia semasa. Menurut Wan Hashim Wan Teh dan Ismail Hamid (1998:1), nilai sentiasa berubah dari semasa ke semasa seperti juga perubahan yang berlaku dalam kebudayaan masyarakat setempat. Hal ini secara tidak langsung memainkan peranan dalam pembentukan sahsiah dan akhlak sesuatu masyarakat, terutamanya dalam kalangan generasi muda. Penolakan nilai budaya yang dianggap lapuk dan tidak relevan dengan konteks masyarakat membangun akan menyebabkan nilai budaya luntur dan perlahan-lahan tidak diamalkan lagi.

Selain itu, dalam arus globalisasi yang semakin pesat membangun kini, nilai sering dipandang enteng sebagai nilai yang dapat menyatukan masyarakat, khususnya dalam kalangan negara ASEAN yang kini telah banyak menerima pengaruh budaya luar. Menurut Wan Hashim Wan Teh dan Ismail Hamid (1998:5), nilai budaya akan sentiasa dipengaruhi oleh unsur luar yang kadang kala mampu berkompromi atau berkonflik dengan nilai sedia ada dalam masyarakat tersebut tanpa menyedari persamaan yang wujud dalam sesebuah kelompok masyarakat tersebut. Hal ini menyebabkan penolakan nilai lama dan penerimaan nilai baharu dalam masa yang sama dianggap lebih bersesuaian dengan kehendak semasa oleh generasi muda. Hal ini dilihat sebagai perkara yang merunsingkan kerana nilai budaya yang diamalkan selama ini sebagai sebahagian daripada medium perpaduan hasil perkongsian masyarakat majmuk tidak lagi dilihat fungsinya sebagai nilai penyatuan masyarakat.

OBJEKTIF

Objektif makalah ini adalah seperti yang berikut:

- i. Mengetahui pasti nilai budaya yang terdapat dalam tiga buah novel terpilih karya penulis ASEAN, iaitu novel *Laskar Pelangi*-2007 (Indonesia), *Kereta Api Terbalik Langgar Kerbau di Rembau*-2015 (Singapura) dan *Sarjana Bangsa*-2015 (Malaysia).
- ii. Menghuraikan nilai budaya yang terdapat dalam novel berdasarkan konsep kebudayaan Anwar Din (2008).
- iii. Merumuskan persamaan nilai budaya antara tiga negara ASEAN.

KAJIAN LITERATUR

Kajian berkenaan nilai budaya dalam karya kreatif telah banyak dilakukan oleh para pengkaji sebelum ini. Nadya Yolanda et. al (2011) telah melakukan kajian bertajuk, "Nilai-nilai Budaya Minangkabau dalam *Novel Cinta di Kota Serambi* Karya Irzen Hawer". Kajian ini berdasarkan dua daripada tujuh aspek dalam lingkungan nilai budaya (Koentjaraningrat, 1988), iaitu aspek sistem kekerabatan dan organisasi masyarakat. Fokus utama diberikan terhadap masyarakat yang mengamalkan sistem sosial untuk mempertahankan jati diri dan nilai budaya masyarakat Minangkabau. Dalam hubungan ini, adat dalam budaya masyarakat Minangkabau yang dijelaskan sebagai kepentingan

hubungan sesama manusia yang berlandaskan adat dan tatasusila dalam kehidupan bermasyarakat.

Selain itu, nilai budaya juga dibincangkan dalam kajian Oky Desiana (2014) yang bertajuk, “Analisis Nilai Budaya dalam Novel Rantau Satu Muara Karya Ahmad Fuadi”. Kajian ini yang memfokuskan nilai budaya masyarakat Minang menekankan kepentingan nilai budaya bangsa yang harus dipertahankan sebagai jati diri bangsa, terutamanya kepada individu yang datang dan hidup dalam lingkungan masyarakat Minang. Terdapat dua nilai yang dibincangkan dalam kajian ini, iaitu nilai berilmu dan nilai keadilan. Kedua-dua nilai ini hendaklah diterapkan dalam kehidupan generasi muda masa kini dalam usaha memastikan kelestarian nilai budaya masyarakat Minang.

Selanjutnya, Norazlina Mohd. Kiram (2014) melalui kajiannya, “Nilai Budaya dalam Novel *Baromkeh: Matamu di Mataku*” telah memperlihatkan bahawa bangsa Melayu dan bangsa Arab berkongsi banyak persamaan, terutamanya yang melibatkan adab dan tatasusila. Hal ini disebabkan kedua-dua bangsa tersebut merupakan penganut agama Islam yang berpegang kepada al-Quran dan sunah. Selain itu, kajian beliau turut membincangkan persoalan jati diri mahasiswa Melayu yang berpegang kuat kepada ajaran Islam walaupun berada jauh dari keluarga dan tanah air. Dengan kata lain, keimanan yang kuat membolehkan mereka mempertahankan maruah dan harga diri sekali gus membuktikan bahawa ajaran Islam telah sebatu dalam kehidupan mereka.

METODOLOGI

Kajian ini dianalisis dengan menggunakan kerangka konsep kebudayaan Anwar Din (2008) yang menggariskan enam aspek kebudayaan iaitu etos, norma, kepercayaan, pandangan, simbol dan hasil. Analisis dan perbincangan menggunakan pendekatan kualitatif berdasarkan data yang terdapat dalam tiga novel terpilih, iaitu novel *Laskar Pelangi* (2007-Indonesia), *Kereta Api Terbalik Langgar Kerbau di Rembau* (2015-Singapura) dan *Sarjana Bangsa* (2015-Malaysia).

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini akan membincangkan nilai budaya yang terdapat dalam ketiga-tiga buah novel terpilih karya penulis ASEAN dengan menggunakan kerangka konsep kebudayaan Anwar Din (2008).

1. Etos

Etos merujuk kepada nilai sosial yang dikongsi secara kolektif dalam kalangan anggota masyarakat. Kedudukan sesuatu nilai itu ditentukan melalui proses justifikasi yang melibatkan akal budi seperti perhitungan, pentafsiran dan penentuan. Etos dicernakan dalam bentuk tingkah laku, sikap, pemikiran, idea, gagasan, cita-cita, aspirasi, pendirian, cara pergaulan, hubungan sosial, berbahasa, norma, peraturan dan adat. Etos merupakan nilai yang dikongsi oleh masyarakat secara universal. Berdasarkan ketiga-tiga buah novel, nilai kasih sayang jelas ditonjolkan oleh ketiga-tiga pengarang sebagai satu nilai yang universal. Kasih sayang menurut Titin Nurdayati (2011) merupakan reaksi emosional terhadap seseorang, binatang, atau benda dengan menunjukkan perhatian dalam bentuk

fizikal mahupun kata-kata. Nilai kasih sayang yang dipaparkan dalam novel menjurus kepada kasih sayang sesama manusia tanpa sempadan, iaitu tidak membezakan agama dan bangsa. Hal ini dapat diperhatikan berdasarkan contoh peristiwa di bawah:

Contoh 1

... Sebulan yang lalu seluruh kampung heboh kerana Flo hilang. Anak bengal penduduk Gedong itu memisahkan diri saripada rombongan teman-teman sekelasnya ketika hiking di Gunung Selumar. Polis, pasukan operasi mencari dan menyelamatkan (SAR), anjing penjejak, anjing kampung, kelompok pencinta alam, para pendaki profesional dan amatur, para petualang, para penduduk yang berpengalaman di hutan, para penganggur yang bosan tidak melakukan apa-apa, dan ratusan orang kampung semuanya mencari Flo di tengah hutan lebat ribuan hektar yang melingkupi lereng gunung itu. Kami sekelas termasuk di dalamnya. Bapa, ibu, dan saudaramaranya berulang kali pengsan. Guru-guru dan teman-temannya menangis cemas...

(*Laskar Pelangi*, 2007:262)

Contoh 2

... Muda-mudi sekarang seolah-olah tidak ada perasaan belas kasihan yang menapak di hati. Kalau adapun, tersangat tipis perasaan itu yang ada pada diri mereka. Mata dan hati mereka buta dan tertutup. Andai terdapat ibu yang sedang menggendong anak kecil atau wanita yang sedang mengandung di hadapan atau berdekatan mereka, tanpa segan silu mereka buat-buat tidak reti. Kiranya terdapat warga emas yang terhuyung-hayang berjalan dan terhegeh-hegeh berpaut di palang pemegang untuk mencari tempat duduk, mereka sengaja buat tak pandang. Malah, ada yang sanggup memejamkan mata walaupun tidak mengantuk atau tidak lena sambil menyumbatkan alat pendengaran di celah lubang telinga mereka...

(*Kereta Api Terbalik Langgar Kerbau di Rembau*, 2015:79)

Contoh 3

... “Terima kasih kerana memberikan perhatian terhadap kesihatan Papa,” kata Papa Lee dengan nada sebak. Dia kemudian menangis tersedu-sedu tanpa malu dilihat oleh pesakit lain di kiri kanannya. “Papa kena banyak bersabar terhadap ujian Allah ini,” nasihat Isyraf Eilmy. “Allah memberikan ujian kepada makhluk-Nya untuk melihat sejauh mana makhluk-Nya mengingati-Nya.” Papa Lee menghentikan tangisannya. Nurlaily Lee menggosok-gosok belakang papanya...

(Sarjana Bangsa, 2015:193)

Lumrahnya, kasih sayang sesama manusia bertaut rapat apabila seseorang itu mempunyai pertalian darah dan hubungan kekeluargaan. Dalam konteks universal, perasaan kasih dan sayang sebenarnya tidak pernah ada batas dan sempadan. Malah, Islam sendiri menggariskan bahawa setiap manusia itu adalah bersaudara dan agama lain juga menganjurkan umatnya supaya hidup saling hormat-menghormati antara satu sama lain. Perasaan kasih sayang ini bolehlah diumpamakan seperti peribahasa Melayu, iaitu “cubit paha kanan, peha kiri pun terasa”. Maknanya, kita semua ialah satu keluarga yang perlu bersama-sama melalui masa senang dan sukar. Hal ini dapat diperhatikan dalam Contoh 1 yang memaparkan peristiwa bagaimana penduduk kampung bersatu hati membantu ahlinya yang kehilangan anak di dalam hutan. Mereka sanggup meredah hutan belantara semata-mata untuk memastikan bahawa Flo dapat dijumpai dan dipertemukan semula dengan keluarganya. Bantuan yang diberikan itu pasti disebabkan ahli masyarakat mempunyai perasaan kasih sayang yang menebal terhadap Flo dan keluarganya.

Dalam Contoh 2 pula, persoalan kasih sayang dalam kalangan generasi muda turut dibincangkan. Paparan peristiwa menunjukkan sikap remaja hari ini yang lebih mementingkan diri sendiri dan tidak kisah dengan perkara yang berlaku di persekitaran mereka. Mereka ini semakin hilang sifat prihatin dan simpati terhadap orang lain, terutamanya terhadap golongan tua. Manakala, Contoh 3 pula memaparkan ikatan kasih sayang seorang anak terhadap bapanya. Hal ini secara langsung menunjukkan kepentingan institusi kekeluargaan dalam usaha melahirkan masyarakat dunia yang penyayang, khususnya bangsa ASEAN. Keluarga merupakan institusi yang penting dalam masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana keluarga merupakan wahana kebahagiaan dalam kehidupan seseorang. Bertitik tolak daripada keluargalah akan melahirkan sinar kasih sayang antara ahlinya sekali gus akan mewujudkan masyarakat yang saling menyayangi antara satu sama lain.

2. Norma

Norma ialah satu peraturan, ukuran atau kriteria baik yang diterima masyarakat. Setiap masyarakat mempunyai norma budaya yang menjadi pegangan hidup mereka. Sesiapa yang tidak patuh akan dianggap terkeluar daripada masyarakat tersebut. Dalam norma

terkandung dua perkara penting, iaitu perintah dan larangan. Perintah merupakan kewajiban bagi seseorang itu untuk melakukannya dan kesan yang ditimbulkan adalah baik, manakala larangan merupakan kewajiban bagi seseorang itu untuk tidak melakukan sesuatu kerana kesannya dipandang tidak baik. Aspek norma ini dapat diperhatikan melalui contoh peristiwa di bawah:

Contoh 1

...Kucui selaku ketua kelas ambil bahagian dengan suara yang menggelegar, “Melawan guru sama hukumnya dengan melawan ibu bapa, derhaka! Seksa dunia yang segera kau terima adalah penyakit hernia!”...

(*Laskar Pelangi*, 2007: 299)

Contoh 2

... “ Bangun!” herdiknya, “Wak Haji sudah datang, sebentar lagi azan, disiramnya kau nanti!” Dan, akuk terbangkit mendadak, meracau tidak keruan antara tidur dan terjaga, teragak-gagak. Kurasakan dunia berputar-putar. Pandanganku gelap. Aku merangkak berlindung di balik tiang agar Wak Haji yang sedang membuka jendela-jendela masjid tidak perasan. Tidur di ruang utama masjid adalah dilarang. Kami seharusnya tidur di belakang, di ruangan beduk dan usungan jenazah.”

(*Laskar Pelangi*, 2007:240)

Contoh 3

Aku mengenakan baju kurung lama tetapi masih bagus. Maklumlah hendak meraikan tetamu yang datang ke rumahku walaupun tidak rasmi mengadakan rumah terbuka, keterampilanku harus kemas dan ceria.

(*Kereta Api Terbalik Langgar Kerbau di Rembau*, 2015: 52)

Contoh 4

...Dia memegang tangan Nurlaily lalu berkata lagi, “Kalau Nurlaily tak keberatan, menetap sahaja ke rumah kami mulai pagi ini.” Nurlaily kemalu-maluan. Mukanya kelihatan sedikit kemerahan. Dia menundukkan muka. “Saya hargai keikhlasan Cikgu dan Ustazah,” balas Papa Lee. “Tapi setelah saya berbincang-bincang panjang dengan Mama Fong, berat juga kami hendak menumpangkan Nurlaily di rumah Cikgu. Maklum sahajalah, ikatan Nurlaily sebagai tunang itu bukanlah lesen untuk tinggal di mana-mana...”

(*Sarjana Bangsa*, 2015: 69)

Norma memberikan garis panduan kepada ahli masyarakat tentang sesuatu perbuatan yang telah dipersetujui dan larangan terhadap perlakuan yang dianggap kurang elok. Terdapat empat jenis norma yang diadakan dalam masyarakat, iaitu agama, kesusilaan, kesopanan dan hukum (Anwar Din, 2008). Berdasarkan keempat-empat contoh di atas, jelas menunjukkan bahawa setiap anggota masyarakat hendaklah menjaga tutur kata dan tingkah laku supaya tidak melanggar peraturan yang ditetapkan oleh masyarakatnya. Berdasarkan Contoh 1 dan Contoh 3, perbuatan melawan guru atau tidak melayan tetamu dengan baik dianggap sebagai perbuatan yang tidak beradab dan disanggah oleh norma masyarakat yang mementingkan kesopanan dan kesusilaan. Hal ini bermakna, masyarakat meletakkan tempat seorang guru dan tetamu itu di tempat yang mulia selari dengan syariat agama Islam. Selain itu, larangan yang melanggar norma agama seperti yang ditunjukkan dalam Contoh 2 bahawa umat dilarang untuk tidur di ruang utama masjid kerana ruang utama merupakan tempat jemaah lain untuk bersembahyang. Perilaku tersebut menunjukkan kurang rasa hormat terhadap rumah ibadat. Di samping itu, cara bertingkah laku sesama manusia, terutamanya antara lelaki dengan wanita juga perlulah mematuhi norma agama. Hal ini diterangkan dalam Contoh 4 yang menjelaskan bahawa ikatan pertunangan tidak boleh dianggap sebagai tiket untuk tinggal di rumah bakal mertua selagi masih belum bernikah.

3. Kepercayaan

Tidak boleh dinafikan bahawa setiap bangsa mempunyai kepercayaan yang tersendiri terhadap sesuatu perkara yang berlaku dalam kehidupan mereka. Kepercayaan ini mungkin berasaskan agama atau unsur mistik yang diwarisi daripada nenek moyang mereka. Dalam konteks kajian, sebahagian besar daripada masyarakat ketiga-tiga negara merupakan penganut agama Islam, iaitu berpegang kepada Al-Quran dan Hadis. Namun begitu, persoalan adat dan budaya masih melingkari kehidupan mereka. Aspek kepercayaan ini dapat diperhatikan melalui peristiwa di bawah:

Contoh 1

...“Tiga anak jin tersinggung kerana kau kencing sembarangan di kerajaan mereka dekat sumur sekolah.”
“Merekalah yang membuatmu demam panas”...

(*Laskar Pelangi*, 2007:260)

Contoh 2

... “Tahukah kalian...” katanya sambil memandang jauh. “Pelangi sebenarnya adalah sebuah lorong waktu!” Kami terdiam, suasana jadi bisu, terlena dengan khayalan Mahar. “Jika kita berjaya melintasi pelangi, maka kita akan bertemu dengan orang asli Belitong zaman dahulu dan nenek moyang orang asli Sawang...”

(*Laskar Pelangi*, 2007:135)

Contoh 3

...Mengapa batuk? Aku mencari jawapan sendiri kerana sudah terlalu letih melayan batuk. Lantas aku selalu berdoa, berdoa dan berdoa. Mohon jawapan daripada

Ilahi. Akhirnya aku diberi jawapan yang betul dan tepat sekali. Aku batuk kerana sesuatu sebab yang mustahil. Biarlah aku sahaja yang tahu...

(Kereta Api Terbalik Langgar Kerbau di Rembau, 2015:91)

Contoh 4

... “Jangan papa berfikir yang bukan-bukan. Tak baik,” tegur Mama Mei Fong. “Ya. Jangan berfikir yang bukan-bukan,” sokong cikgu Hasan. “Sebagai seorang Muslim, setiap sesuatu yang ditakdirkan dalam kehidupan kita adalah yang terbaik. Allah Maha Adil dalam menentukan setiap kehidupan makhluk-Nya”...

(Sarjana Bangsa, 2015: 70)

Contoh 5

... “Jangan difikirkan sangat hal itu. Jodoh, pertemuan, rezeki, hidup, mati itu ketentuan Allah. Rancanglah sebaik-baiknya. Jika Allah kata tidak, maka tidak akan jadi juga. Jika Allah kata jadilah, maka jadilah”...

(Sarjana Bangsa, 2015:138)

Ajaran Islam menuntut umatnya supaya mempercayai konsep qadac dan qadar, iaitu setiap yang berlaku itu telah ditentukan oleh Allah. Hal ini bermakna, sebarang perkara yang berlaku hendaklah diterima dengan reda atas kepercayaan setiap yang berlaku itu pasti ada hikmahnya seperti yang dipaparkan dalam Contoh 3 dan 4. Walau bagaimanapun, peristiwa dalam Contoh 1 dan Contoh 2 pula menunjukkan ada dalam kalangan masyarakat Melayu yang dibelenggu oleh kepercayaan terhadap unsur mistik. Dalam Contoh 1, digambarkan bahawa golongan ini percaya bahawa setiap manusia itu perlu berdamai dengan alam. Persengketaan terhadap alam akan membawa kesan mudarat sehingga menggugat kesejahteraan hidup. Contoh 2 pula masih menunjukkan sikap golongan yang mempercayai unsur yang dianggap dongeng apabila mempercayai bahawa pelangi boleh menemukan mereka semula dengan generasi pada masa dahulu. Hakikatnya, kepercayaan ini bertentangan dengan ajaran agama yang menetapkan bahawa setiap yang berlaku itu adalah dengan izin Allah. Namun, inilah realiti pemikiran sebahagian daripada masyarakat dunia yang mendahulukan adat dan budaya berbanding dengan ajaran agama.

Bagi Contoh 5 pula, umat Islam mempercayai kalimah *Kun Fa Ya Kun* bahawa segala yang berlaku adalah di bawah kuasa Allah S.W.T. Hal tersebut telah diturunkan dalam surah Al-Baqarah [2]: 117 yang berbunyi sebagaimana terjemahan, iaitu: “Allah Pencipta langit dan bumi, dan bila Dia berkehendak (untuk menciptakan) sesuatu, maka (cukuplah) Dia hanya mengatakan kepadanya: “Jadilah!” Lalu jadilah ia.” Begitu juga perjalanan hidup seseorang yang kadang kala mengalami pasang surutnya. Hal ini diperihalkan bahawa sehebat manapun manusia merancang, hanya Allah yang menentukannya.

4. Pandangan Dunia

Pandangan dunia dikaitkan dengan cara sesebuah masyarakat menanggapi dunia, kehidupan dan persoalan serta menentukan hala tuju hidup mereka. Pandangan yang pelbagai tentang corak kehidupan secara tidak langsung mewujudkan pandangan dunia yang berbeza. Oleh itu, setiap masyarakat harus peka terhadap penerimaan dan penolakan budaya sesuatu masyarakat supaya prasangka dan kekaburan makna dapat dielakkan.

Contoh 1

Beliau meyakinkan kami hidup boleh bahagia dalam keterbatasan jika dimaknakan dengan keikhlasan berkorban untuk sesama manusia. Lalu beliau menyampaikan sebuah prinsip yang diam-diam menyelinap masuk ke dalam dadaku serta memberi arah bagiku hingga dewasa, iaitu hiduplah untuk memberi sebanyak-banyaknya, bukan untuk menerima sebanyak-banyaknya.

(Laskar Pelangi, 2007:21)

Contoh 2

... “Barangsiapa yang kami tunjuk sebagai amir dan telah kami tetapkan gajinya untuk itu, maka apa pun yang dia terima selain gajinya adalah penipuan!” Beliau menyambung dengan lantang, “Kata-kata itu mengajarkan erti penting memegang amanah sebagai pemimpin dan Al-Quran mengingatkan kepemimpinan seseorang akan dipertanggungjawabkan nanti di akhirat...”

(Laskar Pelangi, 2007:57)

Contoh 3

Kebetulan hari ini cuti umum. Oleh sebab itulah masjid universiti lengang saf jemaahnya. Mereka meraikan cuti Hari Pekerja untuk pekerja-pekerja yang bersungguh-sungguh bekerja dan berusaha untuk memakmurkan negara. Apalah yang hendak dibanggakan pada kemajuan sesebuah negara jika nasib pekerja tidak dibela?

(Sarjana Bangsa, 2015:7)

Contoh 4

... “Al-Qa’qa yang dihantar oleh Abu Bakar RA itu pemikir besar yang mampu merencanakan pergolakan dalam kalangan musuh. Yang dihantarnya ialah orang yang sangat berkualiti dan mampu memberikan sumbangan fikiran yang bernas, khidmat dan doa. Seorang yang berkualiti dan berkaliber besar seperti al-Qa’qa bin Umar at-Tamimi itu lebih bererti daripada

hingar-bingar dan riuh rendah. Namun, semua itu ialah catatan sejarah yang cuma mampu ditatap sebagai sejarah. Dunia Islam pascapenjajahan memerlukan kualiti baharu yang mampu mendepani zaman ini”...

(*Sarjana Bangsa*, 2015:230)

Contoh 5

Lagipun, apalah gunanya kalendar tergantung di dinding, jika apa yang kita hendak buat selalu dilupakan atau terlupa, tidak menepati waktu dan terlepas hari?” Aku berkata sembari tersenyum mengenangkan peristiwa beberapa hari lalu di kampung halaman...

(*Kereta Api Terbalik Langgar Kerbau di Rembau*, 2015: 17-18)

Setiap bangsa di dunia ini berkongsi persamaan dan perbezaan serta memiliki pandangan hidup yang tersendiri. Dalam konteks kajian, pengarang bagi ketiga-tiga buah negara telah memaparkan persoalan kebahagiaan, kebajikan dan ketepatan masa. Pada dasarnya, persoalan yang dibincangkan itu sememangnya diberikan perhatian oleh negara ASEAN seperti Malaysia, Indonesia dan Singapura. Dengan kata lain, ketiga-tiga buah negara ini mempunyai kefahaman yang sama, iaitu aspek kebahagiaan, kebajikan dan ketepatan masa perlu diutamakan dalam kehidupan bermasyarakat, terutamanya dalam pandangan berkaitan agama Islam. Walau bagaimanapun, pandangan tersebut mungkin berbeza dengan pandangan negara Barat yang mementingkan matlamat peribadi sehingga ada yang sanggup mengorbankan kebahagiaan, kebajikan dan maruah orang lain. Dalam Contoh 4, pengarang cuba menonjolkan bahawa anjakan paradigma yang baharu yang perlu dimiliki oleh seseorang pemimpin perlu berupaya mendepani zaman ini yang begitu pesat pembangunannya.

5. Simbol

Unsur sama ada dalam bentuk konkrit (tersurat) ataupun abstrak (tersirat) yang menyirati makna mendalam bagi sesebuah masyarakat. Antara simbol yang penting ialah bahasa, tataadab, institusi keluarga, sosial, tingkah laku, warisan, kesusasteraan, mitos dan legenda. Secara asasnya, bahasa merupakan antara simbol yang paling penting sama ada dalam bentuk bunyi, tulisan, lukisan, tanda atau isyarat. Terdapat beberapa simbol yang dapat dianalisis berdasarkan ketiga-tiga novel seperti contoh berikut:

Contoh 1

... “Sekolah kami tidak dijaga kerana tidak ada benda berharga yang layak dicuri. Satu-satunya benda yang menandakan bangunan itu sekolah adalah sebatang tiang bendera yang dibuat daripada buluh kuning dan sebuah papan tulis hijau yang tergantung miring berhampiran loceng. Loceng kami adalah besi bulat berlubang-lubang iaitu bekas tungku”...

(*Laskar Pelangi*, 2007:15)

Contoh 2

... “Kawasan warisan Belanda ini menjunjung tinggi kesan menjaga jarak, dan kesan ini diperkuat oleh jajaran pohon-pohon saga tua yang menjatuhkan butir-butir buah semerah darah di atas bumbung kereta-kereta mahal yang penuh sesak ke luar garaj. Di sana rumah-rumah mewah besar bergaya Victoria memiliki jendela-jendela kaca yang lebar dan tinggi dengan tirai yang berlapis-lapis laksana layar pawagam. Rumah-rumah itu ditempatkan pada kedudukan yang agak tinggi sehingga kelihatan seperti istana-istana kaum bangsawan dengan halaman terpelihara rapi dan danau-danau buatan”...

(*Laskar Pelangi*, 2007:35)

Contoh 3

Angka yang tertera di meter tambang berjumlah RM15.80. Sebaik sahaja pemandu teksi itu turun dari lantai platform, aku menghulurkan dua keping not berwarna merah bergambar wajah Yang di-Pertuan Agong Malaysia yang pertama di permukaan depan...

(*Kereta Api Terbalik Langgar Kerbau di Rembau*, 2015: 190)

Contoh 4

... Papa Lee Kam Seng yang berketayap putih dan berbaju panas longgar sudah bersalam-salaman dengan Pak Hasan. Mak Normah yang baru keluar dari kereta *Honda Accord* segera dirapati oleh Mama Mei Fong. Mereka bersalam-salaman dan kemudian beredar ke ruang tamu. Papa Lee Kam Seng duduk di sofa tunggal...

(*Sarjana Bangsa*, 2015:64)

Simbol konkrit boleh dilihat pada bangunan, sekolah, ukiran, dan sebagainya. Dalam Contoh 1, tiang bendera yang dibuat daripada buluh kuning dan sebuah papan tulis hijau menjadi simbol bangunan Sekolah Rendah Muhammadiyah. Melalui simbol ini, orang ramai dapat mengenal pasti kedudukan sekolah tersebut dengan mudah. Selain itu, simbol tersebut juga menggambarkan keadaan sekolah tersebut yang dianggap sudah usang dan jelas mampu mengungkapkan gambaran penulis sampai kepada pembaca. Berlainan pula dengan Contoh 2 yang melambangkan simbol kemewahan di sekitar perumahan golongan bangsawan yang digambarkan dalam novel tersebut. Di samping itu, terdapat juga simbol manusia yang dikaitkan dengan kuasa dan status tertinggi. Misalnya dalam Contoh 3, gambar Yang di-Pertuan Agong pada wang kertas menjadi lambang bahawa baginda merupakan ketua pemimpin negara Malaysia yang mengamalkan sistem raja berperlembagaan. Manakala simbol perkenalan, sikap menghormati dan mengalu-alukan pihak lain ditunjukkan melalui tingkah laku bersalam-salaman seperti yang dipaparkan dalam Contoh 4.

6. Hasil

Setiap bangsa mempunyai hasil budaya (benda dan budaya bukan benda) daripada peninggalan warisan dan ciptaan masa kontemporari yang melambangkan jati diri sesebuah masyarakat. Budaya benda termasuk seni bina, kraftangan, arca dan senjata. Manakala, budaya bukan benda termasuk bahasa, tataadab, seni persembahan, teater dan muzik. Perbincangan tentang aspek hasil adalah seperti contoh di bawah:

Contoh 1

...Azan Maghrib menggema dipantulkan tiang-tiang tinggi rumah kampung orang Melayu, sahut-menyahut dari masjid ke masjid. Sang lorong waktu perlahan hilang ditelan malam. Kami diajar supaya tidak bercakap jika azan berkumandang. “Diam dan hayatilah panggilan menuju kemenangan itu,” pesan ibu bapa kami...

(*Laskar Pelangi*, 2007:136)

Contoh 2

... “Lagu yang dinyanyikan Hajah Wan Kalsom, itu terhenti. Spontan, hajah Wan Kalsom yang bertugas sebagai pegawai pelancong di syarikat yang aku kenal pemiliknya, menyanyikan lagu *Cok-Cok Kendung* dan lagu *Tiga Kupang* pula. Dituruti oleh yang lain dengan bersyair, berpuisi, bernyanyikan lagu kanak-kanak, malar segar dari 40-an hingga ke 70-an”...

(*Kereta Api Terbalik Langgar Kerbau di Rembau*, 2015:230)

Contoh 3

... “Majlis akan diserikan dengan alunan qasidah oleh pelajar Sekolah Menengah Agama Al-Falah. Beberapa adat istiadat Melayu akan diselitkan sepanjang majlis diadakan. Antaranya termasuklah adat memberikan hadiah berupa bunga telur dan wangian kepada tetamu yang hadir”...

(Sarjana Bangsa, 2015:242)

Contoh 4

... “Universiti ini dibangunkan untuk mendidik anak bangsa dalam segala bidang berteraskan ajaran Islam. Doktor Saudi berkata-kata begitu ketika taklimat kemasukan pelajar lapan tahun yang lalu. Jika universiti ini diwujudkan untuk melahirkan tenaga kerja semata-mata tanpa ada rasa ingin membangunkan negaramengikut acuan agama dan budaya bangsa, maka negara ini saling tidak tumpah dengan jiwa negara Barat yang sudah beransur runtuh tamadunnya. Atas semangat yang dilontarkan itulah, kampus ini suci daripada penganjuran budaya hedonisme. Tidak ada pemikiran liberal yang menyerang tunjang akidah umat Islam dan lebih manis, setiap atur cara berprotokol majlis di universiti itu tidak segan silu segan dimulakan dengan mengucapkan pujian kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW, pesuruh yang mulia.

(Sarjana Bangsa, 2015:8-9)

Contoh 1 memaparkan cara orang Islam bertingkah laku ketika mendengar azan berkumandang, iaitu hendaklah mendingamkan diri dan menghayati lafaz azan tersebut. Hal ini secara tidak langsung berkait rapat dengan adab dan didikan ibu bapa terhadap anak-anak sejak kecil lagi. Hasilnya, didikan tersebut sebatu dalam diri mereka dan mengamalkannya sehingga menjadi sebahagian daripada cara hidup. Selain itu, seni persembahan juga merupakan sebahagian daripada hasil warisan turun temurun bangsa ASEAN. Dalam Contoh 2, lagu tradisional menjadi siulan dan kebanggaan masyarakat selain hasil seni kreatif seperti syair dan puisi. Tidak dapat dinafikan bahawa setiap masyarakat ASEAN sebenarnya berkongsi lagu tradisional seperti lagu Cok-cok Kendung dan Lagu Tiga Kupang, terutamanya bagi ketiga-tiga negara seperti Malaysia, Singapura dan Indonesia yang majoriti masyarakatnya merupakan bangsa Melayu. Lagu-lagu ini mencerminkan kebudayaan daripada penciptaan seni kreatif masyarakat Melayu tradisional satu masa dahulu dan didengarkan sejak berzaman lagi. Seterusnya, adat perkahwinan juga masih diamalkan oleh masyarakat ASEAN dari dulu sehingga kini. Antara adat tersebut ialah memberikan bunga telur dan wangian kepada para tetamu sebagai tanda terima kasih

kerana sudi menghadirkan diri ke majlis mereka yang dipaparkan dalam Contoh 3. Contoh 4 pula menggambarkan hasil daripada didikan berunsurkan agama Islam yang diterapkan dalam pemikiran mahasiswa di universiti tersebut membolehkan para mahasiswa tidak mudah terpengaruh dengan anasir luar yang mudah meroboh jati diri mereka sebagai umat Islam. Hasil didikan tersebut juga membentuk keperibadian mahasiswa yang sentiasa mengamalkan ajaran agama setiap masa.

KESIMPULAN

Tuntasnya, ketiga-tiga novel yang dikaji menampilkan tema, idea dan latar masa yang berbeza, namun keenam-enam aspek kebudayaan yang dikaji menyerlah dalam kesemua jalan cerita tersebut. Hal ini sebenarnya dapat dikaitkan dengan latar persekitaran masyarakat ASEAN yang mempunyai persamaan tentang adat, budaya, pemikiran, cara hidup, aspirasi, dan sebagainya. Ikatan persamaan ini hendaklah dihormati dan dipertahankan kerana merupakan lambang kesatuan idea dan pemikiran. Semoga masyarakat ASEAN terus bersatu menyimpul kerjasama, semangat dan kekuatan dalam usaha menangani segala cabaran pada masa hadapan.

BIBLIOGRAFI

- Anwar Din. (2008). *Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Andrea Hirata. (2007). *Laskar Pelangi*. Yogyakarta: PTS Litera Utama Sdn. Bhd.
- Hasanuddin Md. Isa. (2015). *Sarjana Bangsa*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Buku Malaysia
- Koenjaraningat. (1987). *Sejarah Teori Antropologi I*. Jakarta: Universitas Jakarta
- Marpaung, Parlindungan (2000). *Analisis Perubahan Nilai Sosial Budaya Dan Pengaruhnya Terhadap Pembangunan Wilayah Di Kecamatan Pangururan Kabupaten Tapanuli Utara*. Disertasi Pasca Sarjana yang Belum Diterbitkan. Medan: Universitas Sumatera Utara
- Nadya Yolanda, Erizal Gani, Hamidin. (2013). Nilai-nilai Budaya Minangkabau dalam Novel Cinta di Kota Serambi Karya Irzen Hawer. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, Vol. 1 No. 2, Maret 2013; Seri C 164-240.
- Norazlina Mohd. Kiram. (2014). *Nilai Budaya dalam Novel Baromkeh: Matamu di Mataku*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (akan diterbitkan)
- Oky Desiana. (2014). *Analisis Nilai Budaya dalam Novel Rantau Satu Muara*. Disertasi Sarjana yang Belum Diterbitkan. Tanjung Pinang: Universitas Maritim Raja Ali Haji.
- Rohani Din. (2015). *Kereta Api Terbalik Langgar Kerbau di Rembau*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Buku Malaysia.
- Saat Sulaiman. (2007). *Remaja Positif*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Sharifah Alwiah Al-Sagoff. (1987). *Sosiologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Heinemann.
- Titin Nurdayati. (2011). Pendekatan Kasih Sayang: Solusi Pengembangan Karakter Terpuji dan Akhlak dalam Diri Anak Didik. *Jurnal Falasifa*. Vol. 2 No. 2 September 2011
- Wan Hashim Wan Teh & Ismail Hamid (1998). *Nilai Budaya Masyarakat Desa Kajian Etnografi di Wang Kelian Perlis (Jilid 1)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



Analisis Pemetaan Semantik Unsur Flora dan Fauna dalam Pantun Melayu : Satu Tinjauan Awal

Muhamad Fadzllah Hj Zaini

Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Pembentukan pantun bukan melihat kepada bunga atau cantiknya bahasa, namun pemikiran dalam penciptaan pantun itu yang menjelaskan semantik Melayu. Kebijaksanaan dalam menterjemahkan nilai serta pesanan yang disampaikan dalam pantun ialah cerminan akal budi Melayu. Setiap kata yang disusun dan dizahirkan bukan sewenang-wenang penggunaan akan tetapi membawa keramat pemulaan komunikasi masyarakat Melayu. Kajian ini dijalankan mencari kesejagatan semantik dan akal budi Melayu dalam pembentukan pantun Melayu. Analisis diteliti dengan melihat unsur yang paling hampir dengan masyarakat, iaitu flora dan fauna. Seterusnya, konseptual semantik nilai kasih sayang menjadi teras kepada paparan makna, sama ada positif atau negatif. Tiga objektif yang menjadi teras kepada unsur flora dan fauna, akal budi Melayu dan pemetaan (*mapping*) semantik. Ketelitian kajian ini menggunakan Teori Metafora RUM yang memetakan domain sumber dan sasaran serta membantu dalam mengkonsepsikan metafora. Metafora konsepsi bukan sekadar menjadi diksi semata-mata, namun teori tersebut sebagai kesatuan makna yang dikonsep secara jelas dengan bantuan pemetaan domain. Kajian ini menggunakan data teks daripada Buku Kurik Kundi Merah Saga (2009) merupakan himpunan pantun bertema. Pendekatan kepustakaan menjadi landasan utama sebagai sumber rujukan kajian. Setelah analisis dibuat dapatan mempamerkan kesejagatan makna kasih sayang yang dikonsepsikan dengan pelbagai penyampaian bergantung kepada akal budi Melayu. Akal budi Melayu yang jelas terakam dalam pantun ini menyangkal kewujudan keindahan bahasa, namun lebih bersifat infomasi seterusnya situasi masyarakat Melayu dahulu. Tuntasnya, masyarakat Melayu bukan bijak dalam mereka keindahan bahasa, namun bijak menyisipkan akal budi dalam pantun yang memiliki ketajaman semantik.

Kata Kunci : metafora konsepsi, metafora RUM, pemetaan, pantun Melayu, kasih sayang.

Semantics Mapping Analysis on The Element of Flora and Fauna in Malay Pantun: A Review

ABSTRACT

The creation of pantun not only look at the beauty of the language, but the thoughts in the creation of pantun is the main idea in describing

INFO MAKALAH

Pewasitan Makalah:

Dihantar: -

Diterima: -

E-mel:

amatfaz@gmail.com (Muhamad Fadzllah Hj Zaini)

the Malay semantics. Wisdom in order to translate the values and expressed in the poem is a reflection of the Malay mind. Every word that is prepared and consolidated non-arbitrary use but bring the miracle institution of the Malay community communication. This study was conducted to find the universality of semantics and Malay mind in the creation of pantun. The analysis examined the elements closest to the community, the flora and fauna. Next, conceptual semantics of love is core to the meaning, whether positive or negative. Three objectives central to the elements of the flora and fauna, mind Malay and semantics mapping. Accuracy of this study is using The Great Chain of Being Metaphor that maps the source and target domains and help in conceptualizing metaphor. Conceptual metaphor is not just a mere diction, but the theory is conceptualized as a unitary meaning clearly with the help of domain mapping. The study used data from a text book Kurik Kundi Merah Saga (2009) which is a collection of themed pantun. Literature method became the main base as a source of reference of the study. After the analysis is made, findings demonstrate the universality of the meaning of love conceived with a variety of delivery depends on the ingenuity of Malay mind. Malay mind is clearly understanding recorded in this verse to deny the existence of the beauty of the language, but more information on the situation of the old community. Finally, the community is not wise in the creation of the beauty of their language, but they insert intelligent minds in the pantun to sharpness the semantics.

Keywords: conceptual metaphor; mapping, Malays Pantun, Love

PENGENALAN

Pantun dan masyarakat mempunyai hubungan yang begitu akrab. Masyarakat Melayu mengatakan bahawa pantun ialah pernyataan orang Melayu. Pantun Melayu menyerlahkan pemikiran, emosi, pengalaman, harapan dan sentimen manusia Melayu, sama ada melalui satu kuplet, satu rangkap, mahupun keseluruhan pengisian pantun berkenaan, misalnya dalam himpunan, koleksi atau antologi (Harun, 2001: i).

Menurut Francois-Rene Daillie (1988: 6, dlm Harun, 2001) “*This brief poem is an epitome of life and a universe in a grain of sand*”. Secara ringkasnya, puisi atau pantun ini melambangkan kehidupan dan meliputi seisi alam. Sebagai contoh, dalam kehidupan masyarakat Melayu terdapat, tanah, kebun, sawah, sungai, lautan atau hutan, pokok, buah-buahan, haiwan, burung, ikan, pekerjaan harian, adat, tradisi, cinta antara manusia dan juga nilai kecintaan terhadap tuhan.

Sesungguhnya gambaran dan pernyataan yang diserlahkan melalui sesebuah pantun itu amat banyak dan pelbagai. Secara keseluruhan, dapat dikatakan pantun ialah Melayu dari segi manusia dan hidupnya. Ini menepati pendapat para sarjana terdahulu yang mengatakan bahawa tidak lengkap pengetahuan seseorang pengkaji tamadun Melayu jika tidak meneliti dan memahami pantunnya (Winstedt, 1969:202-203; Daillie, 1988:2-3; dlm Harun, 2001:ii).

Pengkajian pantun Melayu dilakukan oleh para sarjana dari dahulu hingga kini, dari pelbagai aspek, misalnya teori tentang asal usulnya, aspek estetika dan etika serta analisis tentang pemikiran, fungsi dan penyebarannya. Suatu aspek yang cukup mengagumkan, terutama kepada para pengkaji Barat, ialah tentang proses penciptaan pantun; bagaimana pantun dicipta dengan begitu indah, secara spontan oleh anggota masyarakat yang umumnya tidak terpelajar, malah sebagai masyarakat *illiterate* atau tidak mengenal aksara (Harun, 2001:v).

Aspek yang menarik di sini bukan sahaja bentuk dan keindahan pantun tersebut. Namun, ciri dalamannya seperti pengertian, pemikiran dan falsafah yang terkandung dalam serangkap pantun. Hal ini membentuk pantun, baik yang serdahana, pendek dan spontan, mahupun yang lebih panjang, dan lebih kompleks sebagai satu karya ciptaan yang serius (Harun, 2001:v).

Sebagai bentuk puisi yang halus dan signifikan, yang bertujuan untuk menambat dan memujuk khalayak, mengesani jiwanya, pantun amat mementingkan keindahan. Dalam teori keindahan bagi orang Melayu ialah sifat indahnya, mempunyai kesan yang kuat ke atas struktur jiwa, menjadikannya terpesona, berahi, dan mudah tertawan (melembut dan mengalah) (Braginsky,1993 dlm Siti Hajar Che Man, 2013:79). Ilmu dan pengetahuan yang luas merupakan pelengkap kepada penciptaan pantun Melayu. Menurut Siti Hajar (2013:79), pembayang maksud membawa masuk bukan sahaja pengetahuan tentang unsur dan fenomena alam, namun terdapat unsur geografi, sejarah dan budaya. Perkembangan penciptaan pantun Melayu ini merupakan penyampaian cerita yang berlapis dan menjaga air muka.

Kajian ini meneliti unsur flora dan fauna. Pantun Melayu tidak lari daripada unsur flora dan fauna yang sentiasa menjadi bahan rujukan penting. Masyarakat Melayu dahulu mencipta pantun berdasarkan pemerhatian dan situasi yang terdapat di sekeliling mereka. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015: 408 & 413), fauna bermaksud seluruh binatang yang hidup di sesuatu daerah tertentu. Manakala flora bermaksud keseluruhan tumbuh-tumbuhan yang terdapat di sesuatu daerah atau pada sesuatu masa. Secara konseptualnya, unsur flora dan fauna ini saling melengkapi dan bergantung. Kajian ini meliputi pandangan dalaman berkenaan bidang semantik dan akal budi Melayu yang memperlihatkan penggunaan flora dan fauna dalam pantun Melayu. Dalam penelitian unsur flora dan fauna kajian juga melihat semaian nilai kasih sayang yang dibawa bersama menelusuri pantun Melayu. Hal ini kerana landasan jiwa masyarakat yang banyak mencerminkan kekuatan kasih sayang dalam pantun Melayu.

PERMASALAHAN KAJIAN

Pantun seperti yang diceritakan dalam pengenalan merupakan puisi tradisional, iaitu karya sastera. Terdapat permasalahan yang wujud berdasarkan teks sastera ini. Sikap masyarakat Melayu yang tidak meminati puisi tradisional kian menyerlah. Hal ini dibuktikan oleh Nor Hashimah (2014), yang mengatakan bahawa puisi tradisional seperti pantun yang diajarkan di sekolah semakin kurang menawan hati remaja Malaysia. Siti Hajar (2013) pula mengatakan bahawa keraguan terhadap kehadiran pantun pada era teknologi kini dan keyakinan yang wujud sejak 800 tahun yang dahulunya tidak lestari sifatnya. Walhal pantun menunjukkan kebijaksanaan, keadilan dan kreativiti orang Melayu pada zaman dahulu. Nilai ini merujuk kepada pantun Melayu itu, masyarakat perlu diberitahu dan didedahkan tentang nilai yang ada dalam pantun ini. Hal ini kerana, masyarakat kurang pengetahuan berkenaan dengan pantun Melayu.

Permasalahan dalam kajian makna berdasarkan pantun Melayu. Terdapat pelbagai kajian semantik yang menggunakan pantun Melayu, namun tidak difokuskan kepada

kaitan makna dengan hubungan alam. Walaupun masyarakat tahu akan kewujudan unsur alam dalam pantun Melayu tetapi hanya dipandang sebagai gambaran pembayang sebagai keindahan pantun Melayu. Nurul Aminah Basharuddin & Hasnah Mohamad (2014), telah menjalankan kajian berkenaan dengan pantun dari perspektif semiotik, iaitu kajian perlambangan makna yang menggunakan teori pensemiotikan puisi Riffaterre. Di samping itu, Hashim Hj Musa, Normahdiah Sheik Said, Rozita Che Rodi, & Siti Sarah Ab Karim (2012) pula, mengkaji hati budi Melayu menggunakan data pantun, dan menubuhkan 26 teras hati budi Melayu. Selain itu, Hj Mohd Rashid (2012) telah mengkaji nilai kebijaksanaan Melayu dalam pantun menggunakan teori falsafah bahasa. Kajian pantun banyak menggunakan teori perlambangan, falsafah dan konsep nilai melahirkan makna pantun Melayu. Namun, kajian hubungan masyarakat dengan alam kurang diperlihatkan. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2014:11), terdapat banyak unsur tersirat yang menjadi teras kepada pemikiran masyarakat Melayu. Oleh hal demikian, kajian hubungan melalui semantik kognitif sangat diperlukan kerana ini mencerminkan masyarakat bukan setakat nilai Melayu tetapi hubungan yang terdapat dalam pantun ini kurang dijelaskan.

Di samping itu, terdapat juga permasalahan yang timbul dari sudut nilai, iaitu tentang hubungan antara alam dengan manusia. Nurul Aminah dan Hasnah (2014) mengatakan bahawa masyarakat Melayu mempunyai hubungan yang rapat dengan alam sekitar. Hal ini kerana, kajian yang telah dibuat hanya memberikan pernyataan, dan tiada pengukuran dibuat berdasarkan pemetaan semantik. Oleh yang demikian, kajian ini dibuat untuk melihat hubungan yang ada antara alam dengan manusia melalui pemetaan semantik, yang pada masa yang sama akan memperlihatkan kognitif Melayu yang terkandung dalam pantun yang dikaji.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah seperti yang berikut:

- (1) Mengenal pasti unsur flora dan fauna dalam pantun Melayu
- (2) Mengenal pasti akal budi Melayu bagi pemilihan flora dan fauna dalam pantun Melayu
- (3) Menganalisis unsur flora dan fauna dalam pantun Melayu berdasarkan pemetaan semantik

KAJIAN LITERATUR

Terdapat beberapa kajian yang dirujuk untuk menjalankan kajian ini, iaitu Mohd Rashid Md Idris (2012), Nurul Aminah Basharuddin dan Hasnah Mohamad (2014), Siti Hajar Che Man (2013), Tran Thuy Anh (2013) dan Nor Hashimah Jalaluddin (2014) secara khusus menunjukkan akal budi Melayu yang terdapat dalam pantun Melayu. Akal budi ini yang membentuk pemikiran yang mencipta kepelbagaian pantun berdasarkan alam sekeliling masyarakat Melayu. Namun, pengkaji terdahulu tidak menunjukkan hubungan antara masyarakat Melayu dengan alam. Mereka tidak mengaitkannya dengan akal bumi Melayu. Bagaimanakah hubungan itu wujud? Mengapa ada kewujudan tetapi kurang pembuktian? Dalam kajian akal budi Melayu segala berkenaan pemikiran, sifat, nilai dan cara hidup masyarakat Melayu dahulu boleh dirungkai. Kesenambungan akal budi Melayu ini akan

berhubung daripada satu generasi kepada generasi seterusnya. Setiap kali bahan atau data kajian dikupas, pelbagai jawapan dapat dilihat. Pantun Melayu bukan sahaja menyampaikan maksud yang ada sahaja, tetapi merupakan penceritaan, kod akal budi Melayu dan rahsia sesuatu perkara secara langsung serta tidak langsung. Perkara ini penting dan perlu dipandang serius, bukan sekadar hubungan alam tetapi pengalihan pelbagai teladan dan situasi dahulu dipendekkan berbentuk pantun.

Daripada unsur flora dan fauna pula, pengkaji Nurul Aminah Basharuddin dan Hasnah Mohamad (2014) tidak menunjukkan hubungan antara unsur flora dengan fauna dalam pantun Melayu. Sebaliknya, melihat unsur pelambangan flora dan fauna, iaitu semiotik. Kejelasan unsur flora dan fauna yang dibawa menunjukkan bahawa masyarakat Melayu hidup bersama unsur alam. Sifat dan nilai unsur alam ini mempengaruhi cara hidup mereka. Namun, apabila melihat hubungan, masyarakat perlu sedar bahawa unsur alam seperti flora dan fauna ini tidak dapat dipisahkan dengan manusia. Pengukuran dibuat untuk menyedarkan kita semua bahawa manusia dan unsur alam ini saling melengkapi antara satu sama lain. Hal ini perlu ditekankan supaya kesedaran yang maksimum akan wujud untuk manusia dalam menjaga alam sekitar. Jika dahulu masyarakat amat menghormati unsur alam dengan pelbagai pantang larang diolah untuk menjaga hubungan alam dan manusia. Sekarang, perkara ini telah berubah hanya masyarakat Melayu yang mendiami kampung yang mengekalkan perkara demikian. Kajian ini juga akan menunjukkan interpretasi serta penggunaan sebenar unsur flora dan fauna yang akan dianalisis.

Manakala bagi pemetaan sematik pula, pengkaji terdahulu, iaitu Imran Ho-Abdullah (2011) dan Hishamudin Isam dan Nor Diyana Saupi (2012), hanya melihat pemetaan Metafora Rantainya Utama Mahkluk dan metonimi speksifik melambangkan yang generik dalam semantik dikaji menerusi peribahasa Melayu dan lirik lagu Dikir Barat. Metafora RUM berasaskan satu pandangan budaya rakyat (*flok culture*) tentang hieraki mahkluk dalam dunia hakiki. Teori ini diguna pakai semula dalam kajian ini tetapi penambahbaikan dibuat untuk melihat kesejagatan semantik melalui teori ini. Metafora konsepsi juga digunakan untuk melihat nilai makna yang terdapat dalam pantun selari dengan nilai manusia. Penggunaan Metafora RUM ini akan membantu dalam melihat hubungan manusia dengan alam serta perkaitan hubungan yang lain berpandukan hieraki mahkluk. Kedua, kajian ini juga melihat penggunaan Metonimi SPESIFIK MEWAKILI YANG GENERIK, yang melihat proses interpretasi semantik yang digunakan berdasarkan peribahasa dan lagu dikir serta digunakan pakai seperti perkaitan hubungan melalui RUM. Kajian menggunakan data pantun ini sama dengan peribahasa dan lagu dikir tetapi berlainan interpretasi yang melihat kepada akal budi Melayu.

Di samping itu, Rozaimah Rashidin (2015), membuat kajian terhadap metafora konsepsi berbantuan Teori Hibrid (Model Proses Tiga Serangkai) yang menjelaskan metafora konsepsi emosi. Bagi kajian ini, pengkaji membuat metafora konsepsi berbantuan metafora RUM yang terdapat mandala sumber dan sasaran. Setelah pemetaan dibuat, perkiraan analisis disimpulkan dengan kewujudan metafora konsepsi yang terbentuk dalam pantun itu. Kesemua bidang yang terangkum dalam semantik kognitif berdasarkan pengalaman lampau dan kognitif yang dizahirkan, yang membezakan ialah akal budi Melayu dalam sesebuah pantun.

METODOLOGI

Pendekatan kajian yang digunakan ialah pendekatan kualitatif. Pelbagai rujukan digunakan untuk membantu proses interpretasi dan pemaknaan pantun Melayu. Penggunaan Data Teks, iaitu Pantun Melayu yang diambil berdasarkan pantun lisan yang telah dibukukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (2009), iaitu *Kurik Kundi Merah Saga*. Pantun dipilih berdasarkan tema kasih sayang serta terdapat unsur flora dan fauna yang ada dalam pantun tersebut. Rasionalnya tema dipilih kerana masyarakat banyak menzahirkan nilai kasih sayang melalui pantun Melayu dalam berkomunikasi dan mempamerkan hubungan, sama ada positif atau negatif. Kaedah kepustakaan digunakan untuk menjelaskan segala berkenaan dengan pantun dari aspek interpretasi, pemilihan dan akal budi dalam menentukan nilai sesebuah pantun Melayu. Menurut Mohd Faizal Mahmud (2009), kaedah kepustakaan dilakukan untuk mendapat maklumat melalui bahan literatur seperti buku ilmiah, jurnal, artikel seminar dan laporan. Kaedah ini penting, kerana melalui kaedah ini, para penyelidik mendapat gambaran yang jelas tentang prinsip, konsep, kaedah, pengolahan dan penganalisan data yang bersesuaian dengan kajian ini.

Menurut Hassan Ahmad (2003:20), dalam mengkaji metafora menerusi pantun, penelitian terhadap pembayang dan pemaksud diambil kira. Hal ini disebabkan gambaran pemaksud membantu pembayang merungkai kod yang ada dalam pantun Melayu. Di samping itu, apabila kita mengkaji akal budi Melayu, pemikiran, tingkah laku serta makna yang disampaikan diambil kira. Dalam pantun Melayu, pengalaman pemantun ini datang daripada dua sumber, iaitu pertama, dari luar diri pemantun, iaitu dari alam kenyataan (alam empirikal) dan kedua dari dalam diri pemantun, iaitu dari persepsinya (ini termasuk perasaannya) tentang pengalaman luarannya itu (Hassan Ahmad, 2003:24). Pendekatan ini digarapkan lagi dengan adanya Metafora RUM, Metonimi SPESIFIK MEWAKILI YANG GENERIK dan pembentukan Metafora Konsepsi sebagai tunjang kepada kajian ini.

Tatacara pengumpulan data ialah langkah yang perlu diambil untuk menganalisis kajian ini. Dalam langkah pengumpulan data pantun Melayu, pemilihan dibuat berdasarkan konteks (situasi), dan hubungan (penggunaan). Konteks (situasi), iaitu pemilihan pantun tersebut berdasarkan alam semula jadi dan selari dengan kelakuan atau tindakan pencipta pantun. Pembayang dan maksud harus difahami oleh pembaca atau pendengar. Perkara ini memberikan kesan terhadap langkah seterusnya. Pantun mempunyai perkaitan yang semula jadi antara pembayang dengan maksud, iaitu jalan cerita yang bertautan. Berikut merupakan salah satu pantun yang dipilih:

*Kalau ayam berkokok pagi,
Itu tanda hari nak siang,
Sudah jumpa jantung hati,
Bulan terang disangka siang. (1181:149)*

Pertautan dalam pantun Melayu di atas ialah “Kalau ayam berkokok pagi, itu tanda hari nak siang”. Baris tersebut membicarakan adat ayam (fauna), iaitu berkokok apabila waktu pagi. Jadi, pantun dipilih berdasarkan hubungan yang ditunjukkan unsur fauna kepada manusia dan diterapkan nilai unsur tersebut.

Langkah seterusnya mengenal pasti unsur flora dan fauna. Untuk mengenal pasti flora dan fauna, pemahaman terhadap unsur tersebut perlu. Unsur flora dan fauna yang terdapat dalam pantun perlu diketahui nama, spesies, dan segala informasi berkenaan dengan unsur tersebut. **Ayam** merupakan unsur fauna yang mempunyai ciri tersendiri dan secara semula jadi sifatnya memang berkokok pada waktu pagi.

Konsep akal budi Melayu dalam penciptaan pantun merupakan salah satu perkara yang perlu diterokai dan dinilai dengan lebih mendalam. Berdasarkan pantun Melayu yang dianalisis, penilaian akal budi Melayu dibuat berdasarkan penciptaan pantun tersebut dan nilai kebijaksanaan dalam menuturkan sesuatu. Mengapa pantun ini dicipta berdasarkan unsur flora dan fauna? Apakah yang cuba disampaikan dalam ungkapan pantun? Dan Apakah kaitan antara ungkapan dengan unsur alam yang digunakan dalam menyampaikan pantun? Persoalan ini menjadi satu tanda tanya bagi pengkaji kerana pantun ini merupakan salah satu kod perbicaraan untuk menyampaikan ujaran dan menjaga air muka pihak yang diajak bertutur.

Langkah menginterpretasikan pantun Melayu, didasarkan kepada pembayang yang telah dikenal pasti peranan unsur flora atau fauna. Maksud pantun juga membantu untuk membentuk interpretasi yang tepat. Hassan Ahmad (2003) mengatakan, bahawa maksud ialah gambaran terhadap penceritaan pembayang. Keselarian pernyataan yang diungkapkan dalam pantun boleh diinterpretasikan maksud implikatur serangkap pantun Melayu.

Menerusi langkah analisis pemetaan semantik pula, pantun Melayu dipetakan mengikut teori yang digunakan, iaitu Metafora RUM, Metonimi dan Metafora konsepsi. Pemetaan domain dibuat untuk melihat hubungan dan metaforikal yang terdapat dalam pantun Melayu. Gambaran terhadap penyampian makna sebenar pantun dapat dipecahkan melalui langkah sedemikian. Pemetaan ini juga memberikan satu dapatan yang pelbagai. Oleh itu, perkara ini membentuk skema metaforikal berikut:

Sumber	→	Sasaran
ayam	→	masa
sudah berjumpa	→	pertemuan
jantung hati	→	kekasih
bulan terang disangka siang	→	dilamun cinta

Skema Metaforikal Pantun Kasih Sayang

Berpandukan skema metaforikal di atas, “ayam” dipetakan sebagai masa. Manakala, “sudah berjumpa” dipetakan sebagai pertemuan. Seterusnya, “jantung hati” dipetakan sebagai kekasih. “Bulan terang disangka siang” dipetakan sebagai dilamun cinta. Sudah menjadi cerita cinta, apabila bercinta akan rasa perasaan yang teramat rindu, sayang dan perasaan positif yang dizahirkan supaya mengukuhkan ikatan. Metonimi jantung hati diinterpretasikan sebagai kekasih atau teman wanita dan teman lelaki yang dirujuk sebagai SPEKSIFIK ITU GENERIK.

Implikatur kasih sayang dipetakan dengan melihat penelitian analisis yang dibuat. Pemetaan yang dibentuk itu akan memerikan metafora konsepsi **KASIH SAYANG ADALAH KEGILAAN (ANGAU)**

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini membincangkan unsur flora dan fauna yang terdapat dalam pantun Melayu melalui pendekatan Metaforan Rantaian Utama Mahkluk (RUM), dari sudut pandang terhadap masyarakat Melayu yang terkenal dengan kepelbagaian unsur flora dan fauna yang. Menurut Nurul Aminah & Hasnah (2014), masyarakat Melayu menggunakan unsur alam yang dekat dengan kehidupan mereka. Sebagai contoh, tempat kediaman (alatan kelengkapan bersumberkan flora) dan sumber makanan utama juga bergantung kepada flora dan fauna. Oleh hal demikian, akal budi Melayu mempunyai hubungan yang erat dengan alam sekeliling (flora dan fauna).

Penggunaan unsur flora dan fauna yang terdapat dalam pantun Melayu ini memberikan gambaran tema kasih sayang. Interpretasi pantun ini memerlukan ekstensi penggunaan metafora Rantaian Utama Mahkluk. Berdasarkan analisis yang dibuat, penciptaan pantun Melayu mempunyai penceritaan yang tersendiri tentang pemilihan unsur flora dan fauna dalam pantun tersebut. Akal budi dalam pembentukan pantun ini menzahirkan semantik yang disemai melalui nilai kasih sayang sebagai landasan utama. Komunikasi nilai kasih sayang ini menjadi teras kepada perspektif positif atau negatif yang dibentuk dalam imej pantun Melayu. Berikut merupakan analisis dan dapatan kajian:

Data 1 (2077: 261)


*Rumah bertiang dinding papan,
Tanam selasih di tengah laman,
Biar hilang segala harapan,
Namun kasih hamba turutkan.*

Menerusi Data 1, unsur flora yang diketengahkan ialah “papan” dan “selasih”. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015:1138) papan bermaksud kepingan kayu yang nipis atau lebar. Penggunaan papan penting dalam seni bina rumah Melayu. Menurut Ima Idris (1991), kayu ialah bahan yang mempunyai kaitan yang amat rapat dengan pembinaan rumah tradisional Melayu. Hal ini kerana, kayu merupakan bahan binaan yang paling utama yang digunakan sejak dahulu lagi. Selasih merujuk kepada sejenis pokok ulaman yang boleh ditanam menggunakan biji benihnya. Nama spesifiknya ialah *Ocimum Basilicum Ferina Citratum* dikelompokkan dalam *Labiatae (Lamiaceae)*. Selasih memberikan banyak kebaikan untuk kesihatan manusia. Sebagai contoh, selasih dapat merawat radang mata, kencing bernanah, sakit perut, najis berlendir, batuk, cirit-birit, sakit sendi, tulang lemah, demam, kekurangan air mani, peluh busuk dan kesukaran membuang air kecil (Siti Fauziah, 2013:503). Tumbuhan ini merupakan tumbuhan asli di Malaysia (Siti Fauziah, 2013:33). Tumbuhan ubatan ini ditanam, sama ada untuk tujuan landskap atau perkebunan (Siti Fauziah, 2013:34). Akal budi Melayu dalam memilih unsur flora seperti kayu dan selasih mencerminkan persekitaran (situasi) masyarakat yang memerlukan kedua-dua perkara tersebut. Kewujudan selasih dan kayu memberikan cerminan masyarakat mementingkan

pelindungan, sama ada secara dalaman (kesihatan diri) atau luaran (keselamatan).

Oleh hal yang demikian, interprestasi daripada unsur flora yang digunakan melihat kepada kepentingan “papan” yang berperanan sebagai dinding. Dalam masyarakat Melayu, dinding penting untuk menghalang daripada orang melihat isi rumah atau mengehadkan pembahagian rumah. Untuk menjaga sesuatu perkara yang penting ia perlu dilindungi. Papan ini ibarat harapan yang menjaga rumah yang tegak berdiri dengan adanya tiang yang menjadi asas dalam memperkukuh nilai tersebut. Manakala, penggunaan unsur flora selasih menjadi aspek penting kerana selasih yang menjadi penawar kepada penyakit. Oleh yang demikian, menjadikan perkara utama sebagai keperluan. Penilaian kehidupan manusia menjelaskan kewujudan keperluan dan kehendak. Dua perkara ini berlainan dan mempunyai ciri tersendiri. Keperluan ialah perkara yang perlu ada dan kehendak pula ialah perkara yang tidak perlu (jika ada). Kehebatan masyarakat Melayu dalam mengujarkan idea dalam pembentukan pantun ini membantu kajian semantik dalam mendalami akal budi Melayu yang menekankan aspek situasi seiring dengan kemahiran berfikir.

Berikut merupakan Skema Metaforikal Pantun Kasih Sayang menerusi Data 1:



Rajah 1: Skema Metaforikal Pantun Kasih Sayang (Data 2)

Metafora konsepsi kasih sayang yang ditunjukkan dalam pantun Melayu (Data 1) ialah **KASIH SAYANG MELENGKAPI**. Konseptual melengkapi berlandaskan struktur skema metaforikal yang menyasarkan sumber kepada semantik penyampaian makna terhadap ketiga-tiga domain sumber. Kejelasan metafora konsepsi melengkapi ini merujuk kepada faktor keperluan selasih dan kayu sebagai pelindungan yang melengkapi diri masyarakat yang memikirkan kepentingan kesihatan dan keselamatan dalam pada masa yang sama. Kebijakan ini bukan terletak kepada bahasa atau bunga kata tetapi susunan pengisian yang jitu membawa semantik kepada teras utama pantun, iaitu melengkapi. Data 1 juga, menunjukkan bahawa Metafora Rantaian Utama Mahkluk menerusi unsur flora mengambil peranan utama dalam mewujudkan hubungan antara manusia dengan flora. Setelah dianalisis, hubungan flora dengan manusia dilihat rapat kerana perubahan tatatingkat RUM, iaitu flora berada di bawah manusia. Data ini tidak melibatkan unsur fauna kerana tiada kewujudan unsur fauna dalam pantun tersebut.

Data 2 (2023:254)

*Putik pauh tangkainya mangga,
Disambar buaya sambil berenang,
Sudah jauh dipandang mata,
Hati mana dapat tak senang.*

Berdasarkan Data 2, unsur flora yang terlibat ialah “putik pauh” dan “tangkainya mangga”. Manakala unsur fauna pula ialah “buaya”. Secara umumnya, buah pauh merupakan spesies mangga. Masyarakat Melayu menganggap buah pauh sama seperti buah mangga. Namun, tangkai dan keserupaan dengan pokok mangga mempunyai persamaan. Dalam masyarakat Melayu dahulu, menamam pokok buah pauh ini selalunya di tepi sungai atau tepian kuala. Secara signifikan, apabila buah ini gugur di tepi kuala sungai, maka tidak boleh diambil kerana jarak di antara tebing dengan permukaan air sungai selalunya jauh dan dalam.

Seterusnya, unsur fauna, iaitu buaya. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015:210), buaya ialah sejenis reptilia besar berkulit tebal, berbadan panjang dan hidup di air. Kebanyakan buaya hidup di sungai, terutamanya di Malaysia. Buaya ini mempunyai ciri yang ganas dan berdarah panas. Dalam konteks masyarakat Melayu, haiwan spesies ini sentiasa menjadi bualan dan menjadi ancaman kepada penduduk yang menetap di tepian kuala, tanjung yang berhampiran dengan sungai.

Dalam analisis ini, unsur flora yang dinyatakan membawa nilai positif, iaitu “putik pauh tangkainya mangga” yang memberikan penilaian terhadap hubungan yang rapat walaupun berlainan jenis. Kalau diperhatikan tangkai mangga sama seperti tangkai buah pauh. Walaupun dipandang sama, namun ia berlainan. Manakala, unsur fauna, iaitu buaya bersifat negatif “disambar buaya sambil berenang”, menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015:1378), disambar merupakan perbuatan menangkap (merempas, menyamun, menyerang dll). Dalam konteks ini, kesan emosi digunakan kerana masyarakat Melayu akan berasa ketakutan apabila berserempak dengan buaya dan perasaan hati tidak akan tenteram.

Berikut merupakan skema metaforikal pantun **kasih sayang** ;

SUMBER	→	SASARAN
putik pauh tangkainya mangga	→	hubungan
disambar	→	gangguan hubungan
buaya	→	emosi ketakutan/terganggu

Rajah 2: Skema Metaforikal Pantun Kasih Sayang (Data 2)

Dalam Data 2, perasaan kasih sayang yang terdapat dalam pantun Melayu (Data 2) dipetakan daripada unsur flora dan fauna kepada sifat tersebut. “Putik pauh tangkainya mangga” dipetakan kepada hubungan antara manusia seperti orang sedang bercinta. Manakala, disambar dipetakan sebagai gangguan terhadap hubungan yang terjalin seperti orang ketiga atau halangan yang dihadapi semasa bercinta. Akhir sekali, buaya dipetakan sebagai emosi ketakutan atau mengganggu perasaan yang ada seperti perasaan was-was. Jelas, kasih sayang yang digambarkan dalam pantun Melayu daripada Data 2 ini menunjukkan walaupun sedang bercinta dan mempunyai hubungan yang rapat, namun perasaan masih terganggu. Metafora konsepsi yang boleh disimpulkan ialah **KASIH SAYANG IALAH KEGUSARAN**. Nilai kasih sayang yang diketengahkan dalam pantun ini membawa satu situasi negatif kerana setiap hubungan mempunyai cabaran dan dugaan yang memberikan tekanan terhadap pasangan, sama ada keluarga, suami isteri, kekasih

ataupun sahabat. Interpretasi unsur flora dan fauna ini mempunyai hubungan yang rapat kerana berdasarkan Metafora Rantaian Utama Mahkluk, manusia berada di atas haiwan, manakala tumbuhan berada di bawah haiwan. Sifat yang ditonjolkan dalam pantun ini menunjukkan gambaran sifat atasan, iaitu manusia.

Seterusnya analisis Data 3;

Data 3 (1959:246)

*Pucuk pauh delima batu,
Ikan Sembilang di tapak tangan,
Tuan jauh negeri satu,
Hilang di mata di hati jangan.*

Apabila analisis dibuat terhadap penggunaan flora yang ada dalam data 3 ini, terdapat pelbagai versi pantun ini. Hal ini kerana, proses pengalihan tulisan daripada tulisan jawi kepada tulisan rumi telah menyebabkan bunyi yang berbeza. Seperti anak sembilang perkataan sebenar ialah air sembilan. Jadi, analisis fauna gugur dalam data 3 yang digantikan dengan elemen air. Bagi analisis pertama dalam data 3 bagi baris *Pucuk Pauh Delima Batu*, pucuk pauh dan delima batu merupakan bahan yang digunakan orang zaman dahulu, untuk memandikan jenazah untuk menghilangkan bau hanyir. Manakala, analisis kedua dalam data bagi baris pucuk pauh delima batu ialah cincin yang dipakai oleh wanita yang telah berkahwin (isteri). Dalam pantun Melayu data (3) ikan sembilang digugurkan kerana tidak selari dengan penyampaian makna (pantun ini disalahertikan kerana terdapat kesalahan, iaitu penyalinan semula daripada tulisan jawi kepada tulisan rumi dalam perkataan asal ialah air sembilan digunakan). Penggunaan elemen air dalam data 3 ini menunjukkan bahawa air sembilan yang digunakan dalam memandikan jenazah. Perkataan mandian “air sembilan” untuk melepaskan yang wajib bagi mayat, ada tersebut dalam kitab “Baghiyatutollab” oleh Sheik Daud bin Abdullah Al Fatani dari Petani, Thailand yang ditulis kira-kira pada pertengahan abad yang ke-18. Perkataan “air sembilan” ini tidak asing lagi bagi pemandi mayat yang mengikut kitab ini, bahkan telah menjadi “Mandian Al-Fatani” ini sebagai mandian mayat yang lazim bagi masyarakat Melayu Nusantara yang berlandaskan hukum Syarak (Mohd Ismail Mohd Hashim, 2014).

Jadi, interpretasi yang dibuat berdasarkan data yang dianalisis, pucuk pauh dan delima batu ini merupakan bahan yang digunakan dalam menghilangkan bau hanyir jenazah atau makna yang ingin disampaikan ialah peranan isteri yang menunjukkan ketaatkan dan kasih sayang buat suami hingga ke akhir hayat. Dalam Islam, Jika jenazah itu lelaki, hendaklah orang lelaki yang memandikannya. Tidak boleh jenazah lelaki dimandikan oleh orang perempuan kecuali isteri dan mahram (Said Ibrahim, 2012: 15-16). Kemudian air sembilan merujuk kepada 9 kali air digunakan dalam memandikan jenazah. Unsur flora dan elemen air ini melambangkan kematian. Dalam menganalisis unsur yang terdapat dalam data pantun ini, pemaksud yang berada di bawah juga membantu dalam melengkapkan jalan cerita pantun ini.

Berikut merupakan Skema Metaforikal Pantun Kasih Sayang Data 3;

SUMBER

putik pauh delima batu
air sembilan
negeri satu
hilang di mata di hati jangan

SASARAN

penawar/isteri
kematian manusia
akhirat
pengekalan

Rajah 3: Skema Metaforikal Pantun Kasih Sayang (Data 3)

Pemetaan yang dibuat menunjukkan kepentingan nilai kasih sayang dalam diri seseorang. Pemetaan metafora konsepsi ialah **KASIH SAYANG ADALAH KEKAL ABADI**. Berdasarkan pemetaan dibuat, putik pauh delima batu menunjukkan bahan yang dapat menghilangkan sesuatu perkara buruk supaya berbau wangi, ditambah pula dengan air sembilan yang digunakan untuk membersihkan jenazah. Negeri yang satu membantu dalam melengkapkan nilai kasih sayang ini, iaitu akhirat yang menjadi tempat yang bakal dituju oleh semua manusia. Hilang di mata di hati jangan menunjukkan pengekalan nilai kasih sayang itu. Walaupun pasangan manusia itu mati tetapi kasih sayang sentiasa berkekalan. Menerusi Metafora RUM, jelas menunjukkan bahawa rantaian antara flora>manusia>Tuhan amat rapat. Ini juga menunjukkan kepentingan flora untuk meningkatkan tatatingkat dalam Rantaian Utama Mahhluk. Flora berada dekat dengan manusia seterusnya mempunyai kaitan dengan malaikat dan Tuhan.

Analisis Data 4;


Data 4 (621:79)

Burung merbuk burung merpati,
Terbang berpusing hal **bendang**,
Wajah elok menawan hati,
Siang malam hamba terkenang,

Unsur fauna yang terdapat dalam Data 4, ialah burung merbuk dan burung merpati. Burung merbuk yang dikenali sebagai *Zebra Dove*, manakala burung merpati dikenali sebagai *Columbidae*. Burung merbuk ialah burung merpati yang tirus dengan ekor yang panjang. Burung jenis ini makan biji-biji rumput, bijian, dan tumbuhan yang lain. Ia burung daratan dan mencari makanannya di padang rumput dan ladang. Unsur flora yang terdapat dalam data 4 ialah bendang. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015: 160) bendang ialah sawah sama dengan tanah (tanah sawah). Sawah merupakan tempat tanam padi.

Interprestasi unsur fauna dibuat berdasarkan ciri burung merbuk yang merupakan golongan burung merpati. Menurut Kevin P. Johnson et. al (2001), burung ini tidak begitu suka berkelompok dan biasanya hidup bersendirian atau dalam pasangan. Burung ini jinak dan jika ada bunyi yang mengejutkan boleh menyebabkan burung ini terbang.

Berikut merupakan Skema Metaforikal Pantun Kasih Sayang Data 4;



Rajah 4: Skema Metaforikal Pantun Kasih Sayang (Data 4)

Pemetaan dibuat berdasarkan penggabungan unsur flora dan fauna yang terdapat dalam data 4. Pemetaan Metafora Konsepsi ialah **KASIH SAYANG IALAH KERINDUAN**. Burung merbuk dan burung merpati disamakan dengan pasangan kekasih, iaitu hidup berteman. Terbang dipetakan sebagai perasaan yang tidak terhingga kerana menimbulkan rasa di awangan. Berpusing pula dipetakan melihat kepada masa (kerana masa sentiasa bergerak). Manakala bendang merupakan tempat bermain dan tempat makan bagi burung dan sentiasa menjadi kunjungan burung ini. Hal ini boleh dikuatkan lagi dengan adanya peribahasa "*tempat jatuh lagi dikenang, ini pula tempat bermain*" sekali gus menunjukkan sifat kerinduan dalam pada masa yang sama. Metafora Rantaian Utama Mahhluk yang terdapat dalam data 4 ini menunjukkan hubungan yang berkaitan antara flora-fauna-manusia. Penggabungan ini memperlihatkan susunan RUM terbukti menyatakan tatatingkat yang seragam dalam membezakan peranan tetapi ia berkaitan dengan sifat manusia.

IMPLIKASI

Konsep pemetaan semantik terhadap pantun Melayu menggambarkan mekanisme kognitif yang membolehkan manusia mencipta pantun atau membentuk pantun itu dengan melibatkan unsur flora dan fauna dari sudut linguistik kognitif. Khususnya, peranan metafora Rantaian Mahhluk Utama (RUM) dalam semantik pantun Melayu berkaitan dengan unsur flora dan fauna. Oleh yang demikian, kajian ini penting dilakukan untuk memperlihatkan semantik yang pelbagai dalam Pantun Melayu.

Adalah diharapkan dengan mengenal pasti dan menganalisis kajian berkenaan dengan pemetaan metafora unsur flora dan fauna dalam pantun Melayu dapat menonjolkan kemahiran akal budi Melayu dalam mencipta pantun Melayu. Kajian ini memberikan beberapa implikasi:

1. Kajian ini menyumbang kepada bidang ilmu, terutama linguistik dan budaya. Kajian yang telah dibuat akan memperkembang bidang yang dikaji berdasarkan data, iaitu pantun Melayu. Penggunaan Metafora (RUM) dan Metafora Konsepsi telah memperkembang kajian tentang data pantun Melayu. Kajian ini telah menemukan beberapa dapatan baharu, khususnya hubungan unsur flora dan fauna dengan kehidupan masyarakat Melayu. Hubungan yang ditunjukkan ialah manusia-flora, manusia-fauna, dan manusia-flora-Tuhan.
2. Inovasi dalam kajian pantun juga berlaku apabila analisis dibuat, iaitu pantun

dicipta berdasarkan unsur flora dan fauna yang mempunyai sebab dan akibat. Di samping itu, pantun boleh dizahir mengikut persekitaran masyarakat dan tidak perlu melihat metafora dahulu, tetapi gaya penyampaian pantun masih kekal seperti dahulu. Akal budi Melayulah yang mencorak pembentukan pantun Melayu. Oleh hal demikian, generasi sekarang boleh mengaplikasikan kosa kata yang sentiasa digunakan dalam membentuk metafora bagi pantun Melayu. Metafora yang digunakan dalam pantun Melayu perlu mempunyai nilai yang tersendiri dan memberikan kesan kepada penyampaian maksud sesebuah pantun.

3. Penambahan makna kasih sayang dalam pantun mengikut konsepsi yang telah dianalisis. Kajian makna ini telah menghasilkan pelbagai makna kasih sayang yang rinci, yang ditunjukkan secara berlainan mengikut penceritaan pembayang dan pemaksud. Maka, masyarakat menyedari bahawa terdapat pelbagai makna kasih sayang yang ingin disampaikan dalam pantun Melayu.
4. Strategi pembayang dan pemaksud ialah penceritaan yang lengkap. Setelah dianalisis kepentingan pembayang penting dalam menentukan maksud sebenar pantun Melayu. Kajian ini telah membuktikan bahawa pembayang dan pemaksud saling berkait dan memberikan gambaran yang nyata untuk memperkuat bukti linguistik. Unsur flora dan fauna yang digunakan mempunyai nilai yang tersendiri dan nilai tersebut disasarkan kepada makna yang ingin dicari dan difahami. Strategi ini merungkakan makna pantun perlu melihat kepada pembayang dan permaksud. Hasilnya, masyarakat Melayu akan menggeneralisasikan pengetahuan mereka mengikut apa yang lazim dipraktikkan daripada pengalaman terdahulu.

Oleh hal demikian, kajian seterusnya boleh mengaplikasikan Teori Metafora RUM dan Metafora Konsepsi bagi unsur yang lain. Dengan itu, dapatlah dilihat dan dikenal pasti kesejagatan semantik dan Akal Budi bagi kelestarian pantun Melayu.

KESIMPULAN

Analisis yang telah dibuat menunjukkan bahawa sifat kasih sayang yang ditonjolkan dalam pantun Melayu ini membawa metafora konsepsi yang pelbagai berpandukan unsur flora dan fauna. Dalam mencipta pantun, masyarakat Melayu dahulu mementingkan unsur flora, fauna, tanah, angin, air dan pelbagai lagi. Hal ini kerana, masyarakat Melayu hidup berdasarkan pengalaman serta situasi yang dilalui oleh mereka dan ikhtibar alam yang mengajar mereka erti kehidupan. Kepentingan setiap unsur ini sebenarnya mencerminkan keperibadian sifat manusia. Perkaitan sifat manusia dengan unsur alam ditunjukkan melalui Metafora RUM dan diikuti dengan pembuktian unsur alam dan sifat manusia. Melalui nilai kasih sayang yang diperjelas dalam pantun tersebut, pelbagai konsepsi dibuat berpandukan akal budi yang disatukan sebagai maklumat dalam pantun Melayu. Kepentingan kajian ini bukan sahaja menyedarkan masyarakat tentang kehebatan akal budi Melayu, namun melatih masyarakat untuk mempunyai satu pemikiran yang mempunyai tujuan apabila berkomunikasi. Setiap pesanan yang diujarkan bukan baris kata kosong tetapi mempunyai penekanan yang jitu dalam berkomunikasi. Walaupun pantun ringkas dan kata terhad, kesepaduan semantik serta akal budi seiring dengan maklumat yang disampaikan. Masyarakat Melayu bukan mencipta kata yang indah tetapi membentuk pemikiran yang berinformatif. Kepentingan dalam pengisian ujaran mendahului penyampaian pantun

Melayu.

Oleh hal yang demikian, unsur flora dan fauna yang sentiasa menjadi penceritaan utama dalam pantun kerana unsur ini yang paling dekat berada dalam situasi masyarakat Melayu. Manakala nilai kasih sayang merupakan satu talian perhubungan yang paling jelas dalam menceritakan perihal masyarakat Melayu, sama ada membawa kesan positif ataupun negatif. Tuntasnya, semantik dan akal budi Melayu banyak digarapkan dalam pembentukan pantun Melayu. Cerminan masyarakat yang menunjukkan situasi melalui teladan dalam penyampaian pantun ialah salah satu komunikasi yang diguna pakai sehingga hari ini.

BIBLIOGRAFI

- Braginsky, 1993 dlm Siti Hajar Che Man.2013. Kelestarian Pantun: Rencah dan Leluhur Bangsa Dulu, Kini dan Selamanya *dlm. International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman) 1(1),2013:75-8*
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2009. *Kurik Kundi Merah Saga : Kumpulan Pantun Lisan Melayu Edisi Kedua*.2009. KualaLumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Francois-Rene Daillie, 1988 dlm Harun Mat Piah.2001. *Pantun Melayu Bingkisan Journal of Language Studies Vol 11(1) 2011: 125-140*. (Atas Talian) Telah dimuat turun 26 Mac 2015 dari <http://ejournals.ukm.my>
- Mohd Ismail Mohd Hashim, 2014. Air Sembilan Yang Disebut Dalam Kitab Al Banjari dan Al Fatani. Dicapai pada 25 Mei, 2015, daripada <http://islamicundertaker.blogspot.com/2014/07/air-sembilan-yang-disebut-dalam-kitab.html>
- Mohd Rashid Md Idris, 2012.Nilai Kebijaksanaan Melayu Dalam Pantun *dlm. 'Ulum Islamiyyah Journal Vol.9 (pp 1-16) ,December 2012*.
- Mohd Faizal Mahmod, 2009, Mei 24. Kajian Tindakan_Mohd Faizal Mahmod (P48647): Kajian Kepustakaan. Dicapai pada 5 Mac, 2016, daripada <http://kajiantindakanmohdfaizal.blogspot.my/2009/05/kajian-kepuustakaan.html?m=1>
- Nor Hashimah Jalaluddin, 2014. *Semantik dan Akal Budi Melayu*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia
- Nurul Aminah & Hasnah, 2014.Interpretasi Pantun daripada Perspektif Semiotik *dlm. Jurnal Linguistik Vol.18(1) Jun.2014: 001-009*
- Rozaimah Rashidin, 2015. Metafora Konsepsi MARAH dalam Data Korpus Teks Tradisional Melayu dlm Jurnal Linguistik Vol. 19(1) Jun.2015 (029-047). (Atas Talian). Telah dimuat turun 24 Februari 2016 dari <http://jurnal.plm.org.my/>
- Siti Hajar Che Man, 2013. Kelestarian Pantun: Rencah dan Leluhur Bangsa Dulu,Kini dan Selamanya *dlm. International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman) 1(1),2013:75-81*
- Siti Fauziah, 2013. *Eksiklopedia Tumbuhan Ubatan Malaysia*. Batu Caves : Ar- Risalah Product Sdn. Bhd.
- Said Ibrahim, 2012. *Panduan BIODATA*

Muhamad Fadzllah bin Hj Zaini seorang pelajar Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Bahasa Melayu Komunikasi Profesional di Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Kampus Shah Alam, Selangor. Merupakan pelajar semester lima (5). Berasal dari Segamat, Johor.



Jati diri Bahasa Melayu sebagai Bahasa ASEAN

Shalizaini Uyob* dan Che Ibrahim Salleh

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM, Serdang, Selangor Malaysia

ABSTRAK

Perkembangan pesat bahasa Melayu di ASEAN ini berasaskan tiga faktor utama, iaitu faktor migrasi, perdagangan dan penyebaran agama Islam. Perkembangan bahasa Melayu juga berkait rapat dengan sejarah bahasa itu yang pernah mengalami masa kegemilangannya, dan penutur jatinya yang mampu berdaya saing dalam menangani arus globalisasi. Kesamaan beberapa aspek bahasa dan budaya juga dapat membantu memperkasakan bahasa Melayu, khususnya dari aspek politik, ekonomi dan sosiobudaya. Untuk memperkukuh, merealisasikan dan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ASEAN, pelbagai jalinan kerjasama serantau telah diperhebat, khususnya dalam perancangan taraf dan perancangan korpus. Antara yang memainkan peranan penting ke arah itu ialah Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM), Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM), Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA), Jaringan Pustaka dan Forum Kerjasama Penerbitan Serantau (FOKEPS), dan lain lagi. Jalinan kerjasama serantau ini, jika diusahakan dengan tekun dan sistematik, dapat menjatidirikan bahasa Melayu ke martabat yang tinggi.

Kata kunci : Perkembangan bahasa Melayu, sejarah bahasa Melayu, bahasa dan budaya, jati diri bahasa Melayu.

The Identity of The Malay Language as The ASEAN Language

ABSTRACT

The advancement of the Malay language in the ASEAN region is based on three main factors, namely, migration, commerce and the spread of Islam. This advancement is also related to the history of the Malay language and its heyday as well as its native speakers' ability to be competitive in addressing the trends in globalization. Similarities in language aspects and culture can also assist in the upholding of the

INFO MAKALAH

Pewasitan Makalah:

Dihantar: -

Diterima: -

E-mel:

sshaly72@gmail.com (Shalizaini binti Uyob),

cibrahim@upm.edu.my (Che Ibrahim Salleh)

* Penulis Penghubung

Malay language, in terms of politic, economy and socioculture. To strengthen, realise and elevate the status of the Malay language as the ASEAN language, various regional collaborations have been made, in particular, in status planning and corpus planning. Amongst those who play a significant role in these collaborations are Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM), Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM), Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA), Jaringan Pustaka dan Forum Kerjasama Penerbitan Serantau (FOKEPS). These regional collaborations, if done systematically, can reinforce the identity and status of the Malay language.

Keywords: Malay language development, history of Malay language, language and culture, identity of the Malay language

PENGENALAN

Bahasa merupakan alat yang terpenting untuk menghubungkan manusia dengan manusia, dan manusia dengan alam sekeliling. Begitu juga bahasa Melayu (BM) yang menjadi alat utama dalam melestarikan hubungan perdagangan dan penyebaran agama, terutamanya agama Islam. Peri pentingnya peranan bahasa dalam kehidupan bermasyarakat, dinyatakan dengan jelas dalam kitab suci Al- Quran.

Dan antara tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya dan kebijaksanaan-Nya ialah kejadian langit dan bumi, dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu. Sesungguhnya pada yang demikian itu, benar-benar terdapat tanda bagi orang yang mengetahui (Surah Ar Ruum, Ayat 22: 644)

Wahai umat manusia! Sesungguhnya kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mengenal (Surah Al Hujuraat (Ayat 13: 847)

Ayat Al-Quran ini menggambarkan peri pentingnya penggunaan bahasa yang dikurniakan oleh Allah, terutamanya dalam menyebarkan pengetahuan yang dimiliki oleh setiap manusia yang tinggal di kawasan yang berlainan, untuk disampaikan dan dikongsikan bersama dengan manusia yang lain. Oleh yang demikian, manusia yang berada di kawasan berlainan akan saling mengenali cara hidup, budaya dan adat resam agar tidak terdapat jurang perbezaan sesama manusia.

Sifat manusia dijelmakan melalui bahasa tuturannya, iaitu sifat perkongsian yang menjadi kesatuan dalam hidup bermasyarakat. Dalam konteks negara kita, hasil perkongsian ini telah menjadikan BM sebagai wahana utama dalam sistem komunikasi yang menggambarkan jati diri dan solidariti masyarakat jamak budaya. Bermula dengan komuniti kecil, masyarakat berbahasa Melayu menjadi semakin besar. Peranannya dalam pembinaan peradaban di rantau ini semakin penting, terutama dalam konteks pembinaan

jati diri bangsa. Oleh yang demikian, bahasa dan penutur ibarat dua sisi pada sekeping wang siling yang saling melengkapi.

BM merupakan satu-satunya bahasa lingua franca yang menjadi alat phubung di rantau kepulauan Melayu, iaitu yang merangkumi negara Asia Tenggara atau ASEAN. Hal ini terbukti apabila BM termasuk dalam kelompok lima bahasa yang mempunyai jumlah penutur yang banyak, iaitu selepas bahasa Inggeris, Mandarin, Hindi dan Sepanyol (Zakaria Kasa, 2014). Penutur BM bukan hanya terdiri daripada rakyat Malaysia, tetapi juga merangkumi rakyat Indonesia, Brunei Darussalam, Thailand (terutamanya di selatan Thailand), Vietnam dan Kemboja. BM juga bukan sahaja dituturkan oleh masyarakat di negara ASEAN, malahan, terentang sehingga kawasan pergunungan Taiwan, turun ke selatan hingga ke New Zealand, dan dari Madagaskar di luar pantai timur Afrika hingga ke Pulau Easter di Lautan Pasifik (Asmah Hj. Omar, 2008).

Sehubungan dengan itu, BM wajar dimartabatkan sebagai bahasa ASEAN dalam semua urusan rasmi dan tidak rasmi. Ini demikian kerana pada masa ini, BM menjadi bahasa pertuturan hampir di kebanyakan negara ASEAN. Oleh itu, BM boleh diangkat sebagai satu wadah komunikasi dan perpaduan serantau negara ASEAN. Keberadaan BM di rantau ASEAN dapat menampilkan citra ASEAN sebagai satu jati diri dengan satu bahasa. Secara tidak langsung, BM berpotensi menjadi wadah perpaduan dalam kalangan negara anggotanya di bawah satu rumpun bahasa. Ini demikian kerana bahasa bukan hanya berfungsi sebagai alat komunikasi, tetapi juga berperanan penting dalam pembentukan semangat kekitaan, perpaduan dan maruah masyarakat penuturnya, cerminan kehausan dan kesopanan budi bahasanya, dan ketinggian adat susila dan sahsiah. Susila dan sahsiah ini merupakan asas dan unsur penting dalam pembentukan sesebuah peradaban (Rozita Che Rodi dan Hashim Musa, 2014: 262).

ASAL USUL BAHASA MELAYU

Besarnya jangkauan sesebuah bahasa itu, bererti besarlah juga jumlah penuturnya. Keadaan ini terjadi hasil daripada proses perkembangan BM yang diturunkan daripada satu generasi kepada satu generasi. Sungguhpun demikian, penurunan bahasa ini tidak terhinder daripada arus perubahan sejajar dengan pertambahan bilangan penutur dan proses asimilasi dan akulturasi penutur natifnya dengan bangsa lain. Sungguhpun arus perubahan yang berlaku ke atas BM begitu hebat, namun, BM akan tetap hidup selagi penuturnya masih menggunakannya dalam pelbagai ranah kehidupan. Para sarjana bahasa menggambarkan jika penutur sesebuah bahasa itu, mati, maka bahasanya akan turut mati bersama. Ungkapan tradisi *bahasa jiwa bangsa* menyiratkan hakikat bahawa bahasa bukan alat komunikasi sahaja, tetapi cerminan jiwa penuturnya. Ungkapan *bahasa menunjukkan bangsa* juga membawa maksud bahawa bahasa ialah ekspresi jati diri bangsa.

Dalam membicarakan pemartabatan BM sebagai bahasa ASEAN, eloklah kita mengetahui terlebih dahulu rumpun BM dan disusuli dengan sejarah asal BM. Hal ini adalah penting kerana sejarah asal usul BM yang lalu menjadikan bahasa ini wajar diangkat sebagai salah satu wahana perpaduan untuk lebih mengeratkan keakraban komuniti bangsa, khususnya ASEAN. Bahasa yang menganggotai rumpun bahasa Austronesia ini terentang hampir separuh muka bumi, yang sebahagiannya ialah lautan. Kawasan bahasa Austronesia

ini bermula dari pergunungan Taiwan, turun ke selatan hingga ke New Zealand, dan dari Madagaskar di luar pantai timur Afrika hingga ke Pulau Easter di Lautan Pasifik. Dengan keanggotaan dalam bahasa Austronesia, BM bukan sahaja mempunyai kaitan dengan bahasa yang berdekatan dengannya, tetapi bahasa di Lautan Pasifik seperti bahasa Hawaii, Samoa, Fiji, dan Maori, tidak ketinggalan juga bahasa Malagasi di Madagaskar dan bahasa di kawasan pergunungan di Taiwan (Asmah Hj Omar, 2008: 2)

Menurut Mohamed Pitchay Gani (2007), rumpun bahasa Austronesia merupakan salah satu rumpun bahasa yang terbesar di Asia. Rumpun terbesar ini dinamakan sebagai keluarga Austris. Di bawah rumpun bahasa Austris, terdapat tiga rumpun bahasa yang utama, iaitu Austroasia, Austronesia, dan Cina Tibet. Pada awalnya, rumpun Austronesia dibahagikan kepada empat kumpulan, iaitu keluarga Indonesia, Melanesia, Mikronesia, dan Polinesia. Namun begitu, akibat faktor keluasan Indonesia yang jauh sedikit daripada lautan Pasifik telah menjadikan rumpun Austronesia terbahagi kepada dua kumpulan, iaitu Austronesia Barat dan Austronesia Timur dan pada suku akhir abad ke-20, rumpun Austronesia terbahagi kepada dua kelompok yang lain, iaitu kelompok keluarga Formosa dan rumpun Melayu-Polinesia. BM terletak di bawah Rumpun Melayu-Polinesia Barat (Asmah Hj Omar, 2008: 8).

BM adalah antara bahasa yang paling pesat berkembang antara bahasa yang lain di bawah Rumpun Melayu-Polinesia. Menurut Asmah Hj. Omar (2005), penyebaran kawasan penggunaan BM ini terletak di pertengahan perjalanan antara bahagian yang penting dalam dunia perdagangan dan kebudayaan. Hal ini kerana, negara ASEAN pada awal kurun Masihi merupakan kawasan 'emas', iaitu kawasan persinggahan oleh pedagang. Antaranya ialah pedagang dari Arab, India, dan negeri Barat yang lain. Kesan persinggahan pedagang inilah yang menjadikan BM semakin berkembang dan terbentuknya kerajaan awal di Tanah Melayu seperti Kerajaan Sriwijaya, Kerajaan Melayu-Jambi, Kerajaan Majapahit, Kerajaan Brunei, Kerajaan Melayu Melaka, dan Kerajaan Melayu Johor. Malahan, BM memainkan peranan yang terpenting sebagai bahasa pengantar utama kepada pedagang yang singgah di Kepulauan Melayu. Seterusnya, bahasa ini digunakan dalam segenap sudut, meliputi pentadbiran, penyebaran ilmu, agama, budaya dan adat resam Melayu. Sehingga ini, BM telah dijadikan sebagai bahasa kebangsaan di beberapa buah negara. Oleh yang demikian, amat wajar sekali bahasa Melayu dimartabatkan sebagai bahasa ASEAN.

SEJARAH BAHASA MELAYU

Menurut Abdullah Hassan (1999), terdapat dua teori yang menerangkan asal usul orang Melayu, iaitu yang pertama, orang Melayu berasal dari utara (Asia Tengah). Ini dibuktinya dengan penemuan kapak tuan (beliung batu) yang diperbuat daripada batu di sekitar hulu Sungai Salween, Sungai Yangtze, dan Sungai Hwang. Kapak yang sama juga telah ditemukan di beberapa tempat di kawasan Nusantara. Ahli prasejarah ini membuat kesimpulan bahawa kapak tuan yang ada di Nusantara telah dibawa oleh orang Asia Tengah ke kepulauan Melayu. Oleh yang demikian, orang Melayu dikatakan berasal dari Asia Tengah.

Bagi Asmah Hj. Omar (2008: 11), terdapat tiga teori tentang tanah asal BM. Pertama,

asal BM dari Palembang, Sumatera berdasarkan kisah dalam Sejarah Melayu tentang keturunan Sang Sapurba dengan Sang Nila Utama. Teori kedua pula, mengatakan bahawa tanah asal BM ialah Semenanjung Tanah Melayu, iaitu berdasarkan faktor linguistik dan faktor budaya apabila ada penutur BM yang bertumpu di sebuah kawasan yang kecil menggunakan kepelbagaian bahasanya, di samping mengamalkan budaya yang menunjukkan peradaban tinggi. Teori yang ketiga, pusat utama perkembangan BM ialah di barat daya Borneo, khususnya di Sambas, iaitu berdasarkan kewujudan kesan ciri bunyi atau fonem daripada bahasa proto.

Selain itu, menurut Ab. Razak Ab. Karim (2014: 367), BM telah wujud di Tanah Melayu seawal abad ketujuh Masihi lagi. Hal ini berdasarkan bukti yang tercatat pada empat buah batu bersurat utama yang ditemukan di Sumatera, iaitu Talang Tuwo, Kedukan Bukit, Kota Kapur, dan Karang Brahi. Seterusnya BM telah berkembang dari abad ke-7 hingga ke-14 Masihi apabila menerima pengaruh Hindu.

Dengan kedatangan Islam ke Tanah Melayu pada sekitar abad ke-12 atau ke-13, BM menerima pengaruh bahasa Arab dan bahasa Parsi. Pada masa itu, banyak kitab agama telah diterjemahkan ke BM. Secara tidak langsung, pengaruh bahasa Arab telah meresap ke dalam kosa kata BM dan seterusnya membawa kepada pengislaman beramai-ramai orang Melayu pada masa itu (Abdul Hamid Mahmood, 2014 dan Ab. Razak Ab Karim, 2014). Rentetan daripada kedatangan Islam ke Alam Melayu, BM semakin berkembang pesat seiring dengan kewujudan kerajaan Melayu dan menjadi ranah perhubungan bukan hanya kepada orang Melayu, malahan juga kepada pedagang yang singgah di Tanah Melayu. Apa yang pasti, BM menjadi bahasa yang kedua terbesar selepas bahasa Arab dari sudut penyebaran agama Islam.

Kedatangan Islam ke Tanah Melayu membawa suatu budaya baharu dalam sistem BM, iaitu sistem tulisan. Penggunaan tulisan Jawi telah menjadikan BM sebagai satu bahasa yang agung. Dengan adanya sistem tulisan, secara tidak langsung, masyarakat Melayu pada ketika itu boleh membaca dan menulis. Hal ini kerana sebelum kedatangan agama Islam ke Tanah Melayu, sistem tulisan hanya dimonopoli oleh golongan bangsawan dan golongan berada semata-mata. Namun, setelah kedatangan Islam, revolusi penyebaran ilmu pengetahuan telah terjadi dengan hebatnya ke atas semua golongan, sama ada golongan aristokrat ataupun golongan marhaen. Pengislaman juga telah mentransformasikan Melayu daripada bangsa yang terkurung dalam kekarutan tahyul dan metos menjadi bangsa rasional yang responsif terhadap pemikiran dan perenungan alam sejagat.

PENYEBARAN BAHASA MELAYU

Terdapat beberapa faktor yang merujuk kepada penyebaran BM. Antaranya ialah migrasi atau perpindahan penutur BM sama ada secara paksa atau sukarela, perdagangan, diplomasi, penyebaran agama Islam, menuntut ilmu dan mencari rezeki. Faktor inilah yang telah menjadikan BM bahasa teras dan mantap dalam sistem perhubungan di rantau ini.

Migrasi atau perpindahan

Migrasi atau perpindahan merujuk kepada perpindahan penduduk. Migrasi yang dimaksudkan ialah perpindahan masyarakat yang menuturkan BM dari tempat asal mereka ke tempat yang lain. Punca perpindahan ini berkemungkinan kerana penyebaran agama, penghindaran daripada bencana alam, pencapaian taraf hidup yang lebih baik, dan lain-lain. Menurut Asmah Hj. Omar (2008: 13), berlaku pergerakan orang Melayu dari Semenanjung Tanah Melayu berpindah ke pulau, dan dari pulau ke pulau yang lain. Kemudian, mereka bermastautin dan membina sebuah komuniti mereka yang tersendiri di tempat yang baharu. Terdapat juga nama kawasan yang diambil sempena nama masyarakat mereka dari tempat lain yang berhijrah di sebuah kawasan dan membina komuniti mereka. Antaranya orang Melayu dari Sumatera berpindah ke Semenanjung Tanah Melayu dan membina kawasan perkampungan seperti Kampar di Perak dan Batang Kali di Selangor. Selain itu, terdapat juga perpindahan orang Jawa ke Semenanjung Tanah Melayu dan masyarakat mereka bertaburan, terutamanya di Johor, Selangor dan Perak.

Seterusnya, terdapat juga migrasi yang belaku bukan secara sukarela. Faktor ini merujuk kepada perpindahan secara beramai-ramai orang Melayu ke suatu tempat yang lain kerana faktor tertentu. Buktinya, adanya komuniti Melayu di Betawi dan Menado yang dibawa keluar oleh kuasa penjajah Portugis pada abad ke-16 dan ke-17 untuk menjaga kepentingan perniagaan mereka. Tidak terkecuali juga, jika kemasukan masyarakat India dan Cina akibat adanya sistem perhambaan, berlaku juga ke atas orang Melayu yang dibawa berpindah ke Sri Lanka dan Afrika Selatan sebagai hamba.

Perdagangan dan diplomasi

Perdagangan dan diplomasi merupakan antara faktor utama dan terbesar selepas faktor migrasi. Di sinilah BM menjadi sebuah bahasa *lingua franca* dan juga menjadi bahasa antarabangsa yang teragung dan meluas penggunaannya. Para pedagang harus menguasai BM untuk berurusan dengan orang Melayu. Antara pedagang di Tanah Melayu ialah pedagang Arab, Cina, India, Portugis, Belanda dan Inggeris pada abad ke-15 hingga ke-20. Kesan kedatangan pedagang ini, secara tidak langsung BM sedikit demi sedikit menerima dan menyerap perbendaharaan asing. Antaranya daripada bahasa Portugis, iaitu bendera (*bendeira*), beranda (*varanda*), markah (*marca*) dan tauala (*toalha*). Malahan, sehingga ini, bahasa ini diserap sebagai perbendaharaan kata BM dan diguna pakai secara meluas.

Selain itu, dari aspek perhubungan antara sebuah kerajaan dengan sebuah kerajaan yang lain, memang ada bukti yang menunjukkan bahawa BM telah digunakan sebagai bahasa perantara. Namun, sistem tulisan yang digunakan ialah tulisan Jawi. Misalnya, hubungan diplomasi kerajaan Ternate dengan Portugal pada 1521. Isi surat ini menceritakan bahawa Sultan Abu Hayat yang meminta bantuan daripada orang Portugal dan bahasa yang digunakan ialah BM dengan menggunakan tulisan Jawi.

Begitu juga hubungan diplomatik yang dijalinan oleh Kerajaan Aceh dengan pihak British atas urusan perdagangan. Antara suratnya ialah Surat Izin Dagang dan Surat Kebenaran Berniaga bertarikh 1602 telah diberikan oleh Sultan Alauddin Riayat Syah kepada pedagang Inggeris. Menurut Ab Razak Ab Karim (2014), dua pucuk surat dari Aceh

kepada pedagang Inggeris merupakan satu bukti terpenting yang melambangkan Kerajaan Aceh sebagai kerajaan yang berpengaruh selepas kejatuhan Kerajaan Melayu Melaka. Di sinilah lahirnya tokoh ilmuan Islam seperti Hamzah Fansuri dan Nuruddin al-Raniri yang terkenal sebagai pemikir Islam yang agung.

Bukan setakat Kerajaan Aceh sahaja yang mengadakan hubungan diplomatik dengan pihak kerajaan luar. Terdapat juga bukti diplomatik yang dijalinan oleh raja Melayu dengan pihak Belanda. Antaranya Surat Emas daripada Sultan Ahmad, Terengganu kepada Baron Van Der Capellan pada 1824, surat General Du Bus de Ghissigneis kepada Sultan Syarif Othman di Pontianak dan Surat Sultan Ismail dari Bima kepada Van derCapellan pada 1823. Manakala hubungan raja Melayu dengan pihak Inggeris pula dibuktikan dengan surat Tuan Sayid Abd. Hamid dari Kemboja kepada W. Farquhar pada 1820, surat daripada Sultan Muhammad Jiwa Mu'adzam Shah kepada Francis Light bertarikh 29 Oktober 1773, dan surat Engku Temenggung Seri Maharaja Johor kepada Raja Peranchis Napoleon III pada 1857.

Apa yang menarik, pada surat daripada kerajaan Melayu kepada kerajaan luar ialah, surat ini ditulis dengan menggunakan BM untuk menyampaikan hasrat kerajaan, meminta bantuan, berdagang dan sebagai tanda penghargaan atas bantuan yang diberikan. Malahan, sistem tulisan yang digunakan ialah tulisan Jawi. Ini menandakan bahawa perkembangan agama Islam yang menghidupkan BM sehingga bahasa ini mempunyai sistem bahasa yang tersendiri dan telah dijadikan sebagai bahasa perhubungan antara kerajaan Melayu dengan kerajaan luar. Secara tidak langsung, kesan penggunaan BM ini, pihak Kerajaan Melayu pada masa itu telah memperkenalkan BM itu sendiri dari aspek kandungan, dan memperkenalkan kerajaan Melayu pada peringkat antarabangsa.

Penyebaran Agama

Penyebaran agama juga merupakan salah satu faktor berkembangnya BM di negara ASEAN. Agama besar mengunjungi Tanah Melayu dan menyebarkan fahaman agama bermula dengan agama Hindu dan Buddha, diikuti dengan agama Islam dan akhirnya agama Kristian. Kebanyakan ahli agama menyebarkan agama mereka menggunakan BM. Oleh yang demikian, mereka harus menguasai BM terlebih dahulu, sebelum melakukan sebarang aktiviti keagamaan.

Agama yang paling pesat berkembang ialah agama Islam. Pengembangan peradaban Islam di rantau Melayu bermula dari Melaka pada abad ke-12 dan ke-13, malahan agama Islam telah bertapak lebih awal, iaitu pada abad ke-8 Masihi lagi. Kemudian, pengembangan ini merebak pula ke Johor (1511-1798) dan ke Riau (1798-1900). Islam masuk ke Tanah Jawa pada pertengahan abad ke-16 Masihi. Sehubungan dengan itu, terdapat kitab daripada bahasa Arab yang telah diterjemahkan ke bahasa Melayu untuk mendalami ilmu Islam dengan lebih telus. Kemudian, terhasillah kitab terjemahan yang pertama dan tertua, iaitu kitab Aqaid al-Nasafi (1590) daripada bahasa Arab ke BM. Menurut Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2007), kitab Aqaid al-Nasafi merupakan manuskrip yang terawal dan tertua yang dihasilkan dalam bahasa Arab dan terjemahannya dalam bahasa Melayu pada bahagian bawahnya.

Selain itu, kesan paling ketara penyebaran agama ini ke atas peluasan BM ialah

penyerapan bahasa Sanskrit daripada agama Hindu dan Buddha, bahasa Arab dan tulisan Jawi bagi penyebaran agama Islam dan bahasa Portugis, Belanda dan Inggeris bagi penyebaran agama Kristian. Kesan penyebaran agama ini, secara tidak langsung, menambah kosa kata baharu BM.

PERANAN DAN KEPENTINGAN BAHASA MELAYU

BM juga seperti bahasa yang lain, berkembang daripada sebuah komuniti kecil kepada sebuah komuniti besar, dan berperanan penting dari sudut sosial. BM berkembang seiring dengan penambahan cendekiawan dalam pelbagai bidang ilmu dan seterusnya membawa evolusi baharu mengikut bidangnya. Malahan kini, usaha dilakukan untuk memartabatkan bahasa ini, bukan sahaja dalam negara Malaysia, malahan pengupayaan BM ini juga dilestarikan dalam kalangan negara anggota ASEAN. Hal ini demikian, supaya BM dapat dimartabatkan sebagai bahasa perantara utama yang menyatupadukan anggota negara ASEAN.

Bahasa Melayu dari Sudut Politik

Menurut Asmah Hj. Omar (2008: 30), BM telah digunakan sebagai bahasa pemerintahan sejak awal Masihi. Pernyataan ini berdasarkan bukti dalam bentuk tulisan pada batu bersurat dan manuskrip lama. Perekayasaan BM bermula pada abad ke-7, apabila kerajaan Melayu pertama, iaitu Kerajaan Sriwijaya dibentuk dan dibina. Pernyataan ini berdasarkan catatan batu bersurat Sumatera Selatan dan Pulau Bangka. Seterusnya, BM semakin berkembang megah apabila kerajaan Melayu lain pula wujud, iaitu Kerajaan Melaka, Kerajaan Brunei, Kerajaan Johor-Riau, Kutai dan Sulu.

Di samping itu juga, dinamika BM semakin gemilang apabila agama Islam masuk ke Tanah Melayu pada abad ke-12 dan ke-13 menjadikan BM semakin gemilang dengan sistem tulisannya yang dipengaruhi oleh bahasa Arab, iaitu tulisan Jawi. Sungguhpun, kerajaan Melayu menggunakan tulisan Jawi dalam menjalinkan hubungan diplomatik dan penyampaian ilmu agama, ia tidak menjadi masalah untuk dikuasai oleh bangsa yang lain, antaranya kerajaan di benua Eropah. Malahan dengan adanya sistem tulisan ini, menjadikan kerajaan Melayu pada masa itu semakin termasyhur.

Bahasa Melayu dari Sudut Ekonomi

Dari sudut ekonomi, BM juga berkepentingan untuk meningkatkan ekonomi di Tanah Melayu. Di sini, peranan dan kepentingan BM diguna pakai untuk melestarikan hubungan diplomatik, pentadbiran dan perhubungan antara pedagang ke Tanah Melayu dengan kerajaan Melayu dari sudut ekonomi. Buktinya, terdapat sebuah undang-undang yang telah ditulis pada 1592-1616 oleh Sultan Abdul Ghafur Muhaiddin Shah, iaitu Hukum Kanun Pahang dan Undang-undang Pahang; Hukum Kanun Melaka atau Undang-undang Melaka dan Undang-undang Laut Melaka yang digubal pada zaman Kesultanan Melaka pada abad ke-15; Undang-undang Kedah (220H) dan Undang-undang Sembilan Puluh Sembilan Perak (1577-1584). Kesemua undang-undang yang diwujudkan dan ditulis untuk memastikan

bahawa perdagangan yang dijalankan di Tanah Melayu bersistematik dan tersusun. Apa yang menariknya, kesemua undang-undang ini ditulis menggunakan BM tulisan Jawi.

Bahasa Melayu dari Sudut Sosial Budaya

BM digunakan juga sebagai bahasa pendidikan. Sejak kemasukan agama Islam, agama dikembangkan dan diajar dengan menggunakan BM. Secara logiknya, jika sesuatu maklumat yang disampaikan bukan dengan bahasa ibunda penuturnya, maklumat tersebut tidak akan sampai dari segi makna, pengahayatan dan kefahamannya. Tetapi, jika maklumat disampaikan dengan bahasa ibunda penutur, intipati maklumat dapat dihayati dan fahami dengan lebih mudah dan baik. Begitu juga dengan penyebaran agama Islam di ASEAN pada abad ke-12 dan ke-13, para pendakwah Arab perlu menguasai BM terlebih dahulu untuk menyampaikan ilmu agama dengan lebih baik. Malahan, kesan penyebaran agama Islam di Tanah Melayu, pelbagai kitab dalam bahasa Arab pada asalnya, telah diterjemahkan ke bahasa Melayu untuk dibaca oleh masyarakat Melayu pada ketika itu.

Dari segi budaya kecendekiaan, dunia Melayu mempunyai sejarah dan tradisi kecendekiannya sendiri. Kedatangan Islam telah mencetuskan peradaban keilmuan yang melibatkan para ilmuan Melayu. Khazanah kecendekiaan Melayu tidak hanya terhad pada kesusasteraan lipur lara, tetapi merangkumi juga terjemahan dan saduran karya besar seperti al-Baydawi, an-nasafiy, Al-Ghazaliy, Al-Mawardi dan lain lagi.

Kini, BM merupakan bahasa pengantar pendidikan, khususnya di Malaysia dan Indonesia. BM dewasa ini, telah diajar di lebih 70 buah negara di seluruh dunia. Buktinya, Pertandingan Pidato Antarabangsa BM Piala Perdana Menteri telah disertai oleh peserta antarabangsa yang berjumlah 80 orang dari 72 buah negara. Malahan, menurut Abdul Hamid Mahmood (2014: 348) pada abad ke-15 Masihi, Dinasti Ming di China telah menubuhkan Jabatan Bahasa Bahasa Asing yang turut merangkumi BM sebagai bahasa asing.

Sekolah yang menggunakan BM sebagai bahasa pengantar utama turut dibina untuk menyalurkan pendidikan kepada masyarakat Melayu. Paling ketara adalah di Malaysia. selepas kemerdekaan negara pada 1957, BM telah dijadikan Bahasa Kebangsaan negara dan menjadi bahasa rasmi di sektor pendidikan. Di selatan Thailand, bahasa Melayu dailek Pattani juga dijadikan sebagai bahasa pengantar untuk menyampaikan ilmu. Begitu juga dengan Indonesia dan Brunei. Di Singapura, BM menjadi bahasa kebangsaan dan salah satu bahasa rasmi.

AGENDA MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA ASEAN

BM telah melalui zaman yang penuh pancaroba selama dua alaf, khususnya pertembungan dengan beberapa tradisi besar dunia. Oleh sebab itu, kemampuan dan kemantapannya sebagai tonggak peradaban negara kita pada zaman ini tidak perlu dipertikaikan. Oleh yang demikian, perjuangan memartabatkan BM perlu digerakkan secara berterusan. Kelalaian dan kealpaan akan menyebabkan pelbagai gejala menyerap masuk ke dalam bahasa dan kemungkinan dapat melumpuhkan momentum perkembangannya.

Pemartabatan BM merupakan satu proses pembinaan bahasa yang dijalankan secara berterusan. Pembinaan bahasa dimaksudkan sebagai usaha ke arah memantapkan BM dari sudut sistemnya, iaitu sistem ejaan, sebutan, tatabahasa, peristilahan, kosa kata dan laras bahasa. Pemantapan sistem bahasa sebagai persediaan menjadi bahasa yang cekap dan yang mempunyai daya pengungkap hal ehwal ilmu, teknologi dan segala bidang untuk kehidupan moden telah mencapai tahap yang kukuh, walaupun proses ini masih berterusan dan masih memerlukan pemantapan untuk memartabatkan BM.

Awang Sariyan (2013) mengatakan bahawa usaha perlu dilakukan oleh pihak pemerintah agar lebih proaktif dalam memartabatkan BM jika ingin melihat BM itu terus berkembang maju dan seterusnya menjadi bahasa ilmu. BM seharusnya telah diangkat menjadi sebuah bahasa yang unggul dan tidak seharusnya dipertikaikan kewujudannya. Ini demikian, kerana konsep pendidikan dengan masyarakat tidak dapat dipisahkan. Pendidikan memerlukan masyarakat untuk dijadikan asas falsafah, matlamat, dan tujuan. Masyarakat pula memerlukan pendidikan sebagai alat terpenting menyediakan individu untuk menjadi anggota masyarakat yang terlatih, terpelajar dan berbudi bahasa. Wahana utamanya tentulah bahasa.

PERANCANGAN BAHASA

Menurut Asmah Hj. Omar (2008: 68), perancangan bahasa merujuk kepada tindakan yang membawa kepada perubahan dalam aspek penggunaan bahasa dan juga dalam bahasa itu sendiri. Perancangan bahasa ini boleh dibahagikan kepada dua, iaitu perancangan taraf dan perancangan korpus bahasa.

Perancangan taraf

Geopolitik meletakkan BM dalam kawasan penguasaannya meliputi kawasan politik sesebuah negara yang menuturkan BM. Sehubungan dengan itu, kedudukan BM dinaik taraf menjadi bahasa kebangsaan di Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei. Di Malaysia, BM telah diangkat menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara sejak merdeka. Malahan, bahasa ini mempunyai kedudukan yang istimewa, termaktub di bawah Perlembagaan Malaysia 152 yang mengatakan bahawa BM sebagai bahasa rasmi dan menjadi bahasa pengantar di seluruh sistem pendidikan Malaysia. Tambahan pula, BM juga dijadikan sebagai bahasa ilmu di sekolah dan di institusi pengajian tinggi. Namun, pada 2003, kesan kepesatan bidang sains dan teknologi membawa kepada pengajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris. Oleh sebab rasa tidak puas hati terhadap perubahan ini begitu meluas, maka dasar MBMMBI (Memartabatkan bahasa Melayu, mengukuhkan bahasa Inggeris) diwujudkan.

Di Brunei, konsep MIB, iaitu Melayu-Islam Beraja Brunei dipegang sebagai tunjang untuk mengukuhkan BM. Apa yang istimewanya di negara ini, setiap papan tanda, iklan dan nama bangunan ditulis bukan dengan bahasa Inggeris sahaja, malahan juga ditulis dalam bahasa Melayu dengan tulisan Jawi (Mohamed Pitchay Gani Mohamed Abdul Azizi, 2007: 134). Selain itu juga, para pelajar Brunei yang ingin mendapatkan biasiswa daripada kerajaan Brunei diwajibkan menduduki peperiksaan BM. Hal ini demi menjaga

dan memelihara jati diri bangsa Melayu di negara tersebut.

Di Indonesia pula, BM berperanan sebagai bahasa penyatuan, yang mampu menyatupadukan rakyat Indonesia yang berjuta jumlahnya. Malahan, pelajar asing yang ingin menyambung pengajian di Indonesia harus mengambil peperiksaan bahasa Indonesia, termasuklah rakyat Malaysia yang ingin menyambung pengajian di sana. Hal ini menunjukkan bahawa BM amat kukuh dipertahankan di negara tersebut sebagai indentifikasi sosial mereka. Bagi negara Singapura, walaupun kebanyakan rakyatnya lebih cenderung berbahasa Inggeris, namun, BM tetap menjadi bahasa kebangsaannya. Menteri Kanan Singapura, Encik Lee Kuan Yew pada 22 Januari 1998 pernah mengatakan:

Bahasa Melayu harus kekal sebagai bahasa kebangsaa. Bahasa Melayu dalam lagu kebangsaan dan bahasa perintah semasa dalam SAF. Jika keadaan adalah sebaliknya, ia akan menghancurkan semangat Melayu Singapura. Ia adalah simbolik. Ia mewakili sejarah kita. Biar kita kekalkan. Ia telah berjasa kepada kita. Sekiranya ia diubah sebagai persediaan bagi satu generasi baharu yang tidak belajar bahasa Melayu di sekolah-sekolah, ia akan menghancurkan semangat Melayu dalam Singapura (Mohamed Pitshay Gani Mohamed Abdul Aziz. 2007: 135-136)

Pembentukan sebuah negara berdasarkan keseimbangan dalam aspek sosial dan politik yang melingkungi masyarakat sejahtera dan tidak lagi dibelenggu dengan kuasa asing yang lain. Dalam pembentukan negara, satu sistem komunikasi dalam bahasa yang dipersetujui bersama, wajar digunakan untuk menyatupadukan masyarakatnya dan membina jati diri bangsa.

Naik taraf BM sebagai bahasa penyatuan di tiga buah negara utama, iaitu Malaysia, Indonesia dan Brunei adalah kerana, BM merupakan bahasa peribumi yang asal yang telah luas digunakan sejak zaman dahulu lagi. Tambahan pula, BM telahpun berfungsi sebagai bahasa perantara atau *lingua franca* bagi ketiga-tiga buah negara tersebut.

Perancangan Korpus Bahasa

Di bawah MABBIM, perancangan bahasa dimulai dengan wujudnya *Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Malaysia* (PUIBM) pada 1975. Perancangan bahasa ini telah diusahakan antara negara Malaysia dengan Indonesia yang telah dilancarkan pada 30 Ogos 1975. Isi kandungan perancangan bahasa ini adalah sama tetapi versinya terbahagi kepada dua, iaitu versi Malaysia dan versi Indonesia. Di bawah PUIBM, istilah BM diperbaharui dengan rujukan kepada bidang ilmu masing-masing. Setiap bidang ilmu mempunyai tatacara penulisannya yang tersendiri. Maka, pedoman ini telah dipinda pada 2004 dengan kemasukan pelbagai istilah baharu yang kebanyakannya disesuaikan daripada bahasa Inggeris.

Pada 1975 pula, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah mengambil alih untuk menggerakkan dan mempermantap pembinaan istilah dan telah membentuk jawatankuasa istilah. DBP telah ditubuhkan pada 22 Jun 1956 di Johor Bharu dengan nama asalnya,

iaitu Balai Pustaka. Pada 1959, DBP diberi kuasa autonomi, iaitu i) menggubal dasarnya yang khusus; ii) menyusun program pembinaan dan pengembangan bahasa dan sastera; dan iii) menjalankan kegiatan penerbitan dan perniagaan buku secara kompetitif menurut prinsip dan amalan perusahaan dan profesion penerbitan. Oleh yang demikian, kewujudan DBP dilihat sebagai satu enakmen untuk menggerakkan dan memperkasakan serta memasyarakatkan pengistilahan BM hasil hambatan pertambahan bidang ilmu dalam dunia pendidikan globalisasi.

DBP turut dibina di negara Brunei Darussalam untuk mengumpulkan istilah yang digunakan dalam bidang ilmu. Begitu juga dengan pembinaan DBP di Thailand yang telah dibina pada 2012 merencanakan lagi pengembangan BM pada peringkat ASEAN. Di bawah perancangan bahasa antara negara Malaysia, Indonesia dan Brunei, perkamusan Melayu telah diusahakan bersama untuk rujukan semua sektor daripada pentadbiran sehingga kepada pendidikan yang dinamakan Kamus Melayu Nusantara. Penghasilan kamus ini telah menggabungkan korpus daripada Kamus Dewan dan Kamus Besar Bahasa Indonesia, di samping korpus bahasa daripada Brunei Darussalam.

KERJASAMA SERANTAU DALAM MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU

Untuk memartabatkan BM sebagai bahasa ASEAN, pelbagai jalinan kerjasama serantau telah dijalankan bersama untuk memperkukuh BM sebagai bahasa pribumi yang asli. Antaranya ialah penubuhan Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM), Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM), Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA), Jaringan Pustaka dan Forum Kerjasama Penerbitan Serantau (FOKEPS). Kesemua jalinan kerjasama serantau ini diusahakan untuk menjatidirikan bahasa Melayu ke martabat yang tertinggi.

Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM)

Menurut Awang Sariyan (2013), dalam mempertingkatkan citra BM pada peringkat antarabangsa untuk melayakkan BM dimartabatkan sebagai bahasa ASEAN, di bawah Sasaran Kerja Utama 1996-2000, DBP telah menubuhkan Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM) pada 21 Ogos 1997. Atas kesedaran untuk mengembangkan BM pada peringkat antarabangsa, MABM telah dilancarkan secara rasminya pada 21 Ogos 2000 serta telah dihadiri oleh wakil dari 21 buah negara di seluruh dunia. Tugas MABM adalah untuk menyelaraskan aktiviti kebahasaan yang menjurus kepada matlamat pengembangan BM pada peringkat antarabangsa. Hal ini adalah berdasarkan minat di institusi pengajian di berbagai-bagai negara dalam mempelajari BM. Oleh yang demikian, MABM telah menggariskan empat bidang utama sebagai penggerak dalam memartabatkan lagi BM bukan sahaja pada peringkat Asia Tenggara atau ASEAN, malahan meliputi peringkat pengantarabangsaan, iaitu Kegiatan, Penelitian, dan Penerbitan, Hak Ehwal Pengajaran, dan Anugerah dan Pengiktirafan.

Menurut Awang Sariyan (2013), dalam bidang kegiatan, program seperti Pertukaran Tenaga Pengajar dan Pelajar, Pelbagai Pertandingan atau Peraduan seperti pertandingan

Pidato Antarabangsa, Khemah Bahasa, Program Lawatan Sambil belajar ke universiti tempatan mahupun luar negara yang ada menyediakan pengajian dalam BM, Promosi Bahasa dan Persuratan melalui Pameran dan Minggu Bahasa. Bagi bidang Penelitian dan Penerbitan, antaranya yang dilaksanakan ialah Penyelarasan Penyelidikan tentang Pelbagai Aspek Linguistik dan Persuratan Melayu di semua Pusat Pengajian Melayu Sedunia, dan Penerbitan Jurnal, Monograf, Buku dan Bahan Terbitan Elektronik tentang Bahasa dan Persuratan Melayu. Dalam Bidang Hal Ehwal Pengajaran pula, diusahakan Penyediaan Sukatan Kursus Bahasa Melayu untuk Penutur Asing Pelbagai Peringkat, Penyediaan Bahan Ajar, Penyediaan Ujian Setara dan Penyediaan Pengujian dan Penilaian. Akhirnya dalam bidang Anugerah dan Pengiktirafan pula meliputi Penghargaan kepada Tokoh Pengembangan bahasa pada Peringkat Antarabangsa, terutamanya meliputi tiga buah negara serumpun, iaitu Malaysia, Indoneia, Brunei dan juga Singapura, Penghargaan kepada Pelajar Terbaik Bidang Pengajian Melayu di Luar Negara, Penghargaan kepada Institusi Pengembangan Bahasa Melayu di Luar Negara, biasiswa dan geran penyelidikan dalam bidang kebahasaan.

Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM)

MABBIM ialah gabungan pengembangan bahasa dari tiga rumpun negara, iaitu Brunei, Malaysia, dan Indonesia. MABBIM telah dibentuk pada 4 November 1985 apabila negara Brunei telah menyertai kerjasama kebahasaan yang lebih awal dijalinkan oleh negara Malaysia dan Indonesia (MBIM). Dengan keanggotaan baharu oleh negara Brunei, satu Piagam yang memberikan takrif tujuan dan fungsi MABBIM digubal dan dipersetujui bersama. MABBIM menjadi tapak langsung kerjasama kebahasaan pada peringkat ASEAN, khususnya dalam bidang penyelarasan peristilahan.

Hasil daripada piagam ini, penyeragaman ejaan antara negara anggota diisytiharkan pada 16 Ogos 1972, lahirnya Buku Pedoman Ejaan Rumi Bahasa Melayu dan Pedoman Pembentukan Istilah Bahasa Melayu pada 1975, diikuti Daftar Ejaan Rumi Bahasa Melayu pada 1981 dan Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi pada 1984.

Usaha penyelarasan BM pada peringkat serantau memungkinkan komunikasi ilmu diperkasakan melalui pengistilahan atau penyusunan kamus istilah. Ini merupakan satu kegiatan utama yang amat penting dalam usaha memperkasakan BM seantero ASEAN dan dunia. Kamus yang diterbitkan berdasarkan bidang ilmu tertentu seperti bidang perdagangan, politik, ekonomi, sosiobudaya dan agama antara negara anggota. Malahan,

MABBIM mempunyai jurnalnya yang tersendiri, iaitu Rampak Serantau yang diterbitkan setahun sekali oleh negara anggota secara bergilir-gilir, dan yang terbaharu ialah Rampak Serantau, Bil. 30 pada tahun 2013, di bawah penerbitan Indonesia. Keluaran pertama jurnal ini adalah pada 1994 bermula di Brunei Darussalam. Kini, jurnal ini boleh dilayari oleh publik di bawah laman sesawang Dewan Bahasa dan Pustaka.

Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA)

MASTERA atau Majlis Sastera Asia Tenggara ialah sebuah majlis yang ditubuhkan untuk merancang dan memantau perkembangan sastera pada peringkat nasional. Penubuhan

MASTERA dianggotai oleh tiga negara pendiri, iaitu negara Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia pada 25 Ogos 1996. MASTERA diputuskan sebagai sebuah majlis serantau yang mewakili lembaga pemerintah atau kerajaan setiap negara anggota. Selain negara pendiri, keanggotaannya juga terdiri daripada tiga kelompok, negara ahli dan negara pemerhati.

MASTERA diwujudkan demi membina dan mengembangkan sastera dalam BM/Indonesia; mengenal pasti karya sastera yang bermutu tinggi dalam pelbagai genre untuk diterjemahkan ke dalam bahasa negara anggota dan negara pemerhati; dan memberikan pengiktirafan bertaraf rantau kepada penghasilan karya sastera oleh penulis yang bermutu. Urus setia MASTERA di Malaysia dipertanggungjawabkan kepada DBP, di Brunei pula, di bawah Dewan Bahasa di negara tersebut. Manakala MASTERA di Indonesia diletakkan di bawah sekretariatnya, iaitu Pusat Bahasa Indonesia, di Jakarta. Kini, keanggotaan MASTERA telah menerima keahlian negara Singapura pada 17 Oktober 2012 secara rasminya. Pada awalnya, negara Singapura ialah negara pemerhati, tetapi sikap Singapura yang sering ikut serta dalam aktiviti MASTERA termasuk persidangan dan seminar serta lokakarya tahunan bagi penulis muda yang dipertanggungjawabkan kepada MASTERA Indonesia untuk melaksanakannya menjadikan Singapura ingin turut serta secara rasminya ke dalam MASTERA. Malahan, negara Thailand juga turut menganggotai MASTERA.

Forum Kerjasama Penerbitan Serantau (FOKEPS)

Forum Kerjasama Penerbitan Serantau telah lama diilhamkan melalui satu memorandum persefahaman yang terjalin antara DBP dengan Balai Pustaka. Penubuhan FOKEPS adalah pada 15 Mac 2001. Penubuhan FOKEPS adalah atas kesedaran untuk memasarkan penerbitan buku yang telah dihasilkan dan diterbitkan di negara anggota untuk pasaran serantau. Forum ini berfungsi sebagai sebuah rangkaian kerjasama, melaksanakan dan memantau aktiviti penerbitan karya BM/Indonesia pada peringkat serantau.

KESIMPULAN

Perkembangan pesat BM di ASEAN dan peranan pentingnya dalam pembinaan peradaban di rantau ini, dini, kini dan akan datang melayakkannya dinobatkan sebagai bahasa ASEAN. Perkembangan pesat BM itu berasaskan tiga fokus utama, iaitu migrasi, perdagangan dan penyebaran agama, di samping faktor sampingan yang lain. Fenomena ini berkait rapat dengan sejarah kecemerlangan, kegemilangan dan keterbilangan BM pada masa silam. Kekentalan penuturnya yang mampu berdaya saing dalam alaf baharu ini, akan memastikan bahawa BM terus diperkasakan, terutama dari aspek politik, ekonomi dan sosiobudaya.

Untuk memperkukuh, merealisasikan dan memartabatkan BM sebagai bahasa ASEAN, pelbagai jalinan kerjasama serantau perlu terus dilagang dan diperhebat, khususnya dalam perancangan taraf dan perancangan korpus. Antara institusi penting yang memainkan peranan ke arah itu ialah MABBIM, MASTERA dan FOKEPS. Jalinan kerjasama ini jika ditekuni dengan sistematik, pasti dapat menjatidirikan BM sebagai wahana paling berkesan di rantau ini.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Hamid Mahmood (2014). Bahasa Melayu sebagai Bahasa Antabangsa. *Prosiding Seminar Memartabatkan Bahasa Melayu ASEAN-II*. Universiti Fatoni (Thailand) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (Malaysia). pada 25-26 Oktober 2014
- Abdullah Hassan. (1999). *Perancangan Bahasa di Asia Teanggara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ab Razak Ab Karim (2014). Bahasa Melayu Bahasa ASEAN: Realiti atau Mimpi. *Prosiding Seminar Memartabatkan Bahasa Melayu ASEAN-II*. Universiti Fatoni (Thailand) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (Malaysia). pada 25-26 Oktober 2014
- A.F. Yassin (23 Mac 2001). Menyaksikan Penubuhan Forum Kerjasama Penerbitan Serantau di JB. (dilayari pada 4 November 2014) <http://www.dakabeblogpotcom.blogspot.com/2012/03/menyaksikan-penubuhan-forum-kerjasama.html>
- Anwar Ridhwan (5/11/2012). MASTERA: Apa sasaran selepas Singapura? (dilayari pada 4 November 2014) http://www2.bharian.com.my/articles/MASTERA_ApasasaranselepasSingapura_/Article/cetak
- Asmah Hj. Omar. (1993). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Asmah Hj. Omar. (2005). *Muafakat Bahasa: Sejarah MBIM/MABBIM sebagai Pembina Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Asmah Hji Omar. (2005a). *Alam dan Penyebaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Asmah Hj. Omar. (2008). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan (2013). DBP Sebagai Penggerak Nasionalisme Linguistik. *Persidangan Perancangan Bahasa: Idealogi Bahasa Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (10 dan 11 Disember 2013, hlm 1-17)
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2003). *CITRA DBP*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohamed Pitchay Gani Mohamed Abdul Aziz (2007). *Evolusi Bahasa Melayu 2000 Tahun dari Zaman Purba ke Budaya Elektronik*. Tanjung Malim: Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nik Safiah Karim (1996). *Unsur Bahasa Asing dalam Bahasa Melayu*. Siri monograf sejarah bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Rozita Che Rodi dan Hashim Musa. (2004). "Bahasa Melayu Bahasa Negara bangsa Malaysia". *Jurnal Mahawanga*, Vol 1 (2) November 2014
- Siddiq Fadzil. (1992). *Minda Melayu Baru*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar
- Siddiq Fadzil. (2012). *Islam dan Melayu*. Kajang: Akademi Kajian Ketamadunan, Kolej Dar-al-Hikmah
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1972). *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (2007). *Tinjauan Ringkas Peri Ilmu dan Pandangan Alam*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia
- Zakaria Kasa (2014). Jaringan Kebahasaan Mengupayakan UPSI sebagai hab Pendidikan Bahasa Melayu ASEAN. *Prosiding Seminar Memartabatkan Bahasa Melayu ASEAN-II*. Universiti Fatoni (Thailand) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (Malaysia). pada 25-26 Oktober 2014. http://ms.wikipedia.org/wiki/Majlis_Antarabangsa_Bahasa_Melayu



Perubahan Makna dan Sosial Budaya dalam Masa 200 Tahun: Penelitian terhadap Perkamusan Melayu

Nazilah Mohamad*, Karim Harun dan Nor Hasimah Ismail

Pusat Pengajian Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan aspek makna dalam perkamusan Melayu pada abad ke-19 dan abad ke-21. Kosakata yang terakam dalam perkamusan Melayu dalam dua zaman dapat memberikan gambaran sosial budaya masyarakat Melayu. Terdapatnya jurang masa yang panjang menyebabkan adanya perubahan terhadap pemaknaan sesuatu kata, iaitu mengalami peluasan, pengecilan atau penggantian disebabkan oleh perubahan dalaman bahasa dan perubahan kehidupan masyarakat. Penelitian ini bertujuan memperoleh gambaran tentang sebab perubahan makna berlaku dalam dua zaman, dan perubahan tersebut akan dibincangkan secara internal linguistik seperti morfologi, semantik dan eksternal linguistik seperti sosial dan sejarah. Kajian ini menggunakan bahan penelitian bersumberkan kamus abad ke-19, iaitu *kamus Marsden* 1812 dan *kamus Dewan Edisi Keempat* 2013 mewakili abad ke-20. Selain itu, *data Korpus DBP* turut digunakan untuk menguatkan dapatan kerana berupaya memberikan gambaran penggunaan sebenar sesuatu kata. Data yang diperoleh dibincangkan secara asosiasi yang melihat perubahan makna kata. Hasil penelitian mendapati bahawa data kata *jalang* dan *dendam* daripada kedua-dua kamus menunjukkan berlakunya perubahan makna dari segi peluasan. Kata *jalang* dan *dendam* mempunyai peluasan makna bersifat peyorasi, iaitu makna positif bertukar kepada makna negatif. Faktor berlakunya penurunan makna ini disebabkan sejarah, peristiwa dan perubahan sosial budaya masyarakat.

Kata kunci: kamus Marsden, kamus Dewan, abad ke-19, abad ke-21, perubahan makna, peyorasi, sosial budaya.

Changes of Meaning and Social Culture within 200 Years: Review of Malay Lexicography

ABSTRACT

This article discusses aspects of meaning in Malay lexicography in the 19th and 21st century. The vocabulary recorded in Malay lexicography in this two eras give an overview of the social culture of the Malay community. A huge time

INFO MAKALAH

Pewasitan Makalah:

Dihantar: -

Diterima: -

E-mel:

nazilahmohamad@unisza.edu.my (Nazilah Mohamad)

linguist@ukm.my (Karim Harun)

nhsimah@uum.edu.my (Nor Hasimah Ismail)

* Penulis Penghubung

gap has resulted changes in the meaning of word whether to widening, narrowing or replacement due to internal language changes and community changes. This review aims to obtain an overview regarding the change in meaning in the two eras and the changes will be discussed in internal linguistics such as morphology, semantics and external linguistics like social and history. This study based on the source of the dictionary in the 19th century, Marsden Dictionary 1812 and Kamus Dewan fourth edition 2013 represents the 20th century. In addition, the data Corpus DBP are also used to strengthen the findings as it gives the actual meaning. The data discussed in associative has viewed the meaning changes of the word. The result found that the word of jalang and dendam in both dictionaries have the meaning changes from the widening aspect. Words of jalang and dendam have the expansion of the meaning of a pejoration, which is from positive change to negative meaning. The factor that leads to decrease the meaning are due to the history, events and changes of social culture.

Key words: Marsden dictionary, Kamus Dewan, 19th century, 21st century, change of meaning, pejoration, social culture.

PENGENALAN

Kebanyakan sarjana (E. D. Edwards & C. O. Blagden, 1939; A. Teeuw, 1961; Asmah Omar, 1987, 2008; Collins, 2005; Noresah Baharom et al., 2009) bersetuju dengan kenyataan bahawa kegiatan perkamusan Melayu sudah mula wujud sejak abad ke-15 menerusi penemuan daftar kata Melayu-Cina yang ditulis oleh Yang Lin, iaitu seorang jurutulis daripada kerajaan China. Boleh dianggap bahawa bentuk awal perkamusan Melayu bermula dengan bentuk daftar kata, iaitu senarai kata yang mempunyai padanan dalam kata asing tanpa adanya definisi dan keterangan mengenai nahu atau sosiolinguistik (Asmah Haji Omar, 2008) sebelum berkembangnya kepada bentuk kamus seperti yang wujud pada masa ini.

Walaupun perkamusan Melayu pada awalnya diusahakan oleh orang asing yang terdiri daripada wakil kerajaan, pedagang, pengembara, mubaligh, dan sarjana tetapi usaha ini membolehkan kosa kata Melayu dapat dihimpunkan. Kegiatan penulisan dan kesusasteraan sudah pun wujud sejak awal sebelum adanya perkamusan, iaitu ketika bangsa Melayu mula mengetahui sistem tulisan (lihat prasasti Kedukan Bukit 683). Namun begitu, dokumen berbentuk perkamusan berupaya menghimpunkan keseluruhan atau hampir keseluruhan kosa kata yang digunakan oleh masyarakat pada satu-satu masa berbanding dengan dokumen yang lain seperti surat, buku, kitab, dan sebagainya. Kamus yang lengkap bagi sesuatu bahasa itu melambangkan tahap pemikiran atau tamadun sesuatu bangsa itu (Noresah Baharom et al., 2009). Hal ini dikatakan demikian kerana kamus menghimpunkan kata yang memberikan gambaran mengenai sejarah, peristiwa, dan sosial masyarakat. Untuk memperlihatkan perubahan dalam masyarakat Melayu pada satu-satu masa, perubahan tersebut lazimnya dapat dilihat menerusi perubahan terhadap pemakaian bahasanya. Oleh itu, penelitian bahasa dalam perkamusan dapat menterjemahkan perubahan yang sudah pun berlaku.

Sehubungan dengan itu, *kamus Marsden* (1812) dipilih untuk diteliti dalam kajian ini kerana *kamus Marsden* mempunyai dampak yang besar terhadap perkembangan bahasa dan studi Melayu (Collins, 2005) dan membawa perubahan dalam dunia perkamusan Melayu

apabila perkamusan tersebut disusun secara saintifik (Yusuf Hitam, 1961; Ibrahim Ahmad, 2002). Oleh hal yang demikian, sememangnya wajar untuk diteliti pemakaian bahasa pada zaman tersebut berbanding pada zaman ini. Taringan (1985) mengatakan bahawa semantik sebagai telahan makna atau kajian yang menelaah lambang atau tanda yang menyatakan makna dan hubungannya serta peranannya terhadap manusia dan masyarakat. Oleh itu, kajian ini memfokuskan aspek semantik untuk memperlihatkan sosiobudaya masyarakat Melayu pada dua zaman yang berbeza menerusi penelitian terhadap bahan perkamusan.

PERNYATAAN MASALAH

Penelitian terhadap perkamusan Melayu bukanlah suatu penelitian yang baharu, namun kajian yang meneliti perkamusan Melayu bersifat kebelakangan kerana rata-ratanya lebih cenderung kepada usaha meneliti kajian berbentuk dalaman linguistik sahaja tanpa melihat aspek luaran linguistik seperti kajian lepas yang dilakukan oleh Amran Kasimin (1976), Rahim Aman (1998), dan Tarmizi Hasrah (2010). Sekiranya ada pun kajian lepas yang melihat aspek sosiolinguistik dalam perkamusan Melayu tetapi aspek tersebut tidak dibincangkan secara mendalam seperti dalam kajian lepas yang dilakukan oleh Marshudi Kader (2009). Kebanyakan kajian perkamusan Melayu tidak menyatukan aspek linguistik dengan aspek luaran linguistik dalam kajian tersebut, sedangkan Collins (1999) mengatakan bahawa bahasa Melayu sudah 1,300 tahun berfungsi dalam lingkungan sosiolinguistik yang sangat rencam. Bahasa dan masyarakat merupakan kaitan yang sangat rapat dan apabila masyarakat berubah, maka bahasa pun turut berubah. Oleh itu, sememangnya wajar kajian ini dilakukan dengan meneliti aspek linguistik yang dapat memperlihatkan perubahan sosial masyarakat Melayu pada satu-satu masa.

Selain itu, Collins (2001) juga menyatakan bahawa bahan-bahan dan korpus lama sememangnya banyak tetapi para sarjana tempatan tidak berminat untuk melakukan kajian yang berkaitan dengannya. Oleh sebab itulah kajian ini menggunakan bahan-bahan perkamusan Melayu pada abad ke-19 bagi meneliti data linguistik pada zaman tersebut kerana zaman tersebut juga merupakan zaman prakemasukan kolonial British ke alam Melayu (Collins, 2005). Keadaan ini sudah pasti ada menyebabkan berlakunya perubahan dalam sosiobudaya masyarakat Melayu.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini membincangkan perihai perubahan yang berlaku dalam data linguistik perkamusan Melayu dengan meneliti bahan perkamusan pada abad ke-19 dan pada abad ke-20. Perbincangan kajian ini bukan sahaja menjurus kepada aspek dalaman linguistik, malah pada masa yang sama turut membincangkan aspek eksternal linguistik yang menyebabkan berlakunya perubahan kata dalam bahasa Melayu.

KAJIAN LITERATUR

Tesis yang kritis yang menganalisis kosa kata bahasa Arab dalam kamus bahasa Melayu pernah dilakukan oleh Amran Kasimin (1976) yang berjudul *Arabic Words in the Malay Vocabulary: A Critical Study of Existing Malay Dictionaries*. Kajian lepas ini menekankan

analisis kesalahan kosa kata bahasa Arab yang dipinjam oleh bahasa Melayu yang terdapat di dalam kamus bahasa Melayu seperti *kamus R. J. Wilkinson* dan *Kamus Dewan* serta kamus yang lain. Analisis kesalahan kata bahasa Arab yang terdapat dalam kamus bahasa Melayu terdapat dalam bentuk, etimologi, konsep, definisi, analisis yang bercanggah, ketepatan makna, sebutan, dan ejaan. Sehubungan dengan itu, Amran didapati cuba untuk membetulkan kesalahan yang lazim yang terdapat dalam kamus bahasa Melayu berdasarkan penggunaan dalam konteks bahasa Melayu dan terminologi Islam.

Dalam kajian lepas tersebut, Amran didapati ada memperkenalkan perbezaan cara sebutan dan ejaan antara kosa kata bahasa Arab asli dengan kosa kata bahasa Arab yang sudah pun diserap ke dalam bahasa Melayu. Kaedah yang digunakan oleh Amran ialah kaedah perbandingan antara dua bahasa. Setiap entri dipecahkan kepada dua bahagian, iaitu bahagian pertama yang menjelaskan perihal penggunaan dalam bahasa Melayu, manakala bahagian kedua pula menjelaskan perihal penggunaan dalam bahasa Arab. Setiap kata pada bahagian pertama dieja dalam bentuk Rumi dan ejaan Melayu dengan ejaan Jawi turut diberi. Cara ini digunakan untuk mengenal pasti ejaan dan sebutan yang betul. Selain itu, asal usul kata bahasa Arab juga diberikan bagi sesuatu perkataan yang tidak diletakkan oleh mana-mana kamus. Percontohan juga diberi untuk mengetahui cara sesuatu kata digunakan sama ada secara lisan, tulisan ataupun dalam tempoh tertentu sahaja. Kaedah perbandingan yang dilakukan oleh Amran didapati menggunakan bahan seperti *Kamus Dewan* oleh Teuku Iskandar, *Collins: A Dictionary of the Malay Language* oleh Hugh Clifford dan Frank Athelstane Sweetenham, *Kamus Hamidi* oleh Al-Haj Abdul Hamid, *Suloh Matla' al-Badrain* oleh Haji Abdul Ghani, dan *A Malay-English Dictionary* oleh R. J. Willkinson serta beberapa buah kamus yang lain. Amran juga ada menyenaraikan kosa kata Arab dalam bahasa Melayu secara Rumi bermula daripada huruf A sehinggalah kepada huruf Z. Terdapat banyak kosa kata bahasa Arab yang diserap ke dalam bahasa Melayu yang dieja dan disebut berbeza dengan kosa kata bahasa Arab asli. Terdapat juga perkembangan makna kosa kata bahasa Arab yang sudah pun diserap ke dalam bahasa Melayu.

Rahim Aman (1997, 1998) pula melakukan kajian menerusi dua makalah yang berjudul *Bahasa Melayu Abad ke-17: Satu Sorotan terhadap Kamus Bowrey* dan *Orang Melayu abad ke-17: Kajian Lanjutan Kosa Kata Arkaik, Morfologi dan Perubahan Makna dalam Kamus Bowrey*. Aspek kajian bagi kedua-dua kajiannya ini tertumpu pada aspek kosa kata arkaik, morfologi, dan perubahan makna yang terdapat di dalam *kamus Bowrey*. Kajian-lepas yang dilakukan oleh Rahim Aman (1997, 1998) ini meliputi entri, frasa, dan klausa arkaik. Himpunan kata arkaik di dalam *kamus Bowrey* diambil daripada entri AB-AY, BA-BY, dan CA-CY. Setiap entri arkaik diberikan makna dan padanan dalam bahasa Melayu baku, manakala bagi frasa dan klausa arkaik juga diberikan padanan makna dalam bahasa Melayu baku.

Kata arkaik yang terdapat dalam *kamus Bowrey* kebanyakannya sudah tidak digunakan lagi oleh masyarakat Melayu pada masa ini kerana masyarakat Melayu pada masa ini sudah pun beralih kepada penggunaan bahasa Melayu baku. Kata arkaik juga mengalami perubahan makna dari segi peluasan, penyempitan, dan penggantian makna. Antara contoh kata arkaik yang masih digunakan dan maknanya tidak berubah adalah seperti kata *addy*

yang bermaksud luas atau besar. Antara contoh kata arkaik yang diperluas maknanya pula adalah seperti kata *chinta* yang bermaksud bimbang dan kata *dukacita* yang bermaksud kasih, berahi, bimbang, dan dukacita. Seterusnya, antara contoh kata arkaik yang mengalami penyempitan makna adalah seperti kata *cabar* yang bermaksud berita kemasyhuran, manakala dalam bahasa Melayu baku kata tersebut menjadi khabar yang bermaksud berita dan warta. Kata arkaik seperti *berinda* membawa maksud mengekalkan dan memelihara dalam *kamus Bowrey* yang ternyata sudah pun mengalami penggantian makna dalam bahasa Melayu baku yang diberikan maksud sekeluarga, segolongan, sekalian, dan seluruh bagi kata *berinda*.

Penelitian yang dilakukan oleh pengkaji lepas ini didapati lebih terarah kepada kajian kosa kata pinjaman bahasa Arab tetapi beliau juga didapati ada menggunakan *kamus Bowrey* dalam usaha meneliti kata arkaik. Hasil daripada penelitian yang dilakukan oleh pengkaji lepas ini menunjukkan bahawa terdapat perkataan yang terkandung dalam *kamus Bowrey* yang sudah tidak digunakan oleh masyarakat Melayu kini. Hal ini memberikan gambaran bahawa berkemungkinan terdapat sesetengah kata pinjaman bahasa Arab yang sudah tidak digunakan lagi oleh masyarakat kini atau masih kekal digunakan. Jarak masa selama 400 tahun berkemungkinan menyebabkan terdapat sesetengah kata pinjaman yang sudah tidak digunakan. Sekiranya terdapat perkataan bahasa Melayu yang sudah tidak digunakan dan menjadi kata arkaik, adakah perkataan tersebut mengalami penggantian dengan bahasa asing atau perkataan tersebut sudah luput ditelan arus zaman?. Persoalan ini juga boleh diajukan kepada kata pinjaman bahasa Arab yang terdapat dalam *kamus Bowrey* dan *kamus Marsden*.

Marshudi Kader (2009) menerusi makalahnya yang berjudul *Some Aspects of Seventeenth Century Malay via Thomas Bowrey's Bilingual Dictionary Published 1701* ada menyentuh serba sedikit perihal kosa kata bahasa Arab dalam *kamus Bowrey* yang diterbitkan pada 1701. Namun begitu, tumpuan Marshudi pada *kamus Bowrey* didapati lebih terarah kepada kajian morfologi dan sintaksis. Marshudi melihat secara keseluruhan *kamus Bowrey* seperti entri kata (lema), kandungan tambahan, imbuhan *me-* dan *ber-*, dan kosa pinjaman. Marshudi membuat perbandingan diakronik dengan menggunakan teori De Saussure (1974) untuk membandingkan imbuhan *me-* dan *ber-* yang terdapat dalam *kamus Bowrey* dan *kamus Figafetta* (1523), *kamus De Houtman* (1598/1603), *kamus Vocabulaer* (1599), Asmah Haji Omar (1991), dan *Tatabahasa Dewan* (1986, 1993, 2008). Dalam perbincangan ini, pengkaji hanya memfokuskan dapatan kajian daripada kajian lepas yang dilakukan oleh Marshudi mengenai kata pinjaman bahasa Arab. Antara kata pinjaman bahasa Arab yang dilihat oleh Marshudi yang terdapat dalam *kamus Bowrey* adalah seperti kata *doosta/dusta/to lye*, *cartas/kertas/paper*, *sobat-sobat/sahabat-sahabat/friends*, dan *acal/akal/wise*. Marshudi mengatakan bahawa perkataan bahasa Arab seperti *sobat-sobat/sahabat-sahabat/friends* dan *acal/akal/wise* tidak terdapat dalam *kamus Figafetta* dan *kamus Houtman*.

Kamus Bowrey turut dikaji oleh Azizah Othman (2010) dalam tesisnya bertajuk *perubahan aspek leksikal antara kamus Thomas Bowrey 1701 dengan kamus Dewan edisi keempat*. Kajian ini melihat aspek perubahan makna dalam tiga abad dengan melakukan penelitian terhadap dua kamus, iaitu *kamus Bowrey* (1701) dengan *kamus Dewan* (2005).

Perbandingan ini membolehkan perubahan makna antara dua zaman dapat diteliti. Azizah meneliti sebanyak 219 kata yang bermula dengan entri DA-DU, EA-ET, dan berakhir dengan entri FA-FO dalam *kamus Bowrey*. Kosa kata tersebut dibandingkan dengan kosa kata dalam kamus Dewan dengan menggunakan kaedah analisis komponen makna. Kajiannya mendapati bahawa kosa kata pada abad ke-17 telah mengalami peluasan dan penyempitan kata dengan 31 kata mengalami peluasan makna, dan 13 kata mengalami penyempitan makna. Antara kata yang disenaraikan telah meluas maknanya ialah ‘daging’, ‘datang’, dan ‘fajar’, manakala kata yang disempitkan maknanya ialah seperti kata ‘dayang’, ‘dampar’, dan ‘elok’. Kajian Azizah secara keseluruhannya menumpukan aspek makna kata yang mengalami perubahan sama ada meluas atau menyempit dalam perkembangan dunia masa kini.

Setelah meneliti kajian lepas didapati penelitian terhadap perkamusan Melayu tidak membincangkan aspek perubahan makna sepenuhnya. Kebanyakan kajian hanya menyenaraikan perubahan makna kata seperti kajian Rahim Aman (1997, 1998) dan Azizah Othman (2010) tetapi tidak menyatakan sebab-sebab berlakunya perubahan makna dari sudut eksternal linguistik. Perubahan sesuatu makna kata hanya dibincangkan dalam aspek internal linguistik. Di samping itu juga, kebanyakan para pengkaji lebih meneliti aspek perkamusan dalam *kamus Bowrey* tanpa membuat penelitian terhadap kamus Marsden. Kamus Marsden penting dibuat penelitian kerana abad ke-19 merupakan abad bahasa Melayu mengalami perubahan besar kerana kuasa kolonial mulai menapak kukuh di Alam Melayu yang menyebabkan bahasa Melayu turut menerima kesannya. Oleh itu, kajian ini akan meneliti aspek linguistik dalam *kamus Marsden* yang dibincangkan secara internal dan eksternal linguistik.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian yang meneliti data korpus dalam bahan perkamusan dan data korpus dalam talian. Bahan perkamusan Melayu abad ke-19 dan abad ke-20 yang dijadikan sebagai bahan penelitian ialah *kamus Marsden* diusahakan oleh William Marsden pada 1812 dan *Kamus Dewan Edisi Keempat* terbitan 2013. Manakala, data korpus dalam talian menggunakan data *korpus DBP* berbentuk analisis konkordans kata dan korpus teks Melayu lama. Data *korpus DBP* meliputi akhbar, buku, majalah, efemeral, teks sastera, kertas kerja, dan perbantuan digunakan UNTUK melihat ragam penggunaan kata dalam konteks tertentu.

Pemilihan data dilakukan mengikut turutan entri huruf Jawi dalam *kamus Marsden* bermula huruf *alif* sehingga *nya*. Bagi tiap-tiap entri sebanyak sepuluh muka surat diambil untuk diteliti, iaitu entri *alif* sebanyak sepuluh muka surat, kemudian entri huruf seterusnya pula sebanyak sepuluh muka surat. Kata masukan yang diambil daripada sepuluh muka surat tersebut dibandingkan dengan data linguistik yang terdapat dalam *Kamus Dewan* untuk melihat persamaan dan perbezaan makna kata dalam kedua-dua kamus tersebut. Setelah penelitian dilakukan didapati kata *jalang* dan *dendam* mempunyai perbezaan pemaknaan dalam lingkungan kedua-dua abad tersebut. Kata *dendam* dalam *kamus Marsden* terletak di bawah entri *dam*, dan manakala kata *jalang* di bawah entri *ja*. Dalam *kamus Dewan*, kedua-dua kata tersebut diletakkan di bawah entri *denak*, dan *jalang*. Untuk memperjelas

persamaan dan perbezaan makna bagi kata *dendam* dan *jalang*, data *korpus DBP* digunakan untuk memperlihatkan penggunaan sebenar kata tersebut berdasarkan konteks. Penggunaan kata *dendam* dan *jalang* dalam *korpus DBP* dilihat dalam konteks ayat lazim dan kerap digunakan pada masa kini, dan ayat yang digunakan dalam karya teks Melayu lama. Penggunaan teori asosiasi dalam penganalisan data membolehkan data dibincangkan dalam aspek perubahan makna.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Penelitian ini melihat dua aspek, iaitu maklumat perkamusan dan menganalisis perubahan makna dalam abad ke-19 dan 21. *Kamus Marsden* merupakan kamus yang diusahakan secara individu oleh seorang sarjana British bernama William Marsden pada tahun 1812. *Kamus Marsden* bersifat dwibahasa ditulis dalam bahasa Melayu-bahasa Inggeris dan menggunakan dua sistem ejaan iaitu Jawi dan Rumi. Antara maklumat yang terdapat di dalam *kamus Marsden* (1812) adalah seperti yang berikut:

1. Bahagian hadapan, iaitu prakata mengandungi kata-kata aluan daripada William Marsden dan keterangan mengenai tatacara penggunaan kamus.
2. Bahagian badan dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu:
 - i. *Malayan and English*, iaitu kata masukan ditulis dalam tulisan Rumi dan Jawi, kata carian terdapat pada bahagian atas dalam tulisan Jawi, diberi padanan dalam bahasa Inggeris, dan diberi contoh penggunaan kata.
 - ii. *English and Malayan*, iaitu kata masukan ditulis dalam tulisan Rumi dan Jawi dengan huruf besar semua sekali, kata carian terdapat pada bahagian atas dalam huruf abjad (AB), dan diberi padanan dalam bahasa Melayu.

Kamus Dewan Edisi Keempat diterbitkan pada 2013 merupakan sebuah kamus yang diusahakan secara perbadanan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Kamus ini mempunyai sidang editor yang diketuai oleh Hajah Noresah Baharom. Kamus Dewan bersifat monolingual yang menggunakan bahasa Melayu dengan sistem tulisan Rumi. Antara maklumat yang terdapat dalam kamus Dewan ialah seperti berikut:

1. Bahagian Hadapan: Terdapat senarai nama sidang editor, kata pengantar, pendahuluan, penghargaan, dan turut diletakkan kata pengantar dan pendahuluan bagi edisi yang sebelumnya, dan panduan penggunaan kamus
2. Bahagian Badan: Terdapat dua kolum dalam satu halaman, kata carian diletakkan di bahagian atas kiri dan kanan dengan menggunakan perkataan (abnus, abun-abun), diberi padanan makna dalam bahasa Melayu.

Hasil penelitian terhadap *kamus Marsden* (1812) dan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2013) mendapati bahawa terdapat persamaan dalam kedua-dua kamus tersebut secara makrostruktur, iaitu tidak mengandungi apendiks. *Kamus Dewan* berbeza dengan *Kamus*

Marsden kerana *Kamus Dewan* merupakan kamus umum yang menyasarkan pengguna yang menguasai bahasa Melayu, berbeza dengan *kamus Marsden* menyasarkan golongan pengguna bahasa yang mempunyai pengetahuan bahasa Melayu dan orang Inggeris atau orang berpengetahuan bahasa Inggeris yang ingin belajar bahasa Melayu. Namun, kedua-dua kamus ini berfungsi merakamkan hampir kesemua kata yang digunakan oleh masyarakat dalam satu-satu masa. Oleh itu, untuk memperlihatkan perubahan sosial budaya masyarakat wajar untuk melihat perubahan makna kata yang terdapat dalam kamus dalam abad ke-19 dan 21.

Hasil penelitian melihat data linguistik kedua-dua kamus tersebut menunjukkan berlakunya perubahan dari segi pemaknaan kata dalam jurang masa 200 tahun. Antara leksikal yang dilihat memberikan gambaran kepada perubahan sosial masyarakat ialah kata seperti *jalang* dan *dendam*.

Kata Jalang

Kata *jalang* dalam kata carian *ja* yang diberikan padanan dalam bahasa Inggeris disebut sebagai *stray*, *vagabond*, *wild*, dan *undomesticated*. *Marsden* memberikan contoh penggunaan kata *jalang* seperti yang berikut:

- i. Kerbau jalang, 2. Kucing jalang

Kata *jalang* membawa maksud liar yang diberikan keterangan kepada haiwan seperti kerbau dan kucing, iaitu kerbau liar dan kucing liar. Dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2013), kata *jalang* diberikan padanan makna tidak mempunyai tempat tinggal yang tetap dan liar. Penggunaan kata *jalang* yang diberi adalah seperti yang berikut:

- i. Kerbau jalang ~ kerbau yang tidak dipelihara orang, kerbau liar.
- ii. Perempuan jalang ~ perempuan jahat, pelacur.

Kata *jalang* dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2013) merujuk kepada haiwan, iaitu kerbau yang liar, perempuan yang disifatkan jahat, dan pekerjaan menjual diri bagi perempuan yang dipanggil sebagai pelacur. Perbandingan kata *jalang* dalam kamus abad ke-19 dan abad ke-21 menunjukkan adanya pertambahan golongan kata nama yang sekali gus menyebabkan berlakunya perubahan makna kata. *Kamus Marsden* (1812) dan *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2013) sama-sama memberikan keterangan kata *jalang* untuk merujuk haiwan seperti kerbau dan kucing yang digolongkan dalam kelas kata nama hidup bukan manusia. Namun begitu, terdapat penambahan rujukan bagi kata *jalang* dengan menambahkan kelas kata nama hidup manusia, iaitu perempuan. Peletakan manusia berjantina perempuan memberikan makna yang baharu bagi kata *jalang*. Oleh itu, dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat*, kata *jalang* mempunyai dua makna, iaitu makna teras yang merujuk kepada haiwan liar dan makna pinggiran yang merujuk kepada perempuan jahat dan pelacur. Makna pinggiran bagi kata *jalang* diberikan ciri haiwan yang bersifat liar yang tidak bertuan dan diberikan label untuk perempuan yang sifatnya jahat. Makna pinggiran bagi kata *jalang* turut diperluas dengan merujuk kepada perempuan yang melakukan pekerjaan menjual diri, iaitu pelacur. Kata *jalang* mempunyai makna yang tidak berkonotasi negatif pada abad ke-19, tetapi berubah menjadi kata yang berkonotasi negatif pada abad

ke-21. Dalam data *korpus DBP* kata *jalang* menunjukkan data seperti berikut:

1. Wanita *****jalang***** terbabit lazimnya berada di negara ini untuk menjalankan aktiviti pelacuran itu selama beberapa bulan
2. Tuduhan bahawa dia menyimpan perempuan *****jalang***** terlalu berat untuk diterima
3. Ibu bapa saya kerap memanggil diri saya *****jalang***** , sundal, pelacur

Kata *jalang* dalam ayat (1),(2),(3) menunjukkan kata *jalang* mempunyai makna yang negatif dan dikaitkan dengan perempuan. Hampir kesemua kata *jalang* yang diguna pakai oleh masyarakat kini merujuk kepada perempuan yang melacurkan diri dan mempunyai akhlak yang tidak baik. Hal ini berbeza dalam data yang ditemukan dalam *Korpus Teks Melayu Lama*. Data menunjukkan penggunaan kata *jalang* seperti berikut:

1. Maharaja Sura itu seraya berburu kerbau *****jalang***** dan menikam seladang, dan memikat berkik
2. Marilah kita muslihatkan kerbau *****jalang***** yang tiada berguna kepada tuan-tuan sekalian itu

Penggunaan kata *jalang* pada zaman dahulu hanya merujuk kepada haiwan yang berkeliaran. Penelitian terhadap dua korpus data menunjukkan kata *jalang* telah mengalami perubahan makna dan rujukan.

Peluasan makna positif (kerbau jalang tidak berkonotasi negatif) kepada negatif yang disebut sebagai peyorasi memberikan tanggapan bahawa terdapat perubahan dari segi sosial dalam ruang lingkup kehidupan masyarakat Melayu. Ketiadaan makna pinggir pada awal abad ke-19 dapat ditafsirkan bahawa belum wujud pekerjaan yang memerlukan seseorang perempuan itu menjual diri di alam Melayu pada masa itu. Hal ini bukan bertujuan untuk melindungi kegiatan tidak bermoral yang berlaku dalam masyarakat pada masa itu kerana *kamus Marsden* sendiri didapati ada mencatatkan perkataan *bermukah* yang dipadankan dengan perkataan pada masa ini, iaitu *berzina*, namun kelakuan tersebut tidak dijadikan sebagai satu pekerjaan untuk mendapatkan sumber rezeki.

Perubahan sosial yang berlaku dalam masyarakat perlu disandarkan pada sejarah dan peristiwa yang berlaku selepas abad ke-19. Choon (2013) menerusi ruangan *Annual Retrospect for the Year 1863* dalam *Singapore Free Press* pada 25 November 1853 mengatakan bahawa kegiatan pelacuran bermula sebaik sahaja ketibaan wanita imigran Cina pertama yang tiba di Negeri-Negeri Selat pada 1853. Peristiwa ini menjelaskan bahawa kegiatan pelacuran bukan lahir daripada lingkungan masyarakat Melayu pada asalnya tetapi kegiatan tersebut berkembang disebabkan oleh faktor kemasukan imigran ke Tanah Melayu. Kegiatan ini lama-kelamaan menular dalam masyarakat sehingga timbulnya kata *jalang* untuk merujuk perempuan jahat dan pelacur. Di samping itu, abad ke-19 merupakan zaman moden akhir Melayu (Collins, 2005) yang merupakan zaman kemasukan kolonial di alam Melayu, iaitu pengaruh asing mula menyerap masuk. Choon (2013) turut mengatakan bahawa isu pelacuran mula dibincangkan oleh para sarjana kerana kegiatan tersebut didapati

berkembang pesat dan mendatangkan masalah sosial pada zaman pentadbiran kolonial.

Kata *Dendam*

Penelitian kedua ialah kata *dendam*. Kata *dendam* pada entri carian *da* dalam *kamus Marsden* diberikan makna sebagai:

- i. *to desire, expect with desire*

Kata *dendam* dijelaskan penggunaannya dengan memberikan contoh ayat seperti *Sangat rindu dendam akan ayahanda dan bondanya*, manakala dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat*, kata *dendam* mempunyai dua erti, iaitu:

- i. dendam ~ berahi perasaan cinta dan kasih yang amat sangat terhadap seseorang
- ii. dendam ~ hati perasaan (keinginan) hendak membalas perbuatan seseorang (biasanya perbuatan jahat)

Kata *dendam* dalam kedua-dua buah kamus masih memberikan pemaknaan yang menggambarkan perasaan rindu atau sayang yang dipendam (Karl G. Heider, 2011). Namun begitu, abad ke-21 menunjukkan bahawa makna *dendam* mengalami penambahan makna dengan memberikan maksud keinginan hendak membalas sesuatu perbuatan yang lazimnya berkaitan dengan perbuatan jahat. Hasil penelitian menunjukkan bahawa makna kata *dendam* pada masa ini lebih cenderung kepada makna yang bersifat negatif, iaitu perbuatan yang hendak membalas perbuatan seseorang, lazimnya perbuatan jahat. Hal ini dapat dilihat dalam data *korpus DBP* yang menunjukkan kata *dendam* yang merujuk kepada makna membalas sesuatu perbuatan yang lazimnya berniat jahat. Dalam data korpus terdapat ayat seperti yang berikut:

1. Tetapi berpunca daripada arak, perpaduan yang terjalin erat sebelumnya berubah kepada permusuhan, perbalahan serta *****dendam***** antara satu sama lain.

2. Siasatan terhadap kes itu juga berkisar kepada motif cemburu yang berakhir dengan pembalasan *****dendam*****.

3. Namun, apabila seseorang itu mempunyai hati yang keras dan penuh *****dendam*****, maka amat sukar sekali untuk memaafkan orang lain.

Penggunaan kata *dendam* dalam contoh ayat di atas menunjukkan bahawa suatu perbuatan negatif yang tidak seharusnya dilakukan. Kata *dendam* juga digandingkan dengan perkataan yang lain yang mengandungi makna negatif seperti permusuhan, perbalahan, dan cemburu. Situasi ini jelas menunjukkan bahawa kata *dendam* pada masa ini dikaitkan dengan perbuatan ingin membalas yang disertai dengan perasaan marah.

Penelitian terhadap kata *dendam* dalam teks Melayu lama dalam korpus DBP mendapati bahawa kata tersebut diringi dengan kata *kesumat* yang disebut sebagai *dendam kesumat*. Kata *kesumat* dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* diberikan maksud permusuhan dan kebencian yang diiringi bersama dengan kata *dendam*. Hal ini dapat dilihat dalam contoh ayat teks Melayu lama seperti yang berikut:

Kini tuan panglima bermusuhan dengan Cao Cao kerana pembunuhan bapa, di samping itu tuan ada *****dendam kesumat***** dengan pihak Long Xi.

Dalam contoh ayat di atas, dapat dijelaskan di sini bahawa masyarakat pada zaman dahulu menggunakan kata *dendam* untuk menggambarkan perbuatan yang ingin membalas

dengan niat jahat, dengan menggabungkan dengan perkataan yang lain yang disebut serentak, iaitu *dendam kesumat*. Hal ini juga turut dinyatakan oleh Heider (2011) bahawa kata *dendam* tidak dapat dipisahkan dengan kata *kesumat*. Sekiranya dilihat menerusi data korpus Melayu lama, kata *dendam* lazimnya tidak berdiri sendiri kerana terdapat perkataan yang lain yang berangkaian dengannya, sama ada sebelum ataupun selepas. Sebagai contoh, frasa *rindu dendam* diungkapkan untuk menggambarkan perasaan rindu yang tidak tertahan, manakala frasa *dendam kesumat* diujarkan untuk menyatakan perasaan benci, marah atau perbalahan yang tidak tertahan. Namun begitu, dalam tempoh yang panjang, kata *dendam* mulai berdiri sendiri tanpa ada perkataan lain yang mendahuluinya atau mengikutinya dan maknanya dapat ditanggapi oleh para pengguna bahasa Melayu sendiri.

Dendam atau Damdam

Selepas meneliti *kamus Marsden*, kata *damdam* dijumpai dan diberi maksud sebagai:

Damdam ~ malevolence, malice, grudge

Kata *damdam* yang diterjemahkan sebagai *malevolence*, *malice*, dan *grudge* membawa maksud perbuatan yang ingin membalas dengan niat jahat. Marsden memberikan contoh penggunaan kata *damdam* seperti dalam frasa *menaruh damdam*. Kewujudan kata *damdam* bukan suatu kesilapan ejaan kerana kata *dendam* dan *damdam* diasingkan sebagai kata masukan yang berbeza dan diberikan takrifan yang berbeza. Begitulah juga halnya di dalam *kamus Bowrey* yang diterbitkan pada 1701 yang menunjukkan bahawa kata *dendam* dan *damdam* diasingkan sebagai kata masukan yang berbeza. Bowrey (1701) memberikan maksud *dendam* dan *dandam* sebagai:

- i. Dendam ~ to desire, expect with desire, long for
- ii. Damdam ~ secret malice, envy, hatred, revenge

Takrifan kata *dendam* dan *damdam* dalam *kamus Bowrey* sama seperti dalam *kamus Marsden*. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kata *dendam* dan *damdam* sebenarnya merupakan dua perkataan yang berbeza dan mempunyai makna yang juga berbeza. Hal ini memberikan satu kesimpulan bahawa telah berlaku perubahan daalam sebutan dan ejaan. Salah satu sebab penyebutan sesuatu kata berubah disebabkan ejaan mengalami perubahan kerana sesuatu kata disebut berdasarkan ejaannya. Berlakunya perubahan sebutan kata *damdam* kepada kata *dendam* disebabkan oleh pertukaran sistem tulisan daripada sistem tulisan Jawi kepada Rumi yang menghilangkan sebutan asalnya (lihat Amran Kasimin, 1976, Hashim Musa, 2006). Amran (1976) pernah mengatakan bahawa kata Arab dalam bahasa Melayu mengalami perubahan sebutan kerana kata tersebut ditulis dalam bentuk ejaan Rumi. Oleh itu, sesuatu kata boleh hilang penyebutan asalnya disebabkan penukaran sistem ejaan.

Collins (2005) mengatakan bahawa abad ke-20 merupakan abad untuk bahasa Melayu moden akhir kerana ejaan Jawi mulai digantikan dengan ejaan Rumi yang meliputi buku, akhbar, dan teks. Pentadbiran British menyebarkan sistem tulisan Latin dalam sistem pendidikan, dan pentadbiran menyebabkan ejaan tersebut mulai diguna pakai dan menggantikan ejaan Jawi. Pada 1904, ejaan bahasa Melayu Rumi diusahakan oleh Wilkinson untuk digunakan secara rasmi di semua sekolah kerajaan di semenanjung

Tanah Melayu. Kemudian usaha tersebut diteruskan oleh Za'aba pada 1924 yang dikenali sebagai Ejaan Sekolah. Selepas kemerdekaan, sistem ejaan Rumi dimantapkan dengan pengisytiharaan secara rasmi 16 Ogos 1972 dengan menggunakan Ejaan Rumi Baharu Bahasa Malaysia. Peristiwa penukaran sistem ejaan Jawi kepada Rumi menyebabkan berlaku pengubahsuaian penyebutan yang menghilangkan penyebutan asal.

IMPLIKASI

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk meneliti perubahan linguistik yang terdapat dalam kamus yang diterbitkan pada abad ke-19 dan pada abad ke-21. Penelitian yang dilakukan bertujuan untuk melihat aspek semantik dan kaitannya dengan perubahan sosial masyarakat. Kajian seperti ini dapat memberikan kefahaman kepada ahli linguistik dan orang awam mengenai pemaknaan asal sesuatu kata dan memberikan penjelasan sebab berlakunya perubahan makna kata akibat daripada perubahan sosial masyarakat dengan menghuraikannya dari sudut pandangan sejarah. Kajian ini juga secara langsung dapat membuka fikiran para pengkaji bahasa untuk meneliti bidang linguistik dengan tidak meminggirkan faktor luaran linguistik.

Kajian ini juga dapat menunjukkan bahawa kajian perkamusan bukan sahaja dapat memberikan petunjuk kebahasaan, bahkan pada masa yang sama, dapat mengungkap sosial budaya sesebuah masyarakat. Dalam pada itu juga, penelitian ini mendapati bahawa:

1. *Kamus Dewan Edisi Keempat* tidak mengutamakan makna yang sering digunakan dan difahami serta diterima pakai oleh masyarakat pada masa kini. Hal ini dapat dilihat melalui susunan keutamaan makna. Sebagai contoh, kata *jalang* yang merujuk kepada *haiwan berkeliaran* diberikan penomboran 1, manakala kata *jalang* yang merujuk kepada *perempuan menjual diri* diberikan penomboran 2. Susunan keutamaan makna seperti ini boleh menyebabkan kekeliruan kepada bukan penutur natif di Malaysia yang berbilang kaum kerana beranggapan bahawa makna yang pertamalah yang diterima pakai dan kerap digunakan. Sebagai sebuah kamus utama di Malaysia haruslah memberikan padanan makna yang mengikut perkembangan semasa.
2. *Kamus Dewan Edisi Keempat* tidak merekodkan kata *dendam* sedangkan kata tersebut wujud dalam korpus perkamusan Melayu. Hal seperti ini sangat sayang jika terlepas pandang kerana kata tersebut merupakan khazanah warisan Melayu.

Penelitian terhadap bahan perkamusan Melayu yang bersifat kebelakangan tidak sewajarnya dibiarkan tanpa adanya kajian yang lebih mendalam dilakukan kerana terdapat banyak lagi khazanah bahasa Melayu yang belum diterokai.

KESIMPULAN

Oleh sebab masyarakat sering berubah, maka bahasa pun turut berubah. Pengkajian tentang kebahasaan tidak boleh dipisahkan dengan masyarakat. Oleh itu, kajian ini menghuraikan faktor perubahan kata *jalang* dan *dendam* dari perspektif bidang linguistik dan bidang sejarah. Berdasarkan penelitian yang dilakukan, kata *jalang* dan *dendam* didapati bukan sahaja menunjukkan adanya peluasan makna dan peluasan kelas kata nama tetapi juga

menunjukkan adanya perubahan sosial masyarakat Melayu.

Penyandingan data linguistik pada sejarah mampu memberikan penjelasan yang lebih jelas tentang perubahan sesuatu kata. Tanggapan yang salah tentang sesuatu pemaknaan kata juga dapat dihindari tanpa perlu membuat sangkaan tanpa meneliti bukti sejarah dan peristiwa yang mendorong kepada perubahan sesuatu kata. Oleh itu, sememangnya penting aspek linguistik diteliti dengan memfokuskan faktor yang berlaku di luar bidang linguistik.

BIBLIOGRAFI

- Ahmad.I. (2002). *Perkamusan Melayu: suatu pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aman.R. (1998). Orang Melayu abad ke 17: Kajian lanjutan kosa kata Arkaik, morfologi, dan perubahan makna Kamus Bowrey. *Dewan Bahasa*, 11, 1003-1013.
- Baharom.N. et.al. (2009). *Kamus dan Perkamusan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Choon.G. (2013). *Pelacur imigran Cina di Pulau Pinang*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia
- Collins.T. (1999). *Kepiawaiian dan kepelbagaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins.T. (2001). Kamus Melayu dan ilmu perkamusan. *Dewan Bahasa*, 12, 22-30.
- Collins.T. (2005). *Bahasa Melayu bahasa dunia*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2013). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Edwards, E. D. dan Blagden, C. O.. (1939). A Chinese vocabulary of cham words on phrases. *Bulletin of the School of Oriental Studies*, 10 (1), 53-91.
- Guntur.H. (1985). *Pengajaran semantik*. Bandung: Angkasa.
- Hasrah.T. (2010). Menemui Matematik. *Discovering Mathematic*, 32(1), 45 – 55.
- Heider.G. (2011). *The Cultural Context of Emotion: Folk Psychology in West Sumatra*. United States: Palgrave Macmillan.
- Hitam.Y. (1961). Kamus Melayu sejak 1511. *Dewan Bahasa* 4, 151-161.
- Kader.M. (2009). Some aspects of seventeenth century Malay via Thomas Bowrey's bilingual dictionary published 1701. *Kemanusiaan*, 16, 83-114.
- Kasimin.A. (1976). *Arabic words in the Malay Vocabulary: a critical study of existing Malay Dictionaries*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Musa.H. (2006). Islam dan kebahasaan Melayu. *Pengajian Melayu*, 17, 34-89.
- Othman.A. (2010). *Perubahan aspek leksikal antara kamus Thomas Bowrey 1701 dengan kamus Dewan edisi keempat*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Omar.A. (1987). *Perkamusan Melayu: suatu penilaian*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Universiti Malaya
- Omar.A. (2008). *Perkamusan Melayu: dari jejak pengembara Pembangunan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Teeuw.A. (1961). *A critical Survey of studies on Malay and bahasa Indonesia*. Netherlands: Koninklijk Instituut voor Taal-, Land- en Volkenkunde.
- Thomas.B. (1701). *A Dictionary English-Malayo Malayo-English*. London: Sam Bridge.
- William.M. (1812). *Dictionary of the Malayan Language*. New York: Book for Libraries Press.



Bahasa Melayu sebagai Medium Perantara Komunikasi Diplomatik Kerajaan Nusantara

Salmah Jan Noor Muhammad

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM, Serdang, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Komunikasi diplomatik merupakan bentuk komunikasi rasmi, sama ada secara lisan mahupun tulisan yang dizahirkan melalui penghantaran utusan dan warkah diraja dalam menjayakan penyatuan hubungan, sama ada kerajaan nusantara seperti kerajaan Sriwijaya, Melaka, Kedah Tua, Siam ataupun di luar ruang lingkup nusantara seperti Belanda dan British. Komunikasi diplomatik yang menggunakan bahasa Melayu sebagai perantara untuk menyampaikan mesej diplomatik ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu mempunyai standard dan kualiti pengucapan tinggi dalam kepelbagaian rancam dan ragam yang telah membawanya kepada tahap pencapaian pengiktirafan sebagai Lingua Franca kerajaan nusantara. Justeru, makalah ini akan menggunakan naskhah Melayu dan dokumen sejarah, khususnya warkah diraja untuk dijadikan sebagai bahan perbincangan untuk menganalisis, dan seterusnya merumuskan kekuatan bahasa Melayu sebagai perantara komunikasi diplomatik kerajaan nusantara.

Kata Kunci: bahasa Melayu, komunikasi, diplomatik, lingua franca, kerajaan

Malay Language as the Medium of Diplomatic Communication for the Government of Archipelago

ABSTRACT

Diplomatic communication is the official communication either verbal or written form that is used to unify the relationship of Malay's archipelago government such as Sriwijaya, Malacca, Kedah Tua, Siam or outside the region like Netherlands and British. The Diplomatic communication uses Malay language as a language intermediary to deliver diplomatic messages which illustrated the Malay language as a high quality and standard expression/

INFO MAKALAH

Pewasitan Makalah:

Dihantar: -

Diterima: -

E-mel:

salmahjan@upm.edu.my (Salmah Jan Noor Muhammad)

communication with diversity enrichments that elevated it as the government Lingua Franca. Hence, this article will use Malay manuscripts and historical documents, specifically royal letters as discussion materials. These materials are to be analysed in order to formulate the Malay language strength as the medium of Diplomatic Communication for Archipelago's Government.

Keyword: Malay language, communication, diplomatic, lingua franca, government e-mel:

PENGENALAN

Komunikasi merupakan medium perantara manusia untuk menjalinkan hubungan dua hala yang berlaku secara lisan mahupun tulisan. Menurut Sulaiman Masri (1997), komunikasi bermula apabila satu mesej daripada pengirim dipindahkan menerusi alat atau saluran tertentu kepada penerima yang kemudiannya memberikan maklum balas terhadap mesej tersebut. Sementara itu, Abdul Aziz Yusof (2003) berpendapat bahawa komunikasi ialah proses yang melibatkan penyampaian idea dan perasaan kepada pihak lain. Komunikasi ini berjaya apabila diiringi dengan sifat toleransi, berdiplomasi dan wujudnya perasaan untuk memahami antara satu sama lain. Perkara ini akan mewujudkan persefahaman antara pihak yang terlibat, terutamanya hubungan diplomatik. Diplomatik ialah sesebuah hubungan yang terjalin atas dasar permuafakatan untuk mencapai matlamat masing-masing.

Dalam kerajaan nusantara, misalnya kerajaan Melaka, Aceh, Johor, Kedah, komunikasi diplomatik sangat ditekankan. Hal ini penting untuk memudahkan kerajaan yang terlibat berinteraksi secara dekat, di samping dapat mengenal pasti kelebihan masing-masing. Menurut Mohd Jamil Mukmin (2011:71), tujuan utama sesebuah kerajaan menjalinkan hubungan diplomatik dengan beberapa kerajaan besar adalah untuk mengelakkan ancaman musuh yang mengganggu urusan pemerintahan dan pentadbiran kerajaan berkenaan. Misalnya, hubungan Aceh dan Turki. Sultan Iskandar Muda Johan Pahlawan Mahkota Alam (1590-1636), iaitu pemerintah kerajaan Aceh Darussalam telah menghantar utusannya ke Turki (Rom) dengan membawa hadiah. Kunjungan tersebut diterima baik oleh Khalifah Turki Uthmaniyah dan baginda telah mengirim hadiah balasan berupa sebuah meriam dan penasihat militer untuk membantu memperkuat angkatan perang kerajaan Aceh (Fadhullah Jamil, 1984:40). Tindakan Sultan Iskandar Muda Johan Pahlawan Mahkota Alam tersebut adalah untuk menguatkan ketahanan dan pertahanan kerajaan baginda daripada ancaman musuh luar. Dalam hal ini, ternyata bahawa hubungan diplomatik merupakan suatu aspek penting dalam membantu perkembangan pembangunan sesebuah kerajaan, khususnya dari aspek politik. Oleh demikian, sesebuah kerajaan akan berusaha untuk membentuk, mengatur, menyusun serta mengawal jalinan hubungan diplomatik dengan teliti agar hubungan yang terjalin itu tidak mudah terganggu dengan ancaman luar (Salmah Jan & Hashim Musa, 2015: 230).

Selain itu, terdapat faktor utama yang menjadi intipati penting dalam merealisasikan komunikasi diplomatik, iaitu kedudukan bahasa Melayu sebagai lingua franca. Menurut James. T. Collins (1999) dan Awang Sariyan (2006), Kebitaraan bahasa Melayu pada abad ke-16 dan ke-17 dapat dirumuskan dengan kenyataan bahawa bahasa tersebut telah mencapai taraf bahasa antarabangsa, terutama dengan kedudukannya sebagai bahasa

diplomatik, bahasa perdagangan sedunia, bahasa penyebaran agama besar dunia dan bahasa sastera. Fungsinya sebagai bahasa diplomatik inilah yang akan dibincangkan dalam penulisan ini dengan menumpukan perbincangan kepada naskhah dan warkah Melayu pilihan sebagai rujukan utama untuk menganalisis dan merumuskan kekuatan bahasa Melayu sebagai perantara komunikasi diplomatik kerajaan nusantara.

METODOLOGI KAJIAN

Dalam memantapkan kajian ini, penulis menggunakan kaedah kualitatif yang bertujuan untuk mengumpulkan data dan maklumat dalam merungkaikan persoalan kajian yang wujud, iaitu tentang apakah kekuatan bahasa Melayu sebagai perantara komunikasi diplomatik kerajaan nusantara, dan bagaimanakah elemen kekuatan tersebut dapat melangsungkan hubungan diplomatik antara kerajaan yang direkodkan dalam naskhah dan warkah Melayu.

Terdapat tiga tahap tatacara kajian yang dirancang dalam mengemukakan penulisan ini, iaitu pengumpulan data, penganalisan data, dan rumusan. Pada tahap pengumpulan data, penulis akan melakukan penelitian terhadap bahan pilihan yang bersesuaian dengan objektif kajian. Setiap pembacaan terhadap kandungan bahan akan diteliti, terutamanya maklumat yang membincangkan tajuk kajian. Manakala pada tahap penganalisan data, perkara yang ditumpukan ialah berkenaan maklumat yang diperoleh daripada tahap pertama dan akan digunakan sebagai bahan perbincangan untuk menganalisis dapatan kajian. Hasil daripada analisis data tersebut, satu rumusan dapatan secara keseluruhan akan dilakukan untuk menghuraikan tajuk perbincangan.

ANALISIS PERBINCANGAN

Dalam penulisan ini akan dibincangkan kekuatan bahasa Melayu sebagai perantara komunikasi diplomatik dalam kerajaan nusantara dengan memfokuskan a) penggunaan kata pengiktirafan dan b) kesantunan berbahasa. Dua aspek ini merupakan perkara yang paling dominan digunakan oleh kerajaan dalam membentuk hubungan diplomatik dengan kerajaan lain.

Penggunaan Kata Pengiktirafan

Kata pengiktirafan begitu sinonim dengan kerajaan nusantara apabila ingin memulakan komunikasi diplomatik dalam menarik perhatian kerajaan yang dihajati. Tujuan kata pengiktirafan ini adalah untuk mengangkat martabat penerima, sama ada sebagai pemerintah yang berjaya, berpengaruh atau mempunyai etika dan moral yang baik. Menurut Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (2011: 216), pemberian pengiktirafan kepada seseorang individu itu akan melahirkan perasaan gembira kepada dirinya dan secara tidak langsung mereka akan memberikan tindak balas yang baik, sama ada dari segi perlakuan ataupun pertuturan kepada individu yang mengiktiraf kejayaannya. Manakala Shahrudin Abd Aziz (2006:205) mengatakan bahawa kata-kata pengiktirafan akan memberikan motivasi yang tinggi kepada seseorang individu. Lazimnya, kata-kata pengiktirafan ini terdapat

dalam warkah Melayu dan ditujukan kepada penguasa Barat seperti British dan Belanda. Antara kata pengiktirafan tersebut ialah *maha hebat, maha mulia, adil, berkuasa, terlalu arif, termahsyur, bijaksana* dan *saksama*.

Dalam Islam, perkataan pengiktirafan sedemikian hanya ditujukan kepada Allah s.w.t. Namun, dalam konteks ini, perkataan seperti ini diketengahkan hanyalah semata-mata kata pengiktirafan sesama manusia yang sama tarafnya. Kata pengiktirafan ini ditujukan kepada penguasa Barat adalah disebabkan mereka mempunyai kemahiran dalam kebijaksanaan mengatur strategi peluasan kuasa atau empayar dan peribadi diri yang boleh dijadikan sebagai motivasi kepada sultan Melayu.

Menurut Ab. Razak Ab. Karim (2002:172), perkataan ‘maha’ digunakan untuk menunjukkan bahawa seseorang itu memiliki sifat yang tidak ada tolok bandingnya pada waktu itu, dan beliau mengkategorikan perkataan ‘yang maha mulia’ ini sebagai kaedah perbandingan. Kaedah perbandingan digunakan untuk menunjukkan kelebihan penerima warkah itu. Sementara itu, Asmah Omar (1982:61) mengatakan bahawa kata ‘maha’ yang digunakan sebelum kata sifat atau adjektif berfungsi sebagai penanda darjah kepalingan dan membawa maksud ‘agung,’ ‘besar’ atau ‘tinggi.’ Frasa ‘yang maha mulia’ itu sangat bersesuaian kepada penerima yang telah menguasai beberapa kerajaan.

Diperturunkan beberapa contoh warkah yang menggunakan kata pengiktirafan sebagai komunikasi diplomatik dalam bentuk tulisan. Misalnya, warkah kerajaan Siak kepada Lord Minto:

- i. Surat Sultan Abdul Jalil Khaliluddin dari Siak kepada Lord Minto, 7 Jamadilawal 1226 (30 Mei 1811)

...maka barang disampaikan Tuhan seru alam kiranya kepada sahabat kita Tuan Besar Paduka Seri Maharaja Gilbert Eliot Lord Minto Yang Diperatuan Besar yang maha mulia Gurnur Jeneral Raja segala daerah negeri Benggala dan Hindistan dan Keling dan Surat dan Guzerat dan Mahalangka dan pada sekalian tanah Turkestan negeri yang besar2 yang ada takluk di bawah bendera raja2 maha besar negeri Inggris yang **maha mulia** yang semayam di atas tahta singgasana kerajaan negeri Benggala, yang telah beroleh daripada **pangkat yang kebesaran dan kemuliaan** lagi kepengiktirafan pada tiap2 buldan timur dan barat serta melimpahkan **hukum yang keadilan** lagi kemurahan dengan lemah lembut.

(Gallop, Annabel.T., 1994:218)

Selain contoh warkah di atas, terdapat contoh warkah lain yang menggunakan kata pengiktirafan, iaitu warkah yang dikirimkan oleh Sultan Ahmad I Terengganu kepada Jeneral Belanda di Betawi, bertarikh 18 Rajab 1239 (19 Mac 1824).

Ke hadapan Tuan Jeneral yang amat kuasa didalam mashriq dan maghrib, yang mendiami diatas takhta kerajaan dan kebesaran di dalam negeri Betawi, yang telah **termasyhur** dengan segala daerah takluknya semuanya di bawah perintah hukumnya, yang **amat setiawan dan lagidermawan**, bertambah-tambah pula dengan budi pekerti yang amat ramah perandai yang lemah lembut dengan sempurnanya serta **arif bijaksana** pada melakukan atas jalan berkasih-kasih dan bertolong-tolongan dengan segala handaitaulannya, karib dan ba'id. Dan lagi ialah yang teramat teguh setianya selama-lamanya yang tiada berubah.

(Gallop, Annabel.T., 1994:225)

Kata pengiktirafan paling indah ini mencerminkan kecekapan kerajaan Melayu nusantara dalam seni kreativiti surat menyurat yang kaya dengan protokolnya, susun atur perkataan dan pemilihan perkataan yang ingin ditekankan atau ditujukan kepada penerimanya. Juru tulis yang dipertanggungjawabkan untuk menyurat warkah ini, sudah tentu mahir dalam ilmu bahasa, komunikasi dan diplomatik. Bahkan bukan itu sahaja, kata pengiktirafan yang digunakan ini sudah tentu bertujuan untuk merangsang emosi dan dapat mempengaruhi pemikiran penguasa Barat untuk menjalinkan hubungan diplomatik dengan kerajaan nusantara, sementelahan pula komunikasi diplomatik ini ialah komunikasi yang berbentuk tulisan, iaitu tidak memerlukan kehadiran sultan untuk berhadapan dan berbicara bersemuka dengan penguasa Barat. Di sinilah, kecekapan komunikasi diplomatik kerajaan nusantara dalam menjadikan bahasa Melayu sebagai perantara yang mampu menciptakan suasana kemesraan, keselesaan, keakraban, dan muhibah antara dua bangsa yang membawa kepada pembinaan hubungan diplomatik yang harmoni. Menurut Abd Jalil Borham (2002:72), situasi ini akan memperlihatkan imej sultan Melayu sebagai sultan yang berwibawa.

Selain itu, penggunaan kata pengiktirafan ini juga menjadi ikutan penguasa Barat apabila menulis warkah kepada kerajaan nusantara. Hal ini membuktikan bahawa bahasa komunikasi diplomatik ini digemari dan berjaya menarik perhatian mereka. Tidak dinafikan, kata pengiktirafan menggunakan ayat yang gramatis dan kaya dengan keestetikaannya, di samping susunan ayat yang teratur dan sarat dengan kelembutan yang memperlihatkan jiwa dan jati diri Melayu asli. Asma Abdullah (2009:24) mengatakan bahawa orang Melayu terkenal dengan sifat kolektivistiknya, iaitu menekankan keperluan untuk menjaga perhubungan harmoni dalam persekitaran sosial.

Contoh kiriman warkah oleh penguasa Barat yang menggunakan kata pengiktirafan dalam bahasa Melayu.

- i. Surat R.de Klerk di Batavia kepada Sultan Muhammad Bahauddin dari Palembang, pada tarikh 7 Mei 1779 Masihi.

...Bahawa Gurnador Jenderal Reynier de Klerk dan sekalian Raden van India berkirin ini surat ikhlas sahabat-bersahabat dan berkasih² kepada sahabat handai taulannya Paduka Seri Sultan Ratu Muhammad Bahauddin, raja atas kerajaan Palembang, dipohonkan atasnya sihat dan afiat serta daulat dan segala berkat yang boleh membahagiakan para sendirinya...

(Gallop, Annabel.T., 1994:199)

- ii. Surat t.s Raffles kepada Sultan Johor, 22 Zulkaedah 1225 (19 Disember 1810)

Ini surat kepada Sultan Mahmud di Lingga. Surat tulus ikhlas serta dengan kasih sayang yang tiada berkesudahan selagi ada peredaran cakrawala matahari dan bulan, daripada beta Seri Paduka Thomas Raffles Esquire...ke hadapan sahabat beta Sultan Mahmud yang mempunyai tahta kerajaan pada segala daerah tanah Johor, yang ada semayam di dalam negeri Lingga serta dengan limpah makmurnya daripada Tuhan seru alam serta bijaksana kira mahsyur sampai ke mana²

(Gallop, Annabel.T.,1994: 208)

Kata pengiktirafan merupakan cerminan kekuatan bahasa Melayu, khususnya perihal dalam memberikan penghargaan kepada penerima mesej diplomatik. Selain itu, kata pengiktirafan yang digunakan oleh kerajaan Melayu juga terserlah dengan sifatnya yang konstruktif dan penuh keikhlasan pemerintah kerajaan Melayu dalam usaha menyampaikan hajat atau matlamat menjalinkan dan mengekalkan hubungan diplomatik. Kata pengiktirafan bukan semata-mata bertujuan mengiktiraf seseorang, malahan dari aspek tersiratnya ialah rasa hormat, adab dan jati diri orang Melayu apabila berurusan dengan orang lain.

Kesantunan Berbahasa

Menurut Vallentijn (1884:53), orang Melayu itu sangat cantik, sangat pintar dan manusia yang sangat santun di seluruh Asia. Juga sangat baik, pembersih dalam cara hidupnya dan

pada umumnya begitu rupawan sehingga tidak ada manusia lain yang boleh dibandingkan dengan mereka. Pendapat Vallentijn ini menggambarkan bahawa masyarakat Melayu itu kaya dengan kesantunan. Keadaan tersebut disebabkan oleh bangsa Melayu yang sememangnya memiliki peribadi yang istimewa, selain terkenal dengan ciri ketimuran seperti lemah-lembut, beradab dan berbudi bahasa. Menurut Hashim Musa (2008: 114-115) pula, sifat santun dan kesantunan boleh didefinisikan sebagai halus budi bahasa dan pekerti dalam kelakuan berinteraksi dan berkomunikasi supaya terhindar daripada konflik dan persengketaan dengan pendengarnya dan sentiasa menjaga air muka mereka. Dalam pengertian orang Melayu, kesantunan seharusnya dikaitkan dengan tiga komponen keperibadian atau sahsiah seseorang manusia, iaitu perangai, tutur kata dan hati budinya. Menurut Asmah Omar (2007 : 1-5), ada pelbagai ungkapan dalam bahasa Melayu yang menggambarkan tingkah laku yang diingini oleh masyarakat dan dianggap sopan dan santun. Antaranya ialah budi bahasa, adab tertib, budi pekerti, sopan santun, etika dan etiket.

Thomas (1996:158) berpendapat bahawa kesantunan berbahasa juga dapat didefinisikan sebagai strategi yang digunakan oleh penutur terhadap pendengar dalam usaha mencapai pelbagai matlamat, seperti memelihara perhubungan yang harmonis. Dengan demikian, kesantunan berbahasa dapat dijadikan sebagai aset pencetus kepada pembinaan sesebuah hubungan persaudaraan, dan sebagainya. Hal ini kerana, seseorang yang menjaga kesantunan semasa berbahasa akan berjaya menakluki hati orang lain, apatah lagi sekiranya ia diiringi dengan lakuan yang baik.

Lazimnya, rakyat mencerminkan rajanya. Dalam pengertiannya, perangai, tutur kata, dan hati budi yang dizahirkan oleh rajanya akan terpancar daripada rakyatnya. Dalam komunikasi diplomatik, perkara ini penting dalam mempengaruhi sesebuah hubungan. Menurut Aronson (2001:244); Kanungo (2001:257) ; Trevino, Brown dan Hartman (2003:5) dalam sesebuah organisasi, sikap, dan tingkah laku pemimpin memberikan impak kepada perlakuan anggota organisasi dan seterusnya ini akan mempengaruhi prestasi organisasi. Raja yang diibaratkan pemimpin di sini sememangnya mempunyai hubungan yang akrab dengan rakyatnya. Hal ini juga disebutkan dalam *Sulalatus Salatin*:

Rakyat itu umpama akar, dan raja itu umpama pohon; jikalau tiada akar nescaya pohon tiada akan dapat berdiri.

(A.Samad Ahmad, 2010:172)

Tujuan utama kesantunan berbahasa dalam komunikasi diplomatik ialah mengelakkan perselisihan dan ketidakselesaan, untuk membina persefahaman, dan menjaga air muka seseorang. Menurut Brown dan Levinson (1987:62), kesantunan berbahasa juga boleh mengurangkan tindakan ancaman. Hal ini kerana, kebiasaannya kesantunan berbahasa dalam bahasa Melayu menonjolkan sifat rendah hati, menekankan nada hormat dan intonasi yang sesuai dengan persekitaran. Sesiapa yang mendengar dan berkomunikasi dengan orang Melayu akan mudah tertawan.

Kesantunan berbahasa jelas tergambar menerusi warkah yang dikarang oleh Tun Perak kepada kerajaan Siam untuk menjalinkan hubungan diplomatik. Warkah ini terdapat dalam *Sulalatus Salatin* dan berbunyi seperti berikut:

*Hendak tidak dilawani, takut mudarat ke atas nyawa;
sungguhpun dilawani, terlalu takut Paduka Bubunnya.
Daripada sangat harap akan ampun dan kurnia, maka
menyuruhkan Tun Telanai dan Menteri Jana Putera.
Kemudian maka kata-kata yang lain pula. Maka Sultan
Mansur Syah pun berkenanlah mendengar bunyi surat itu.*

(A.Samad Ahmad, 2010:108)

Kesantunan berbahasa juga dapat dilihat menerusi petikan di bawah yang melibatkan hubungan Melaka dan Benua Keling dalam *Hikayat Hang Tuah*. Rombongan Melaka telah diketuai oleh Hang Tuah. Di bawah ini contoh petikan yang dimaksudkan:

*Maka sembah Laksamana, “Ya Tuanku Syah Alam, patik
ini peranakan Melayu, tetapi patik dari kecil-kecil pergi
ke Majapahit; maka patik belajar mengaji bahasa Keling
pada seorang Lebai; sebab itulah maka patik mengerti
sedikit akan bahasa Keling ini, tuanku”*

(Kassim Ahmad, 1997: 393).

Seterusnya, dialog antara Tengku Anom dengan Chao Phya dalam *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* juga menunjukkan kesantunan berbahasa dalam bahasa Melayu. Dialog ini merupakan perbincangan untuk mempertautkan semula hubungan diplomatik antara Kedah dengan Siam.

*Maka sembah Tengku Anom, “perhamba terima-lah
seperti titah itu. Jika perhamba tiada terima barangkali
akan menjadi kemurkaan Xhao Phya kepada perhamba,
dan perhamba memohon sa-puchok surat Chao Phya
supaya perhamba mendapat lempah tuah daripada surat
Chao Phya itu dan supaya perhamba terpelihara daripada
kesusahan dan supaya perhamba di-takut oleh sakalian isi
negeri Kedah itu.”... Maka Chao Phya Ligor pun sangat
suka hati-nya lalu diperbuat-nya surat...*

(Mohd Zahid Mohd Shah, 1968:160)

Sifat rendah hati, ungkapan yang indah dan puitis yang lahir daripada petikan di atas menjadi penguat dalam bahasa Melayu sebagai perantara komunikasi diplomatik. Bahasa Melayu yang terzahir daripada elemen ini, iaitu kesantunan berbahasa telah membuktikan bahawa bahasa ini dapat menerobos jiwa seseorang. Buktinya, kesan penerimaan positif pemerintah kerajaan lain terhadap kesantunan berbahasa orang Melayu.

a) Kesan warkah yang dikirim oleh Tun Perak kepada Raja Siam :

...surat itu dibaca oleh jurubahasa. Setelah diketahui ertinya, maka terlalu sukanya mendengar bunyi surat itu. Maka titah baginda Paduka Bubunnya kepada Tun Telanai, "Siapa mengarang surat ini?" Maka sembah Tun Telanai, "Mangkubumi raja Melaka, tuanku." Maka titah Paduka Bubunnya, "Bukan layak Mangkubumi Melaka, layaknya Mangkubumi aku; ..

(A.Samad Ahmad,2010: 109)

b) Kesan dialog antara Hang Tuah dan Raja Kisyna Rayan, Raja Benua Keling

Setelah dilihat oleh Kisna Rayan akan Laksamana datang itu, maka diperamat-amatinya oleh Kisna Rayan Laksamana berjalan itu, terlalu muhtasyam dengan merendahkan dirinya, terlalu baik barang lakunya dan sikapnya berjalan di hadapan Kisna Rayan itu. Maka fikir baginda, 'Adapun Laksamana itu terlalu baik sekali sikapnya, patut menjadi hulubalangku dan seratus buah negeri dipegangnya danuduknya di atas segala hulubalangku.'

(Kassim Ahmad, 1997: 397)

c) Kesan dialog antara Tengku Anom dan Chao Phya, :

Maka Chao Phya Ligor pun sangat suka hati-nya lalu diperbuat-nya surat dan diberikan kepada Tengku Anom Raja Jambangan.

(Mohd Zahid Mohd Shah, 1968:160)

Hashim Musa (2008 : 121) berpendapat bahawa untuk menjadikan sesuatu ucapan, mudah dan ungkapan bahasa itu indah, maka diksi dan makna yang dipilih harus benar, tepat, wajar, simbolik, memiliki alunan ritma dan irama, berpuitis dan boleh menggamit serta menarik hati dan budi pendengarnya seperti gaya yang digunakan dalam karya sastera. Pendapat beliau ini selari dengan reaksi balas yang ditunjukkan oleh pemerintah berkenaan. Setiap ucapan yang dilafazkan oleh kerajaan Melayu akan pasti menimbulkan rasa keselesaan dan rasa gembira kepada pemerintah berkenaan. Hal ini berlaku kerana bahasa Melayu kaya dengan ciri kesantunan dan komunikatif. Selain itu, kesantunan itu bukan sahaja terzahir daripada pengucapan, malahan dari aspek perilaku dan tatacara berpakaian. Pendek kata, kesantunan berbahasa dalam bahasa Melayu itu menyeluruh, bukan sahaja menekankan aspek luaran seperti fizikal, malahan dalaman juga, iaitu hati budi.

Sementara itu, menurut Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (2002), kemahiran bertutur dan berbahasa dapat mempengaruhi kejayaan seseorang dalam kerjayanya, kehidupan

peribadinya, kebahagiaannya, dan malah juga turut mempengaruhi kesihatan mentalnya. Sebenarnya, penerapan kesantunan berbahasa bukan sahaja menekankan kemahiran bertutur namun ia berfungsi lebih daripada itu. Kesantunan berbahasa merupakan senjata yang paling ampuh untuk mengikat hati dan mempunyai kuasa untuk mempengaruhi serta meningkatkan keyakinan sesebuah kerajaan kepada kerajaan lain dan menjadi penguat kepada kerajaan Melayu untuk terus menjalinkan dan menebarkan hubungan diplomatiknya.

KESIMPULAN

Bahasa Melayu sebagai medium perantara komunikasi diplomatik kerajaan nusantara sememangnya telah membawa impak yang besar kepada hubungan diplomatik kerajaan seperti Melaka, Kedah, Johor dan Siak. Penggunaan bahasa Melayu menerusi kiriman warkah telah berjaya mengubah status permusuhan kepada persahabatan serta memberikan implikasi seperti peniruan penggunaan kaedah penulisan bangsa asing untuk menulis warkah kepada bangsa Melayu. Hal ini merupakan suatu perkara yang membanggakan orang Melayu dalam memperkukuh penggunaan bahasa Melayu ke nusantara dan ke dunia Barat.

Dalam perbincangan ini, kata pengiktirafan dan kesantunan berbahasa merupakan antara elemen penting dalam komunikasi diplomatik dan menjadi faktor sesebuah hubungan diplomatik berjaya. Kata pengiktirafan dan kesantunan berbahasa ini terserlah dan dapat mempengaruhi hubungan diplomatik disebabkan kekuatan bahasa Melayu. Bahasa Melayu kaya dengan ungkapan yang indah, sarat dengan adab dan tatasusilanya, penggunaanya terserlah dengan sifat sopan santunnya, berbudi bahasa, berilmu dalam memahami situasi. Nadanya lembut, namun tegas menyebabkan pendengar atau penerima mesej diplomatik ingin mengenalinya secara dekat. Kekuatan ini jugalah telah menebarkan dan mengiktiraf bahasa Melayu sebagai lingua franca pada suatu ketika dahulu. Hal ini berpadanan dengan contoh petikan di bawah yang menyatakan tentang hal tersebut:

Kalau hendak tahu orang berbangsa,
Tengok kepada budi dan bahasanya,
Dalam berkata berlemah lebut,
Dalam melangkah berpatut-patut,
Bila duduk tahu tempatnya, Bila tegak tahu adatnya.

Apa Tanda Melayu bertuah:
hemat cermat dalam melangkah,
Hemat cermat memelihara maruah,
Hemat cermat memelihara lidah,
Hemat bercakap cermat melangkah

(Hashim Musa, 2008:8&9)

BIBLIOGRAFI

- Ab.Razak Ab. Karim. 2002. *Aspek Penggunaan Bahasa dalam Warkah-Warkah Melayu: Satu Kajian*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya
- A.Samad Ahmad (Penyl.). 2010. *Sulalatus Salatin: Sejarah Melayu* (Edisi Kesepuluh). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd Jalil Borham. 2002. *Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Johor*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ab. Aziz Yusof. 2003. *Perubahan dan Kepimpinan*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Abdullah Hassan dan Ainon Mohd.2002. *Komunikasi di Tempat Kerja*. Bentong: PTS Publications & Distributors.
- Ainon Mohd dan Abdullah Hasan. 2011. *11 Teori Dan Prinsip Motivasi Di Tempat Kerja*. Batu Caves: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Aronson, E. 2001. Integrating Leadership Styles and Ethical Perspectives. *Canadian Journal of Administrative Sciences*, 18, 244-256.
- Asma Abdullah. 2009. *Ke arah glocal: dimensi budaya dalam pengurusan Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Asmah Omar. 1982. *Nahu Melayu Mutakhir* (Edisi Kedua.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2007. *Kesantunan Bahasa dalam Pengurusan Pentadbiran dan Media*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan, 2006. "Persuratan dan Peradaban Nasional Abad Ke-21: Gagasan dan Kerangka Strategi Untuk Peradaban Melayu" dlm.*Persuratan dan Peradaban Nasional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Brown, P. & Levinson, S. 1987. *Politeness. Some Universals in Language Usage*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Fadhulullah bin Jamil. 1984. Perhubungan antara Kerajaan Aceh dengan Semenanjung Tanah Melayu. Satu tinjauan sejarah di sekitar abad ke-16 hingga abad ke-17 Masihi. *Nusantara*, 12, 37-58.
- Gallop, Annabel.T. (1994). *Warisan Warkah Melayu*. London: The British Library.
- Hashim Musa. 2008. *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- James. T. Collins.1999.*Bahasa Melayu Bahasa Dunia: Sejarah Singkat*. Jakarta:Yayasan Pustaka Obor Indonesia.
- Kanungo, R. N. 2001. Ethical values of transactional and transformational leaders. *Canadian Journal of Administrative Sciences*, 18, 257-265.
- Kassim Ahmad (Penyl.). 1997. *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Yayasan Karyawan.
- Mohd Jamil Mukmin. 2011. Sejarah Hubungan Diplomasi Kerajaan Melayu: Satu Tinjauan. *Jurnal IKSEP*, 2, 71-90.
- Mohd Zahid bin Mohd Shah (Ed.). 1968. *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salmah Jan & Hashim Musa, 2015: Penerapan Mekanisme Diplomatik Islam dalam Naskhah Melayu Klasik. *Jurnal Pertanika Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu*, 2, 229-245.
- Shaharuddin Abd Aziz. 2006. *Mengaplikasi Teori Psikologi Dalam Sukan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications

and Distributors.

- Sulaiman Masri. 1997. *Komunikasi Berkesan: Penulisan Memo, Surat, Iklan, Laporan*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Thomas, J. (1996). *Meaning in Interaction: An Introduction to Pragmatics*. London and New York: Longman.
- Trevino, L. K., Brown, M., & Hartman, L. P. (2003). A Qualitative Investigation of Perceived Executive Ethical Leadership: Perceptions from Inside and Outside the Executive Suite. *Human Relations*, 56, 5-37.
- Valentijn, F. 1884. Description of Malacca. *JSBRAS*, 13, hlmn: 49–74.

Penggunaan Slanga dalam Kalangan Pelajar Kadazandusundi Universiti Pendidikan Sultan Idris

Minah Sintian

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia

ABSTRAK

Penggunaan bahasa slanga di institusi pengajian tinggi telah menjadi kajian di negara barat seawal 1851 dan menjadi kajian serius selepas tiga dekad selepas Perang Dunia Pertama. Kajian mendapati bahawa slanga berfungsi sebagai identiti sosial pelajar dan merupakan sebahagian daripada budaya pelajar. Slanga kerap digunakan dalam pertuturan berbanding dengan penulisan, dan diujarkan oleh kelompok tertentu untuk tujuan tersendiri. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kata leksikal slanga, fungsi, dan faktor timbulnya leksikal tersebut dalam kalangan pelajar Kadazan dusun. Seramai 20 orang pelajar etnik Kadazan dusun di Universiti Pendidikan Sultan Idris telah dipilih sebagai responden kajian. Data diperolehi menggunakan kaedah temu bual bersemuka jenis semi struktur. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar cenderung menggunakan bahasa slanga dalam kalangan kumpulan mereka sahaja atas tujuan gurauan, slogan dan melahirkan perasaan. Salah satu faktor pengungkapan leksikal slanga ialah bawaan daripada kebiasaan dalam persekitaran keluarga dan masyarakatnya di negeri Sabah. Antara perkataan dan frasa yang sering kali digunakan ialah “*sipag*”, “*haro harapan?*”, “*JKK*” dan “*mana saya tau, saya mabuk*”. Leksikal slanga yang diungkapkan tersebut mempunyai ciri kedaerahan, kosa kata dan sebutan etnisiti, selari dengan pengalaman hidup pelajar.

Kata kunci: slanga, identiti sosial pelajar, budaya pelajar, pelajar etnik Kadazan dusun, institusi pengajian tinggi, ciri kedaerahan, kosa kata dan sebutan etnisiti

The Use of Slang among the Kadazandusun Students in Sultan Idris Education University

ABSTRACT

Slang language usage in higher education institution has become a study in the western countries as early back to 1851 and had become popular three decades after the First World War. A study on the slang usage shows that it acts as

INFO MAKALAH

Pewasitan Makalah:

Dihantar: -

Diterima: -

E-mel:

minahsintian@fbk.upsi.edu.my (Minah Sintian)

student social identity and adapted into part of a student culture. Nevertheless, slang is prevalently used in conversation rather in writing and addressed by a certain group for private purposes. This study is also used to identify slang lexical words, function and the factor which give rise to the lexical itself by a group of Kadazandusun students. A group made of 20 students of the Kadazandusun ethnic studying in Sultan Idris Education University are selected as respondents in this study. The data obtained in this research utilized the semi-structured personal face to face interviews. Hence, the result from this study shows that students are more prevalent to using slang language in their community as common jokes, phrases and emotional expressions. One of the factors which give rise to slang lexical is due to its common use in the family and society environment in the Sabah state. Among the words and phrases used are “sipag”, “haro harapan?”, “JKK” and “mana saya tau, saya mabuk”. The expressed slangs lexical carries the characteristic of regionalism, ethnicity vocabulary and pronunciation, based on students life experiences.

Keywords: *Slang, student social identity, student culture, Kadazan Dusun ethnic students, higher education institution, characteristic of regionalism, ethnicity vocabulary and pronunciation*

PENGENALAN

Masyarakat yang kompleks membaaur dengan pelbagai ragam bahasa seperti dialek, slanga, jargon, kolokial, dan sebagainya. Ragam bahasa wujud untuk memenuhi keperluan sosialisasi penggunaannya. Fishman (1991), mengungkapkan bahawa setiap masyarakat bahasa yang kompleks menggambarkan keragaman bahasa yang membawa fungsi berbeza-beza antara satu sama lain. Ragam bahasa tersebut mewakili repertoir verbal. Perkara menarik tentang ragam bahasa menurut Fishman (1991) ialah, mempunyai perbendaharaan kata, sebutan, dan struktur frasa yang tidak digunakan ataupun tidak diketahui oleh masyarakat yang lebih besar.

Slanga merupakan salah satu jenis ragam bahasa yang telah agak lama digunakan oleh masyarakat gipsi, pencuri, paderi, ahli perniagaan, pelajar, penyanyi jalanan dan pemandu teksi. Kajian Luthfiar Laeis (2012), mendapati bahawa masyarakat kelas bawahan di kawasan kota Kabupaten Batang, Indonesia seperti penyanyi jalanan dan pemandu teksi kerap menggunakan bahasa slanga yang dikenali sebagai bahasa Sinjab. Bagi masyarakat pelajar, bahasa slanga ialah sebahagian daripada fenomena dan fakta budaya yang universal dan popular di institusi pengajian tinggi. Bahasa slanga yang diujarkan oleh golongan belia dan pelajar merupakan alat interaksi sosial sebagai memenuhi fungsian tersendiri.

Pelajar institusi pengajian tinggi merupakan pelajar yang unik, dan kreatif dalam mengekspresikan perasaan, pemikiran dan idea mereka. Whitman (1885), yang dipetik dalam Dumas dan Lighter (1978), mengungkapkan slanga sebagai gambaran ekspresi perasaan manusia tentang kehidupan dan perkara yang mereka hadapi dalam kehidupan. Kehidupan di kampus yang berwarna-warni dengan pengaruh persekitaran tempatan dan global seperti pergolakan ekonomi, sosial dan politik memotivasikan pelajar mencipta dan mengungkapkan kata atau frasa baharu yang segar, bertenaga, humor dan ambiguiti. Mereka juga kreatif memodenkan ungkapan lama atau usang menjadi sesuatu yang segar. Penggunaan bahasa slanga tercipta mengikut *trend* semasa berdasarkan peristiwa tertentu yang hanya difahami oleh komuniti yang menuturkannya.

Menyedari perkara tersebut, maka kajian ini cuba untuk mengenal pasti penggunaan

slanga dalam kalangan pelajar Kadazan dusun dari negeri Sabah yang menuntut di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) agar generasi seterusnya dapat mempelajari kepelbagaian bahasa slanga yang terdapat dalam sesuatu etnik. Hal ini selari dengan harapan Dundes dan Schonhorn yang melihat penawaran penyelidikan ilmiah perbandingan slanga kampus sebagai satu tradisi penyelidikan yang signifikan dan penting untuk idiom belia kolej di Amerika (Hummon, 1994).

PERNYATAAN MASALAH

Suasana berbahasa kini menggambarkan fenomena masyarakat, khususnya golongan pelajar yang dilihat lebih cenderung mencipta ungkapan berdasarkan lokasi, tujuan dan pengalaman harian. Ungkapan leksikal yang tercipta adalah janggal dalam pendengaran, tidak difahami dan disenangi oleh orang yang bukan dalam kumpulan, kabur dalam konteks fungsian bahasa serta tidak mentakrifkan seperti yang diungkapkan. Ini bersesuaian dengan pernyataan Bloomfield (1933), yang dipetik dalam Adolof (2014), yang mengatakan bahawa leksikal slanga banyak diungkapkan dalam bentuk singkatan kata, dimodifikasikan dalam bentuk yang lucu, dan bentuk kata seru hanya untuk difahami oleh ahli kumpulan terlibat sahaja. Selain itu, terdapat juga bahasa slanga yang dikonstruksi daripada pengalaman persekitaran budaya etniknya sehingga menyukarkan pemahaman orang yang bukan dalam kumpulan. Hal ini selari dengan pendapat Asmah Omar (1991), yang menjelaskan bahawa terdapat hubungan elemen budaya dengan pengujaran sesuatu bahasa. Bahasa slanga berunsur etnisiti telah dicipta oleh pelajar Kadazandusun sehingga tidak difahami oleh orang luar.

Menurut Hummon (1994), keadaan tersebut tidak dapat dielakkan memandangkan kehidupan pelajar di kolej ialah kehidupan kontemporari sosial yang kompleks. Pelajar cenderung mengutip slanga daripada budaya nasional yang disesuaikan dengan sumber daerah atau institusi dan daripada budaya idiografik sesuatu kumpulan kecil yang tidak kekal. Perkembangan teknologi dan komunikasi merencanakan penciptaan bahasa slanga apabila wujudnya perisian canggih dalam telefon pintar seperti *facebook*, *skype*, *whatsApp*, *weChat*, dan *instagram*. Perkara ini tidak dapat dielakkan sebagaimana catatan Wan Robiah Moer Osman (2010), yang turut mengakui peranan media massa sebagai wahana komunikasi yang amat dekat dan mempunyai hubungan secara langsung dalam menyampaikan sentimen, ideologi, dan mesej kepada khalayak umum.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini untuk mengenal pasti leksikal slanga yang dituturkan oleh pelajar Kadazan dusun yang belajar di UPSI, mengenal pasti fungsi pengujarannya dan menjelaskan faktor pengungkapan leksikal tersebut.

KAJIAN LITERATUR

Aspek slanga telah banyak ditulis dan dikaji oleh pengkaji terdahulu seperti Gore (1896), Dumas & Lighter (1978), Nik Safiah (1992), Hummon (1994), Charkova (2007), Mazer &

Hunt (2008a, 2008b), Adolof (2014), dan sebagainya. Kajian slanga di institusi pengajian tinggi pernah dijalankan seawal 1851 sebagaimana dinyatakan oleh Dundes dan Schonhom dalam kajian mereka berjudul *Kansas University Slang* (Hummon, 1994). Kajian mereka merupakan mercu tanda dalam pengkajian slanga di kolej. Kajian lebih serius berkaitan bahasa pelajar berlaku pada abad seterusnya iaitu tiga dekad selepas Perang Dunia Pertama. Ungkapan slanga pelajar Amerika Syarikat diterbitkan lebih daripada tiga puluh kompilasi daripada pelbagai institusi seperti Brown dan Standford, Annapolis dan The Citadel, University of Florida and Nebraska, serta Bryn Mawr dan Smith.

Oxford Dictionary of English (2005:1661), mendefinisikan slanga sebagai bahasa yang mengandungi perkataan dan frasa yang digunakan secara tidak formal, kerap berlaku dalam pertuturan berbanding dengan penulisan, dan biasanya terhad kepada konteks atau kumpulan orang tertentu. *Merriam Webster's Collegiate Dictionary* (2006: 1170), mentakrifkan slanga sebagai ungkapan yang digunakan oleh kumpulan tertentu seperti argot dan jargon. Slanga juga merujuk kepada perbendaharaan kata tidak formal yang terdiri daripada *coinage*, kata-kata yang sewenang-wenangnya berubah, keterlaluan, terpaksa, atau ucapan melawak.

Kajian Nik Safiah Karim (1992), memfokuskan faktor penggunaan bahasa slanga dalam kalangan pelajar di Universiti Malaya. Kajian beliau mendapati bahawa terdapat empat faktor penggunaan slanga dalam kalangan pelajar. Faktor pertama ialah untuk menimbulkan perasaan dan ciri identiti kumpulan. Golongan mahasiswa ingin menimbulkan ciri yang khusus untuk membezakan diri mereka dengan pelajar lain. Faktor kedua, keadaan mahasiswa sendiri yang mudah menjadi mangsa tekanan emosi. Banyak tekanan emosi dalam lingkungan kehidupan di kampus seperti gagal dalam ujian dan peperiksaan, kecewa dalam percintaan, desakan kewangan, dan gagal menyesuaikan diri dengan cara hidup baharu. Bagi mahasiswa, tekanan tersebut sangat berat sehinggakan perkataan biasa sudah tidak sesuai lagi untuk memperkatakan gejala tersebut. Justeru, terciptalah perkataan baharu yang hanya dapat difahami oleh mahasiswa yang pernah mengalami pengalaman yang sama. Faktor ketiga, keinginan mereka untuk meringkaskan perkataan dan rangkai kata yang digunakan sehari-hari. Perkataan yang ringkas mudah diingat oleh pelajar dan cepat popular. Contoh perkataan seperti "*statistic Laboratory*" menjadi "*stats lab*", "*library*" menjadi "*lib*", dan "*obviously*" menjadi "*obvi*". Faktor keempat pula ialah adanya perasaan ingin bergembira, berjenaka dan meringankan suasana yang penuh dengan tekanan. Contoh perkataan, "kacang" untuk menyatakan keadaan sesuatu kertas soalan yang senang dijawab, dan "koyak" untuk soalan yang susah.

Sementara itu, kajian Bembe & Beukes (2009), terhadap 215 lelaki dan perempuan belia kulit hitam berusia antara 14 hingga 21 tahun di Gauteng, Afrika Selatan, mendapati bahawa terdapat beberapa fungsi bahasa slanga, iaitu fungsi pertama untuk keseronokan atau kesan humor. Hasil kajian mendapati bahawa 65 % responden mengatakan mereka menggunakan slanga sebagai keseronokan. Contohnya, "*cheese-boy/cheese-girl*" digunakan untuk merujuk lelaki atau perempuan muda yang kaya, "*pencil*" yang merujuk kepada saiz alat kelamin lelaki yang kecil. Kata ini biasanya diungkapkan oleh perempuan terhadap lelaki apabila bergurau. Fungsi kedua sebagai kreativiti atau inovasi leksikal, iaitu 51 % responden mengatakan bahawa slanga berupaya memaparkan bakat linguistik dan kreativiti

leksikal seseorang. Contohnya, *Chill + relax* menjadi *chillax (calm down/relax/take it easy)* dan *Thula* (dari bahasa isiZulu: *be quiet*) + *relax* menjadi *thul'ax (keep quiet and pay attention)*. Fungsi slang yang lain adalah untuk memberikan salam, ucapan selamat tinggal dan sebagai keahlian kumpulan atau penanda identiti.

Hummon (1994), telah menekankan fungsi slang sebagai identiti sosial pelajar dan merupakan sebahagian daripada budaya pelajar. Penggunaan slang mewarnai kehidupan kampus pelajar dalam bentuk akademik, kurikulum dan sosial. Selain itu, Hummon (1994), juga menjelaskan bahawa slang yang diungkapkan oleh pelajar merupakan atribut personal meliputi personaliti, perilaku fizikal dan nilai. Adolof (2014), pula memfokuskan kelompok dan bentuk leksikal slang daripada pendapat tokoh bahasa seperti Bloomfield dan Guth. Bloomfield (1933) yang dipetik dalam Adolof (2014), telah membahagikan slang kepada empat kelompok, iaitu kata singkatan, salah ucap yang lucu, bentuk yang dipendekkan dan interjeksi (kata seruan dan kata selaan) sementara Guth (1961) yang dipetik dalam Adolof (2014), pula membahagikan dua bentuk slang, iaitu bentuk ekspresi figuratif dan nama julukan kepada seseorang.

Kesimpulannya, slang terungkap untuk memenuhi tujuan pelaku yang terdiri daripada generasi muda dan pelajar. Latar belakang psikologi dan budaya pelajar mempengaruhi penggunaan kata leksikal slang.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah lapangan. Kajian kepustakaan dipilih untuk memperoleh maklumat berkaitan dengan tajuk, permasalahan, objektif, soalan kajian, tinjauan literatur dan perbincangan (Chua, 2006). Sementara itu, kajian lapangan pula dijalankan untuk mendapatkan maklumat secara tepat dan mendalam berkaitan dengan penggunaan leksikal slang oleh pelajar, fungsi dan faktor yang menimbulkan leksikal tersebut. Kaedah temu bual bersemuka dan pemerhatian digunakan semasa kajian lapangan. Soalan temu bual berbentuk semi-struktur untuk tujuan kefleksibelan atau kebolehubahsuaian mengikut keperluan. Samarin (1993), berpendapat bahawa sumber autentik dan realistik berkaitan bahasa hanya dapat diperoleh melalui kajian lapangan.

Responden telah dihubungi melalui telefon untuk mendapatkan persetujuan dan janji temu. Seramai 20 orang responden etnik Kadazan dusun yang terdiri daripada 10 lelaki dan 10 perempuan serta menuntut di Universiti Pendidikan Sultan Idris telah dipilih menggunakan persampelan bertujuan. Pelajar tersebut telah dibahagikan kepada dua kumpulan. Setiap kumpulan mengandungi 10 orang yang terdiri daripada 5 lelaki dan 5 perempuan. Terdapat dua tempat digunakan untuk mendapatkan respons daripada responden, iaitu di luar dan dalam bilik kuliah. Pengkaji membawa pelajar berkelah di tepi sebatang sungai untuk mendapatkan data melalui pemerhatian dan temu bual. Pelajar lebih bebas berbual dengan rakan mereka di luar bilik kuliah. Di bilik kuliah pula, responden dapat mengadakan perbincangan formal dengan ahli kumpulan semasa sesi temu bual tanpa gangguan penghuni alam sekitar.

Data yang dipungut diinterpretasi dan dianalisis menggunakan Model Sosiologi Bahasa Deskriptif Fishman (1991). Menurut Fishman (1991), antara ciri bahasa dalam masyarakat bahasa yang mengamalkannya ialah:

- i. ujaran ragam bahasa itu mempunyai perbendaharaan kata, sebutan dan struktur frasa yang tidak selalu diketahui oleh masyarakat yang lebih besar
- ii. ragam bahasa mewakili kelas sosial (ekonomi, pendidikan, bangsa) yang berlainan dalam kalangan penduduk di kawasan yang sama
- iii. ragam bahasa terhasil berdasarkan topik yang dibincangkan, tempat mereka berada ketika mereka berhubung, dan beberapa faktor lain yang dapat menggambarkan ragam bahasa
- iv. penutur ragam bahasa tersebut sebagai salah satu masyarakat bahasa yang tidak mempunyai saiz tertentu, dan tidak berasaskan perkauman. Ahli-ahlinya menggunakan satu variasi penuturan bersama-sama dan norma-norma untuk kegunaan yang sesuai
- v. mempunyai repertoir verbal yang amat terhad yakni dalam variasi yang berbeza, terutamanya kerana pengalaman hidup dan tanggungjawab seseorang individu hampir-hampir sama dengan individu yang lain
- vi. mempunyai lebih banyak hubungan dengan ‘dunia luar’ daripada yang selalu dibayangkan

Pernyataan Fishman (1991) selari dengan Trudgill (1984), yang menekankan faktor sosial sebagai aspek penting dalam perlakuan bahasa. Bahasa berfungsi sebagai alat untuk memulakan perhubungan sosial. Keragaman bahasa berlaku sewaktu interaksi sosial yang melibatkan penutur dan pendengar, latar, waktu, topik perbincangan dan tujuannya. Menurut Teo (2007), kesan terhadap penggunaan bentuk bahasa boleh berlaku meskipun hanya terdiri daripada satu atau lebih gabungan faktor sosial. Tidak semestinya kesemua faktor sosial tersebut berlaku serentak, baharulah dapat memberikan kesan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil temu bual mendapati bahawa 18 leksikal slanga pernah diungkapkan oleh pelajar Kadazan dusun di UPSI. Sebanyak 16 leksikal slanga dikongsi bersama oleh pelajar perempuan dan lelaki, sementara 2 leksikal hanya digunakan oleh pelajar lelaki. Jadual 1 di bawah menunjukkan senarai leksikal slanga yang digunakan.

Jadual 1: Senarai leksikal slang, maksud literal dan tersirat

Leksikal Slanga	Maksud dan contoh ayat	Pelaku
Sipag	Makna literal : Ipar Makna tersirat: Sahabat rapat Ayat: <i>Nunu abar nu sipag?</i> (Apa khabar kau ipar?)	Lelaki
Tatap BN!	Makna literal: Tetap Barisan Nasional Makna tersirat: Tidak pasti apa yang hendak diundi Ayat: <i>Apa awak nak undi? Tatap BN!</i>	Lelaki dan perempuan
Haro harapan?	Makna literal: Ada harapan? Makna tersirat: Berkaitan dengan <i>moginum</i> /minum minum keras; mengharapkan dijemput ke rumah untuk minum Ayat: <i>Poingkuro sipag, haro harapan?</i> (Bagaimana ipar, ada harapan?)	Lelaki
Harap po dia'	Makna literal: Harap dengan awak ja lah Makna tersirat: Minta awak belanja Ayat: <i>Ba ipag, harap po dia'</i> . (Ipar, harap dengan awak ja lah.)	Lelaki dan perempuan
Patak-patak	Makna literal: Ungkapan untuk saja-saja Makna tersirat: <i>Rukut-rukut</i> / berkongsi untuk membeli atau mendapatkan sesuatu Ayat: <i>Ba patak-patak kio!</i> (Ok, berkongsi ya!)	Lelaki dan perempuan
Tumaam tomod	Makna literal: Membuang saja Makna tersirat: Ungkapan untuk saja-saja Ayat: <i>Tumaam tomod bo!</i> (Membuang saja ba!)	Lelaki dan perempuan
JKK	Makna literal: Kata singkatan untuk "Jangan kasih ketara" Makna tersirat: Tidak mahu orang lain tahu Ayat: <i>Diam, JKK!</i>	Lelaki dan perempuan
MCC	Makna literal: Kata singkatan untuk " <i>Mingkiut-kiut om Mincumil-cumil</i> " (<i>cute</i> dan <i>comel</i>) Makna tersirat: Beraksi <i>cute</i> dan <i>comel</i> Ayat: <i>Ok, sedia semua MCC.</i>	Lelaki dan perempuan
LP	Makna literal: Kata singkatan untuk "Lambat <i>pick up</i> " Makna tersirat: Lambat <i>pick up</i> Ayat: <i>LP ko no kopio!</i> (LP juga awak ni!)	Lelaki dan perempuan

Leksikal Slanga	Maksud dan contoh ayat	Pelaku
Ini kali lah	<p>Makna literal: Ungkapan untuk saja-saja</p> <p>Makna tersirat: Merujuk kepada slogan parti pembangkang; sebagai tanda menyokong parti pembangkang yang baru muncul untuk menumbangkan parti pemerintah</p> <p>Ayat:</p> <p>Situasi 1</p> <p>A: Ini kali lah! (sambil menjerit).</p> <p>B: Ya, ini kali lah! (turut membalas jeritan).</p>	Lelaki dan perempuan
Lain kali lah	<p>Makna literal: Ungkapan untuk saja-saja</p> <p>Makna tersirat: Ungkapan untuk membalas kembali slogan “ini kali lah”</p> <p>Ayat:</p> <p>Situasi 1</p> <p>A: Ini kali lah! (sambil menjerit).</p> <p>C: Lain kali lah! (turut membalas jeritan).</p>	Lelaki dan perempuan
Trip-trip	<p>Makna literal: Ungkapan untuk saja-saja</p> <p>Makna tersirat: Berlagak</p> <p>Ayat: <i>Trip-trip</i> juga kau ni?</p>	Lelaki dan perempuan
Mana saya tau, saya mabuk	<p>Makna literal: Saya tak tahu, saya mabuk</p> <p>Makna tersirat: Elak diri atau berpura-pura tidak tahu</p> <p>Ayat:</p> <p>Situasi 1</p> <p>A: Siapa yang cabut <i>charger</i> telefon ni?</p> <p>B: Mana saya tau, saya mabuk.</p>	Lelaki dan perempuan
Giti’	<p>Makna literal: Gedik</p> <p>Makna tersirat: Gedik (berkenaan perempuan)</p> <p>Ayat: <i>Modosi oku dia, giti’!</i> (Saya takut awak, gatal!)</p>	Lelaki dan perempuan

Leksikal Slanga	Maksud dan contoh ayat	Pelaku
Sansala	Makna literal: Sonsang Makna tersirat: Ungkapan untuk saja-saja Ayat: <u>Situasi 1</u> A: Cantikkah saya? B: <i>Sansala!</i> <u>Situasi 2</u> C: (Seorang pemuda yang tidak dikenali mengenyit mata kepada C) <i>Sansala!</i>	Lelaki dan perempuan
Lowong-lowong	Makna literal: Bingung-bingung Makna tersirat: lambat <i>pick up</i> Ayat: <i>Mamanau no, lowong-lowong.</i> (Jalan dah, bingung-bingung.)	Lelaki dan perempuan
Tai' nu lah	Makna literal: Tahi awaklah Makna tersirat: Kata makian Ayat: <i>Tai' nu lah, isai di mooi tanud dika?</i> (Tahi awaklah, siapalah nak ikut awak?)	Lelaki dan perempuan
Rapu-rapu	Makna literal: Perkataan "pura-pura" disongsangkan Makna tersirat: Pura-pura Ayat: <u>Situasi 1</u> A: <i>Hai sumandak, hombo ngoyon nu?</i> (Hai gadis, nak ke mana?) B: (Menjeling rakannya C yang yang ditegur oleh A) <i>Rapu-rapu nopo mintong do tawan.</i> (Pura-pura ja lah lihat langit).	Lelaki dan perempuan

Jadual 1 di atas menunjukkan hanya penutur lelaki yang menggunakan leksikal slang *haro harapan* dan *sipag* di UPSI kerana berkaitan dengan gender. Hanya lelaki Kadazan dusun yang berani menggunakan slang *haro harapan* sebagai merujuk minuman keras, dan seterusnya mengharap dipelawa ke rumah untuk minum. *Sipag* juga merupakan leksikal yang digunakan oleh lelaki untuk merujuk sahabat rapat seolah-olah mempunyai kaitan kekeluargaan. Leksikal slang lain boleh dikongsi tanpa mengira gender. Perkongsian leksikal slang berlaku atas tujuan yang sama. Contohnya ungkapan *mana saya tahu, saya mabuk* bertujuan mengelakkan diri daripada dituduh atau dipersalahkan atas sesuatu perkara yang telah dilakukannya.

Bahasa slang mempunyai perbendaharaan kata, sebutan dan struktur frasa yang hanya diketahui oleh ahli kumpulannya. Sebagai pelajar etnik Kadazan dusun yang hidup

merantau dan cenderung bersama-sama dengan sukunya, topik perbincangan akan sentiasa dipengaruhi oleh ciri kedaerahan dan budaya masyarakatnya. Peristiwa tertentu yang dilalui di kampus, diungkapkan dengan kata leksikal berunsur kedaerahan. Fishman (1991), dalam Model Sosiologi Bahasa Deskriptifnya menjelaskan bahawa ahli-ahli penutur ragam bahasa tersebut menggunakan satu variasi penuturan dan norma-norma secara bersama-sama untuk keperluan tertentu.

Leksikal slanga yang ditemukan dalam ungkapan pelajar Kadazan Dusun dapat dikelompokkan kepada lapan fungsi seperti yang ditunjukkan dalam jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Fungsi Leksikal Slanga

Fungsi Slanga	Leksikal Slanga
Gurauan	<i>Sipag</i> <i>Tumaam tomod</i> <i>Tai' nu lah</i>
Slogan	<i>Tatap BN</i> <i>Ini Kali Lah</i> <i>Lain Kali Lah</i>
Meminta Belanja	<i>Haro harapan?</i> <i>Harap po dia'</i>
Mengejek	<i>LP</i> <i>Sansala</i> <i>Lowong-lowong</i> <i>Trip-trip</i>
Minta Puji	<i>MCC</i>
Pengelakan	<i>Mana saya tau, saya mabuk</i> <i>Rapu-rapu</i> <i>JKK</i>
Makian	<i>Tai' nu lah</i>
Kreativiti atau inovasi leksikal	<i>Patak-patak</i> <i>Rapu-rapu</i>

Hasil kajian mendapati, pelajar Kadazan Dusun tidak dapat memisahkan diri daripada pengaruh budaya etniknya. Leksikal *sipag* secara literal merujuk panggilan kekeluargaan, iaitu adik-beradik kepada suami atau isteri sendiri. Leksikal tersebut juga digunakan sebagai panggilan dalam kalangan lelaki dewasa yang sebaya dan berkawan rapat atau dikenali sebagai *pibowitan*. Masyarakat Kadazandusun, khususnya kaum lelaki yang saling menggunakan panggilan *sipag*, tidak akan berasa segan dengan rakannya untuk mengujarkan leksikal *haro harapan?* dan *harap po dia*. Pelajar lelaki UPSI mengasosiasikan ungkapan

budaya etniknyanya dalam kehidupan mereka di kampus dengan tujuan menciptakan suasana persaudaraan dan keakraban antara penutur. Ungkapan slanganya bercirikan kedaerahan dan etnik tersebut diumpamakan oleh Hummon (1994), sebagai slanganya yang disesuaikan daripada sumber daerah atau institusi dan pengalaman budaya idiografik kumpulan kecil yang tidak kekal.

Leksikal *sansala*, dan *lowong-lowong* pula dituturkan oleh masyarakat Kadazan dusun, khususnya golongan ibu bapa untuk tujuan memarahi anak mereka. Leksikal itu juga diujarkan untuk mengejek orang, sama ada secara berdepan atau di belakang. Selain itu, leksikal *tai'nu* juga kerap kedengaran dalam masyarakat kampung yang kurang beradap. Leksikal itu biasanya diungkapkan dalam keadaan mabuk atau sungguh marah. Pelajar yang kreatif telah menambah partikel *-lah* di hujung ungkapan *tai'nu* (tahi awak) menjadi *tai'nu lah* (tahi awaklah) untuk tujuan penegasan. Amalan berbahasa etnik Kadazan dusun itu dibawa dan diteruskan oleh pelajar lelaki dan perempuan dalam lingkungan kumpulan mereka yang sangat rapat sahaja untuk tujuan gurauan.

Ungkapan slanganya yang membawa fungsi makian tidak disenangi oleh rakan responden yang kurang rapat dan orang luar. Hal ini diakui sendiri oleh beberapa orang responden yang mengatakan bahawa leksikal slanganya itu kadang-kadang terungkap kepada orang luar (yang tidak memahami bahasa Kadazan dusun) untuk tujuan makian. Wan Robiah Moer Osman (2010), menegaskan bahawa penggunaan bahasa slanganya golongan remaja tidak disukai oleh golongan dewasa kerana tidak dapat difahami. Walau bagaimanapun, kajian Hummon (1994), dalam artikelnya bertajuk *College Slang Revisited Language, Culture, and Undergraduate Life*, mendapati bahawa slanganya yang diungkapkan oleh pelajar berfungsi sebagai identiti sosial pelajar dan merupakan sebahagian daripada budaya mereka. Justeru, tidak hairanlah ungkapan mereka tidak difahami dan disenangi oleh orang yang bukan dalam kumpulan tersebut.

Luthfiar Laeis (2012), mengatakan bahawa pelajar ialah kumpulan sosial yang memiliki beberapa unsur persamaan, terutama ciri linguistik dan bukan linguistik. Salah satu bahasa yang digunakan oleh pelajar dalam mengungkapkan perasaan, pemikiran dan idea mereka dalam suasana yang tidak formal ialah melalui penggunaan bahasa slanganya. Pelajar Kadazan dusun di UPSI mengungkapkan leksikal slanganya seperti *patak-patak*, *tumaam tomod*, *giti*, *rapu-rapu*, *trip-trip*, *JKK*, *MCC* dan *LP* dengan mengekalkan sebutan Kadazan dusun. Penggunaan slanganya dapat mengeratkan hubungan, saling memahami dan tolong-menolong. Selain itu, ungkapan slanganya bercirikan etnisiti dapat membebaskan buat sementara waktu akan kerinduan mereka terhadap keluarga dan masyarakatnya.

Daripada jadual 2, didapati empat faktor utama pelajar Kadazan dusun di UPSI mengujarkan leksikal slanganya, iaitu:

- i. sebagai pernyataan menunjukkan ciri identiti dalam kumpulan. Ungkapan slanganya *JKK*, *MCC*, *LP*, dan *rapu-rapu* menunjukkan identiti kumpulan. Penggunaan kata singkatan dan perkataan songsang dapat mengelakkan orang bukan dalam kumpulan mengetahui butiran perbualan penutur.
- ii. sebagai bawaan daripada kebiasaan dalam persekitaran keluarga dan masyarakatnya di negeri Sabah. Ungkapan *sipag*, *sansala*, *lowong-lowong* dan *tai'nu lah* merupakan leksikal yang biasa digunakan oleh masyarakat Kadazandusun di Sabah. Ungkapan

tersebut telah diasosiasi oleh pelajar untuk fungsi tersendiri di UPSI.

- iii. sebagai hiburan atau gurauan seperti ujaran *tumaam tomod, tatap BN, ini kali lah, lain kali lah, mana saya tau, saya mabuk, dan trip-trip*. Ungkapan tersebut akan membantu mengingatkan negeri mereka pada peristiwa tertentu di samping meredakan tekanan kehidupan di kampus.
- iv. untuk mengeratkan hubungan silaturahmi dan mewujudkan kemesraan misalnya ungkapan *haro harapan?, harap po dia, dan patak-patak*. Ungkapan tersebut menghapuskan rasa segan dan bersedia membantu rakan semasa menghadapi masalah seperti kewangan.

Pelajar Kadazan dusun merantau jauh dari kepulauan Borneo Utara dengan menyeberangi Laut China Selatan untuk ke Semenanjung Tanah Melayu. Mereka terpisah dengan suasana budaya etniknya dalam mencari ilmu pengetahuan di suatu tempat yang terasing. Keadaan tersebut memerlukan sokongan daripada kumpulan masyarakat yang mempunyai ciri persamaan dengan pengalaman budayanya. Berdasarkan jaringan dan repertoir, maka terhasillah leksikal slanga yang memenuhi fungsian mereka di UPSI. Asmah Omar (1991), mengakui kepentingan elemen budaya dalam pengujaran sesuatu bahasa.

Secara literal, leksikal tersebut tidak mempunyai makna yang khusus sehinggalah dimaknai oleh kumpulan yang rapat sahaja. Menurut Bembe & Beukes (2009), penciptaan leksikal slanga sedemikian adalah normal bagi belia seperti pelajar yang seolah-olah mempunyai lesen kebebasan membentuk dan membentuk semula (*shape and reshape*) bahasa sesuai dengan keperluan mereka. Rumusnya, responden telah mengungkapkan slanga selari dengan tujuan dan keperluan pelaku. Pengungkapan leksikal slanga juga berdasarkan latar belakang psikologi dan budaya mereka.

IMPLIKASI

Penciptaan dan pengungkapan bahasa slanga oleh pelajar institusi tinggi memberikan implikasi pro dan kontra kepada perkembangan bahasa di negara ini. Ungkapan slanga mempertemukan bahasa dalam rumpun Melayu Polinesia. Pertemuan dua hala memberikan manfaat kepada kedua-dua bahasa tersebut. Penggunaan kata bahasa Melayu dalam slanga Kadazan dusun dapat mendukung kelangsungan bahasa Melayu dan dalam masa yang sama dapat membantu memantapkan bahasa etnik. Leksikal slanga misalnya *tatap BN* (tetap BN), *haro harapan* (ada harapan), dan sebagainya membuktikan bahawa penutur etnik Kadazan dusun sering mengasimilasikan kata bahasa Melayu ke bahasa Kadazan dusun. Sementara itu, implikasi negatif yang terhasil daripada pengasimilasian kata adalah meningkatkan percampuran kod yang boleh mencemarkan kedua-dua bahasa tersebut. Hal sedemikian dikhuatiri akan menjadi kebiasaan dalam berbahasa, terutama dalam kalangan etnik Kadazan dusun.

Penggunaan bahasa slanga berupaya menguji bakat linguistik dan daya kreativiti leksikal pelajar. Ungkapan bahasa slanga yang unik dan kreatif menunjukkan bahawa pelajar di institusi pengajian tinggi mampu mengekspresikan perasaan, pemikiran dan idea mereka melalui penciptaan leksikal yang segar, bertenaga, humor dan ambiguiti. Walau bagaimanapun, penciptaan slanga yang keterlaluan boleh membangkitkan rasa meluat dan

marah orang lain, terutama mereka yang tidak memahami dan mentafsirnya secara harfiah.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, leksikal slang yang diujarkan oleh pelajar bukan diungkap sewenang-wenang kepada orang yang tidak dikenali dan rapat. Kebanyakan leksikal yang digunakan telah diasosiasi dengan budaya daerah dan etnik seperti leksikal *sipag*, *tai nu lah*, *sansala*, *ini kali lah*, dan seumpamanya. Leksikal slang berfungsi sebagai gurauan, slogan, ejekan, pengelakan, dan sebagainya. Pelajar yang mempunyai ciri persamaan bahasa dan budaya memudahkan penciptaan leksikal bercirikan kedaerahan dan etnisiti. Slang diungkapkan atas faktor identiti, kebiasaan budaya etnik, hiburan, dan keakraban.

Kajian slang perlu diluaskan skopnya atas justifikasi bahasa slang merupakan produk daripada kedinamikan dan keragaman bahasa. Sebagai proses perancangan mengayakan perbendaharaan kata bahasa Kadazan dusun, kajian ini dapat dijadikan rujukan untuk mengetengahkan leksikal slang yang sesuai. Selain itu, hasil kajian ini dapat menyumbang kepada kajian perbandingan leksikal slang pelajar institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara sebagaimana disyorkan oleh Hummon (1994).

BIBLIOGRAFI

- Adolof, K.K. (2014). Slang Dalam Lagu Black Eyed Peas. *Jurnal Elektronik Fakultas Sastra Universitas Sam Ratulangi*, 2(2), 1-16. Manado: Universitas Sam Ratulangi.
- Asmah Omar. (1991). *Aspek Bahasa dan Kajiannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bembe, M. P. & Beukes, A.M. (2009). The Use of Slang by Black Youth in Gauteng. *Southern African Linguistics and Applied Language Studies*, 25(4), 463-472. Doi: [10.2989/16073610709486475](https://doi.org/10.2989/16073610709486475)
- Charkova, K. D. (2007). A Language Without Borders: English Slang and Bulgarian Learners of English. *Language Learning Research Club*, 57(3), 369-416. Michigan: University of Michigan.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Dumas, B.K. & Lighter, J. (1978). Is Slang a Word for Linguists? *Jistor: American Speech*, 53(1), 5-17. Knoxville: University of Tennessee.
- Fishman, J. A. (1991). *Sosiologi Bahasa: Satu Pendekatan Sains Kemasyarakatan Antara Disiplin Terhadap Bahasa Dalam Masyarakat* (Alias Mohammad Yatim, Terjemah). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gore, W. C. (1896). Notes on Slang. *Modern Language Notes*, 11(7), 193-198. Jistor.
- Hummon, D. M. (1994). College Slang Revisited Language, Culture, and Undergraduate Life. *Journal of Higher Education*, 65(1), 5-98. Ohio: Ohio State University Press.
- Luthfiar Laeis. (2012). Pemakaian Bahasa Sinjab di Kawasan Kota, Kabupaten Batang. *Jurnal Sastra Indonesia*, 1(2), 2-7. Semarang: Universiti Negeri Semarang.
- Mazer, J. P. & Hunt, Stephen K. (2008a). The Effect of Instructor Use of Positive and Negative Slang on Student Motivation, Affective Learning, and Classroom Climate. *Communication Research Reports*, 25(1), 44-55. London: Routledge Taylor & Francis Group.

- Mazer, J. P. & Hunt, S. K. (2008b). "Cool" Communication in the Classroom: A Preliminary Examination of Student Perceptions of Instructor Use of Positive Slang. *Qualitative Research Reports in Communication*, 9(1), 20-28. Doi: [10.1080/08824090701831792](https://doi.org/10.1080/08824090701831792)
- Merriam Webster's Collegiate Dictionary (11th ed.). (2006). USA: Merriam-Webster Incorporated.
- Nik Safiah Karim. (1992). *Beberapa Persoalan Sociolinguistik Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Oxford Dictionary of English (2nd ed.). (2005). UK: Oxford University Press.
- Samarin, W. J. (1993). *Linguistik Lapangan Panduan Kerja Lapangan Linguistik*. Kamaruzaman Mahayiddin & Zahrah Abd. Ghafar (penterj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Trudgill, P. (1984). *Sociolinguistik Satu Pengenalan* (Nik Safiah Karim, Terjemah). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Robiah Meor Osman. (2010, Oktober). Bahasa Slanga Parasit Bahasa Melayu. *Dewan Bahasa*, 32-35. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Konflik Emosi dalam Lirik Lagu ‘Nipah oh Nipah’

Normaliza Abd Rahim^{1*}, Siti Nur Aliaa Roslan² dan Nur Maisarah Roslan¹

1. Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400, Serdang, Selangor, Malaysia

2. Jabatan Kejuruteraan Geomatik, Fakulti Seni Bina dan Alam Bina, Infrastructure University Kuala Lumpur, Unipark Suria, Jalan Ikram – Uniten, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini memberikan tumpuan terhadap konflik emosi melalui ujaran pelajar sekolah rendah di Selangor. Ujaran pelajar adalah melalui lirik lagu ‘Nipah oh Nipah’ dari Siri Si Pekaka Bercerita, Dewan Bahasa dan Pustaka. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti dan membincangkan ujaran pelajar terhadap lirik lagu. Sampel kajian terdiri daripada 20 subjek daripada beberapa buah kelas di sebuah sekolah di Selangor. Subjek diberi peluang untuk mendengar lagu ‘Nipah oh Nipah’ sebanyak 10 kali. Mereka diberi peluang untuk berbincang bersama rakan yang lain tentang makna lirik lagu tersebut. Selepas itu, subjek ditemu bual tentang emosi yang terkandung dalam lirik lagu tersebut. Ujaran daripada temu bual dianalisis dengan menggunakan analisis wacana. Keputusan kajian menunjukkan bahawa subjek memberikan ujaran yang mengandungi konflik emosi melalui lirik lagu tersebut. Subjek dapat mengenal pasti emosi yang berlainan daripada setiap pokok nipah.

Kata Kunci : konflik, emosi, ujaran, lirik lagu, animasi

Emotional conflict in the Song Lyrics ‘Nipah Oh Nipah’

ABSTRACT

This study focuses on the emotion conflict through primary school students interactions. The students' interactions are through the song lyrics ‘Nipah oh Nipah’ from the Kingfisher Series by Dewan Bahasa and Pustaka. The objectives of the study are to identify and discuss the students' interactions towards the song lyrics. The samples of the study consisted of 20 subjects from a few classes in a school in Selangor. The subjects were given the chance to listen to the song ‘Nipah oh Nipah’ for ten times. They were also given the chance to discuss with their friends about the meaning of the song lyrics. Then, the subjects were interviewed on the emotions that consist in the song lyrics. The interactions from the

INFO MAKALAH

Pewasitan Makalah:

Dihantar: -

Diterima: -

E-mel:

drnormaliza@gmail.com (Normaliza Abd Rahim)

aliaaroslan@gmail.com (Siti Nur Aliaa Roslan)

maisarahroslan@gmail.com (Nur Maisarah Roslan)

*Penulis penghubung

interview were analysed by using the discourse analysis theory. The results of the study showed that the subjects stated the emotions from the lyrics of the song. The subjects were able to identify the emotions that were different from each palm trees.

Key words: *conflict, emotion, interaction, song lyrics, animation*

PENGENALAN

Lirik lagu memainkan peranan yang penting dalam mengenal pasti dan memahami isi kandungan sesebuah lagu. Penulis lirik pula seharusnya pandai memilih perkataan atau bait lagu yang sesuai dengan pendengar. Lirik lagu juga ditulis mengikut peraturan puisi yang berkaitan dengan sastera Melayu. Namun, kini terdapat lirik lagu yang bercanggah dengan prinsip puisi Melayu seperti lirik lagu *hip hop* Melayu yang terikut-ikut dengan cara barat yang ditulis tanpa mempunyai bahasa puisi yang indah. Lirik lagu yang berasaskan cerita rakyat ditulis supaya pendengar dapat memahami jalan cerita tanpa mengubah isi kandungan jalan cerita tersebut. Sebagai contoh, lagu cerita binatang mempunyai lirik yang berkisar tentang jalan cerita binatang tersebut. Oleh sebab cerita binatang digemari oleh kanak-kanak kecil, perkataan yang dipilih seharusnya mencapai tahap umur kanak-kanak tersebut. Sehubungan itu, penulis lirik seharusnya menjalankan penyelidikan supaya lirik lagu yang ditulis difahami oleh pendengar.

Normaliza Abd Rahim (2014) dan Medina (1993) mengatakan bahawa lirik lagu dapat memberikan perubahan terhadap emosi seseorang, namun, setiap individu adalah berbeza. Oleh itu, pencinta lagu merupakan individu yang dapat memahami apa-apa yang ingin disampaikan oleh penulis lirik. Maka, lagu merupakan salah satu bahan audio yang dapat memberikan ruang kepada pendengar dalam proses pemahaman yang tinggi. Surupa Somsai & Channarong Intaraprasert (2011) dan Ya-ni (2007) mencadangkan beberapa strategi dalam mengatasi masalah pelajar dalam proses perbincangan bersemuka. Strategi seperti mempunyai keadaan sekeliling yang tenang dan bersesuaian dengan tema pembelajaran dapat diatasi dengan baik dengan bantuan bahan seperti audio dan visual. Dalam hal ini, lagu memainkan peranan yang penting dalam proses pembelajaran yang berkesan.

Kajian oleh Normaliza Abd Rahim (2014b) menunjukkan bahawa lirik lagu 'Burung Cenderawasih' dapat memberikan peluang kepada pelajar untuk berbincang tentang jalan cerita serta watak dan perwatakan melalui lirik tersebut. Lagu cenderawasih ditulis berpandukan cerita rakyat bertajuk 'Burung Cenderawasih' yang berkisahkan burung cenderawasih yang meninggalkan anaknya kepada burung pipit. Menurut Normaliza Abd Rahim (2014b) lagi, pelajar sekolah dapat memberikan pendapat yang membina apabila burung cenderawasih tidak mahu menjaga anaknya sendiri. Keputusan kajian ini juga mendapati bahawa pendapat daripada pelajar seperti memberikan nasihat yang membina terhadap masyarakat, dan semua ibu bapa juga seharusnya menjaga anak mereka sendiri.

Kajian ini hampir sama dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Arbaie Sujud, Normaliza Abd Rahim & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2014). Kajian mereka mendapati bahawa cerita rakyat dapat memberikan impak yang positif terhadap minda kanak-kanak. Kajian Arbaie Sujud, Normaliza Abd Rahim & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2014) memberikan tumpuan terhadap pengesanan kata melalui cerita rakyat Melayu. Kajian ini menunjukkan bahawa cerita rakyat juga dapat menarik minat pelajar

melalui bacaan, pemahaman dan pengesanan kata bahasa Melayu. Pelajar juga dapat berbincang bersama dengan rakan mereka tentang pemilihan kata yang bersesuaian dengan tema cerita, iaitu cerita berasaskan binatang atau cerita berasaskan binatang dan manusia. Lynch (1996) menegaskan bahawa pendapat penutur boleh memberikan manafaat kepada pendengar supaya proses pemahaman dapat dilakukan pada masa yang sama.

Woolman (2005), Mariani (2010), Nikitina (2011) dan Bronner (2012) pula bersetuju dengan pendapat Lynch (1996) dan menambah bahawa proses pemahaman semasa berkomunikasi berjalan dengan baik dengan bantuan bahan yang terdapat di sekeliling seperti audio dan visual. Hal ini jelas membuktikan bahawa lagu juga merupakan salah satu audio yang berkesan kepada pendengar.

Selain itu, kajian oleh Normaliza Abd Rahim, Hazlina Abdul Halim & Roslina Mamat (2014) berkait rapat dengan pandangan kanak-kanak melalui cerita. Namun, kajian ini bertumpu kepada kajian cerita berbentuk animasi kanak-kanak. Normaliza Abd Rahim, Hazlina Abdul Halim & Roslina Mamat (2014) mengatakan bahawa teknologi memainkan peranan yang penting dalam penyebaran cerita kanak-kanak. Melalui animasi cerita kanak-kanak ini juga diselitkan dengan lagu yang sedikit sebanyak dapat menarik perhatian kanak-kanak dapat proses pembelajaran. Lagu yang diselang seli dengan pergerakan animasi melalui televisyen mempunyai paparan yang menarik dan mematuhi asas grafik yang sedikit sebanyak memberikan kesan kepada kanak-kanak. Normaliza Abd Rahim (2013a; 2013b) juga mengatakan bahawa teknologi seperti televisyen dapat memberikan fokus yang tinggi terhadap penonton. Selain itu, televisyen yang mempunyai bunyi seperti lagu yang menarik dapat menarik perhatian penonton, terutama daripada golongan kanak-kanak. Kajian Normaliza Abd Rahim (2013a; 2013b) tentang program khas untuk kanak-kanak yang mempunyai lagu yang menarik dan sesuai didengari. Kanak-kanak dapat menumpukan sepenuh perhatian semasa proses pembelajaran. Manakala, kajian oleh Normaliza Abd Rahim, Roslina Mamat, Hazlina Ab Halim, Arbaie Sujud & Siti Nur Aliaa Roslan (2013) menunjukkan bahawa lagu memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi pemahaman terhadap cerita berbentuk anime. Keputusan kajian ini menunjukkan bahawa lagu yang terdapat dalam cerita berbentuk anime itu telah dapat menarik minat pelajar dalam memahami jalan cerita yang dipaparkan. Selain itu, lirik lagu itu pula dapat memberikan pemahaman terhadap jalan cerita tersebut. Nurfarhana Shahira Rosly & Normaliza Abd Rahim (2015) bersetuju dengan pendapat Normaliza Abd Rahim (2014) dan Normaliza Abd Rahim, Roslina Mamat, Hazlina Ab Halim, Arbaie Sujud & Siti Nur Aliaa Roslan (2013) yang beranggapan bahawa cerita rakyat boleh dimanfaatkan lagi dengan adanya bunyi seperti lagu.

Bertitik tolak daripada sorotan di atas, adalah jelas didapati bahawa lagu memainkan peranan yang penting dalam proses pembelajaran. Selain itu, lirik lagu dapat menceritakan jalan cerita yang ingin disampaikan, malah, cerita tersebut menjadi lebih menarik jika dipersembahkan dalam bentuk lagu. Oleh itu, kajian ini mempunyai dua objektif, iaitu mengenal pasti dan membincangkan konflik emosi melalui lagu 'Nipah oh Nipah'.

METODOLOGI

Sampel kajian terdiri daripada 20 subjek lelaki dan perempuan daripada beberapa buah kelas di sebuah sekolah di Selangor. Subjek kajian berumur sembilan tahun. Subjek

diperdengarkan dengan lagu ‘Nipah oh Nipah’ selama dua minggu, iaitu sebanyak 10 kali. Subjek membuat perbincangan tentang lirik lagu bersama-sama rakan mereka. Subjek ditemu bual secara individu tentang emosi yang terdapat dalam lirik lagu tersebut. Subjek juga diberi peluang untuk memberikan pendapat mereka tentang emosi mereka sendiri tentang karektor pokok nipah.

Lagu ‘Nipah oh Nipah’ diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada 2016. Lirik lagu dan susunan muzik ditulis dan disusun oleh Normaliza Abd Rahim. Lirik lagu ‘Nipah oh Nipah’ ditulis berdasarkan cerita rakyat ‘Pokok Nipah’ yang diselenggara oleh Othman Puteh dan Ariffin Said dalam buku 365 Cerita Rakyat. Lirik lagu dianalisis mengikut bait lagu seperti di bawah {1}, {2}, {3} Lirik lagu ini dipilih dengan tujuan pendedahan terhadap cerita rakyat Melayu dalam kalangan pelajar sekolah.

Lirik Lagu Nipah oh Nipah

- {1} Pokok nipah mengeluh sendiri
- {2} Tubuhnya sakit ditetak setiap hari
- {3} Buah-buah di perduanya diambil kini
- {4} Untuk makanan manusia saban hari

- {5} Pada suatu hari
- {6} Pokok nipah benar-benar terasa disakiti
- {7} Badannya dicantas, tandannya jatuh ke sisi
- {8} Air matanya terpancar dari pagi

- {9} Tukil buluh disangkut
- {10} Menakung air mata yang meleleh
- {11} Manusia suka air matanya
- {12} Manis dan jernih

- {13} Pokok nipah berkata,
- {14} Beginilah nasib kita
- {15} Musim kering, manusia sukakan kita
- {16} Musim hujan, dapatlah kita hasilnya
- {17} Namun kita tetap gembira

Analisis kajian menggunakan teori analisis wacana oleh Brown & Yule (1983). Menurut Brown & Yule (1983), wacana dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu wacana ujaran dan wacana tulisan. Dalam kajian ini, wacana ujaran dianalisis supaya ujaran subjek dianalisis dengan rinci. Brown & Yule (1983) juga menjelaskan bahawa analisis wacana ujaran boleh dibahagikan pula kepada empat, iaitu prandaian, implikatur, rujukan dan kesimpulan. Bygate (2000) bersetuju dengan pandangan Brown & Yule (1983) dan menambah bahawa ujaran diberi oleh kanak-kanak amat bermakna semasa proses pembelajaran. Namun, kajian ini memberikan fokus terhadap wacana ujaran berbentuk rujukan kerana subjek telah merujuk lirik lagu bagi tujuan menyampaikan emosi yang berkaitan.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Emosi Sedih

Semua subjek didapati memberikan ujaran bahawa lirik lagu 'Nipah oh Nipah' menggambarkan bahawa kadangkala pokok nipah berasa sedih kerana ditetak oleh manusia. Subjek memberikan ujaran dengan merujuk bait lirik {7}, {8}, {10} dan {11}. Subjek memberikan ujaran seperti berikut;

S1, S11:	Sedih kerana ditetak oleh manusia.
S2, S12:	Sedih sebab sakit.
S3, S13:	Sedih melihat kawannya kesakitan.
S4, S16:	Sedih air keluar dari badannya.
S5, S14:	Sedih daunnya dipotong.
S6, S17:	Sedih sebab sakit yang amat sangat.
S7, S19:	Sedih manusia memotong banyak daun.
S8, S18, S20:	Sedih rakan yang lain sedih.
S9, S10, S15:	Sedih melihat air mata rakannya keluar.

S1 dan S11 didapati memberikan ujaran berkaitan dengan manusia. S1 dan S11 mengatakan bahawa 'Sedih kerana ditetak oleh manusia' yang menunjukkan bahawa perasaan sedih dalam diri nipah terserlah akibat daripada perbuatan manusia. S1 dan S11 dilihat menunjukkan gaya ditetak di lengan mereka dan menunjukkan mimik muka yang menahan kesakitan. Selain itu, S2, S6, S12 dan S17 mengatakan bahawa kesakitan yang amat sangat akibat daripada tetakan di badan nipah. S2, S6, S12 dan S17 mengatakan 'Sedih sebab sakit' dan 'Sedih sebab sakit yang amat sangat' kerana mereka mendapati bahawa nipah sakit akibat daripada tetakan tersebut. S2, S6, S12 dan S17 didapati bersetuju dengan pendapat S1 dan S11 tentang perasaan sedih apabila ditetak oleh manusia. S2, S8, S9, S10, S13, S15, S18 dan S20 pula mempunyai pendapat bahawa 'Sedih melihat kawannya kesakitan', 'Sedih rakan yang lain sedih' dan 'Sedih melihat air mata rakannya keluar' berkait rapat dengan sikap ambil berat terhadap kawan yang lain. Mereka mendapati bahawa jika rakan mereka sakit, mereka juga akan berasa kesakitan. Selain itu, S4, S5, S14 dan S16 pula memberikan fokus terhadap perasaan yang apabila nipah dcederakan seperti ujaran 'Sedih air keluar dari badannya' dan 'Sedih daunnya dipotong'. Mereka mendapati bahawa nipah berada sedih apabila dcederakan. Hal ini berkemungkinan, badan nipah sakit akibat daripada kecederaan tersebut.

Emosi Marah

Emosi marah juga didapati melalui ujaran subjek melalui lirik lagu 'Nipah oh Nipah'. Subjek juga didapati merujuk bait lirik lagu {1}, {2}, {3}, {4}, {6}, {7}, {8} dalam memberikan ujaran yang berkait rapat dengan emosi marah. Ujaran subjek tentang emosi

marah adalah seperti yang berikut:

S1, S6, S5:	Ada pokok nipah yang marah.
S2, S7, S17:	Marah sebab sakit.
S3, S16, S18:	Marah bila lihat kawan disakiti.
S4, S9, S13:	Marah bila manusia datang.
S8, S19, S20:	Semua pokok nipah marah.
S10, S11, S15:	Marah bila manusia datang untuk potong rakan.
S12, S14 :	Marah badan sakit.

S1, S5, S6, S8, S12, S14 S19 dan S20 memberikan ujaran bahawa pokok nipah berasa marah kerana badan nipah sakit. Mereka memberikan ujaran seperti, 'Ada pokok nipah yang marah', 'Marah badan sakit' dan 'Semua pokok nipah marah' dan mengatakan bahawa pokok nipah juga mempunyai perasaan marah apabila dcederakan. Terdapat beberapa subjek yang berasa tidak puas hati apabila pokok nipah dcederakan oleh manusia. Selain itu, S2, S7 dan S17 memberikan ujaran bahawa perasaan marah timbul apabila pokok nipah berasa sakit. Subjek-subjek ini menjelaskan bahawa pokok nipah juga mempunyai perasaan marah apabila disakiti dan adalah wajar apabila manusia juga marah jika disakiti. Ujaran S2, S7 dan S17 adalah seperti, 'Marah sebab sakit' jelas menunjukkan bahawa pokok nipah mempunyai perasaan marah kerana badannya ditetak dan dicantas oleh manusia. Namun begitu, S3, S10, S11, S15, S16 dan S18 didapati memberikan ujaran tentang rakan pokok nipah yang lain disakiti. Ujaran mereka seperti 'Marah bila lihat kawan disakiti' dan 'Marah bila manusia datang untuk potong rakan' jelas menunjukkan bahawa pokok nipah berasa marah apabila rakan yang berhampiran dcederakan oleh manusia. Namun, S4, S9 dan S13 pula mengatakan bahawa kehadiran manusia telah membuatkan semua pokok nipah marah. Hal ini jelas apabila ujaran mereka seperti 'Marah bila manusia datang' menunjukkan bahawa kehadiran manusia menjadi penyebab terhadap sikap marah pokok nipah terhadap manusia.

Emosi Gembira

Selain emosi sedih dan marah, pokok nipah juga memberikan emosi yang gembira. Subjek-subjek yang terlibat memberikan ujaran bahawa emosi gembira jelas tergambar dalam setiap pokok nipah. Subjek merujuk bait lirik lagu {13}, {14}, {15}, {16} dan {17} bagi tujuan berkaitan dengan emosi gembira. Ujaran subjek adalah seperti yang berikut;

S1, S2, S15, S20:	Gembira beri hadiah kepada manusia.
S3, S4, S5 :	Gembira boleh berkhidmat.
S6, S7, S8, S19:	Gembira daun akan tumbuh lagi.
S9, S10, S13:	Gembira rakan yang lain dapat beri hadiah kepada manusia.
S11, S12, S18:	Gembira rakan yang lain gembira
S14, S16, S17:	Gembira seluruh badan dapat menolong manusia

Tujuh subjek didapati memberikan emosi gembira yang berkaitan dengan manusia. S1, S2, S14, S15, S16, S17 dan S20 didapati memberikan ujaran seperti 'Gembira beri hadiah kepada manusia' dan 'Gembira seluruh badan dapat menolong manusia'. Melalui dua ujaran di atas, adalah jelas menunjukkan bahawa walaupun emosi marah dan sedih didapati oleh subjek, namun mereka juga mendapati bahawa pokok nipah sanggup berkorban untuk manusia. Hal ini juga menunjukkan bahawa pokok nipah ingin berjasa kepada manusia. Namun begitu, S9, S10 dan S13 mempunyai ujaran yang berkaitan dengan manusia dan rakan nipah apabila mereka mengatakan bahawa 'Gembira rakan yang lain dapat beri hadiah kepada manusia'. Ujaran ini jelas menunjukkan bahawa semua pokok nipah sanggup menahan kesakitan demi untuk berkhidmat kepada manusia. Selain itu, S3, S4 dan S5 juga mengatakan bahawa pokok nipah gembira untuk berkhidmat dengan manusia. Mereka memberikan ujaran seperti, 'Gembira boleh berkhidmat' yang memberikan maksud bahawa pokok nipah sanggup menahan kesakitan demi memberikan kegembiraan kepada manusia. Selain itu juga, S6, S7, S8 dan S19 pula mengatakan bahawa pokok nipah gembira memberikan daun kepada manusia dan berpuas hati dengan keadaan mereka. Subjek memberikan ujaran 'Gembira daun akan tumbuh lagi', kerana pokok nipah tahu bahawa daun yang telah dicantas akan tumbuh semula. Hal ini juga memberikan kegembiraan terhadap semua pokok nipah. S11, S12 dan S18 pula memberikan ujaran 'Gembira rakan yang lain gembira' kerana mereka berpendapat bahawa semua pokok nipah hidup seperti keluarga. Subjek beranggapan bahawa dalam sesebuah keluarga, semua perasaan dan emosi akan berkait rapat dengan kasih sayang dalam keluarga tersebut. Hal ini jelas terbukti apabila mereka mendapati bahawa pokok nipah juga saling faham memahami antara satu lain.

Keputusan daripada perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa konflik emosi dalam kalangan subjek menunjukkan bahawa dalam lirik lagu 'Nipah oh Nipah', terdapat emosi yang berbeza, iaitu emosi marah, gembira dan sedih. Subjek didapati mempunyai ketiga-tiga emosi yang boleh diterima tentang kehidupan pokok nipah. Subjek juga beranggapan bahawa lirik lagu ini memberikan konflik dalam emosi mereka kerana kadangkala mereka berasa sedih, gembira dan marah. Namun, subjek juga menjelaskan bahawa konflik emosi terjadi apabila mereka menghayati dan memahami kehidupan pokok nipah. Subjek juga berasa gembira apabila mengetahui bahawa pokok nipah tidak pernah tahu akan kewujudannya. Majoriti daripada subjek mengatakan, 'Kami tidak tahu bagaimana rupa pokok nipah' dan 'Di manakah pokok nipah ini ditanam?'. Kenyataan dan persoalan yang dikemukakan oleh subjek menunjukkan bahawa mereka mempunyai naluri ingin tahu tentang pokok nipah. Mereka juga ingin tahu bagaimana pokok nipah ini ditanam dengan mengatakan 'Adakah pokok nipah ditanam dengan menggunakan benih?'. Persoalan sebegini memberikan peluang kepada subjek untuk mendalami pengetahuan tentang pokok nipah selain yang diketahui melalui lirik lagu tersebut.

KESIMPULAN

Kajian ini memberikan manfaat kepada penulis lirik dan pelajar sekolah. Hal ini kerana penulis lirik dapat mendapat gambaran tentang perasaan pendengar lagu dalam menulis lirik lagu yang lebih berkesan. Dari sudut pelajar sekolah pula, kajian ini dapat memberikan ruang kepada mereka untuk memahami cerita rakyat yang terdapat dalam lirik lagu tersebut.

Cerita rakyat yang disampaikan dengan cara yang berbeza, iaitu dengan cara lagu cerita rakyat. Selain itu, lirik lagu berunsur cerita rakyat dapat sedikit sebanyak memberikan ruang kepada pelajar untuk meminati cerita rakyat yang lain. Oleh yang demikian, pelajar sekolah boleh mengaitkan cerita rakyat dalam kehidupan mereka yang sebenar. Nilai murni dalam lirik lagu berunsur cerita rakyat dapat sedikit sebanyak memberikan kesedaran dan panduan kepada pelajar dalam melayari kehidupan seharian mereka.

Brown & Yule (1983) menegaskan bahawa wacana ujaran berbentuk rujukan dapat memberikan impak yang tinggal terhadap pemahaman seseorang yang memberikan ujaran. Selain itu, wacana ujaran dapat memberikan ruang kepada penguji untuk membincangkan dengan lebih rinci tentang apa yang difahami dan berkongsi idea dan pendapat dengan orang lain. Kajian tentang lirik lagu 'Nipah oh Nipah' ini jelas menunjukkan bahawa wacana ujaran berbentuk rujukan dapat memberikan pemahaman yang tinggi terhadap pelajar sekolah rendah di Selangor. Dapatan kajian ini hampir sama dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Medina (1993), Normaliza Abd Rahim (2014a; 2014b; 2014c) dan Normaliza Abd Rahim, Hazlina Abdul Halim & Roslina Mamat (2014), iaitu pelajar dapat mempertingkatkan proses pemahaman cerita rakyat melalui lirik lagu diperdengarkan. Malah, pelajar menjadi lebih proaktif semasa perbincangan dijalankan dalam kelas.

PENGHARGAAN

Kajian ini disokong oleh Geran Putra 9407900- 2013/2015. Universiti Putra Malaysia.

BIBLIOGRAFI

- Arbaie Sujud, Normaliza Abd Rahim & Nik Rafidah Nik Affendi (2014). Word Recognition through Malay Animal Fables. *Asian Social Science Journal*. 10 (11), 252-257.
- Brown, G., & Yule, G (1983). *Discourse Analysis*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Bronner, S. J. (2012) Practice Theory in Folklore and Folklife Studies. *Journal of the Folklore Society*.123 (1), 23-47
- Bygate, M. (2000). *Speaking*. Oxford: Oxford University Press.
- Lynch, T. (1996). *Communication in the Language Classroom*. Oxford: Oxford University Press.
- Mariani, L. (2010). *Communication strategies: Learning and teaching how to manage oral interaction*. Italy: Learning Paths-Tante Vie Per Imparare.
- Medina, S. (1993). The effect of music on second language vocabulary acquisition. *FEES News* (National Network for Early Language Learning), 6(3), 1-8.
- Nikitina, L. (2011). Creating an Authentic learning Environment in the Foreign Language Classroom. *International Journal of Instruction* 4(1), 33-46.
- Normaliza Abd Rahim (2013a) Literature Computer Program among Primary School Learners. *TOJET: The Turkish Online Journal of Educational Technology*; April 2013, 12 (2), 193-199.
- Normaliza Abd Rahim (2013b). Adjectives Identification in Television Advertisements. *TOJET: The Turkish Online Journal of Educational Technology*, July 2013, 12 (3), 15-20.
- Normaliza Abd Rahim, Hazlina Abdul Halim & Roslina Mamat (2014a) Awareness of Folklore in Multimedia: Spoken Discourse among Learners. *Technics Technologies Education Management*. 9 (2), 352-360.

- Normaliza Abd Rahim, Hazlina Abdul Halim & Roslina Mamat (2014b) Learning via Television Cartoon. *Asian Social Science Journal*. 10 (15), 8-15.
- Normaliza Abd Rahim (2014a) The Nearly Forgotten Malay Folklore: Shall We Start With The Software? *TOJET: The Turkish Online Journal of Educational Technology*. July, 13 (3), 216-221.
- Normaliza Abd Rahim (2014b) Perception on the Animal Fable 'Bird of Paradise' Song. *Asian Social Science Journal*. October, 10 (19), 17-23.
- Normaliza Abd Rahim, Roslina Mamat, Hazlina Ab Halim, Arbaie Sujud & Siti Nur Aliaa Roslan (2013). The Influence of Online Anime Towards Children, *Online Journal of Communication and Media Technologies*, 3 (3), July, 199-206.
- Normaliza Abd Rahim (2014c) *Wacana Bahasa*. Terengganu: Penerbit Universiti Malaysia Terengganu.
- Nurfahana Shahira Rosly & Normaliza Abd Rahim (2015) Learning Techniques among Asperger Syndrome Children. *Journal of Business and Social Development*. 3(1), 54-65
- Surapa Somsai & Channarong Intaraprasert (2011) Strategies For Coping With Face-To-Face Oral Communication Problems Employed By Thai University Students Majoring In English. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*. Volume 11(3) September 201. Pp. 83-96
- Woolman, M (2005) *Type in Motion*. United Kingdom: Thames and Hudson Ltd
- Ya-ni, Z. (2007). Communication Strategies and Foreign Language Learning. *US-China Foreign Language*, 5(4), 43-48.



Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asean: Antara Realiti dengan Hambatan

Zaitul Azma Zainon Hamzah

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Bahasa Melayu bukanlah satu bahasa yang statik tetapi ialah satu bahasa yang dinamik dan sentiasa berkembang mengikut arus perkembangan zaman. Kini bahasa Melayu sedang mengorak langkah untuk menjadi bahasa rasmi ASEAN. Justeru, makalah ini akan membincangkan realiti bahasa Melayu sebagai bahasa utama di ASEAN. Kedua, menghuraikan isu yang menjadi hambatan kepada bahasa Melayu sebagai bahasa ASEAN. Kajian berbentuk kualitatif dan kuantitatif ini dijalankan menggunakan kaedah temu bual dan tinjauan. Sebanyak 160 orang pelajar institusi pengajian tinggi telah dipilih sebagai responden menggunakan teknik persampelan bertujuan. Hasil kajian mendapati bahawa bahasa Melayu sebagai bahasa ASEAN memperlihatkan satu realiti berdasarkan sejarah bahasa Melayu, yang berkembang dengan pesat dan berperanan sebagai bahasa untuk mengungkapkan ilmu dalam pelbagai bidang, bahasa *lingua franca* di rantau ASEAN, dan bahasa Melayu sudah terbukti mempunyai kekuatan dalam sejarah peradaban bangsa Melayu di rantau ini. Walau bagaimanapun, masih terdapat pelbagai hambatan dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ASEAN. Antara hambatan itu adalah kurangnya jati diri bangsa Malaysia terhadap bahasa Melayu, keraguan bangsa Malaysia terhadap kemampuan bahasa Melayu untuk menyaingi bahasa Inggeris dalam beberapa domain ilmu pengetahuan moden, dan kemampuan bahasa Inggeris dalam bidang perniagaan dan perdagangan pada peringkat ASEAN dan antarabangsa. Hal ini terjadi kerana 80% responden berpendapat bahawa bahasa Melayu telah tidak dilaksanakan peranannya untuk tujuan intelektual di negara ini, dan 63% responden berpendapat bahawa hal ini akan menyebabkan bahasa Melayu diragui keupayaannya sebagai bahasa rasmi ASEAN. Selain itu, penggunaan bahasa Melayu dalam siaran media juga memperlihatkan penggunaan struktur ayat yang tidak

tepat dan ayat yang bercampur aduk dengan bahasa Inggeris. Kesimpulannya, bahasa Melayu ialah bahasa akar kepada bahasa Melayu di Nusantara dan juga di rantau ASEAN. Justeru untuk memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi ASEAN, usaha merealisikannya perlu dilakukan dengan bijak dan berani. Pendek kata perlu ada usaha kerjasama antara pihak kerajaan dengan rakyat agar bahasa Melayu dapat memenuhi strategik untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi ASEAN.

Kata kunci: bahasa Melayu, ASEAN, bangsa rasmi, sejarah bahasa

INFO MAKALAH

Pewasitan Makalah:

Dihantar: -

Diterima: -

E-mel:

zazh@upm.edu.my (Zaitul Azma Zainon Hamzah)

Malay Language as Official Language of Asean: Between Reality and Obstacles

ABSTRACT

The Malay language is not a static but a dynamic language and is constantly expanding with the tide of the times. Now the Malay language is starting to move into the official language of ASEAN. Thus, this paper will discuss the reality of the Malay language as the official languages in ASEAN, second, to describe the issues that are a barrier to the Malay language as the official language of ASEAN. This qualitative and quantitative research was conducted using interview and survey methods. A total of 160 students of higher-education institutions were selected as respondents using purposive sampling technique. This study found that the Malay language as the official language of ASEAN shows a reality based on the history of the Malay language, which is growing rapidly and act as a language to express knowledge in various fields, the lingua franca in the ASEAN region, and Malay language has proven strengths in the history of civilization of the Malay race in the region. However, there are still many obstacles in order to uphold the Malay language as the official language of ASEAN. Among the obstacles is the lack of national identity among Malaysians, Malaysian's doubts on the ability of the Malay language to rival English in some domain of modern science, and English language proficiency in the areas of business and trade in ASEAN and international levels. This occurs because 80% of respondents believe that the Malay language was not carried out his role for intellectuals in the country and 63% of respondents believes this will cause the undoubted ability of the Malay language as the official language of ASEAN. In addition, the use of Malay in the press also discloses the use of an improper sentence structure, and paragraph mixed with English. In conclusion, the Malay language is the root of the Malay language throughout the country and also within the ASEAN region. Therefore, to empower the Malay language as the official language of ASEAN, efforts should be done wisely and courageously. In short, there needs to be a collaborative effort between the government and the people in order to meet strategic to uphold the Malay language as the official language of ASEAN.

Keywords: Malay, ASEAN, the official language, the history of languages

PENGENALAN

Antara isu yang timbul dalam Pertubuhan Komuniti Asia Tenggara (2011) ialah isu menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi bagi ASEAN menjelang 2015. Isu ini dibangkitkan ke arah pelaksanaan Komuniti Ekonomi ASEAN. Dalam kalangan intelektual, cadangan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ASEAN berdasarkan hakikat bahawa bahasa Melayu dituturkan oleh sejumlah besar etnik di rantau Asia Tenggara. Selain untuk memperhebat Integrasi politik dan kesatuan ekonomi di rantau ASEAN, keperluan untuk satu bahasa yang padu dan sama dirasai lebih kuat untuk merangsang seluruh rantau ASEAN meningkatkan sinergi mereka demi kesepakatan serantau dan masyarakat ASEAN.

Dari segi sejarah, bahasa Melayu telah terbukti sebagai bahasa yang menjadi tulang belakang dalam pembinaan tamadun di Alam Melayu ini. Sebelum kedatangan kuasa Eropah ke Asia Tenggara, iaitu sebelum abad ke-13, bahasa Melayu berperanan sebagai bahasa *lingua franca* di seluruh kepulauan Melayu. Bahasa Melayu juga menjadi bahasa

pemerintahan dan undang-undang (ketatanegaraan), bahasa dalam bidang kesusasteraan, agama, sejarah, perdagangan dan perhubungan serta dalam bidang budaya dan kemasyarakatan. Hal ini sekali gus membuktikan bahawa bahasa Melayu bukanlah satu bahasa yang statik tetapi ialah satu bahasa yang dinamik dan sentiasa berkembang mengikut arus perkembangan zaman.

Melalui catatan sejarah, terbukti perkembangan bahasa Melayu adalah mengikut zaman politiknya, pengaruh kebudayaan, dan juga mengikut perkembangan sistem tulisan dan penambahan kosa kata. Kini, bahasa Melayu sedang mengorak langkah untuk berperanan sebagai bahasa rasmi ASEAN.

PERNYATAAN MASALAH

Sejarah bahasa Melayu yang menjadi bahasa *lingua franca* serta pernah menjadi salah satu bahasa utama di rantau ini dan diucapkan oleh majoriti kaum di rantau Asia Tenggara mengukuhkan lagi potensi bahasa Melayu untuk dijadikan sebagai bahasa rasmi ASEAN. Apatah lagi jumlah penutur bahasa Melayu di seluruh dunia sudah melebihi 250 juta. Hal ini memperlihatkan kemampuan dan kematangan bahasa Melayu sebagai salah satu bahasa utama dunia dan menjadi bahasa rasmi ASEAN. Sebenarnya, keunggulan dan kegemilangan bahasa Melayu mula tercalar dan jatuh taraf serta statusnya sejak kedatangan British. Kesan dasar pecah dan perintah yang diperkenal British telah membawa perubahan kepada sistem politik, sosial, ekonomi dan budaya bangsa Melayu. Perubahan yang berlaku ini telah memberikan impak kepada kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi pada hari ini, terutamanya di Malaysia. Namun, berdasarkan hakikat sejarah kegemilangan bahasa Melayu, bahasa Melayu mempunyai potensi untuk menjadi bahasa rasmi ASEAN memandangkan bahasa Melayu dituturkan di empat buah negara anggota, iaitu Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei.

Dari segi sejarah, bahasa Melayu yang dikategorikan sebagai bahasa Polinesia daripada keluarga Austronesia, telah digunakan di wilayah Indonesia, Malaysia dan rantau nusantara lebih daripada 1000 tahun. Bahasa Melayu telah dinobatkan sebagai bahasa kebangsaan Malaysia, Indonesia dan Brunei dan menjadi salah satu bahasa rasmi di Singapura. Selain itu, bahasa Melayu juga dituturkan di bahagian tertentu di Thailand. Keadaan ini mewujudkan peluang untuk memperkenalkan bahasa Melayu secara mendalam dalam kalangan penutur bahasa Melayu di rantau ini (Dr Mataim Bakar, Pengarah Penyelidikan, Pembangunan dan Hal Ehwal Antarabangsa, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Brunei, 2010).

Sementara itu, Setiausaha Agung bagi Persatuan Riau Jakarta Komuniti Indonesia, Dr Abd Azis Tabligh, (2010), berkata terdapat fleksibiliti dalam penggunaan bahasa Melayu. Bahasa Melayu merupakan bahasa akar kepada bahasa Indonesia. Bahasa Indonesia ialah bahasa Melayu yang ditambah dengan bahasa asing dan dialek masing-masing dalam wilayah (Abd Azis Tabligh, 2010). Penduduk yang ramai di negara ini juga bersatu dengan bahasanya dan kepentingan bahasa Melayu ini boleh dilihat dalam pelbagai acara kebangsaan. Dengan demikian adalah wajar bahasa Melayu dijadikan bahasa ASEAN dalam pelbagai bidang.

Seterusnya, menurut Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, Dayang

Hajah Aminah Haji Momin (2010), dalam usaha merealisasikan konsep menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa bagi ASEAN, terdapat keperluan untuk mengumpulkan sumber dan keupayaan daripada semua pihak untuk mencapai matlamat itu. Pihak yang terlibat seharusnya terdiri daripada tokoh sastera serta pihak daripada pelbagai bidang yang strategik dan kritikal, iaitu ekonomi, kejuruteraan, serta sains dan teknologi untuk mencapai matlamat menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ASEAN. Dengan penglibatan pelbagai pihak, pemeraksanaan bahasa Melayu boleh direalisasikan dengan bijak, berani dan strategik dengan kehendak politik yang berkaitan (Aminah Haji Momin (2010). Di samping itu, bahasa Melayu perlu berdaya untuk memainkan peranan sebagai bahasa pengantar ilmu pengetahuan moden. Pembangunan ekonomi, politik, pendidikan, budaya dan sosial tidak semata-mata bergantung kepada bahasa Inggeris tetapi perlu disampaikan dalam bahasa Melayu agar bahasa Melayu boleh menjadi asas untuk pembangunan dan tamadun negara bangsa (Aminah Haji Momin, 2010).

Dalam bidang perbankan, penggunaan bahasa Inggeris cukup meluas, ditambah dengan bank-bank saudagar. Walaupun ada Akta Bahasa kebangsaan 1967, tetapi akta ini tidak melibatkan urusan pihak swasta, termasuk sektor kewangan dan perbankan (Ahmad Mohd Yusof, 1995). Hal yang sama juga melibatkan bidang ICT. Pembangunan ICT telah mewujudkan krisis untuk memelihara bahasa Melayu kerana penggunaannya lebih banyak kepada bahasa Inggeris sebagai medium berbanding dengan bahasa Melayu.

Ekoran daripada beberapa isu yang dibangkitkan ini, telah memperlihatkan adanya hambatan yang perlu diatasi dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi ASEAN. Justeru dalam makalah, ini penulis akan membincangkan antara realiti dengan hambatan yang dihadapi dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ASEAN.

OBJEKTIF KAJIAN

Sehubungan dengan itu, makalah ini akan membincangkan realiti bahasa Melayu sebagai bahasa utama di ASEAN, dan kedua, menghuraikan isu yang menjadi hambatan kepada bahasa Melayu sebagai bahasa ASEAN.

Bahasa Melayu dan ASEAN

ASEAN yang ditubuhkan pada 1967 terdiri daripada lima negara pengasas, iaitu Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand. Kemudian ASEAN disertai oleh Brunei, Vietnam, Laos, Myanmar dan Kemboja menjadikan anggota negara ASEAN sebanyak 10 buah negara. Kini, rantau Asean merupakan rantau yang menggelegak dari segi pertumbuhan ekonomi. Rantau tersebut merupakan antara rantau ekonomi paling terbuka di muka bumi ini dengan jumlah keseluruhan eksport barangan berjumlah sebanyak AS\$1.2 trilion, iaitu hampir 54 peratus daripada keseluruhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan tujuh peratus daripada eksport global (Jeniri Amir, 2015). Jika ekonomi Asean disatukan, ekonomi ASEAN bakal muncul nombor empat terbesar di dunia menjelang 2050. Sekiranya dari segi ekonomi sudah terdapat kerjasama yang agak baik, kerjasama rapat dari segi teknologi, pendidikan,

budaya dan bahasa juga perlu diwujudkan.

Dalam hal ini, komuniti ASEAN perlu menampilkan jati diri dan kerjasama yang baik dalam pelbagai bidang selari dengan slogan “Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti”. Hal ini bertujuan untuk membentuk satu identiti komuniti ASEAN dengan berpaksikan rakyat yang bersinergi, berpengetahuan moden, memperoleh kesejahteraan dalam kehidupan melalui penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi.

Selain itu, bahasa Melayu juga berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam mengukuhkan kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi di Malaysia dan namanya sebagai bahasa Melayu. Walaupun penggunaan nama bahasa Melayu sering bertukar di Malaysia, namun perubahan nama bahasa Melayu ini tidak mengubah bahasa Melayu itu. Pada hakikatnya, bahasa Melayu masih tetap bahasa Melayu yang dahulu. Malahan pertukaran nama bahasa Melayu ini mempunyai tujuan tertentu pada pihak orang perseorangan atau sekumpulan individu. Di Indonesia, bahasa Melayu lebih dikenali dengan nama bahasa Indonesia manakala di Singapura, Brunei dan di rantau ASEAN yang tidak mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, nama bahasa Melayu masih kekal sebagai bahasa Melayu. Justeru, dalam merealisasikan bahasa Melayu sebagai bahasa ASEAN, nama bahasa Melayu wajar dikekalkan sebagai bahasa Melayu dan bukannya nama lain daripada nama bahasa Melayu kerana nama bahasa Melayu telah digunakan sejak dahulu lagi di rantau ini.

METODOLOGI

Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah lapangan dan kajian kepustakaan. Sebanyak 160 orang pelajar daripada universiti awam dipilih sebagai responden menggunakan teknik persampelan bertujuan. Kategori responden yang dipilih adalah terdiri daripada 40 orang pelajar daripada program bahasa, 40 orang daripada program ekonomi pengurusan, 40 orang daripada program sains komputer dan 40 orang daripada program sains pertanian. Daripada 160 orang responden, 92% ialah berbangsa Melayu, manakala dari segi jantina pula, 46% ialah lelaki dan 54% ialah perempuan (Rujuk Jadual 1). Data lapangan ini dikumpul menggunakan borang soal selidik dan soalan temu bual. Data dianalisis dan dipersembahkan secara deskriptif.

Jadual 1: Demografi responden

Kategori responden	Jumlah	Bangsa		Jantina	
		Melayu	Bukan Melayu	L	P
Program Bahasa dan Lingusitik Melayu	40	40	0	18	22
Program Ekonomi Pengurusan	40	32	8	16	24
Program Sains Komputer	40	36	4	15	25
Program Sains Pertanian	40	40	0	24	16
Jumlah	160	148 92.5%	12 7.5	73 (46%)	87 (54%)

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bahasa Melayu sebagai bahasa ASEAN memperlihatkan satu realiti berdasarkan sejarah bahasa Melayu sebagai bahasa pemerintahan dan undang-undang (ketatanegaraan), bahasa dalam bidang kesusasteraan, agama, sejarah, perdagangan dan perhubungan serta dalam bidang budaya dan kemasyarakatan. Hal ini dipersetujui oleh sebanyak 89% (142) responden yang menyatakan bahawa sebelum abad ke-19, bahasa Melayu telah berperanan sebagai bahasa dalam bidang pentadbiran dan perhubungan pada zaman kerajaan Srivijaya, Majapahit, Kesultanan Melaka, Aceh, Johor Riau, Tanah Melayu dan Singapura.

Senada dengan itu, sejarah telah membuktikan bahawa bahasa Melayu telah mengalami zaman gahnya sebagai *lingua franca*. Namun, faktor masa dan faktor politik telah menyebabkan bahasa Melayu terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu bahasa Indonesia yang merujuk kepada bahasa Melayu yang digunakan di Republik Indonesia, bahasa Melayu yang merujuk kepada bahasa kebangsaan Malaysia, dan bahasa Melayu juga di Brunei Darussalam dan Singapura. Pembahagian nama bahasa Melayu ini menjadikan pihak tertentu keliru untuk menyelaraskan kerja-kerja penulisan sejarah bahasa Melayu, iaitu sama ada perlu merujuk perkembangan bahasa Melayu yang wujud sekarang atau perkembangan bahasa Melayu yang menjadi induknya

Selanjutnya, sebanyak 94%(151) responden yang menyatakan pendapat bahawa bahasa Melayu juga telah berkembang dengan pesat melalui peminjaman kosa kata Arab dan Parsi dan seterusnya kosa kata daripada bahasa Portugis, Inggeris, dan Belanda. Hal ini membolehkan bahasa Melayu berperanan untuk mengungkapkan ilmu dalam pelbagai bidang sebelum abad ke-19.

Seterusnya, cadangan para intelektual supaya bahasa Melayu menjadi bahasa ASEAN didapati amat wajar apabila 85% (136) responden yang bersetuju berdasarkan fakta sejarah bahawa bahasa Melayu telah melakar sejarah kegemilangannya dari abad ke-14 hingga abad ke-19. Pada zaman itu, bahasa Melayu telah digunakan dalam bidang kesusasteraan, pemerintahan dan undang-undang, agama, sejarah, perdagangan, dan perhubungan di rantau ASEAN. Hal ini menjadikan bahasa Melayu mempunyai ramai penutur. Hal ini dipersetujui oleh 92% responden.

Selanjutnya, kesemua responden (100%) bersetuju bahawa sebelum akhir abad ke-19, bahasa Melayu juga memainkan peranan sebagai bahasa *lingua franca* di rantau ASEAN, terutama pada zaman kerajaan Melaka apabila para pedagang yang datang ke Melaka memerlukan suatu bahasa perantaraan untuk urusan perdagangan sesama mereka. Hal ini membuktikan juga bahawa bahasa Melayu mudah dipelajari dan dikuasai. Pendapat ini turut dipersetujui oleh Lee, J.E (2015) yang menyatakan bahawa,

Bahasa Indonesia/Melayu has the largest amount of speakers, but learn Malaysian accents and Slang words, they are much easier to learn than learning Indonesian slang words.

Sementara itu, sebanyak 86.9% (139) responden berpendapat bahawa bahasa Melayu akan dapat menjadi bahasa yang maju dan dihormati di rantau ASEAN sekiranya peranan bahasa Melayu mencakupi pelbagai bidang, iaitu politik, ekonomi dan sosiobudaya.

Malahan 80.6%, (129 orang) responden bersetuju bahawa bahasa Melayu sudah terbukti mempunyai kekuatan dalam sejarah peradaban bangsa Melayu di rantau ini.

Walau bagaimanapun masih terdapat pelbagai hambatan yang perlu diselesaikan dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ASEAN. Daripada soalan temu bual, didapati bahasa Melayu menghadapi pelbagai hambatan sebelum berjaya sepenuhnya menjadi bahasa ASEAN. Antara hambatan yang dihadapi oleh bahasa Melayu adalah kurangnya jati diri bangsa Malaysia terhadap bahasa Melayu akan menjadi salah satu faktor yang menyebabkan bahasa Melayu kurang berdaya untuk menjadi bahasa rasmi ASEAN. Pernyataan ini turut dipersetujui oleh 96% (154) responden. Hal ini demikian kerana Malaysia adalah antara empat negara di ASEAN yang memberikan status bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Namun, Malaysia sendiri belum mampu mewujudkan semangat patriotisme bahasa dalam minda masyarakat Malaysia sehingga masih terdapat segelintir bangsa Malaysia yang masih tidak dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik, terutama dalam kalangan golongan elit dan profesional. Apabila golongan elit dan profesional Malaysia tidak dapat menguasai bahasa Melayu maka adalah sukar untuk meyakinkan bangsa lain di rantau ASEAN tentang kemampuan bahasa Melayu untuk dijadikan bahasa rasmi ASEAN.

Sementara itu, 93% (149) responden berpendapat bahawa bahasa Melayu masih tidak dapat menyaingi dominasi berterusan penggunaan bahasa Inggeris dalam beberapa domain ilmu pengetahuan moden yang melibatkan bidang gugusan sains, ekonomi dan teknologi maklumat di negara ini. Hambatan seterusnya yang disuarakan oleh 88% (141) responden ialah kemampuan bahasa Inggeris yang akan terus menguasai urusan niaga kerajaan dan sektor swasta dalam bidang perniagaan dan perdagangan pada peringkat ASEAN dan antarabangsa. Menurut 85% (136) responden, hal ini berlaku kerana bangsa Malaysia tidak berusaha menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dalam bidang sains dan teknologi, bidang ekonomi dan perdagangan antarabangsa seperti mana bangsa Korea dan bangsa Jepun yang mendaulatkan bahasa Korea dan bahasa Jepun di tanah air mereka sendiri. Dalam hal ini, pembangunan ekonomi, politik, pendidikan, budaya dan sosial di rantau ASEAN tidak seharusnya bergantung sepenuhnya kepada bahasa Inggeris sebaliknya usaha perlu dijalankan untuk memberikan keupayaan kepada bahasa Melayu sebagai bahasa yang dapat melonjakkan pembangunan ekonomi dan tamadun negara bangsa di ASEAN ini. Negara di rantau ASEAN perlu mencontohi negara seperti Jepun, Jerman, Korea dan Taiwan yang menggunakan bahasa kebangsaan mereka untuk melonjak pembangunan ekonomi, politik, pendidikan, budaya dan sosial mereka, dan hari ini negara ini menjadi kaya, maju dan tersenarai dalam senarai negara yang besar dan berdaya tinggi.

Seterusnya, 80% (128) orang responden yang berpendapat bahawa bahasa Melayu telah tidak dilaksanakan peranannya sebagai bahasa untuk tujuan intelektual di negara ini. Disebabkan kealpaan bangsa Malaysia untuk menyemai dan memartabatkan bahasa Melayu untuk tujuan intelektual dan ekonomi ini, justeru sebanyak 63% (101) orang responden berpendapat hal ini akan menyebabkan bahasa Melayu diragui keupayaannya sebagai bahasa rasmi ASEAN kerana rakyat Malaysia adalah sebahagian daripada komuniti ASEAN yang akan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi ASEAN.

Di samping itu, 61% (97) orang responden yang menyatakan masih terdapat juga sebilangan pelajar dan graduan di institusi pengajian tinggi yang belum dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik untuk tujuan berkomunikasi secara rasmi dan tidak rasmi. Hal ini amat dikesalkan kerana golongan pelajar dan graduan di institusi pengajian tinggi hari ini merupakan bakal pemimpin pada masa hadapan. Oleh itu, mereka ini perlu siaga untuk menghadapi cabaran ini sekiranya benar-benar ingin menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi ASEAN.

Tambah lagi, penggunaan bahasa Melayu dalam siaran media juga memperlihatkan masalah yang belum selesai apabila terdapat penggunaan struktur ayat yang tidak tepat dan ayat yang bercampur aduk dengan bahasa Inggeris. Senada dengan itu, 85% (136) responden turut menyatakan bahawa dalam teks sosial media hari ini, penggunaan bahasa Melayu juga memperlihatkan penggunaan bahasa Melayu yang tidak standard, bercampur aduk dengan slanga, bahasa Inggeris dan bahasa perlambangan yang bersifat individu. Hal ini menjadi satu hambatan dalam usaha mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi ASEAN. Demikian juga, masyarakat juga didapati tidak peka dengan penggunaan bahasa Melayu yang tidak standard ini dalam kalangan masyarakat hari ini.

Sebagai rumusan, bahasa Melayu ialah bahasa akar kepada bahasa Melayu di nusantara dan juga di rantau ASEAN. Justeru, untuk memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi ASEAN, usaha merealisasikannya perlu dilakukan dengan bijak dan berani. Pendek kata, perlu ada usaha kerjasama antara pihak kerajaan dengan rakyat agar dapat dilakukan sesuatu untuk memenuhi strategik setiap negara dalam komuniti ASEAN. Dalam usaha untuk memperkenalkan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi ASEAN yang lebih luas dalam sektor ekonomi dan pendidikan di rantau ini, pelbagai persiapan perlu diatur dan dirancang dengan bijaksana dan strategik supaya sesuai dengan masa dan pilihan bagi semua komuniti ASEAN.

Bahasa Melayu boleh memainkan peranan sebagai bahasa pengantar ilmu pengetahuan. Sebenarnya bahasa Melayu juga dapat berkembang menjadi bahasa yang moden dengan konsep negara yang progresif berdasarkan minda rakyat yang bebas daripada belenggu bahasa Inggeris serta dengan identiti dan jati diri rakyat yang kukuh, teguh dan bersemangat tegar. Kejayaan dalam memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ASEAN pasti akan menimbulkan rasa bangga dalam kalangan kita semua. Tambahan pula, cadangan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi ASEAN disokong oleh fakta bahawa satu pertiga daripada jumlah penduduk ASEAN yang berpangkalan di Indonesia, Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam juga menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi mereka.

IMPLIKASI

Kerjasama dan perpaduan serantau

Penduduk ASEAN yang ramai dan terdiri daripada pelbagai bahasa etnik, agama dan corak budaya dapat bersatu dengan satu bahasa rasmi, iaitu bahasa Melayu sebagai bahasa ASEAN. Kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi ASEAN ini boleh

direalisasikan dalam pelbagai bentuk melibatkan perundingan politik, ekonomi dan sosial dan juga acara kesenian, kesukanan dan upacara budaya pada peringkat masyarakat dan kebangsaan.

Masyarakat Multibahasa di ASEAN

Dengan corak masyarakat yang multilingual di ASEAN, pelbagai bidang ilmu akan dapat diterokai dan dikongsi bersama menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi utama di ASEAN. Hal ini dapat membentuk strategi untuk bahasa Melayu menjadi bahasa bagi tujuan perundingan, mengeratkan hubungan, meningkatkan komuniti penutur bahasa Melayu, di samping mewujudkan perpaduan dalam kalangan masyarakat di rantau ASEAN.

Keteguhan ekonomi ASEAN

Selain itu, kemantapan dan keteguhan ekonomi ASEAN juga akan menjadi salah satu faktor penentu terhadap kekuatan bahasa Melayu sebagai bahasa ASEAN.

KESIMPULAN

Bahasa Melayu dapat dimartabatkan sebagai bahasa ASEAN dalam pelbagai bentuk melibatkan kerjasama semua pihak dalam pelbagai bidang. Kegemilangan bahasa Melayu sebelum abad ke-20 kembali akan menjadi realiti apabila kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi ASEAN tidak dinafikan lagi. Sementara itu, segala hambatan yang ada akan dapat diatasi dengan minda yang bijak dan berani serta kesepakatan yang teguh dan jitu dalam kalangan komuniti ASEAN. Dengan demikian, bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi ASEAN akan mempunyai peranan yang lebih luas dan meyakinkan dalam sektor ekonomi dan pendidikan masyarakat di rantau ini. Seajar dengan itu, kesatuan politik dan ekonomi ASEAN perlu merancang dengan rapi agar hubungan diplomatik dan ekonomi dalam kalangan anggota ASEAN dapat memberikan suntikan yang dapat merangsang seluruh masyarakat ASEAN agar berusaha meningkatkan sinergi mereka supaya bersatu memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ASEAN demi keperluan penduduk ASEAN agar dihormati pada peringkat antarabangsa.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Azis Tabligh. (2010). Malay Can be “Language of Asean” Melayu Online. Diakses daripada <http://melayuonline.com/eng/news/read/12439/malay-can-be-language-of-asean>
- Ahmad Mohd Yusof. (1995). Dasar Bahasa, Sikap Masyarakat dan Pemerksaan Bahasa Melayu dalam Pembentukan Negara Bangsa. Diakses pada 7 Dis 2012 daripada <http://cikgu-rozali.blogspot.my/2012/07/dasar-bahasa-sikap-masyarakat-dan.html>
- Aminah Haji Momin. (2010, 25 Okt). Malay Can be “Language of Asean” Melayu Online. Diakses daripada <http://melayuonline.com/eng/news/read/12439/malay-can-be-language-of-asean>
- Andrew Gonzalez, (2003) Language planning in multilingual countries: The case of the Philippines1 Language planning in multilingual countries: The case of the Philippines.
- Awang Sariyan, 2004. Teras *Pendidikan Bahasa Melayu. Asas Pegangan Guru*, Bentong: PTS Publications

& Distributors Sdn. Bhd.

Felicia Putri Tjiasaka. (2015) . Should Bahasa Indonesia/Melayu be adopted as the universal language of ASEAN? Diakses pada 2 Mei 2016 dari <http://i0.wp.com/www.globalindonesianvoices.com/wp>.

Jeniri Amir (2015). ‘Bahasa Melayu Bahasa Rasmi Asean: Perjalanan 1000 Kilometer’ *Pelita Bahasa* Julai 2015.

Lee, J.E. (2015). *What ASEAN language should I learn?*. Diakses dari <https://www.quora.com/What-ASEAN-language-should-I-learn-Indonesian-Thai-Vietnamese-Lao-Khmer-Burmese-Malaysian-or-Filipino>

Mohd Nazri Latiff Azmi (2013). Does Multilingualism Contribute Positive Effects to Student’s Self-Identity? *Canadian Journal on Computing in Mathematics, Natural Sciences, Engineering and Medicine*. Vol. 4 No. 2, April 2013

Malay Can be “Language of Asean” (2010). The Brunei Times akses dari <http://www.brudirect.com>.

Bahasa Melayu di Thailand: Cabaran dan Saranan Penyelesaiannya

Hishamudin Isam^{1*}, Abdonloh Khreedah-oh² dan Mashetoh Abd Mutalib¹

¹ *Jabatan Pengajian Bahasa, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia, 06010, Sintok, Kedah, Malaysia*

² *Cawangan Bahasa Melayu, Jabatan Bahasa-bahasa Timur, Fakulti Kemanusiaan dan Sains Kemasyarakatan, Universiti Prince of Songkla, Pattani, 181 Chareonpradit Road, Rusamilae, Muang, Pattani, 94000, Thailand*

ABSTRAK

Pemerhatian awal mendapati, pengajian bahasa Melayu semakin mendapat tempat di Thailand apabila semakin banyak institut pengajian tinggi (kerajaan mahupun swasta) yang menawarkan pelbagai program pengajian bahasa Melayu. Paling menarik, terdapat pelajar program pengajian bahasa Melayu yang dibiayai pengajiannya oleh pihak kerajaan, termasuk untuk belajar di luar daripada Thailand (Malaysia dan Indonesia). Keadaan ini menunjukkan suatu perkembangan yang menarik berkaitan kesediaan pengkaji, penggiat dan pencinta bahasa Melayu untuk bersama-sama menjadikan hasrat 'Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asean' tercapai. Mendepani premis tersebut, makalah ini bertujuan membincangkan cabaran dan masa depan bahasa Melayu agar dapat 'hidup subur' di bumi Thailand. Hasil pemerhatian dan temu bual yang dijalankan di sebuah institut pengajian tinggi di wilayah Selatan Thailand mendapati, terdapat banyak cabaran yang telah, sedang dan perlu dihadapi oleh pelajar, pengkaji, penggiat dan pencinta bahasa Melayu untuk memastikan bahawa pengajian bahasa Melayu terus relevan di Thailand. Antara cabaran terbesar ialah pengupayaan pengajian bahasa Melayu seiring dengan keperluan bidang sains dan teknologi. Sekiranya hal ini dapat diusahakan, maka diyakini bahawa bahasa Melayu akan mampu bersaing, dan mampu menjadi bahasa Asean terpenting suatu hari nanti.

Kata kunci: pendidikan bahasa, pengajaran dan pembelajaran bahasa, dialek Melayu Patani, bahasa Melayu Standard

INFO MAKALAH

Pewasitan Makalah:

Dihantar: -

Diterima: -

E-mel:

din@uum.edu.my (Hishamudin Isam)

lah119@hotmail.com (Abdonloh Khreedah-oh)

mashetoh@uum.edu.my (Mashetoh Abd Mutalib)

*Penulis penghubung

MALAY LANGUAGE IN THAILAND: CHALLENGES AND PROPOSED SOLUTIONS

ABSTRACT

Early observations reveal that the Malay Language Studies is gaining popularity in Thailand, as more higher education institutions (both public and private) are offering various Malay Language Studies programmes. Best of all, a number of students of this programme are funded by the government, and this includes those who undertake the programme outside Thailand (Malaysia and Indonesia) as well. This posits a welcoming development as regards to our preparation as the Malay language researchers and exponents to together ensure the aspiration to establish 'Malay as the Asean language' is materialized. Following the foresaid premise, this article aims to discuss the challenges and future of the Malay language in its attempt to continue to prosper in Thailand. The findings via observations and interviews at one of the higher education institutions in Southern Thailand show various challenges have been, are being and have to be faced by the students, researchers and exponents of the Malay language in order to maintain its relevance in Thailand. One of the biggest challenges is to ensure that the study of Malay language is parallel with the development of science and technology. Should this be materialised, the Malay language will be able to compete, if not become the most important Asean language in the future.

Keywords: language education, language teaching and learning, Pattani Malay dialect, standard Malay language

PENGENALAN

Bahasa, walau bagaimana sistem atau gaya diujarkan, ialah sesuatu yang membentuk identiti bagi sesebuah komuniti. Melalui bahasa, gagasan fikiran berdasarkan bentuk dan golongan yang ada di dalamnya dapat dibina dan dirungkai, dan hal inilah yang menjadikan bahasa sebagai petunjuk atau firasat bagi sesuatu kebudayaan milik sesebuah komuniti (Asmah Haji Omar, 1993). Selari dengan prinsip tersebut, menurut Nik Safiah Karim (1982), kemajuan serta perkembangan yang dilalui oleh sesuatu bahasa adalah selaras serta sesuai dengan taraf perkembangan serta kemajuan yang dicapai oleh masyarakat bahasanya dan proses perkembangan ini berlaku secara perlahan-lahan sebagai satu proses evolusi.

Di bawah pengaruh polisi pendidikan negara, komuniti penutur di wilayah sempadan selatan Thai misalnya, telah menjadikan dialek Melayu Patani (seterusnya DMP) dan bahasa Thai (seterusnya BT) sebagai bahasa pertuturan seharian. Keupayaan mereka menuturkan kedua-dua bahasa (dan dialek) ini telah melahirkan identiti mereka sebagai penutur dwibahasa dalam sebuah negara yang secara dasarnya bukan daripada kelompok kepulauan Melayu.

BAHASA DAN PEMBENTUKAN IDENTITI BAHASA PENUTUR WILAYAH SELATAN THAI

Identiti bahasa dan kebudayaan penduduk Melayu di wilayah sempadan selatan Thai merupakan identiti yang berbeza dengan identiti negara Thai yang berteraskan bahasa dan kebudayaan Thai. Identiti mereka seolah-olah dibentuk atau dicipta untuk memperlihatkan

kewujudan mereka di tengah-tengah garisan geopolitik kebudayaan Thai (bahasa Thai ialah bahasa daripada rumpun Sino-Tibet) dan kebudayaan Melayu (bahasa Melayu tergolong dalam rumpun Austronesia atau Melayu–Polinesia) (Norizan Che Su, & Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2011). Keadaan ini dianggap sebagai salah satu punca yang menyebabkan penduduk Melayu tidak berpuas hati terhadap polisi yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan yang dianggap ingin menghapuskan identiti sebenar mereka sebagai orang Melayu (Abdonloh Khreeda-oh, 2010). Jurang perbezaan tersebut telah membawa kepada berlakunya ketidakfahaman bahasa dan budaya oleh pihak kerajaan dalam melaksanakan polisi sehingga menjadi salah satu punca yang membawa kepada pergolakan masyarakat sekarang.

GALUR PENDIDIKAN DAN KEPENTINGAN BAHASA DI WILAYAH SELATAN THAI

Hasil daripada *Laporan Isu-isu Kebahasaan dalam Seminar Projek Pencarian Kunci Kebahagaaan di Wilayah Selatan Thai* (Hasnah Che Ubong & Tuan Safiah Aljufri, 2010) mencatatkan berkaitan beberapa siri kajian telah dibuat untuk membuktikan bahawa tahap penguasaan setiap mata pelajaran bagi kanak-kanak di wilayah sempadan selatan Thai berada pada tahap agak rendah jika dibandingkan dengan peratus penguasaan pada peringkat negara. Oleh yang demikian, jabatan pendidikan kerajaan telah berusaha mencari jalan penyelesaian untuk mengatasi masalah kelemahan penguasaan setiap mata pelajaran tersebut.

Kajian yang dilakukan oleh Worawit Baru (1999) terhadap pengurusan pendidikan di sekolah kerajaan mendapati bahawa, pada 1921 kerajaan Jeneral P. Phibulsongkhram telah mengisytiharkan Dasar Penguatkuasaan Pendidikan Wajib 1921. Dasar ini telah mewajibkan kanak-kanak seluruh negara mempelajari ilmu pengetahuan aliran akademik di sekolah kebangsaan kerajaan yang menggunakan BT sebagai bahasa pengantar (Suwilai Premsirat, 2009). Selain mewajibkan setiap penduduknya belajar di sekolah rendah yang dikenali dengan “sekolah Siam” dalam kalangan penduduk Melayu, kerajaan Thai menambahkan lagi pembelajaran pada peringkat prasekolah pada 1971.

Peranan guru sekolah rendah yang mengajar peringkat prasekolah sehingga darjah 6 telah berjaya melahirkan generasi baharu yang fasih dan gemar bertutur dalam bahasa Thai (Wae Mayi Paramal, 2010). Polisi pendidikan ini berhasrat untuk menanamkan semangat cinta akan budaya dan bahasa kebangsaan kepada penduduk Melayu sejak kecil dan menambahkan jumlah penutur BT dalam kalangan penduduk Melayu supaya dapat berkomunikasi dengan pihak kakitangan kerajaan.

Polisi yang dimulakan oleh kerajaan Phibulsongkhram telah membawa kepada fenomena penukaran nama kampung, nama sekolah Melayu dan nama tempat daripada bahasa Melayu kepada BT secara berleluasa. Selain itu, timbul pula galakan penukaran nama orang Melayu daripada nama Islam kepada nama BT demi keperluan sokongan dalam urusan permohonan pekerjaan dan kenaikan pangkat (Worawit Baru, 1999). Seterusnya terdapat juga galakan penggunaan BT sebagai bahasa pengantar pelajaran agama yang terdapat dalam sekolah kebangsaan kerajaan, dan hal ini merupakan perkara yang kurang disenangi oleh penduduk Melayu (Suwilai Premsirat, 2009).

Antara 1957-1964, akibat penggunaan BT sebagai bahasa pengantar ilmu pengetahuan di dalam kelas, walhal kanak-kanak tidak mempunyai asas tentang BT, telah menyebabkan pelajar masih tidak dapat menguasai BT. Jabatan Pemeriksa Kerajaan ke-12, Yala (2009) telah merumuskan bahawa masalah pendidikan yang berlaku di kawasan wilayah sempadan selatan Thai adalah akibat daripada halangan daripada DMP. Oleh itu, penggunaan DMP di dalam kawasan sekolah diharamkan dan pelajar yang tidak menggunakan BT di dalam kawasan sekolah akan didenda sehingga membawa kepada suasana yang amat sunyi di dalam sekolah.

Tahun 1965-1972, Kementerian Pendidikan Thai telah mengeluarkan sistem baharu pengajaran BT untuk kanak-kanak prasekolah, iaitu pengajaran BT secara penerimaan terus tanpa penterjemahan kepada bahasa Melayu terlebih dahulu (Ibrahim Narongraksakhet, 2008). Manakala pada 1991 pula, Jabatan Suruhanjaya Pendidikan Sekolah Rendah Negara telah mengisytiharkan kaedah pembelajaran BT sebagai bahasa kedua dengan cara penerimaan bahasa, iaitu pemberian pengetahuan bahasa secara beransur-ansur dan sedikit demi sedikit melalui aktiviti bahasa yang disediakan oleh guru.

Pada 2006, Institut Penyelidikan Bahasa dan Kebudayaan Asia, Universiti Mahidol bersama dengan penyelidik tempatan daripada Prince of Songkla Universiti, kampus Pattani telah menjalankan Projek Pengajaran dan Pembelajaran Dwibahasa (bahasa Thai-bahasa Melayu) di kawasan wilayah sempadan selatan Thai (Jabatan Pemeriksa Kerajaan ke-12, Yala, Kementerian Pelajaran Thai, 2009). Kaedah pembelajaran yang digunakan dalam projek ini, iaitu menggunakan dialek Melayu Patani (DMP) dan bahasa Thai (BT) sebagai bahasa pengantar di dalam kelas daripada tahap prasekolah kepada peringkat sekolah rendah darjah 6. Projek ini memberikan penekanan terhadap pembangunan kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis (Institut Penyelidikan Selatan, 1986).

Kaedah pembelajaran dwibahasa sepenuhnya ini berlandaskan tahap perkembangan kanak-kanak dengan menggunakan DMP yang merupakan bahasa perhubungan seharian bersama dengan BT yang merupakan bahasa rasmi pada tahap pertama. Tahap pertama ini menitikberatkan penguasaan 4 kemahiran penting, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis dalam penciptaan asas pengetahuan kepada pelajar. Setelah kanak-kanak dapat membaca dan menulis DMP, mereka akan menyambung dan menggunakan kemahiran tersebut dalam mempelajari BT dengan lebih mudah dan lebih cepat. Oleh sebab DMP ditulis dalam bentuk BT, maka akan berlaku penyambungan antara DMP yang merupakan bahasa ibunda dengan BT yang merupakan bahasa pengisian ilmu baharu. Dapat dianggap bahawa, Kaedah Pembelajaran Dwibahasa Sepenuhnya boleh dianggap sebagai salah satu jalan untuk memartabatkan DMP daripada bahasa lisan kepada bahasa tulisan yang diterima pakai dalam pendidikan secara rasmi oleh kerajaan.

PENAWARAN PROGRAM BAHASA MELAYU DI THAILAND

Selain sekolah kerajaan yang mulai menerima penggunaan DMP sebagai bahasa pengantar dan bahan pengajaran di dalam kelas, terdapat pula institusi pendidikan swasta yang menggunakan DMP dan bahasa Melayu Standard sebagai bahasa pengantar ilmu pengetahuan. Institusi pondok merupakan institusi pendidikan tradisional bagi penduduk Melayu di wilayah sempadan Selatan Thai. Sebelum dikenakan dasar asimilasi kerajaan,

institusi pondok yang diterajui oleh tuan guru selaku guru agama telah mengembangkan pendidikan agama Islam di kawasan ini dan kawasan persekitarannya (Jabatan Pendidikan Swasta, 1986).

Dasar asimilasi yang dilakukan oleh kerajaan Thai terhadap institusi pondok bermula pada 1961, apabila Kementerian Pendidikan telah merancang untuk campur tangan dalam pengurusan institusi pondok atas alasan institusi pondok dianggap berbahaya kepada kestabilan politik, ekonomi dan sosial negara (Jabatan Pendidikan Kawasan Dua, 1961). Campur tangan ini juga berlaku kerana dasar kerajaan yang hendak menanamkan kesedaran sebagai rakyat Thai bagi penduduk Melayu, dan menyelaraskan sistem pendidikan pondok dengan dasar pendidikan negara (Jabatan Pendidikan Kawasan Dua, 1970).

Oleh itu, institusi pondok diminta berdaftar dan ditukar menjadi Sekolah Agama Islam Rakyat pada 1966 dan akhirnya pada 1982 ditukar pula kepada Sekolah Agama Islam Swasta. Dasar yang telah dikuatkuasakan ini membolehkan kerajaan mengawal institusi pondok supaya menerima sistem pengajaran dan pembelajaran mengikuti kurikulum sekular yang dikehendaki oleh kerajaan.

Dasar kerajaan yang mengurangkan dan menghilangkan identiti pondok telah menyebabkan kekurangan pembelajaran kitab agama yang ditulis dalam bahasa Melayu tulisan Jawi. Sistem persekolahan pondok pula diganti dengan sistem sekolah yang bercampur aduk dengan mata pelajaran sekular yang diajar dengan menggunakan bahasa Thai. Kesannya, tahap penguasaan bahasa Melayu kalangan pelajarinya adalah rendah (Ab. Razak Ab. Karim, & Muhammad Saiful Haq Hussin, 2011) dan beberapa buah institusi pondok yang masih tradisional terpaksa tutup kerana penduduk Melayu lebih minat menghantar anaknya di Sekolah Agama Islam Swasta kerana sekolah ini menyediakan peluang yang lebih cerah kepada lulusannya untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi, sama ada pendidikan agama di luar negara atau di institusi pendidikan tinggi kerajaan.

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU DI UNIVERSITI

Pihak kerajaan Thai mula membuka mata terhadap kepentingan bahasa Melayu hasil daripada prinsip 'arus kependudukan Asean' yang akan membuatkan negara Asean mempunyai pasar perdagangan yang satu. Keadaan ini berlaku berikutan anggapan pihak kerajaan dan swasta tentang bahasa Melayu yang dianggap bahasa yang penting dalam Komuniti Asean kerana digunakan sebagai bahasa perhubungan di negara Malaysia, Singapura, Indonesia, Brunei Darussalam, di kawasan selatan Filipina dan juga di kawasan selatan Thai (Worawit Baru @ Ahmad Idris, 1999). Berdasarkan kepentingan tersebut, beberapa institusi pengajian tinggi di negara Thai telah menawarkan pembelajaran bahasa Melayu. Sesetengah institusi pula, menawar kedua-dua pembelajaran bahasa Melayu standard dan DMP. Menariknya, terdapat pelajar program pengajian bahasa Melayu yang dibiayai pengajiannya oleh pihak kerajaan, termasuk untuk belajar di luar daripada Thailand (Malaysia, Brunei Darussalam dan Indonesia).

Institusi pengajian tinggi lapisan awal yang menawar pembelajaran bahasa Melayu ialah Universiti Thaksin (ketika itu masih merupakan Kolej Ilmu Pendidikan Songkhla) dan Universiti Prince of Songkla, kampus Pattani. Kedua-dua buah universiti ini telah

menawarkan kurikulum bahasa Melayu sebagai pengajian major dan minor dengan mengisikan pembelajaran DMP sebagai salah satu subjek pilihan dalam major dan minor tersebut. Seterusnya pada 2008, Universiti Islam Yala (sekarang dikenali sebagai Universiti Fatoni) yang juga merupakan universiti swasta, turut menawarkan kurikulum bahasa Melayu sebagai pengajian major. Pada 2009 pula, Universiti Princess Naradhiwas telah menawarkan pelajaran bahasa Melayu sebagai subjek pilihan untuk pelajar seluruh kampus, diikuti oleh Universiti Rajabhat Yala (2010) telah menawarkan kurikulum jurusan baharu, iaitu jurusan bahasa Melayu.

Kurikulum major bahasa Melayu yang ditawarkan oleh institusi tersebut di atas mempunyai penekanan kurikulum yang berbeza. Di Universiti Thaksin, selain mata pelajaran bahasa Melayu untuk berkomunikasi sebagai subjek teras, terdapat banyak subjek berkaitan kesusasteraan Melayu yang disertakan di dalam kurikulumnya. Manakala kurikulum major bahasa Melayu di Universiti Prince of Songkla, kampus Pattani lebih menitikberatkan kursus bahasa Melayu untuk berkomunikasi dengan hanya sedikit subjek linguistik dan kesusasteraan Melayu yang ditawarkan. Selain itu, kurikulum major bahasa Melayu di Universiti Fatoni pula menitikberatkan penggunaan bahasa Melayu dalam konteks keagamaan, selain beberapa kursus berkaitan linguistik Melayu yang disentuh secara mendalam. Sementara itu di Universiti Rajabhat Yala, kurikulumnya menitikberatkan subjek linguistik Melayu, manakala Universiti Princess of Naradhiwas memberikan penekanan kepada subjek bahasa Melayu untuk berkomunikasi yang ditawarkan sebagai subjek pilihan bebas sahaja.

Selain itu, terdapat beberapa institusi pengajian tinggi yang menawarkan subjek bahasa Melayu selaku subjek teras untuk beberapa program atau sebagai subjek pilihan. Antaranya ialah seperti Universiti Chulalongkorn, Universiti Thammasart, Universiti Ramkhamheng, Universiti Prince of Songkla kampus Hadyai, Universiti Walailak, Universiti Kasembandit dan Universiti Mahidol (peringkat pascasiswazah).

Universiti Thammasart menawarkan kedua-dua subjek bahasa Melayu dan bahasa Indonesia selaku subjek teras kurikulum Pengajian Malaysia dan Indonesia, manakala Universiti Walailak menawarkan bahasa Indonesia sebagai subjek teras kurikulum Pengajian Indonesia yang menitikberatkan bahasa Malaysia dan bahasa Indonesia untuk berkomunikasi dan mencari maklumat tentang Pengajian Malaysia dan Indonesia. Universiti Ramkhamheng, Universiti Prince of Songkla kampus Hadyai dan Universiti Kasembandit pula menawarkan subjek bahasa Melayu selaku subjek pilihan yang memfokus kepada bahasa Melayu untuk berkomunikasi. Di Universiti Mahidol, terdapat pengajian bahasa Melayu peringkat sarjana untuk pelajar yang ingin menjalankan penyelidikan (tesis) berkaitan bidang linguistik Melayu.

Dalam kalangan institusi pengajian tinggi di Thailand, Universiti Prince of Songkla dianggap sebagai universiti yang begitu memberikan kepentingan kepada pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dan Pengajian Melayu. Keadaan ini boleh dikatakan berpunca daripada kedudukan geografinya selaku pintu masuk ke alam Melayu dan untuk menampung keperluan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (*AFTA - ASEAN Free Trade Area*) serta 'arus kependudukan Asean' (*ASEAN Citizen*).

Fakulti Kemanusiaan dan Sains Sosial, Universiti Prince of Songkla kampus Pattani menawarkan kurikulum major bahasa Melayu dan major Pengajian Melayu. Kurikulum major bahasa Melayu merangkumi subjek DMP untuk pelajar yang bukan penutur asli bahasa Melayu. Tujuannya supaya pelajar tersebut mampu berkomunikasi dengan penduduk dan para peniaga di dalam komuniti serta memahami kebudayaan penduduk tempatan. Manakala di Fakulti Pendidikan pula, terdapat pembelajaran subjek DMP untuk pelajar yang bukan penutur asli bahasa Melayu, terutamanya pelajar yang akan bertugas sebagai guru di tiga wilayah sempadan Selatan. Tujuannya juga sama, iaitu memudahkan mereka berkomunikasi dengan murid, penjaga serta penduduk di kawasan sekitar. Manakala di Fakulti Kesenian, Universiti Prince of Songkla kampus Hadyai, terdapat penawaran subjek bahasa Melayu sebagai subjek pilihan berikutan Kota Hadyai terdapat ramai pelancong asing dari Malaysia dan Singapura. Sementara itu, di Universiti Prince of Songkla kampus Phuket pula, terdapat projek pembelajaran bahasa Melayu selaku subjek teras dalam Kurikulum Perniagaan Antarabangsa Asean yang menitikberatkan tentang bahasa Melayu untuk perdagangan.

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu standard, terutamanya di wilayah sempadan Selatan Thai mampu memberikan pemahaman tentang bahasa dan budaya Melayu kepada para pelajar. Keadaan ini membolehkan mereka berkomunikasi dengan para pelancong dari negara yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa perhubungan (Hayati Lateh, Mohammad Fadzeli Jaafar, Mohammed Azlan Mis, & Norsimah Mat Awal, 2013). Selain itu, bahasa Melayu dapat digunakan untuk keperluan perniagaan dan perdagangan dengan dunia Melayu, terutamanya setelah pasar-pasar negara Asean bercantum menjadi satu sistem. Dengan itu bahasa Melayu dapat dianggap sebagai bahasa yang terpenting yang mampu menjalinkan hubungan baik dengan negara jiran serta sebagai penjana kemakmuran ekonomi serantau.

CABARAN PENGAJIAN BAHASA MELAYU DI THAILAND

Berdasarkan peningkatan jumlah penawaran program pengajian bahasa Melayu di pelbagai universiti, maka dapat dikatakan bahawa masa depan bahasa Melayu di negara Thai amnya dan di kawasan sempadan Selatan Thai khususnya, agak cerah. Petunjuk ini membayangkan penerimaan dan pengiktirafan kerajaan Thai kepada kepentingan bahasa. Namun, di sebalik keadaan tersebut, terdapat beberapa faktor yang diyakini menjadi penyebab kepada ketidakcekapan berbahasa bahasa Melayu Standard dalam kalangan mahasiswa. Penelitian yang bersandarkan kaedah pemerhatian informal (Robson 2002; Ary, Jacobs, Razavieh & Sorensen 2006; Creswell 2008; Rourke, & Sweller 2009; Groenendijk Janssen, Rijlaarsdam, & Bergh 2011) dan kaedah temu bual (Patton 2002; Maxwell 2005; Bryman 2007; Leech, Dellinger, Brannagan, & Tanaka 2010; Onwuegbuzie, Leech, & Collins 2012) ini memfokus kepada mahasiswa pengajian bahasa Melayu di Universiti Prince of Songkla kampus Pattani (PSU). Pemilihan kumpulan mahasiswa ini dibuat bersandarkan faktor bahawa pelajar ini sedang mendalami pengajian bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, yang berasal daripada wilayah utama di seluruh Thailand, serta Program Pengajian Bahasa Melayu yang ditawarkan di Universiti Prince of Songkla kampus Pattani (PSU) adalah antara program terawal yang menawarkan pengajian bahasa Melayu. Dapatan

kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa faktor yang menyebabkan ketidakcekapan berbahasa Melayu standard dalam kalangan mahasiswa. Faktor-faktornya adalah seperti yang berikut:

Anggapan Bahasa Melayu Standard Mudah

Ramai mahasiswa beranggapan bahawa bahasa Melayu standard itu mudah kerana mempunyai ciri persamaan dengan bahasa ibunda mereka, iaitu DMP. Antara alasan lojik yang diberikan semasa sesi temu bual ialah tentang kemampuan mereka bertutur, dan menulis dalam bahasa Melayu, serta mengetahui sosiobudaya orang Melayu kerana mereka berketurunan Melayu. Hasil daripada kepercayaan tersebut membolehkan mereka lulus dengan baik semasa ujian atau peperiksaan dijalankan.

Semasa ditanya berkaitan kepekaan mereka terhadap penggunaan bahasa Melayu standard di luar daripada wilayah selatan Thai (di Malaysia misalnya), mereka mula sedar bahawa bahasa Melayu yang mereka gunakan seharian itu sebenarnya ialah dialek Melayu, yang jauh berbeza daripada bahasa Malaysia standard di wilayah kepulauan Melayu. Anggapan seperti ini juga sering berlaku kepada pelajar atau mahasiswa di Malaysia (Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan, & Zaharani Ahmad, 2010; Mohamed Ramdhan Mohamed Razak, Norizan Che Su, & Nik Farhan Mustapha, 2014).

Kekurangan Contoh atau Model Bahasa Lisan yang Betul

Mahasiswa tidak dapat berbahasa lisan dengan baik kerana tidak ada contoh atau model yang baik untuk diikuti. Bukan hanya dalam kalangan mahasiswa, masalah berkaitan sebutan juga turut terkait dengan sebilangan pensyarah, yang kekal menggunakan bahasa lisan dengan pengaruh dialek masing-masing. Sekiranya masalah ini dapat diatasi, maka kemampuan mahasiswa untuk menuturkan bahasa Melayu lisan dengan lebih baik tentu dapat ditingkatkan (Abdul Hamid Mahmood 1997).

Pengaruh Dialek Melayu Patani

Terdapat beberapa ciri DMP yang mempengaruhi penguasaan bahasa Melayu Standard (BMS), iaitu pengaruh dari sudut negatif yang boleh menyulitkan penguasaan bahasa Malaysia baku (Ruslan Uthai, 2005). Ciri dialek yang mengganggu penguasaan bahasa Melayu Standard dapat dilihat daripada beberapa aspek antaranya aspek fonologi, morfologi dan leksikal.

Berdasarkan data-data yang diperoleh, bidang fonologi merupakan bidang yang paling banyak dan paling ketara mengganggu penutur DMP dalam menguasai BMS. Hal ini berlaku kerana terdapatnya fonem vokal dan fonem konsonan yang berlainan antara DMP dengan BMS. Fonem vokal dan konsonan yang berlainan itu telah menyebabkan perkara berikut turut berlaku:

Dialek Melayu Patani	Bahasa Malaysia Standard
(1) / ɲɔ /	nya
(2) / kitɔ /	kita
(3) / bɔwɔʔ /	bawa
(4) / napɔʔ /	nampak
(5) / nasiʔ /	nasi
(6) / kuwaʔ /	kuat
(7) / kuwɔh /	kuah
(8) / ʔinjɪŋ /	ingin

(Sumber: Ruslan Uthai, 2005)

Selain itu, daripada 20 fonem konsonan yang terdapat dalam DMP, hanya tiga fonem, iaitu / ʔ /, / h / dan / ŋ / yang boleh hadir di akhir kata (Abdul Hamid Mahmood, 1977) seperti contoh (6), (7) dan (8) di atas. Hakikatnya, dalam BMS terdapat sebanyak 14 fonem konsonan yang boleh hadir di akhir kata, iaitu / p, b, t, d, (k = ʔ), g, s, h, j, l, r, m, n, dan ŋ / seperti dalam contoh berikut:

Bahasa Malaysia Standard	Dialek Melayu Patani	Kesalahan
(1) dakap	/ dakaʔ /	dakak
(2) sebab	/ subaʔ /	sebap, sebak
(3) silat	/ silaʔ /	silap, silab, silat
(4) jasad	/ jasaʔ /	jasat
(5) kakak	/ kakaʔ /	-
(6) beg	/ beʔ /	bek
(7) lepas	/ lupah /	lepah
(8) buluh	/ buloh /	buloh, bulus
(9) kolej	/ koleʔ /	koleg
(10) halal	/ hala /	hala
(11) bakar	/ baka /	baka, bakal
(12) pinggan	/ piŋɛ /	pinggang
(13) ulam	/ ʔulɛ /	ulan, ulang
(14) bintang	/ bitɛ /	bitang, bitan

(Sumber: Ruslan Uthai, 2005)

Pelajar juga turut mempunyai masalah berkaitan kekeliruan menentukan makna bagi sesuatu kata (semantik). Misalnya seperti dalam contoh di bawah:

Dialek Melayu Patani	Bahasa Malaysia Standard
(1) / laoʔ /	laut, lauk
(2) / malɛ /	malam, malang
(3) / piŋɛ /	pinggan, pinggang
(4) / adaʔ /	adap, hadap
(5) / bata /	batal, bantal

- | | | |
|-----|-----------|---------------|
| (6) | / swlɛ / | selam, selang |
| (7) | / patoʔ / | patut, patuk |

(Sumber: Ruslan Uthai, 2005)

Seterusnya, terdapat pula masalah berkaitan kelainan pemilihan kata / leksikal. Oleh sebab DMP merupakan satu daripada dialek bahasa Melayu, maka banyak sekali kata atau unsur leksikal dalam DMP yang sama dengan kata / leksikal yang terdapat dalam bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, menurut Ismail Hussein (dalam Abdul Hamid Mahmood, 1997), pengaruh daripada bahasa Thai telah menyebabkan timbulnya kecenderungan untuk meninggalkan suku kata dalam kata-kata yang bersuku kata dua. Kecenderungan tersebut merupakan sebahagian kata asal dalam dialek Melayu Patani yang berdwisuku mengalami proses kehilangan suku kata sebelum akhirnya (Ruslan Uthai, 2005: 136). Contohnya, kata berikut:

Dialek Melayu Patani	Bahasa Melayu Standard
(1) / noʔ /	hendak
(2) / gi /	pergi
(3) / waʔ /	buat
(4) / doʔ /	tidak
(5) / pah /	lepas
(6) / doʔ /	duduk
(7) / lonin /	kala ini, sekarang
(8) / tu /	itu
(9) / paʔ /	empat
(10) / nɛ /	enam

(Sumber: Ruslan Uthai, 2005)

Berdasarkan contoh di atas, dapat menunjukkan bahawa DMP akan menyimpang jauh berbeza daripada BMS yang akan melemahkan penutur dialek tersebut dalam menguasai BMS.

Pelajar juga kerap mengalami masalah berkaitan penggunaan penjodoh bilangan. Penggunaan penjodoh bilangan /bute/ (butir) dalam DMP sangat meluas. Penjodoh bilangan ini digunakan bukan sahaja sebagai penjodoh bilangan untuk benda seperti buah-buahan, tetapi meliputi benda lain juga seperti rumah, kereta, telaga, negeri, dan sebagainya. Misalnya:

Dialek Melayu Patani	Bahasa Melayu Standard
(1) / xumoh subute /	sebuah rumah
(2) / kwɛɛto duwo bute /	dua buah kereta
(3) / subute tulago /	sebuah telaga
(4) / subute nuɣwɛri /	sebuah negeri

(Sumber: Ruslan Uthai, 2005)

Dalam DMP, kata /ɾama/ (ramai) dan /baŋɔʔ/ (banyak) boleh digunakan untuk manusia dan juga haiwan. Keadaan ini dikatakan serupa dengan dialek Melayu Kelantan (Abdul Hamid Mahmood, 1997). Contohnya adalah seperti yang berikut:

Dialek Melayu Patani	Bahasa Melayu Standard
(1) /ɾama ʔɔʔɛ ssiniŋ /	ramai orang di sini
(2) /baŋɔʔ ʔɔʔɛ ssiniŋ /	banyak (ramai) orang di sini
(3) /ɾama kameŋ ssitu /	ramai (banyak) kambing di situ
(4) /baŋɔʔ kameŋ ssitu /	banyak kambing di situ

(Sumber: Ruslan Uthai, 2005)

Untuk mengatasi masalah penguasaan BMS dalam kalangan penutur DMP, pengkaji telah menerapkan kaedah menghuraikan ciri tertentu yang membezakan antara DMP dengan BMS supaya mahasiswa mamahami bahasa ibunda mereka yang merupakan pengetahuan sedia ada sambil mempelajari kemahiran penggunaan BMS yang dianggap pengetahuan yang baharu.

Kurang Keupayaan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu yang Seiring dengan Keperluan Sains dan Teknologi

Berdasarkan tinjauan yang dilakukan, pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu, terutamanya subjek tatabahasa di institut pengajian tinggi di Thailand, sangat terikat kepada penerangan hukum dan rumus atau peraturan yang berbantuan buku tatabahasa dan kamus sahaja. Kesan daripada keadaan ini telah menyebabkan pengajaran dan pembelajaran tatabahasa bahasa Melayu kurang diminati oleh pelajar. Hasil daripada temu bual dengan para guru, mereka ketandusan teknik pengajaran dan pembelajaran baharu untuk mempertingkatkan minat pelajar serta memperbaiki keputusan peperiksaan pelajar mereka.

SARANAN DAN PENYELESAIANNYA

Perbincangan bersama mahasiswa, pensyarah dan kalangan pentadbir universiti telah membantu merungkai beberapa persoalan yang diharap dapat membantu mengatasi setiap masalah yang dikesan. Misalnya, untuk mengatasi masalah penguasaan bahasa Melayu standard dalam kalangan mahasiswa PSU yang merupakan penutur DMP, pengkaji telah mencadangkan penggunaan formula yang dikemukakan oleh Abdul Hamid Mahmood (1997), iaitu menghuraikan ciri tertentu yang membezakan antara DMP dengan bahasa Melayu Standard supaya setiap mahasiswa dapat membandingkan pengetahuan bahasa ibunda mereka (DMP) sebagai pengetahuan sedia ada, dengan pengetahuan baharu yang dipelajari (bahasa Melayu standard).

Selain itu, beberapa cadangan dikemukakan untuk mengatasi masalah ketidakcekapan dalam penggunaan bahasa Melayu Standard. Antaranya ialah:

- Pengajar bahasa Melayu hendaklah terdiri daripada pensyarah atau guru yang terlatih

khusus untuk mengajar bahasa Malaysia. Pengajar mestilah bersikap kreatif dan menggunakan pelbagai pendekatan, kaedah dan gaya dalam mengajarkan aspek ketatabahasaan. Cara ini dapat menarik minat pelajar, mengelakkan rasa jemu dalam kalangan mereka dan pengajaran akan menjadi lebih berkesan.

- Pengajar bahasa hendaklah sentiasa menggunakan bahasa Malaysia yang betul dan baku, kerana bahasa beliau akan menjadikan model rujukan.
- Pengajar perlu memberikan pengetahuan yang jelas kepada pelajarinya tentang perbezaan antara bahasa Melayu baku dengan DMP untuk meningkatkan kemahiran sebutan, ejaan, imbuhan, dan sebagainya.
- Mahasiswa diingatkan supaya membaca buku, majalah dan bahan bacaan yang ditulis dalam bahasa Melayu yang betul dan baik.

Selain itu, berdasarkan perkembangan terkini pengajaran dan pembelajaran tatabahasa di luar Thailand, khususnya di negara Barat dan negara Asean lain, proses pengajaran dan pembelajaran bahasa telah menginjak kepada suatu fasa baharu dengan mengaplikasikan penggunaan teknologi perkomputeran untuk membantu pelajar memahami sistem tatabahasa dengan lebih berkesan (Hishamudin Isam, Mashetoh Abd Mutalib, & Faizah Ahmad, 2014). Keadaan ini mampu menyuntik elemen teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta dapat menanam minat generasi Y yang sememangnya sangat peka dengan keperluan teknologi semasa.

KESIMPULAN

Sebagai rumusan, dapat dikatakan bahawa senario terkini menunjukkan bahawa pihak kerajaan Thai mula membuka mata akan kepentingan bahasa Melayu hasil daripada prinsip ‘arus kependudukan Asean’ yang akan membuatkan negara Asean mempunyai pasar perdagangan yang satu. Keadaan ini diperkukuh oleh anggapan pihak kerajaan serta swasta tentang kepentingan bahasa Melayu dalam Komuniti Asean kerana digunakan sebagai bahasa perhubungan di negara Malaysia, Singapura, Indonesia, Brunei Darussalam, di kawasan selatan Filipina dan juga di kawasan selatan Thai (Worawit Baru @ Ahmad Idris, 1999).

Walau bagaimanapun, keterbukaan dan penerimaan oleh pihak kerajaan dan swasta terhadap penggunaan bahasa Melayu tidak datang sebegitu sahaja. Banyak cabaran dan halangan yang perlu ditempuh untuk memastikan bahawa bahasa Melayu mampu menjadi bahasa penghubung dan bahasa ilmu dalam kalangan penggunanya. Hal ini sangat penting untuk membina kekuatan dalam dan keyakinan yang tinggi dalam membentuk jati diri, maruah dan kebanggaan masyarakat penuturnya (Rozita Che Rodi, & Hashim Musa, 2014). Oleh hal yang demikian, maka pemupukan rasa kecintaan oleh pencinta bahasa, para pelajar dan pengajar serta para penyelidik, serta usaha berterusan daripada semua pihak diyakini mampu membawa bahasa Melayu kembali bersaing dan hidup subur di bumi Thai, malah mampu menjadi bahasa Asean terpenting suatu hari nanti.

BIBLIOGRAFI

- Ab. Razak Ab. Karim, & Muhammad Saiful Haq Bin Hussin. (2011). Tahap penguasaan bahasa Melayu pelajar di Islamic Santitham Foundation School (Isfs). *Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 22, 2, 18-44.*
- Abdonloh Khreeda-oh. (2010). Bahasa: Kunci Terpenting dalam Menyelesaikan Masalah di Selatan Thai. Kertas Kerja dalam *Seminar Penyelidikan Sains Sosial Kebangsaan*, 22 September, 2010, Universiti Prince of Songkla, Kampus Pattani.
- Abdul Hamid Mahmood. 1997. *Guru dan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Media Printext.
- Asmah Haji Omar. (1993). *Bahasa dan alam pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ary, D., Jacobs, L. C., Razavieh, A. & Sorensen, C. (2006). *Introduction to research in education* (7th ed.). USA: Thomson
- Bryman, A. (2007). Barriers to integrating quantitative and qualitative research. *Journal of Mixed Methods Research, 1* (1), 8 – 22.
- Creswell, J. (2008). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Groenendijk, T., Janssen, T., Rijlaarsdam, G., & Bergh, H. (2011). The effect of observational learning on students' performance, processes, and motivation in two creative domains. *British Journal of Educational Psychology, 121*, 1 – 26.
- Hasnah Che Ubong, & Tuan Safiah Aljufri. (2010). Bahasa dan Pendidikan di Wilayah Sempadan selatan Thai. *Laporan Isu-isu Kebahasaan dalam Seminar Projek Pencarian Kunci Kebahagaaan di Wilayah Selatan Thai*, Pusat Penyelidikan dan Pemuliharaan Bahasa dan Budaya Asia, Universiti Mahidol, hlm 26-30.
- Hayati Lateh, Mohammad Fadzeli Jaafar, Mohammed Azlan Mis, & Norsimah Mat Awal. (2013). Pilihan bahasa di sempadan Malaysia-Thailand berdasarkan analisis domain. *Jurnal Linguistik Vol. 17*(2), 91-100.
- Hishamudin Isam, Mashetoh Abd Mutalib, & Faizah Ahmad. (2014). Memanfaatkan Program Daftar Kata Percuma dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa: Analisis Kata Berasaskan Data Korpus. *Jurnal Pendidikan Malaysia, 39* (1), 115-124.
- Ibrahim Narongraksakhet. (2008). Pendidikan di Selatan Thai. Kertas Kerja dalam *Seminar Kebangsaan Melayu dan Thai: Pandangan dari Sejarah dan Keadilan*, Pattani, Mitraphab.
- Institut Penyelidikan Selatan. (1986). *Ensiklopedia Kebudayaan Selatan Thai, 5*, Songkla: Universiti Srinakharinwirot.
- Jabatan Pemeriksa Kerajaan ke-12, Yala, Kementerian Pelajaran Thai. (2009). Laporan Penyelidikan Program Pembelajaran Dua Bahasa (Thai-Melayu) di Wilayah Sempadan Selatan Thai, Bangkok, Kementerian Pelajaran Thai .
- Jabatan Pendidikan Kawasan Dua. (1961). *Aturan Kementerian Pendidikan dalam Menyokong dan Membangun Pondok di Kawasan Pendidikan Dua 2504/1961*. Yala: Curusommanakharn Press.
- Jabatan Pendidikan Kawasan Dua. (1970). *Laporan Penyelidikan Mengenai Pembelajaran Pondok di Wilayah Sempadan Selatan 2512/1969*. Bangkok: Curuspha Press.
- Jabatan Pendidikan Swasta. (1986). *Sekolah Agama Islam Swasta di Selatan*. Bangkok: Jabatan Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan.
- Leech, N. L., Dellinger, A., Brannagan, K. B., & Tanaka, H. (2010). Evaluating mixed research studies: A mixed methods approach. *Journal of Mixed Methods Research, 4*, 17-31.
- Maxwell, J. A. (2005). *Qualitative research design: An interactive approach* (2nd ed.). Newbury Park, CA: Sage

- Mohamed Ramdhan Mohamed Razak, Norizan Che Su, & Nik Farhan Mustapha. (2014). Analisis kesilapan penggunaan perkataan sinonim bahasa Thai dalam kalangan pelajar Universiti Putra Malaysia. *Jurnal Linguistik*, 18 (1), 025-034.
- Nik Safiah Karim. (1982, Ogos). Perkembangan Bahasa Melayu Sejak 1957. *Dewan Masyarakat*, 20 (8), 61-62.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan, & Zaharani Ahmad. (2010). Sosiokognitif Pelajar Remaja Terhadap Bahasa Melayu. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 67, Volume 10(3), 67-87.
- Norizan Che Su, & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2011). Ayat tanya dalam bahasa Thai dan bahasa Melayu: Satu perbandingan. *Jurnal Linguistik*, Jil. 13, 1-12.
- Onwuegbuzie, A. J., Leech, N. L., & Collins, K. M. T. (2012). Qualitative Analysis Techniques for the Review of the Literature. *The Qualitative Report*, 17, 1-28.
- Patton, M. Q. (2002). *Qualitative research and evaluation methods* (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publication.
- Robson, C. (2002). *Real world research: A resource for social scientists practitioner-researchers*. UK: Blackwell Publishers Ltd.
- Rourke, A., & Sweller, W. (2009). The worked-example effect using ill-defined problems: Learning to recognize designers' styles. *Learning and Instruction*, 19, 185–199.
- Rozita Che Rodi, & Hashim Musa. (2014). Bahasa Melayu bahasa negara bangsa Malaysia. *Mahawangsa, Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu*, 1 (2), 257-272).
- Ruslan Uthai. (2005). *Ciri-ciri istimewa dialek Melayu Patani: Satu tinjauan*. Pattani: Fakulti Kemanusiaan dan Sosial Sains, Universiti Prince of Songkla.
- Suwilai Premsirat. (2009). Laporan Penyelidikan Program Pembelajaran Dwibahasa (Thai-Dialek Melayu Patani) Sepenuhnya, Pusat Penyelidikan dan Pemuliharaan Bahasa dan Kebudayaan dalam Krisis, Institut Penyelidikan Bahasa dan Kebudayaan Asia, Universiti Mahidol.
- Wae Mayi Paramal. (2010). Pengumpulan dan Penciptaan Kamus Dialek Melayu Patani. *Laporan Isu-isu Kebahasaan dalam Seminar Projek Pencarian Kunci Kebahagiaan di Wilayah Selatan Thai*, Pusat Penyelidikan dan Pemuliharaan Bahasa dan Budaya Asia, Universiti Mahidol, hlm 14-16.
- Worawit Baru @ Ahmad Idris. (1999). *Dasar Kerajaan dan Kesannya Terhadap Bahasa Melayu di Negara Thai*. Tesis Ph.D. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Bahasa Melayu Bahasa Rasmi ASEAN

Raja Masittah Raja Ariffin* dan Norazlina Haji Mohd Kiram

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Usaha mengangkat bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi ASEAN telah lama diperkatakan, diperdebatkan dan dicadangkan oleh pelbagai pihak. Sejarah membuktikan bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa yang besar. Dari sudut sejarah Nusantara, bahasa Melayu juga dikenali sebagai *lingua franca* dan telah digunakan secara meluas sebagai bahasa perantara dalam komunikasi, pertuturan sehari-hari, persuratan dan dalam aktiviti perdagangan. Persoalannya, sejauh manakah bahasa Melayu dapat diterima menjadi bahasa rasmi ASEAN? Apakah kriteria penting dan faktor yang mewajarkan hal itu. Semua permasalahan tersebut akan diteliti dalam kajian ini. Dua objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor bahawa bahasa Melayu perlu diangkat sebagai bahasa rasmi ASEAN, dan keduanya, meneliti usaha yang telah dan sedang dilaksanakan untuk mencapai aspirasi yang dicita-citakan. Data sekunder diperoleh melalui kajian kepustakaan, dalam bentuk buku, kertas kerja, makalah dan siaran akhbar. Hasil kajian ini diharapkan dapat menyedarkan bangsa ASEAN bahawa bahasa Melayu bukan sahaja penting dari segi sejarah, tetapi juga kepraktisannya hingga kini. Oleh sebab itu wajarlah bahasa Melayu diangkat menjadi bahasa rasmi ASEAN.

Kata kunci: Bahasa Melayu, Bahasa ASEAN, Deklarasi ASEAN, kesamaan budaya, jati diri, *lingua franca*, kegiatan kebahasaan, komuniti bahasa ASEAN

Malay Language as ASEAN Official Language

ABSTRACT

Effort to elevate the Malay language as ASEAN official language had been said, discussed and suggested by various parties. History had proven that the Malay language was an important language. From the historical part of the Malay Archipelago, the Malay language was also known as lingua franca and widely used as a medium of communication, daily conversation, correspondence and in trading activities. The question is, how far the Malay language can be accepted as ASEAN official language? What are the important criteria and factors to justify that.

INFO MAKALAH

Pewasitan Makalah:

Dihantar: -

Diterima: -

E-mel:

rajamasittah@upm.edu.my (Raja Masittah Raja Ariffin)

noraz@upm.edu.my (Norazlina Haji Mohd Kiram)

* Penulis penghubung

Those problems will be observed in this study. The two objectives of the study are to identify the factors that the Malay language need to be elevated as an ASEAN official language, and secondly to observe the progress and ongoing activities to achieve the desired aspirations. The secondary data obtained through literature search in the form of books, research papers, articles and press release. It is hoped that the findings of this study will make ASEAN race realised that Malay language is not only historically important but also practically used til date. Hence, the language has got its merits to be recognised as ASEAN official language.

Keywords: Malay language, ASEAN language, ASEAN Declaration, cultural similarity, Identity, lingua franca, linguistic activities, ASEAN language community

PENGENALAN

Usaha mengangkat bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi ASEAN telah lama diperkatakan, diperdebatkan dan dicadangkan oleh pelbagai pihak. Seawal 1970-an (setelah tertubuhnya ASEAN pada 8 Ogos 1967), Malaysia, khususnya Universiti Malaya telah mengambil inisiatif mewujudkan Rancangan Pengajian Asia Tenggara (RAPAT), yang bermula pada sesi 1976/1977. Rancangan ini penting kerana bahasa mempengaruhi tulisan, pertuturan, sistem pelajaran, ekonomi dan semangat kebangsaan sesebuah negara. Pada 1980, satu saranan telah dikemukakan supaya bahasa Melayu menjadi bahasa ASEAN (Awang Sariyan, 1982:25). Begitu juga dalam rumusan Pertemuan Sasterawan Nusantara Ketiga pada 5-6 Disember 1981 di Dewan Bahasa dan Pustaka, yang merakamkan bahawa bahasa Melayu perlu dipertingkatkan sebagai bahasa Nusantara. Perkara yang sama juga pernah dibicarakan dalam Pertemuan Pakar Sastera Rakyat di Filipina pada 27 September 1991 yang menjelaskan bahawa bahasa yang dituturkan dalam kebanyakan cerita sastera rakyat ialah bahasa Melayu (Aripin Said, 1991), dan ini bermakna bahasa Melayu telah dijiwai rakyat di rantau ini. Selain itu, terdapat juga usul yang dikemukakan oleh Angkatan Sasterawan Nasional Kedah (ASASI) tentang penggunaan Bahasa Melayu pada peringkat ASEAN (Aripin Said, 1992:17), dan dari semasa ke semasa, perkara ini kerap dibicarakan. Bahasa Melayu sebagai bahasa ASEAN sebenarnya sudah lama wujud, malah sebelum ASEAN diberikan nama ASEAN pada kadar yang terbatas (Amdun, 1992:20).

OBJEKTIF DAN METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggariskan dua objektif, iaitu pertama untuk mengenal pasti faktor yang mewajarkan bahasa Melayu diangkat sebagai bahasa rasmi ASEAN, dan keduanya, meneliti usaha yang telah dan sedang dilaksanakan oleh pelbagai pihak ke arah merealisasikan matlamat bahasa Melayu bahasa rasmi ASEAN. Data kajian diperoleh daripada data sekunder, iaitu melalui kajian kepustakaan, baik dalam bentuk buku, kertas kerja, makalah dan siaran akhbar yang dapat memberikan data linguistik tentang bahasa Melayu dan bahasa ASEAN.

LATAR BELAKANG ASEAN DAN KEPELBAGAIAN BAHASA

Kesatuan Negara-Negara Asia Tenggara atau ASEAN telah ditubuhkan melalui Deklarasi ASEAN yang ditandatangani di Bangkok pada 8 Ogos 1967 oleh lima buah negara asal, iaitu Malaysia, Indonesia, Filipina, Singapura dan Thailand. Negara Brunei Darussalam secara rasminya telah menjadi negara ASEAN ke-6 pada 8 Januari 1984, diikuti oleh Vietnam yang menjadi anggota ASEAN yang ketujuh pada 28 Julai 1995, kemudian oleh Republik Demokratik Rakyat Laos dan Myanmar yang kelapan dan kesembilan pada 23 Julai 1997, dan Kemboja menjadi anggota ASEAN yang kesepuluh pada 30 April 1999. Timor Leste masih dalam proses menganggotai ASEAN.

Berdasarkan rukun yang digariskan dalam piagam ASEAN, (yang tidak dibincangkan secara rinci di sini) kepentingan ASEAN dalam kerjasama dan kesejahteraan serantau, baik dari sudut politik, ekonomi mahupun sosial dan budaya amat diberikan perhatian. Walau bagaimanapun, kebijaksanaan politik bukan sahaja berkait rapat dengan masalah ekonomi, tetapi juga masalah bahasa kerana kebijaksanaan bahasa terikat juga dengan kehendak politik sesebuah negara.

Latar belakang penduduk di negara ASEAN mempunyai persamaan dari segi budaya, dan perbezaan yang ketara wujud hanya disebabkan oleh pengaruh luar yang berbeza-beza, yang mewarnai senario setiap negara, dan keadaan ini menyebabkan wujudnya kepelbagaian bahasa yang dituturkan oleh warga ASEAN. Walaupun wujud perbezaan pengucapan yang bersifat kedaerahan dalam kalangan penuturnya, tetapi ada unsur persamaan dari segi ilmu perbandingan bahasa dalam kalangan variasi daerah penuturan bahasa tersebut sehingga dapat dianggap sebagai “satu bahasa atau satu rumpun” (Rustam A. Sani, 1993:24). Penjajahan kuasa-kuasa Barat mempengaruhi bahasa kebangsaan negara masing-masing, kecuali Myanmar. Oleh sebab itu, semua negara ASEAN tidak menolak kepentingan bekas bahasa penjajah Barat (Nik Safiah, 2007:1). Hal ini dapat dilihat melalui peranan bahasa Inggeris di negara ASEAN sebagai bahasa perhubungan. Sebagai contoh, bahasa Belanda dituturkan di Indonesia, bahasa Perancis di Indocina, Sepanyol di Filipina dan bahasa Inggeris di Malaysia dan Singapura. Dari sudut politik, bahasa Inggeris dipilih dan digunakan oleh para pemimpin di negara ASEAN. Namun secara tidak rasmi, bahasa Melayu digunakan sebagai saluran komunikasi di negara ASEAN kerana terdapatnya keluarga bahasa (rasmi dan bahasa kebangsaan) yang berbeza di negara ASEAN. Pertembungan bahasa ini telah menimbulkan rasa saling memahami dan semangat kekitaan untuk mengukuhkan perpaduan antarabangsa dengan pengertian “semangat penubuhan ASEAN” sebagai satu pertubuhan antarabangsa di rantau ini (Azmi, 2007:106). Oleh hal yang demikian, timbul saranan untuk mewujudkan satu bahasa serantau, selain bahasa Inggeris sebagai bahasa ASEAN.

Senario yang dapat dilihat kini di negara ASEAN ialah penggunaan pelbagai bahasa yang dituturkan oleh bangsa dalam kalangan negara ASEAN sebagai bahasa perhubungan. Keadaan ini menunjukkan bahawa keluarga bahasa yang berlainan ini menuturkan bahasa masing-masing, namun terdapat pula bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan yang berbeza, dan terdapat juga satu bahasa rasmi atau bahasa kebangsaan di sesebuah negara yang hanya dituturkan dalam lingkungan geografi dan sosial yang terbatas di negara ASEAN yang lain. Kini, masyarakat ASEAN meliputi sepuluh buah negara yang menuturkan pelbagai

bahasa yang diturunkan melalui dua daripada 14 keluarga besar bahasa dunia, iaitu keluarga bahasa Sino-Tibet dan Austronesia, iaitu bahasa Thai yang dituturkan di Thailand, bahasa Burma di Myanmar, bahasa Vietnam di Vietnam, dan bahasa Laos di Laos, dan demikian juga dengan bahasa Tagalog yang dituturkan di Filipina. Bahasa Khmer daripada keluarga bahasa Mon-Khmer berasal daripada bahasa Astro-Asiatik, manakala bahasa Melayu turunan daripada bahasa Austronesia yang dituturkan di Malaysia, Indonesia dan Brunei Darussalam dengan variasinya yang tersendiri. Oleh sebab itu, bahasa Malaysia, Indonesia dan Brunei Darussalam tergolong dalam bahasa serumpun kerana mempunyai kognat yang tinggi, sementara bahasa Tagalog hanya merupakan keluarga bahasa dan bukan serumpun.

Dengan merujuk kepada penggolongan bahasa di Asia Tenggara, bahasa Burma tergolong dalam rumpun Tibet-Burma (Lubeigt, 1996:27) yang merupakan bahasa perantaraan dan bahasa rasmi di Myanmar. Bahasa Laos ialah bahasa pengantar dan bahasa rasmi negara Laos yang merupakan bahasa bernada (Lafont, 1996:76) walaupun setiap etniknya mempunyai bahasanya sendiri. Bahasa Kemboja atau Khmer merupakan satu bahasa daripada rumpun Mon-Khmer, manakala bahasa Vietnam merupakan hasil campuran yang rumit apabila menerima pengaruh Malayo-Polinesia dan bahasa Tay ditindih dengan asas primitif Mon-Khmer (Anh, 1996:126). Walaupun terdapat banyak bahasa di negara Thai sebagai bahasa ibunda (Khmer, dialek Cina, dialek Laos, dialek Tay dan bahasa orang gunung), bahasa rasminya ialah bahasa Siam atau bahasa “baku Thai” (Delouche, 1996:99). Sesetengah ahli bahasa berpendapat bahawa bahasa Siam, sama juga seperti bahasa Tay, iaitu bahasa daripada rumpun bahasa Austronesia. Walaupun negara Thai bukanlah sebuah negara berbahasa Melayu di rantau ini, tetapi bahasa lain mempunyai kedudukan yang mantap di negara tersebut sebagai bahasa kebangsaan. Bahasa Melayu luas penggunaannya dalam kalangan satu kelompok minoriti di selatan negara tersebut.

Apabila diimbangi kembali, Lembah Mekong pernah mencatatkan lipatan sejarah sebagai sebuah kawasan penting dan kaya dengan peninggalan budaya masa lampau. Kedudukannya amat strategik di jalur perdagangan, iaitu ‘jalur sutera’ yang menghubungkan Tanah Melayu dengan tanah besar China. Bahasa yang digunakan sebagai alat komunikasi secara universal pada ketika itu ialah bahasa Melayu, yang dituturkan bukan sahaja di Nusantara, malah di Vietnam, Laos, Kemboja, dan di daerah inilah munculnya golongan Melayu Campa (Lafont, 1996: vii). Antara abad ke-4 dan ke-13, pemimpin Kerajaan Campa kelihatan fasih menggunakan bahasa Sanskrit dan juga bahasa Campa yang tergolong dalam rumpun bahasa Austronesia (Dharma, 1996:149).

BAHASA MELAYU DALAM KONTEKS SEJARAH

Bahasa Melayu berkembang pesat pada zaman Sriwijaya dan pada zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka, Aceh dan Johor-Riau. Arus perkembangan dan kegemilangan bahasa Melayu telah terpancar di segenap pelosok gugusan pulau di Asia Tenggara, dan merangsang untuk digunakan sebagai bahasa perhubungan. Tidak dapat dinafikan bahawa faktor geografi dan sosial memainkan peranan penting dalam perkembangan dan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa perhubungan dalam urusan seharian dan dalam urusan perdagangan. Sejarah merakamkan bahawa kebanyakan penutur Melayu tinggal di kawasan sepanjang Selat Melaka, yang pada suatu ketika dahulu menjadi sebuah kawasan

lalu lintas para pedagang dan mubaligh agama dari arah timur, barat, utara dan selatan Selat Melaka. Antaranya termasuklah dari India, China, Kepulauan Maluku, Makasar, Ternate, pulau Jawa dan sebagainya. Mulai abad ke-13 dan ke-14, bahasa Melayu sudah pun berfungsi sebagai *lingua franca*, iaitu sebagai bahasa perdagangan, bahasa penyebaran dan bahasa pendidikan agama Islam. Sebagai bahasa yang pernah menjadi *lingua franca* kepada rakyat di rantau ini, kegemilangan tersebut harus dikembalikan semula.

PEMILIHAN BAHASA RASMI ASEAN

Banyak pandangan dan hujah yang dikemukakan oleh para sarjana tempatan dan antarabangsa tentang kewajaran bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi ASEAN. Teo Kok Seong (dalam *Berita Harian*, 3 Mei 1997) menegaskan bahawa bahasa yang hendak dipilih sebagai bahasa rasmi ASEAN mestilah mewakili negara yang mempunyai kuasa ekonomi dan politik yang terserlah di peringkat serantau mahupun antarabangsa. Dalam aspek bahasa ASEAN, bahasa yang bakal dipilih sebagai bahasa rasmi ASEAN perlu mengambil kira kepentingan kuasa ekonomi dan politik negara, walaupun diakui bahawa semua bahasa mampu muncul sebagai bahasa yang berwibawa dan bahasa ilmu. Oleh sebab itu, sekiranya kerangka sosiolinguistik dijadikan ukuran, langkah mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa ASEAN perlu berdasarkan fakta. Luasnya penggunaan sesuatu bahasa itu dapat diukur dari sudut jumlah penuturnya, demikian juga dengan jumlah negara yang menjadikan bahasa tersebut sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara.

Antara perkara yang perlu diberikan perhatian dan pertimbangan untuk menanggapi realiti bahasa Melayu dalam rangka kerjasama politik rantau ASEAN ialah jumlah penutur bahasa Melayu di rantau ini, yang melebihi 250 juta orang. Menurut Hassan Ahmad (2007), jumlah penutur asli bahasa Melayu di rantau ini (Malaysia, Indonesia dan Brunei Darussalam) tidak besar, iaitu dianggarkan jumlahnya kira-kira 16 juta hingga 18 juta orang sahaja, tetapi jumlah orang yang mengetahui dan menggunakan atau boleh menggunakan bahasa Melayu dianggarkan lebih 280 juta orang di seluruh dunia, yang sebahagian besarnya di Indonesia, iaitu 150 juta orang. Di Singapura, bahasa Melayu merupakan salah satu daripada empat bahasa rasminya, tetapi hanya bahasa Melayu yang diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan di republik itu (Hassan Ahmad, 2007). Dengan fakta ini, bahasa Melayu wajar dipilih sebagai citra bahasa ASEAN dan sekali gus dinobatkan sebagai bahasa rasmi ASEAN kerana bahasa Melayu lebih diketahui oleh sebahagian besar anggota pertubuhan serantau berbanding dengan bahasa lain. Hal ini dapat dilihat kepada lima anggota ASEAN, iaitu Malaysia, Brunei Darussalam, Indonesia, Singapura dan Filipina yang berkongsi rumpun bahasa yang sama berbanding dengan bahasa ASEAN yang lain.

Profesor Peter Muhlhausler (*Berita Harian*, 3 Mei 1997) mengemukakan pendapatnya bahawa bahasa Melayu adalah antara enam bahasa di dunia yang mampu bertahan dalam tempoh 100 tahun lagi. Hal ini membuktikan bahawa kemantapan bahasa Melayu perlu dinobatkan sebagai bahasa antarabangsa. Dari segi hubungan antarabangsa di sekitar Nusantara juga adalah sangat besar, dan bahasa Melayu merupakan lambang keperibadian bangsa Nusantara. Usaha ke arah itu boleh dimulakan pada peringkat serantau seperti ASEAN. Pandangan ini juga menyerlahkan lagi hakikat keupayaan dan kemampuan bahasa

Melayu sebagai bahasa rasmi ASEAN.

Menurut seorang lagi sarjana yang pernah berkhidmat di Universiti Hopkin, Amerika Syarikat (*Utusan Malaysia*, 3 Julai 1996:5), bahasa Melayu bukan sahaja mampu menjadi bahasa perantaraan utama di Nusantara, tetapi layak juga menjadi salah sebuah bahasa utama dunia. Oleh hal yang demikian, tiada sebab dan alasan bahasa Melayu tidak boleh mencapai taraf bahasa rasmi ASEAN. Tidak dapat dinafikan bahawa bahasa Inggeris paling ramai penuturnya di rantau ASEAN dan di negara-negara serantau, tetapi hakikatnya bahasa Melayu ialah bahasa dari rumpun rantau ASEAN dan melambangkan jati diri warga ASEAN, dan difikirkan lebih layak dipilih sebagai bahasa rasmi ASEAN berbanding dengan bahasa Inggeris yang merupakan bahasa dari luar ASEAN. Dengan kata lain, warga ASEAN mempunyai jati diri tersendiri dengan semangat ASEAN. Oleh hal yang demikian, sebagai sebuah organisasi yang berpusatkan rakyat (*people-centered organization*), ASEAN seharusnya tidak sewenang-wenangnya menggalakkan semua warga ASEAN menggunakan bahasa Inggeris dalam berkomunikasi antara mereka. Bahasa Melayu wajar dijadikan bahasa ASEAN, manakala bahasa lain di negara ASEAN perlu dikuasai juga dalam kalangan warga ASEAN.

Dari sudut kegiatan kebahasaan, sudah banyak usaha awal yang dijalankan untuk mencapai matlamat di atas. Antaranya termasuklah Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) Piala Perdana Menteri, anjuran Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, yang menarik perhatian ramai pelajar institusi pengajian tinggi di negara di seluruh dunia amnya dan negara ASEAN khususnya, menyertai pertandingan yang berprestij ini. Demikian juga dengan Pertandingan Debat ASEAN dalam bahasa Melayu. Selain itu, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) juga telah menganjurkan Pertandingan Penulisan Esei (PEASEAN) dalam bahasa Melayu bersempena Sidang Kemuncak ASEAN dan Bulan Bahasa. Atas semangat kebersamaan ini juga, Institusi pengajian tinggi di negara ASEAN telah menjadi pusat Pengajian Bahasa Melayu., antaranya termasuklah *Prince of Songkla University* (PSU) yang merupakan pusat pengajian bahasa Melayu tunggal di negara Thai. Pusat ini memastikan bahawa bahasa Melayu berkembang seiring dengan bahasa lain dalam kalangan generasi di selatan Thai. Pusat ini dapat menarik minat pelajar asing mempelajari bahasa Melayu yang dianggap bahasa yang penting di rantau ASEAN. Selain itu, Kerajaan Thai meletakkan kepentingan mempelajari dan menggunakan bahasa Melayu atas kesedarannya terhadap kepentingan Projek Segi Tiga Emas (Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT)). Demikian juga di Filipina, sudah ada Pusat Pengajian Melayu di *Mindanao State University*, manakala di Singapura, *National University Singapore* (NUS) memainkan peranan.

Pihak yang bertanggungjawab tentang pembinaan dan pengembangan bahasa Melayu, seperti Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, Badan Pengembangan dan Pembinaan Bahasa, khususnya Pusat Pembinaan dan Pemasarakatan di Indonesia dan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam harus mempergiat melakukan pembinaan terhadap masyarakat supaya dapat menjadi teladan dalam berbahasa, meningkatkan mutu penggunaan bahasa Melayu/Indonesia, serta meningkatkan sikap positif dan disiplin masyarakat dalam berbahasa.

KOMUNITI ASEAN

Salah satu tujuan utama ASEAN adalah untuk mewujudkan sebuah komuniti ASEAN yang warganya mempunyai jati diri tersendiri dengan semangat ASEAN, dan dengan moto. “Satu Wawasan, Satu Identiti, Satu Komuniti”. Pada 2015, Malaysia mengambil tanggungjawab besar sebagai Pengerusi ASEAN selepas Myanmar (pada 31 Disember 2014), dan pelancaran Komuniti ASEAN yang dilancarkan pada November 2015, di Kuala Lumpur, Malaysia dengan deklarasi yang mengandungi tiga tonggak utama, iaitu pembinaan Komuniti Ekonomi ASEAN, Komuniti Politik-Keselamatan, dan Komuniti Sosiobudaya ASEAN. Komuniti berteraskan rakyat Komuniti ASEAN menjurus ke arah penglibatan dan penyertaan rakyat ASEAN ke arah integriti ASEAN yang lebih kukuh. Semua negara ASEAN dapat berinteraksi untuk mewujudkan komuniti ASEAN yang stabil, berpengetahuan dan mesra dalam hubungan antara negara dengan menggunakan satu bahasa rasmi serantau. Walaupun para pemimpin negara ASEAN telah bersepakat untuk membentuk kerjasama organisasi yang lebih mantap dan maju serta menjaga kestabilan dan keamanan di kawasan Asia Tenggara, soal bahasa juga wajar diberikan perhatian, seperti yang berlaku dalam kesatuan Eropah (*European Union*) yang mengambil bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi kesatuan tersebut.

KESIMPULAN

Hasrat dan usaha untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi ASEAN merupakan suatu gagasan yang besar dan wajar. Usaha dan komitmen yang bersungguh-sungguh daripada pelbagai pihak amat perlu untuk menjadikan hasrat murni tersebut menjadi suatu realiti. Bukan mustahil sekiranya bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi ASEAN di rantau ini, jika bangsa Asia Tenggara memanfaatkan bahasa Melayu sebagai pasport dalam kerangka komuniti ASEAN. Walaupun terdapat perbezaan bahasa kebangsaan negara anggota ASEAN, kebijakan bahasa secara praktis mampu digunakan oleh warga ASEAN untuk tujuan berkomunikasi dan interaksi sesuai dengan latar dan persamaan budaya warga ASEAN.

Peranan dan iltizam daripada para pemimpin negara ASEAN juga amat penting untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi ASEAN, bukan sahaja kerana jumlah penuturnya yang ramai, tetapi bahasa Melayu telah mencapai kedudukan yang mantap sebagai bahasa moden dan mudah pula dipelajari. Bahasa Melayu juga mampu memainkan peranan penting dalam usaha memupuk semangat dan keperibadian ASEAN. Dengan segala pertimbangan dan persetujuan secara kolektif para pemimpin ASEAN untuk mendukung bahasa Melayu sebagai bahasa serantau, bahasa Melayu dapat memperkukuh kembali jalur tradisi bersama budaya dan seni di rantau ini. Masa depan bahasa Melayu juga lebih terjamin sebagai bahasa moden, dan gagasan kesatuan tradisi yang telah lama berlalu di rantau ini dapat dihidupkan kembali. Dengan penuh harapan, bahasa Melayu dapat menguasai semula seluruh perhubungan di rantau ini dan bukanlah hanya satu mimpi.

BIBLIOGRAFI

- Amdun Husain (1992). Bahasa Melayu bahasa Pergaulan ASEAN? Seminar Kajian Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Pergaulan ASEAN dan Bangsa Serumpun, Tanjung Pinang, Riau, 8-10 September.
- Anh, Nguyê n The (1996) Vietnam dlm. *Semenanjung Indochina Suatu Pengenalan* diedit oleh p-b. lafont. Penterjemah Mohd Zain Musa.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aripin Said (1991). Bahasa Melayu bahasa ASEAN. *Pelita Bahasa*.3(11) November, hlm.20-21.
- Aripin Said (1992). Penggunaan Bahasa Melayu di Negara ASEAN: Usul ASASI Kedah. *Pelita Bahasa* Jil 4(7), hlm.16017.
- Awang Sariyan (1982) Bahasa ASEAN Banyak Persamaan Daripada Kelainan. *Dewan Masyarakat* 20(1) januari, hlm. 25-27.
- Azmi Abdullah (2007). Ekspresi Mudah Bahasa ASEAN dlm. *Kesinambungan dan Pemantapan Bahasa Di Asia Tenggara*, Editor Paitoon M. Chaiyanara. Singapura: Rancangan Penubuhan Persatuan Linguis ASEAN.
- Delouche, Gilles (1996) Thailand dlm. *Semenanjung Indochina Suatu Pengenalan* diedit oleh p-b. lafont. Penterjemah Mohd Zain Musa.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dharma, Po (1996). Kerajaan Campa dlm. *Semenanjung Indochina Suatu Pengenalan* diedit oleh p-b. lafont. Penterjemah Mohd Zain Musa.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Ahmad (2007). Bagaimana Bahasa Melayu menjadi Salah Satu Bahasa Terbesar Di Dunia. *Berita Harian* [Klik DBP] 18 Julai 2007.
- Lafont, Pierre-Bernard (1996). Laos dlm. *Semenanjung Indochina Suatu Pengenalan*. diedit oleh p-b. lafont Penterjemah Mohd Zain Musa.Kuala Lumpur: pusat sejarah dan tamadun semenanjung Indochina perancisDewan Bahasa dan Pustaka.
- Lafont, Pierre-Bernard (1996). Pengenalan kepada Semenanjung Indochina dlm/*Semenanjung Indochina Suatu Pengenalan*. diedit oleh p-b. lafont Penterjemah Mohd Zain Musa.Kuala Lumpur: pusat sejarah dan tamadun semenanjung Indochina perancisDewan Bahasa dan Pustaka.
- Lafont, P-B. ed. (1996). *Semenanjung Indochina Suatu Pengenalan*. diedit oleh p-b. lafont Penterjemah Mohd Zain Musa.Kuala Lumpur: pusat sejarah dan tamadun semenanjung Indochina perancisDewan Bahasa dan Pustaka.
- Lubeigt, Gay (1996) Kesatuan Myanmar dlm. *Semenanjung Indochina Suatu Pengenalan* diedit oleh p-b. lafont. Penterjemah Mohd Zain Musa.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Menjelang 30 Tahun ASEAN Bahasa Melayu Wajar Dinobat. *Berita Harian*, 3 Mei 1997.
- Mohd Ayob Abdul Razid (2015). Komuniti ASEAN Demi Kesejahteraan Negara Serantau. *Berita Harian Online* (Dicapai pada 6 Oktober 2015).
- Nik Safiah Karim (2007). Ucapan Utama: Bahasa Serantau Bagi ASEAN: Impian atau Realiti? dlm.*Kesinambungan dan Pemantapan Bahasa Di Asia Tenggara*, Editor Paitoon M. Chaiyanara. Singapura: Rancangan Penubuhan Persatuan Linguis ASEAN.
- Paina Partana (2007). Potensi Bahasa dan Budaya di ASEAN dalam Perspektif Komunikasi Lintas Budaya dlm. *Kesinambungan dan Pemantapan Bahasa Di Asia Tenggara*, Editor Paitoon M. Chaiyanara. Singapura: Rancangan Penubuhan Persatuan Linguis ASEAN.
- Pengajian Serantau Mengerat Kerjasama (1980). *Dewan Budaya* Jil 2(9) September, hlm.6-9.
- Phæun, Mak (1996) Kemboja dlm. *Semenanjung Indochina Suatu Pengenalan*. diedit oleh p-b. lafont Penterjemah Mohd Zain Musa.Kuala Lumpur: Pusat Sejarah dan Tamadun Semenanjung Indochina Perancis, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rustam A. Sani (1993). Bahasa Melayu dan ASEAN. *Dewan Masyarakat*. 31(9) September, hlm. 24-25.

Pembangunan Kit Asas Membaca bagi Kanak-Kanak Lembam¹

Puteri Roslina Abdul Wahid*, Nurul Haniza Samsudin dan Nur Azimah Mohd Bukhari

Jabatan Bahasa Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Malaysia

ABSTRAK

Makalah ini membincangkan pembelajaran bahasa Melayu yang menggunakan Kit Asas Membaca bagi kanak-kanak lembam pada peringkat asas membaca. Kit ini dibangunkan berasaskan Model Membaca *Searchlight* yang memfokus kepada empat elemen utama, iaitu pengecaman huruf dan pengetahuan grafik, fonik, pengetahuan tentang konteks, dan pengetahuan tentang tatabahasa. Kemahiran membaca merupakan lanjutan daripada kemahiran psikolinguistik lain seperti mendengar, bertutur, dan menulis. Namun, masih ramai kanak-kanak menghadapi masalah dalam bacaan, terutamanya kanak-kanak lembam, iaitu individu yang mempunyai kemahiran menerima pembelajaran yang lemah berbanding dengan rakan sebayanya. Keupayaan mengenal huruf, membatangkan suku kata, mengeja, dan sebagainya semasa membaca adalah lemah. Dalam makalah ini, perbincangan akan ditumpukan kepada pengecaman huruf dan pengetahuan grafik sahaja. Modul pengajaran ini dibahagikan kepada empat objektif pembelajaran. Setiap objektif yang ingin dicapai pula adalah berdasarkan Taksonomi Bloom (1956) yang meliputi tiga domain, iaitu kognitif, psikomotor, dan afektif. Kandungan Kit Asas Membaca ini pula melibatkan penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM), aktiviti pengayaan, dan Ujian Penilaian Kemahiran Membaca berdasarkan modul yang telah diajar.

Kata Kunci: membaca, kanak-kanak lembam, Kit Asas Membaca, Model Membaca *Searchlight*, Taksonomi Bloom.

¹ Penulis merakamkan penghargaan kepada Universiti Malaya dan Kementerian Pendidikan atas bantuan menyediakan dana bagi penyelidikan yang dilakukan. (FRGS – FP024-2013B)

INFO MAKALAH

Pewasitan Makalah:

Dihantar: -

Diterima: -

E-mel:

puteri61@um.edu.my, (Puteri Roslina Abdul Wahid)

dtqueen.5496@gmail.com (Nurul Haniza Samsudin)

aima_girlz@yahoo.com (Nur Azimah Mohd Bukhari)

*Penulis Penghubung

Development of Basic Reading Kit for Slow Learners

ABSTRACT

This paper discusses the use of the Malay language based on the Basic Reading Kit for slow learners. This kit was developed based on the Searchlight Reading Model which focuses on four main elements, namely the recognition of letters and graphics, phonics, context, and Malay grammar. Reading skills is an extension of other psycholinguistic skills such as listening, speaking, and writing. However, there are still many children having problems in reading, especially slow learners whom learning skills are weaker compared to their peers. They have difficulties to recognize letters, syllables, spelling, thus affecting their reading skills. In this paper, the discussion will be focused on letter recognition and graphics only. The teaching modules are divided into four learning objectives. Each of the objectives to be achieved was based on Bloom's Taxonomy (1956), which includes three domains, namely the cognitive, psychomotor, and affective. The Basic Reading Kit also involves the use of teaching aids, enrichment activities, and assessment test based on modules that have been taught.

Keywords: reading, slow learners, Basic Reading Kit, Searchlight Model, Bloom's Taxonomy

PENGENALAN

Dalam keghairahan negara ini menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ASEAN, tanpa disedari masih lagi terdapat sebilangan besar kanak-kanak di Malaysia yang tidak menguasai kemahiran asas literasi. Kemahiran literasi, terutamanya kemahiran membaca amat penting kerana merupakan salah satu cara untuk mendapatkan pengetahuan dan ilmu. Kemahiran membaca juga merupakan salah satu daripada empat kemahiran yang penting dalam proses pembelajaran dan pengajaran bahasa, iaitu mendengar, bertutur, dan menulis (Kamarudin Husin & Siti Hajar Abdul Aziz, 1998). Kemahiran ini tidak dikuasai secara semula jadi, perlu dipelajari secara formal, dan diperkukuh dari semasa ke semasa (Mahzan Arshad, 2013). Penguasaan kemahiran ini menjadi masalah kepada kanak-kanak lembam, iaitu golongan kanak-kanak kurang upaya pembelajaran dan masalah ini dikaitkan dengan persekitaran rumah serta kawasan kejiranan yang kurang menguntungkan (Koh 1982: 15). Dalam bidang pembelajaran bahasa, kanak-kanak ini mengalami kesulitan pembelajaran kerana kekurangan kosa kata berkemungkinan kesan daripada diskriminasi penglihatan atau pendengaran yang kurang memuaskan.

Menurut Collins (1961: 4), kanak-kanak lembam merupakan kanak-kanak yang hanya boleh menguasai sesuatu kemahiran di bawah umurnya. Hal ini demikian kerana kanak-kanak ini mempunyai umur fizikal yang tidak setaraf dengan umur mentalnya (Faridah Nazir et. al 2014: 173). Sebagai contohnya, kanak-kanak lembam yang berusia 12 tahun mungkin mempunyai IQ seperti kanak-kanak yang berumur 10 tahun. Mereka juga tidak boleh mengikuti pelajaran di dalam kelas, lambat memahami pelajaran, dan mempunyai daya pengamatan yang lemah. Kanak-kanak lembam juga merupakan kanak-kanak yang kurang yakin, rendah konsep diri, pasif dalam pembelajaran, dan mudah putus asa (Koh 1982: 82). Alesi, Rappo, & Pepi (2015) mengatakan bahawa kanak-kanak lembam mempunyai emosi yang disertai dengan rasa rendah diri dan kerisauan berpunca daripada tugasan di sekolah yang melebihi kemampuan mereka. Vijayalakshmi, Kumarasamy, dan

Thalavapalayam (2013) pula mengatakan bahawa proses berfikir dalam kalangan kanak-kanak lembam adalah lebih perlahan jika dibandingkan dengan kanak-kanak normal. Kanak-kanak lembam mempunyai kira-kira 75 hingga 90% aras pemikiran yang lebih rendah daripada kanak-kanak normal. Masalah keterhadan memori menyebabkan mereka sukar menguasai bahasa ibunda mereka sendiri sehingga menyebabkan mereka terbeban ketika belajar bahasa kedua. Malah, mereka turut mendapati bahawa tidak wujudnya penggunaan bahasa kedua dalam komunikasi harian kanak-kanak ini kerana kanak-kanak ini belajar bahasa tersebut di dalam kelas sahaja.

Salah satu masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak lembam adalah membaca. Masalah bacaan yang dikenal pasti dalam kalangan kanak-kanak lembam menyebabkan mereka mengalami pencapaian yang rendah dalam hampir kesemua mata pelajaran (Tansley & Gulliford, 1960). Mereka juga didapati mempunyai kebolehan membaca sekurang-kurangnya dua tahun di bawah usianya. Kebolehan membaca yang terhad dalam kalangan kanak-kanak lembam disebabkan kesukaran mengenali simbol bahasa yang telah diajar dan kurang faham menceritakan semula perkara yang dibaca, walaupun sesetengahnya boleh membaca dengan baik. Menurut Robiah Kulop Hamzah (1992), antara ciri masalah membaca yang dikenal pasti dalam kalangan kanak-kanak lembam adalah keliru dengan bentuk huruf, sama ada huruf tersebut tidak berada dalam perkataan atau dalam perkataan, tidak boleh membunyikan perkataan dengan betul dan lancar, tidak dapat menyebut perkataan yang dieja, membaca merangkak-rangkak atau tidak lancar, dan sebagainya.

Kegagalan menguasai kemahiran membaca pada peringkat sekolah rendah akan berterusan sehingga ke sekolah menengah. Situasi ini pula menjadi lebih buruk kerana sistem pendidikan di Malaysia mengamalkan sistem naik darjah secara automatik berdasarkan umur kronologi dan bukannya umur mental. Murid dapat melangkau ke kelas lain tanpa sekatan walaupun sesetengahnya masih belum menguasai kemahiran membaca yang sepatutnya. Murid yang gagal menguasai kemahiran membaca selalunya lambat mengikuti pembelajaran di dalam kelas dan ketinggalan jika dibandingkan dengan rakan sekelasnya yang lain. Pada masa yang sama, kegagalan menguasai kemahiran ini juga akan membawa masalah apabila kanak-kanak ini menjawab peperiksaan. Mereka tentunya sukar membaca dan memahami soalan yang diberikan, malah mereka turut mengalami kesukaran menjawab soalan yang disoal di atas kertas peperiksaan.

Oleh itu, kajian yang dijalankan ini adalah untuk menguji prototaip Kit Asas Membaca yang digunakan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (P&P) dalam kalangan kanak-kanak lembam di dalam kelas supaya pengajaran membaca menjadi lebih menarik dan mudah difahami. Kit merupakan bahan pengajaran yang lengkap untuk kegunaan pengajaran sesuatu topik dan bahan tersebut bersifat *concrete material* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005). Dalam kajian ini, kit yang dibangunkan mengandungi BBM, aktiviti pengayaan dan latihan, serta buku cerita. Kandungan kit ini direka untuk memenuhi keperluan bahan pengajaran untuk membantu kanak-kanak yang bermasalah pembelajaran. Kit yang direka ini bertemakan cerita rakyat, iaitu BBM yang direka mengambil satu model yang terkandung dalam cerita rakyat dan penggunaannya tidak hanya terbatas kepada alat yang biasa digunakan seperti papan hitam, gambar, dan segala bentuk perkakasan, dan perisian untuk pengajaran.

PERMASALAHAN DAN OBJEKTIF

Statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (2006) menunjukkan bahawa terdapat lebih 80 ribu murid sekolah di Malaysia yang masih gagal menguasai kemahiran membaca dan menulis (Unit Rendah, Bahagian Sekolah, 2006). Jabatan Pelajaran Pulau Pinang (2002) pula mendapati bahawa seramai 13,332 orang murid-murid di Tahun 1 mempunyai masalah membaca dan memahami yang serius. Daripada jumlah ini pula, seramai 619 murid (51.3 peratus) pula telah dikenal pasti sebagai golongan yang buta huruf, manakala 41.0 peratus adalah tergolong dalam kategori lemah dan bermasalah dalam kemahiran membaca. Berdasarkan statistik tersebut membuktikan bahawa masalah membaca dalam kanak-kanak yang belajar dalam sistem pendidikan di Malaysia masih belum dapat diselesaikan saban tahun. Oleh itu, keperluan kepada menguasai kemahiran membaca sejak usia awal diperlukan untuk mengelakkan masalah keciciran murid kerana tidak menguasai pembelajaran membaca di dalam kelas.

Pada masa yang sama, kesukaran mengaplikasikan kaedah yang berkesan untuk mengajar membaca kepada kanak-kanak lembam juga menyebabkan kemahiran ini masih tidak dapat dikuasai dengan sepenuhnya. Antara kaedah yang sering diguna pakai oleh guru untuk mengajar membaca kepada kanak-kanak ialah Kaedah Abjad, Kaedah Fonetik, Kaedah Pandang-Sebut, dan Kaedah Keseluruhan Perkataan. Walaupun kaedah ini diperakui membantu kanak-kanak belajar membaca, kaedah tersebut kebanyakannya lebih berkesan diaplikasikan kepada kanak-kanak normal. Kaedah yang disebutkan di atas melibatkan kaedah hafalan, hubung kait,

kefahaman terhadap konsep huruf dengan bunyi, dan sebagainya. Sebaliknya, kanak-kanak lembam pula bermasalah dalam memahami konsep, lemah daya ingatan, serta memerlukan lebih latihan dan masa untuk menyiapkan tugas yang diarahkan (Shaw, 2010). Kesannya, kanak-kanak ini hanya menghafal abjad tanpa mengetahui fungsinya. Hal ini menyebabkan kanak-kanak ini tidak memperoleh manfaat daripada kaedah membaca yang diperkenalkan di dalam kelas dan kurang motivasi untuk mengikuti sesi P&P di dalam kelas.

Penghasilan kit membaca yang bersifat *concrete material* pula memerlukan masa dan komitmen yang tinggi dalam kalangan guru. Hal ini demikian kerana penggunaan kit pembelajaran perlulah selaras dengan objektif pembelajaran dan kaedah mengajar membaca yang ingin diaplikasikan di dalam kelas. Penggunaannya juga perlulah mengambil kira faktor persekitaran, kebolehan murid memahami fungsi kit pembelajaran dan hasil pembelajaran yang ingin dicapai. Proses penyediaan kit pembelajaran ini juga agak kompleks, memakan masa yang lama, dan memerlukan kreativiti guru dalam mengolah pelbagai bahan. Oleh itu, kecenderungan menggunakan buku teks oleh guru adalah tinggi sehingga menyebabkan pembelajaran menjadi hambar dan kurang berkesan penyampaiannya. Oleh itu, objektif kajian yang digariskan dalam makalah ini adalah untuk menguji kebolehgunaan prototaip Kit Asas Membaca dalam sesi P&P bahasa Melayu.

KAJIAN LITERATUR

Kajian yang dijalankan oleh Noltemeyer, Joseph, dan Watson pada tahun 2014 yang bertajuk *Improving Reading Prosody and Oral Retell Fluency: A Comparison Of Three Intervention Approaches* adalah berkaitan dengan cara meningkatkan keupayaan membaca prosodi dan kelancaran penceritaan semula dalam kalangan kanak-kanak. Kajian sebelum ini dikatakan hanya memfokus kaedah membaca melalui latihan menyebut frasa, mendengar petikan terpilih, dan ulangan membaca untuk meningkatkan ketepatan dan kelancaran bacaan. Oleh itu, kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini adalah untuk mengkaji keberkesanan tiga kaedah yang disebutkan tadi dalam pembacaan prosodi secara lisan dan menceritakan semula perkara yang dibaca dengan lancar.

Pengkaji kajian ini mendapati bahawa kebanyakan pelajar boleh membaca perkataan secara tepat, tetapi mereka mengambil masa yang panjang semasa membaca. Subjek kajian tersebut dikatakan masih tidak dapat menguasai kemahiran membaca secara lancar dan kemahiran ini dapat meramalkan keupayaan pemahaman dalam kalangan pelajar sekolah rendah. Menurut kajian ini juga, kelancaran dalam bacaan didefinisikan sebagai keupayaan membaca teks dengan tepat, cepat, dan mengungkapkannya pula dengan cara yang betul. Seterusnya, cara mengungkapkan teks dengan betul pula dirujuk sebagai kaedah mengaplikasikan ciri prosodi seperti kekuatan sebutan (*loudness*), durasi (*duration*), kelangsingan (*pitch*), dan jeda (*pausing*). Malah, pengkajinya turut mengatakan bahawa terdapatnya hubungan antara kelancaran bacaan dengan prosodi dalam kalangan subjek kajian. Hasil analisis data kajian tersebut mendapati bahawa terdapatnya peningkatan dalam kelancaran prosodi dalam ujian akhir apabila pengulangan dalam bacaan dilakukan. Situasi demikian menunjukkan bahawa latihan yang bersifat pengulangan adalah perlu dilakukan di dalam kelas untuk meningkatkan kelancaran bacaan prosodi. Pada masa yang sama, dapatan kajian tersebut juga menunjukkan bahawa setiap subjek kajian menunjukkan tindak balas yang berbeza dalam pengulangan bacaan.

Kajian yang dilakukan oleh Misdar (2013) adalah berkaitan dengan penggunaan kad imbasan perkataan untuk membantu kanak-kanak lembam meningkatkan keupayaan membaca. Kajian yang bertajuk *Meningkatkan Kemampuan Membaca Permulaan Melalui Media Kartu Kata Bagi Anak Lambat Belajar* ini ialah sebuah kajian yang dijalankan berlatarbelakangkan senario pendidikan di Indonesia. Subjek kajian didapati dapat mengenal huruf *a* hingga *z*, terutamanya huruf vokal *a*, *e*, *i*, *o*, dan *u*, meskipun huruf tersebut disoal secara rambang. Masalah yang timbul dalam kalangan subjek kajian ialah kesukaran membaca perkataan mudah, iaitu gagal menyebut dan membatangkan suku kata. Subjek kajian juga didapati melakukan penggantian dan pengguguran huruf semasa membaca petikan.

Kajian yang bertajuk *Do Slow Learners, Pre-school Children Learn Number More Effectively with SOBATAKA?* telah mengaplikasikan Kit Pembelajaran Sobataka dalam pembelajaran asas matematik. Kajian yang dijalankan oleh Norzanah Rosmin, Fauziahnah Rosmin, & Aede Hatib Musta'amal pada 2013 ini adalah berfokus kepada aktiviti mengenal, mengira, dan menulis nombor satu hingga 10. Kajian ini dijalankan kepada subjek kajian yang belajar di prasekolah, menghadapi masalah lembam, dan pada masa yang sama juga menghadapi masalah disleksia. Pengkaji ini juga turut mengatakan bahawa kanak-kanak

yang lambat belajar boleh diatasi kelemahan mereka dengan menggunakan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang bersesuaian. Kanak-kanak ini dikatakan dapat meningkatkan keupayaan dalam aspek membaca, mengira, mengaplikasi, dan memahami arahan jika pembelajaran aktif yang bersifat *Learn While Having Fun* diaplikasikan di dalam kelas.

Pada masa yang sama, kajian oleh Abdull Sukor Shaari dan Kalaidevi pada 2012 pula adalah bertujuan untuk mengenal pasti kesan pendekatan Pembelajaran Masteri terhadap pencapaian dalam kemahiran membaca murid pemulihan di sekolah rendah. Kajian mereka yang bertajuk *Kesan Pendekatan Pembelajaran Masteri Terhadap Pencapaian Kemahiran Membaca Bahasa Melayu Murid Pemulihan Sekolah Rendah* mendapati bahawa pendedahan terhadap kemahiran membaca pada peringkat awal adalah sangat penting kerana murid yang bermasalah membaca biasanya turut bermasalah dalam bidang akademik. Mereka mengatakan bahawa proses pembelajaran dan pengajaran (P&P) pada masa kini lebih menekankan kesegeraan dalam menghabiskan sukatan pembelajaran sehingga menyebabkan murid tidak berkesempatan untuk menguasai sesuatu unit pembelajaran dan keadaan ini mewujudkan jurang yang besar antara murid yang belajar dalam kelas yang sama.

Kajian oleh Rasid Jamian pada 2011 telah mengenal pasti masalah bacaan dalam kalangan murid pemulihan. Kajian yang bertajuk *Permasalahan Kemahiran Membaca dan Menulis Bahasa Melayu Murid-Murid Sekolah Rendah Di Luar Bandar* ini telah mengenal pasti kelemahan bacaan kanak-kanak lembam dalam kemahiran membaca. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti salah membunyikan huruf yang seakan-akan sama bentuknya, sukar membunyikan huruf tertentu, dan keliru membunyikan nama huruf yang seakan-akan sama.

Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Hasnalee Tubah & Zulkifley Hamid (2011) pula memfokus kepada murid LINUS (*Literasi and Numeracy Screening*) dan pengkajinya mendapati bahawa terdapatnya hubungan signifikan antara pemboleh ubah demografi murid dan guru dengan keupayaan membaca dalam kalangan mereka. Pengkaji ini telah membahagikan faktor demografi tersebut kepada dua kategori, iaitu faktor murid dan faktor guru. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tidak kesemua faktor demografi yang dinyatakan sebelum ini, sama ada faktor guru atau murid berpengaruh terhadap kemahiran membaca dan memahami murid. Hasil analisis data kajian ini menunjukkan bahawa tiga faktor demografi murid, iaitu faktor konsep sendiri, lokasi sekolah, dan bahasa pertuturan didapati tidak berpengaruh kepada tahap bacaan dan kefahaman mereka. Faktor demografi guru pula didapati memberikan impak kepada tahap bacaan dan kefahaman murid LINUS.

Kajian yang dilakukan oleh Karande, Kanchan, dan Kulkarni pada 2008 pula mendapati bahawa kanak-kanak lembam mempunyai sejarah kelahiran yang buruk, iaitu lambat berjalan dan bertutur, kurang ukur lilit kepala, masalah neurologi ringan, ciri kanak-kanak hiperaktif, serta hipoaktif, dan sebagainya. Mereka mendapati terdapatnya keperluan mendokumentasi profil klinikal dan pencapaian akademik subjek kajian. Walaupun kanak-kanak ini dikategorikan sebagai kanak-kanak dengan ketidakupayaan intelektual, mereka masih mempunyai fizikal yang sempurna. Mereka juga mendapati bahawa faktor genetik bukanlah faktor utama yang menyebabkan kanak-kanak ini bermasalah dalam pembelajaran. Sebaliknya, kaedah pengajaran dan sistem pendidikan menjadi punca kanak-

kanak ini mempunyai pencapaian akademik yang rendah.

Akhir sekali, kajian yang dijalankan oleh Joseph (2006) yang bertajuk *Incremental Rehearsal: A Flashcard Drill Technique for Increasing Retention of Reading Words* telah mengenal pasti masalah bacaan dalam kalangan kanak-kanak. Masalah bacaan yang sering dikaitkan dengan kanak-kanak ialah kesukaran mengekalkan dan mengingat semula perkataan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapatnya peningkatan dalam keupayaan membaca 10 perkataan dalam kumpulan yang tidak diketahui. Subjek kajian didapati menunjukkan peningkatan sebanyak 70 peratus pembacaan perkataan sehari selepas mereka menggunakan kaedah ini. Beliau juga turut mendapati bahawa subjek kajian lebih bermotivasi untuk belajar membaca kerana perkataan yang diuji terdiri daripada dua kategori, iaitu perkataan yang diketahui dan perkataan yang tidak diketahui bacaannya. Di samping itu, BBM seperti kad imbasan ini boleh dipelbagaikan kegunaannya di dalam kelas untuk mengajar ejaan, bunyi huruf, dan kosa kata.

METODOLOGI

Reka bentuk kajian merupakan pelan tindakan yang menunjukkan secara rinci cara sesebuah kajian dijalankan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kajian kes yang melibatkan kaedah pemerhatian, temu bual, dan analisis dokumen. Kajian ini melibatkan lima orang kanak-kanak lembam yang belajar di kelas pemulihan khas literasi bahasa Melayu sebagai subjek kajian. Sebelum itu, kanak-kanak ini perlu menduduki Ujian Saringan Diagnostik dan mereka yang memperoleh markah antara 50 hingga 60 markah dipilih sebagai subjek kajian. Kaedah pemerhatian terkawal dan turut serta akan digunakan untuk mengumpulkan data. Dalam ujian selepas P&P menggunakan kit, markah tersebut direkodkan dan dinilai dengan menggunakan rubrik. Rubrik merupakan alat penilaian subjektif, iaitu satu set kriteria dan standard yang berkaitan dengan tujuan pembelajaran (Arter & McTighe, 2000). Tujuan penggunaan rubrik adalah untuk menilai prestasi kanak-kanak berdasarkan kriteria tertentu dan membuat pemarkahan yang mudah dan telus. Sebelum ujian dijalankan, kriteria yang diinginkan disediakan terlebih dahulu dan dinilai pada skala 1-5. Skala yang dibina itu dipadankan pula dengan pemerhatian yang dijangkakan dan markah yang diperolehi. Kajian telah dijalankan di SK Taman Bukit Mutiara, Johor Bahru pada 25 hingga 29 Januari 2015.

Pembangunan Kit Asas Pembelajaran Membaca

Kajian yang telah dilakukan menggabungkan tiga asas utama dalam membentuk Kit Asas Membaca dalam P&P kanak-kanak lembam. Asas pertama mengaplikasikan Teori Konstruktivisme Sosial Vygotsky (1978) sebagai kaedah mengajar membaca kepada kanak-kanak lembam. Teori ini memfokus kepada kepada lima elemen, iaitu interaksi sosial, persekitaran sosial, pengalaman lalu dan pengalaman sedia ada, perancahan (*scaffolding*), dan Zon Perkembangan Proksimal (ZPD) dalam membentuk perkembangan dan pembelajaran individu. Asas kedua pula menerapkan Model Membaca *Searchlight* (*Searchlight Model of Reading*) (Rumelhart & McClelland, 1986; Adams & Bruck, 1993) sebagai modul pembelajaran dalam Kit Asas Membaca. Model membaca ini dibahagikan

kepada empat peringkat, iaitu pengecaman huruf dan pengetahuan grafik (visual), fonik (bunyi dan ejaan), makna (semantik) konteks, dan pengetahuan tentang tatabahasa dan ayat (sintaksis). Dalam makalah ini, hanya satu peringkat, iaitu pengecaman huruf dan pengetahuan grafik (visual) yang telah dianalisis. Seterusnya, asas ketiga pula ialah penerapan Taksonomi Bloom diwakili oleh tiga domain utama, iaitu kognitif, afektif, dan psikomotor. Bagi domain Kognitif, dua aras terendah digunakan, iaitu domain mengingat (C1) dan memahami (C2) digunakan dan satu aras sederhana mengaplikasi (C3) telah digunakan. Bagi domain afektif dan psikomotor pula hanya dua aras terendah digunakan, iaitu Menerima Fenomena (A1), Bertindak Balas terhadap Fenomena (A2), Imitasi (P1), dan Manipulasi (P2). Keberkesanan P&P bergantung kepada pengukuran pencapaian objektif pembelajaran yang digariskan.

Pemetaan Hasil Pembelajaran Berdasarkan Taksonomi Bloom Mengikut Modul Pembelajaran

Pengecaman Huruf dan Pengetahuan Grafik

Hasil pembelajaran melalui kit dibahagikan kepada kaedah penilaian dan kriteria pencapaian hasil pembelajaran. Hasil analisis data merujuk kepada kriteria pencapaian hasil pembelajaran sama ada subjek kajian dapat mencapai objektif atau tidak. Jadual berikut menunjukkan pemetaan hasil pembelajaran mengikut modul, iaitu:

Jadual 1: Pemetaan Hasil Pembelajaran Berdasarkan Taksonomi Bloom Mengikut Modul Pembelajaran Bagi Pengecaman Huruf dan Pengetahuan Grafik

Hasil Pembelajaran	Kaedah Penilaian	Kriteria Pencapaian Hasil Pembelajaran
1.Mengenal pasti huruf besar dan huruf kecil	Ujian Penilaian Bahasa (Soalan Bahagian A: Markah 30%)	Subjek kajian lulus dengan markah $\geq 50\%$ ialah sebanyak 50% daripada keseluruhan subjek kajian) 50 peratus daripada sepuluh subjek kajian dapat mengenal pasti huruf besar dan huruf kecil secara berurutan. Markah diberikan berdasarkan jawapan yang dijawab dengan betul.
2.Membedakan huruf besar dan huruf kecil yang seakan-akan sama bentuknya	Ujian Penilaian Bahasa (Soalan Bahagian B: Markah 30%)	Subjek kajian lulus dengan markah $\geq 50\%$ ialah sebanyak 50% daripada keseluruhan subjek kajian).50 peratus daripada sepuluh subjek kajian dapat membezakan huruf besar dan huruf kecil yang seakan-akan sama bentuknya. Markah diberikan berdasarkan jawapan yang dijawab dengan betul
3.Menentukan padanan huruf besar dengan huruf kecilnya	Ujian Penilaian Bahasa (Soalan Bahagian C: Markah 20%)	Subjek kajian lulus dengan markah $\geq 50\%$ ialah sebanyak 50% daripada keseluruhan subjek kajian). 50 peratus daripada sepuluh subjek kajian dapat menentukan padanan huruf besar dan huruf kecilnya. Markah diberikan berdasarkan jawapan yang dijawab dengan betul.

4. Mengaplikasi cara pembentukan huruf besar dan huruf kecil.	Ujian Penilaian Bahasa (Soalan Bahagian D: Markah 20%)	Subjek kajian lulus dengan markah $\geq 50\%$ ialah sebanyak 50% daripada keseluruhan subjek kajian). 50 peratus daripada sepuluh subjek kajian dapat mengaplikasikan cara pembentukan huruf besar dan huruf kecil dengan betul. Markah diberikan berdasarkan jawapan yang dijawab dengan betul.
---	--	--

Modul Bagi Pengecaman Huruf dan Pengetahuan Grafik

Jadual berikut menunjukkan empat jenis modul yang digunakan dalam pembelajaran. Setiap objektif yang ingin dicapai di akhir P&P dipadankan dengan Taksonomi Bloom, strategi pembelajaran, dan kaedah penilaian.

Jadual 2: Modul Pembelajaran bagi Pengecaman Huruf dan Pengetahuan Grafik

Objektif Pembelajaran	Taksonomi Bloom							Kaedah Pembelajaran	Kaedah Penilaian
	C1	C2	C3	P1	P2	A1	A2		
1. Mengenal pasti huruf besar dan huruf kecil secara berurutan.	√			√		√		-Menggunakan blok huruf besar yang ditampal di atas kadboard dan kad imbasan huruf. Menggunakan kaedah nyanyian	Ujian Penilaian Kemahiran Membaca. Markah dinilai dengan menggunakan rubrik dan dipindahkan dalam bentuk peratusan.
2. Membezakan huruf-huruf besar dan huruf kecil yang seakan-akan sama bentuknya.	√	√		√		√		-Kad imbasan blok huruf -Kaedah Visual, Kinestetik. dan Taktil	Ujian Penilaian Kemahiran Membaca. Markah dinilai dengan menggunakan rubrik dan dipindahkan dalam bentuk peratusan.
3. Menentukan padanan huruf besar dengan huruf kecilnya.	√	√		√	√	√	√	- Menggunakan blok huruf kecil yang ditampal di atas kadboard. -Nyanyian	Ujian Penilaian Kemahiran Membaca. Markah dinilai dengan menggunakan rubrik dan dipindahkan dalam bentuk peratusan.

4. Mengaplikasi cara pembentukan huruf besar dan huruf kecil.	√	√	√	√	√	√	√	-Menguli tanah liat -Kaedah Kinestatik dan Taktil	Ujian Penilaian Kemahiran Membaca. Markah dinilai dengan menggunakan rubrik dan dipindahkan dalam bentuk peratusan.
--	---	---	---	---	---	---	---	---	--

Kaedah Pengumpulan dan Analisis Data

Data primer bagi penyelidikan ini telah diperolehi daripada pungutan data yang dibuat di lapangan, dipungut, dikumpul, dan seterusnya dianalisis untuk mendapatkan keputusan bagi penyelidikan ini. Data primer juga dikumpul melalui instrumen kajian seperti Ujian Penilaian Kemahiran Membaca, Aktiviti Pengayaan Bacaan, temu bual, Senarai Semak Kemahiran Membaca, pemerhatian, dan sebagainya. Bagi data sekunder pula, data yang diperolehi daripada kajian kepustakaan bahan rujukan seperti jurnal, buku, dan sebagainya.

Analisis data dijalankan untuk menjelaskan data yang dikumpul kepada data yang lebih ringkas dan mudah difahami. Oleh itu, penulis telah mengumpul semua markah yang diperolehi oleh kanak-kanak dalam Ujian Penilaian Kemahiran Membaca mengikut setiap Hasil Pembelajaran (HP) yang ditetapkan. Markah dalam Ujian Penilaian Kemahiran Membaca dianalisis dengan menggunakan Kaedah Peratusan Berasaskan Rubrik.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Markah yang terdapat dalam Ujian Penilaian Kemahiran Membaca dianalisis serta dipersembahkan dalam bentuk jadual. Analisis ini juga dilakukan untuk mencapai objektif kajian awal, iaitu menguji prototaip kit pembelajaran asas membaca bagi kanak-kanak lembam. Item yang terdapat dalam instrumen kajian yang dibina oleh penulis dianalisis untuk mendapatkan gambaran tentang keupayaan kanak-kanak membaca dengan berbantuan kit pembelajaran asas membaca. Markah yang diperolehi oleh kanak-kanak dipadankan dengan Rubrik Modul 1: Pengecaman Huruf dan Pengetahuan Grafik. Jadual berikut menunjukkan pencapaian kanak-kanak dalam Ujian Penilaian Kemahiran Membaca, iaitu:

Jadual 3: Pencapaian Kesemua Kanak-kanak dalam Ujian Penilaian Kemahiran Membaca Modul bagi Pengecaman Huruf dan Pengetahuan Grafik.

Bil	Kanak-kanak	HP 1 (100 markah)				HP 2 (100 markah)				HP 3 (100 markah)				HP 4 (100 markah)			
		X1	X2	X3	X4	X1	X2	X3	X4	X1	X2	X3	X4	X1	X2	X3	X4
1.	LL 1	18	19	12	15	12	15	16	14	14	19	15	13	15	14	15	16
2.	LL 2	9	12	10	7	11	7	2	5	10	9	5	3	15	12	5	4

3.	LL 3	12	13	7	9	15	12	10	9	20	16	4	4	12	13	4	7
4.	LL 4	13	12	6	5	14	15	10	7	15	11	6	3	19	15	6	5
5.	LL 5	15	9	7	8	13	12	9	4	16	17	5	8	18	14	3	7

Dalam analisis dapatan kajian ini juga, penulis telah menukarkan markah yang diperolehi oleh subjek kajian dalam bentuk peratus, iaitu:

Jadual 4: Peratus Pencapaian Kesemua Kanak-kanak dalam Ujian Penilaian Kemahiran Membaca : Modul bagi Pengecaman Huruf dan Pengetahuan Grafik.

Bil	Kanak-kanak	HP 1 (100%)				HP 2 (100%)				HP 3 (100%)				HP 4 (100%)			
		X1 (%)	X2 (%)	X3 (%)	X4 (%)	X1 (%)	X2 (%)	X3 (%)	X4 (%)	X1 (%)	X2 (%)	X3 (%)	X4 (%)	X1 (%)	X2 (%)	X3 (%)	X4 (%)
1.	LL 1	18	19	12	15	12	15	16	14	14	19	15	13	15	14	15	16
2.	LL 2	9	12	10	7	11	7	2	5	10	9	5	3	15	12	5	4
3.	LL 3	12	13	7	9	15	12	10	9	20	16	4	4	12	13	4	7
4.	LL 4	13	12	6	5	14	15	10	7	15	11	6	3	19	15	6	5
5.	LL 5	15	9	7	8	13	12	9	4	16	17	5	8	18	14	3	7

Seterusnya, kesemua peratusan markah yang diperolehi oleh kanak-kanak dijumlahkan untuk mendapat peratusan hasil pembelajaran yang diperolehi oleh kesemua kanak-kanak, iaitu:

Jadual 5: Jumlah Peratus Pencapaian Kesemua Kanak-Kanak dalam Ujian Penilaian Kemahiran Membaca Modul bagi Pengecaman Huruf dan Pengetahuan Grafik.

Bil	Kanak-kanak	Jumlah HP 1 (100%)	Jumlah HP 2 (100%)	Jumlah HP 3 (100%)	Jumlah HP 4 (100%)
1.	LL 1	64%	57%	61%	60%
2.	LL 2	38%	25%	27%	36%
3.	LL 3	41%	46%	44%	36%
4.	LL 4	36%	46%	35%	45%
5.	LL 5	39%	38%	46%	42%

Analisis Dapatan Hasil Pembelajaran 1

Kanak-kanak LL1 telah mencapai peratusan tertinggi sebanyak 64% berbanding dengan kanak-kanak lain, manakala subjek kajian LL4 pula memperoleh peratusan terendah, iaitu 36% sahaja. Berdasarkan kriteria penilaian dalam pemetaan konsep berasaskan Taksonomi Bloom, kanak-kanak lulus dengan markah $\geq 50\%$ ialah sebanyak 50% daripada keseluruhan kanak-kanak. Namun, berdasarkan dapatan kajian awal ini kanak-kanak didapati tidak mencapai hasil kriteria tersebut kerana hanya seorang kanak-kanak LL 1 yang mencapai kriteria tersebut dengan markah sebanyak 64%. Dalam hasil pembelajaran 1, penulis mendapati bahawa keupayaan mengenal pasti huruf besar dan huruf kecil dalam kalangan kanak-kanak adalah rendah kerana ada kalangan kanak-kanak masih tidak dapat mengenal huruf dengan sepenuhnya. Hal ini demikian kerana kanak-kanak masih melakukan

kesalahan menyebut dan mengenal huruf besar walaupun huruf tersebut dibaca secara berurutan. Kanak-kanak LL1, LL2, dan LL4 misalnya masih tidak dapat membaca huruf besar dengan betul walaupun huruf tersebut dibaca dalam urutannya. Kanak-kanak LL 4 yang mendapat markah terendah, iaitu sebanyak 36 % didapati masih tidak kenal huruf besar *F, G, H, I, M*, dan *X* walaupun kanak-kanak ini mampu menyanyikan lagu *ABC* secara lancar. Penulis mendapati bahawa kanak-kanak bermasalah dalam membaca huruf besar apabila ditegur bacaannya terlalu laju dan kanak-kanak diminta membaca sambil menunjuk kepada huruf yang dibacanya. Bacaan tersebut lancar pada permulaannya tetapi apabila menghampiri huruf besar *F*, kanak-kanak tidak dapat membaca dan mengecam huruf besar tersebut. Walaupun pada dasarnya kanak-kanak masih menyanyi lagu *ABC*, kanak-kanak tidak dapat menunjuk kepada huruf besar *F* yang sedang dinyanyikannya. Apabila penulis mengarahkan kanak-kanak untuk menunjuk kepada huruf besar *F* yang sedang dinyanyikannya, kanak-kanak telah menunjuk kepada huruf besar *H*. Situasi ini menyebabkan kanak-kanak tersebut salah membaca huruf *F* hingga *J* tetapi kanak-kanak ini dapat pula mengecam huruf besar *K*. Situasi yang sama juga didapati berlaku kepada kanak-kanak kajian LL2 dan LL4.

Analisis Dapatan Hasil Pembelajaran 2

Kanak-kanak LL1 telah mencapai peratusan tertinggi sebanyak 57% berbanding dengan kanak-kanak lain, manakala kanak-kanak LL2 pula memperoleh peratusan terendah, iaitu 36 % sahaja. Berdasarkan kriteria penilaian dalam pemetaan konsep berasaskan Taksonomi Bloom, kanak-kanak lulus dengan markah $\geq 50\%$ ialah sebanyak 50% daripada keseluruhan kanak-kanak. Namun, berdasarkan dapatan kajian awal ini kanak-kanak didapati tidak mencapai hasil kriteria tersebut kerana hanya kanak-kanak LL 1 yang mencapai kriteria tersebut dengan markah sebanyak 57%. Dalam analisis hasil pembelajaran 2, iaitu membezakan huruf besar dengan huruf kecil yang seakan-akan sama bentuknya kanak-kanak LL3 misalnya, didapati masih tidak mengenali huruf kecil secara keseluruhannya, terutamanya huruf huruf kecil *m*. Kanak-kanak ini didapati menukarkan huruf kecil *m* kepada *n* ketika menyebut huruf yang ditunjukkan. Kanak-kanak tersebut didapati keliru dengan huruf ini kerana bentuk huruf ini adalah seakan-akan sama. Oleh itu, penulis berpandangan bahawa pengecaman huruf dan pengetahuan grafik perlu diperkukuh kerana kelemahan dalam kemahiran ini menyebabkan kanak-kanak tidak dapat membezakan antara kedua-dua huruf ini. Selain huruf kecil *m* dan *n* yang tidak dapat dikuasai oleh kanak-kanak ini, kanak-kanak seperti LL 2, LL 3, dan LL 4 juga salah menyebut huruf kecil seperti *p* dan *q* dan *v* dan *w*. Penulis mendapati bahawa kanak-kanak tersebut mempunyai kemahiran atau strategi mengingat huruf yang terhad kerana kanak-kanak mempunyai kefahaman yang lemah tentang konsep huruf besar dan huruf kecil yang telah disoal. Kanak-kanak ini mempunyai daya ingatan yang lemah dan sukar membezakan huruf kecil yang seakan-akan sama bentuknya. Kanak-kanak LL5 misalnya hanya memperoleh sebanyak 36 % markah dan didapati mempunyai keupayaan yang lemah semasa meneliti bentuk huruf yang akan dipilih.

Analisis Dapatan Hasil Pembelajaran 3

Kanak-kanak LL1 telah mencapai peratusan tertinggi sebanyak 57% berbanding dengan kanak-kanak lain, manakala kanak-kanak LL2 pula memperoleh peratusan terendah, iaitu 27% sahaja. Berdasarkan kriteria penilaian dalam pemetaan konsep berasaskan Taksonomi Bloom, kanak-kanak lulus dengan markah $\geq 50\%$ ialah sebanyak 50% daripada keseluruhan kanak-kanak. Namun, kanak-kanak didapati tidak mencapai hasil kriteria tersebut kerana hanya kanak-kanak, iaitu LL 1 yang mencapai kriteria tersebut dengan markah sebanyak 61%. Dalam HP 3, iaitu Menentukan Padanan Huruf Besar dengan Huruf Kecilnya ada kalangan kanak-kanak didapati bahawa kemahiran atau strategi mengingat huruf besar dan kecil adalah lemah. Ada kalangan kanak-kanak seperti LL 2, LL4, dan LL5 sering tertukar huruf besar dengan padanan huruf kecilnya seperti huruf seperti huruf *D* dengan *d*, *G* dengan *g*, *H* dengan *h*, dan sebagainya. Hal ini disebabkan kerana kanak-kanak tidak tahu huruf besar dengan padanan huruf kecilnya. Huruf besar dan kecil yang dinyatakan di atas mempunyai cara pembentukan yang berbeza jika dibandingkan dengan huruf lain yang seakan-akan sama. Oleh itu, kanak-kanak perlu meneliti, memilih, dan mengorganisasi pemikiran mereka untuk meneliti huruf yang dipilih. Kanak-kanak LL 3 pula bermasalah mengenal pasti padanan huruf besar *Q* dengan huruf kecilnya *q* dan *R* dengan *r*. Penulis mendapati bahawa kanak-kanak LL 3 sukar memahami dan menterjemah aspek lisan kepada bentuk bukan lisan.

Analisis Dapatan Hasil Pembelajaran 4

Kanak-kanak LL1 telah mencapai peratusan tertinggi sebanyak 57% berbanding dengan kanak-kanak lain, manakala kanak-kanak LL2 pula memperoleh peratusan terendah, iaitu 36% sahaja. Berdasarkan kriteria penilaian dalam pemetaan konsep berasaskan Taksonomi Bloom, kanak-kanak lulus dengan markah $\geq 50\%$ ialah sebanyak 50% daripada keseluruhan kanak-kanak. Namun, kanak-kanak didapati tidak mencapai hasil kriteria tersebut kerana hanya kanak-kanak LL 1 yang mencapai kriteria tersebut dengan markah sebanyak 57%. Dalam HP 4, kanak-kanak perlu mengaplikasikan cara pembentukan huruf besar dan huruf kecil. Dalam ujian ini, kanak-kanak perlu mendengar arahan untuk membentuk huruf yang disoal dan mereka perlu membentuk huruf tersebut dengan menggunakan tanah liat. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kanak-kanak LL2 dan LL3 memperoleh markah terendah sebanyak 36%. Kanak-kanak tersebut didapati sukar mengaplikasikan cara pembentukan huruf yang betul dengan tanah liat. Kanak-kanak sukar mengaplikasikan huruf besar *G*, *C*, *P*, dan sebagainya, manakala huruf kecil yang sukar adalah *g*, *r*, *q*, dan sebagainya. Kanak-kanak juga mengaplikasikan cara pembentukan huruf ini adalah kerana huruf tersebut mempunyai beberapa cara pembentukan. Tambahan pula, kanak-kanak ini sukar mengingat huruf tersebut dalam ujian sebelum ini sehingga mereka sukar menghubungkan pengetahuan sedia ada dengan pengetahuan lalu.

Rumusan Dapatan

Beberapa masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak lembam dalam aspek bacaan dapat dikenal pasti. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa masalah tidak kenal huruf merupakan punca utama kebanyakan kanak-kanak ini gagal membaca dengan baik.

Apabila mereka tidak mengenali huruf dengan baik, mereka akan menyebut sesuatu huruf sesuka hati atau menekanya sahaja. Situasi ini menyebabkan huruf yang disebutkan itu tidak mewakili huruf yang sebenar walaupun pada dasarnya mereka boleh membaca *ABC* atau menyanyikannya secara lancar dalam urutan. Kanak-kanak didapati bermasalah mengingat setiap huruf yang dipamerkan, sama ada secara berurutan atau rawak. Penulis juga mendapati bahawa keyakinan diri kajian adalah sangat rendah, terutamanya ketika menjawab soalan. Apabila mereka disoal, mereka akan mengambil masa yang lama untuk menjawab soalan yang diajukan. Selain itu, kanak-kanak juga didapati tidak pasti untuk membezakan antara satu bentuk huruf dengan bentuk huruf yang lain. Selain itu, mereka mempunyai kebolehan memahami dan menterjemah aspek lisan kepada bentuk bukan lisan yang lemah sehingga menyukarkan pemahaman bagi soalan yang berkaitan huruf apabila diajukan secara lisan. Masalah lemah daya ingatan dan keterhadan memori juga merupakan masalah dalam kalangan kanak-kanak lembam kerana mereka mudah lupa tentang perkara yang telah diajarkan, terutamanya huruf besar dan kecil yang seakan-akan sama bentuk dan cara pembentukannya.

KESIMPULAN

Secara umumnya, dapat disimpulkan bahawa perlunya penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang mengandungi modul, latihan, dan sebagainya supaya kanak-kanak lembam mampu belajar dengan lebih efektif. Pembinaan kit ini merupakan sesuatu yang kurang dihasilkan. Hal ini demikian kerana perkembangan teknologi maklumat menyebabkan banyak kajian yang dijalankan ke arah multimedia. Walau bagaimanapun, penulis telah memilih kaedah tradisional untuk mengajar kemahiran membaca kepada kanak-kanak lembam. Pembangunan Kit Asas Membaca ini memfokuskan kepelbagaian Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang terdapat dalam satu pakej bahan mengajar. Kekuatan penggunaan kaedah tradisional yang diaplikasikan kepada kanak-kanak lembam ialah pembelajaran daripada tahap yang terendah (mudah) hinggalah tahap yang mudah. Kit ini juga menggunakan kaedah pembelajaran membaca mengikut kreativiti guru dalam mempelbagaikan penggunaan BBM ini. Namun begitu, kaedah pengajaran dan objektif pembelajaran perlulah ditetapkan terlebih dahulu supaya unit terkecil dalam pembelajaran dapat dikuasai oleh kanak-kanak lembam. Komitmen dan masa diperlukan, terutamanya dalam membina BBM supaya kanak-kanak ini dapat memahami objektif pembelajaran, mengaplikasi, dan menggunakan pengetahuan tersebut semasa membaca.

BIBLIOGRAFI

- Abdull Sukor Shaari & Kalaidevi Aplanaidu. (2012). Kesan pendekatan pembelajaran masteri terhadap pencapaian kemahiran membaca bahasa Melayu murid pemulihan sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2 (2), 94-105.
- Adams, M. J. & Bruck, M. (1993). Word recognition: the interface of educational policies and scientific research. *Reading and Writing: An Interdisciplinary Journal*, 5, 113-139.
- Alasi, M., Rappo, G., & Pepi, A. (2015). Emotional profile and intellectual functioning: A comparison among children with Borderline Intellectual Functioning, Average Intellectual Functioning, and Gifted Intellectual Functioning. *SAGE Open*. (July-September 2015), pp.1-9. DOI: 10.1177/2158244015589995

- Artier, J. & McTighe, J. (2000). *Scoring rubrics in the classroom*. California: Corwin Press, Inc.
- Bloom, B. S. (Ed.). Engelhart, M. D, Furst, E. J., Hill, W. H., & Krathwol, D. R. (1956). *Taxonomy of educational objectives handbook 1: the cognitive domain*. New York: David Mckay Co. Inc.
- Collins, J. E. (1961). *The effect of remedial education*. University of Birmingham: R. Cunningham & Sons.
- Dewan Bahasa danPustaka. (2005). *Glosari pendidikan jilid 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faridah Naziret. al. (2014). *Perkembangankanak-kanak*. Selangor: Multimedia Sdn. Bhd.
- Hasnalee Tubah & Zulkifley Hamid (2011). Pengaruh demografi terhadap kemahiran membaca dan memahami dalam kalangan murid LINUS. *Jurnal Melayu*, 6, 29-47.
- Jabatan Pendidikan Pulau Pinang. (2002). *Statistik murid intervensi KIA2M: Unit Pendidikan Khas, Sekolah Rendah*.
- Joseph, L. M. (2006). Incremental rehearsal: a flashcard drill technique for increasing retention of reading words. *The Reading Teacher*, 59 (8), 803-807.
- Kamarudin Husin & Siti Hajar Abdul Aziz. (1998). *Penguasaan kemahiran membaca: kaedah dan teknik*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Karande, S., Kanchan, S., & Kulkarni, M. (2008). Clinical and psychoeducational profile of children with borderline intellectual functioning. *Indian Journal of Pediatrics*, 75, 795-800.
- Koh, B. B. (1982). Asas-asas amalan pedagogi. In IshakHaron& B. B Koh (Eds.), *Pendidikan imbuhan dan pendidikan pemulihan*. Kuala Lumpur: Utusan Pub. & Dis. Sdn. Bhd.
- Mahzan Arshad (2013). *Pendidikan literasi awal kanak-kanak: teori dan amali*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Misdar. (2013). Meningkatkan kemampuan membaca permulaan melalui media kartu kata bagi anak lambat belajar. *Jurnal Ilmiah Pendidikan Khusus*, 1 (1), 502-514.
- Norzanah Rosmin, Fauziahnah Rosmin, & Aede Hatib Musta'amal. (2013). Do "slow learners, pre-school children" learn number more effectively with SOBATAKA?. In: *IEEE International Conference on Teaching, Assessment and Learning for Engineering (TALE)* (pp. 26-29). Skudai: Universiti Teknologi Malaysia
- Noltemeyer, A., Joseph, L. M., & Watson, M. (2014). Improving reading prosody and oral retell. *Reading Improvement*, 51 (2), p.p221-232.
- Shaw, S. R. (2010). Rescuing students from slow learners trap. *Principle Leadership*, 6, 12-16.
- Tansley, A. E. & Gulliford, R. (1960). *The education of slow learning children* (2nd Edition). London: Routledge and Kegen Paul.
- . 2006. *Pelaksanaan kelas intervensi di sekolah rendah*. Kuala Lumpur: Unit Sekolah Rendah.
- Rasid Jamian. (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis bahasa melayu murid-murid sekolah luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu 1* (1), 1-12.
- Robiah Kulop Hamzah. (1992). *Guru khas pemulihan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rumelhart, D. E. & McClelland, J. L. (1986). *Parallel distributed processing and foundations*. Cambridge Mass: MIT Press.
- Vijayalakshmi, R., Kumarasamy, M., &Thalavapalayam, K. (2012). Meta-cognitive strategies to enhance slow learners in English language learning. *ELT Voices-India*, 3 (3), 104-110.
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in society*. Cambridge, MA: MIT Press.



Manifestasi Fenomena Ketidaksantunan Pragmatik Berbahasa Berasaskan Budaya Indonesia

R. Kunjana Rahardi

Jabatan Akademik Lektor Kepala, Program Studi Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia (PBSI), FKIP, Universitas Sanata Dharma Yogyakarta, Indonesia

ABSTRAK

Ketimpangan studi fenomena kesantunan berbahasa dan ketidaksantunan berbahasa sudah lama dicanangkan dalam studi pragmatik. Akan tetapi, hingga sekarang ini studi ketidaksantunan berbahasa, khususnya yang berasaskan budaya setempat (*culture specific*) belum banyak dilakukan. Penelitian ini mengangkat manifestasi ketidaksantunan berbahasa secara pragmatik dengan mendasarkan masyarakat dan budaya Indonesia. Penelitian ini akan dapat digambarkan secara rinci bagaimana sesungguhnya manifestasi wujud dan maksud serta penanda ketidaksantunan berbahasa itu. Data dikumpulkan dengan menerapkan metode semak dan metode perbualan dalam linguistik. Data yang telah dikumpulkan dengan kedua-dua metode yang diperkaya dengan teknik dasar dan lanjutannya, dianalisis dengan menerapkan metode padan, khususnya pada ekstralingual. Hasil penelitian menunjukkan bahawa ketidaksantunan pragmatik berbahasa dalam basis budaya dan masyarakat Indonesia itu terbahagi ke dalam lima kategori, yakni melecehkan muka, menghilangkan muka, memainkan muka, mengancam muka, dan kesembronoan disengaja. Setiap kategori ketidaksantunan berbahasa di atas dirinci ke dalam subkategori ketidaksantunan yang masing-masing ditentukan oleh maksud atau makna pragmatiknya.

Kata Kunci: ketidaksantunan, fenomena, pragmatik, masyarakat dan budaya Indonesia

Manifestations of Empliteness Pragmatic Speaking Phenomenon Base on Indonesian Culture

ABSTRACT

The discrepancy of the study of the linguistic politeness and impoliteness phenonema has been pronounced in the pragmatic study. However, up to this day the study of linguistic impoliteness, particularly based on culture-specific backgrounds has not been done. This

INFO MAKALAH

Pewasitan Makalah:

Dihantar: -

Diterima: -

E-mel:

kunjana@usd.ac.id (R. Kunjana Rahardi)

research discusses the pragmatic manifestations of linguistic impoliteness based on the Indonesian cultural contexts. Through this research, a detailed descriptions of how the manifestations and intentions of the linguistic impoliteness markers would be obtained. The data was gathered using listening and speaking methods in linguistics. The data gathered through the basic and advanced listening and speaking methods was analyzed using the equivalence method, particularly the extralingual equivalence. The research results showed that the pragmatic impoliteness in the Indonesian cultural contexts was classified into five categories, namely face-aggravating, face-loss, face-playing, face-threatening, deliberate ignorance. Each category of the linguistic impoliteness was described in details in its impoliteness subcategories, each was determined by its pragmatic meanings and intentions.

Keywords: *language impoliteness, impoliteness category, Indonesia society and culture*

PENGENALAN

Kajian tentang fenomena ketidaksantunan dalam berbahasa, khususnya secara pragmatik, tidak berimbang dari sisi kualiti, kuantiti, dan intensitinya jika dibandingkan dengan studi fenomena kesantunan dalam berbahasa. Daripada runutan sejarah perjalanan dan perkembangannya, sejak kajian fenomena kesantunan berbahasa dirancakkan oleh Bruce Fraser dengan memperkenalkan empat jenis pendekatan dalam studi kesantunan berbahasa, (Bousfiled et al, 2008), fenomena kesantunan dalam berbahasa itu dikaji dengan sangat luas di seluruh penjuru dunia. Sebagai akibat langsung mahupun tidak langsung dari segi fakta studi yang rancak itu, terjadilah ketimpangan yang sangat tajam antara studi kesantunan berbahasa dengan studi ketidaksantunan dalam berbahasa. Tulisan singkat ehwal studi ketidaksantunan dalam berbahasa dalam basis budaya Indonesia ini dapat dianggap sebagai respons positif atas fakta ketimpangan studi yang lebar antara dua fenomena pragmatik ini. Dua hal akan digambarkan dalam tulisan singkat ini, yakni perihal wujud ketidaksantunan dan perihal makna pragmatik ketidaksantunan. Akan tetapi kerana kedua-dua dimensi dalam studi pragmatik tersebut STOP sesungguhnya erat dan serba bertali-temali, kedua-duanya dipadukan dalam penyajiannya. Yang tersaji dalam tulisan ini ialah perihal kategori ketidaksantunan dan subkategori ketidaksantunan dalam berbahasa yang dikaji dalam dimensi pragmatik itu.

PERNYATAAN MASALAH

Dengan mendasarkan pengenalan latar belakang di atas, maka selanjutnya masalah penelitian terhadap fenomena ketidaksantunan berbahasa ini dapat dirumuskan sebagai berikut. Manifestasi wujud dan makna pragmatik ketidaksantunan berbahasa seperti apakah yang terdapat dalam masyarakat dan budaya Indonesia. Dengan perkataan lain, tulisan singkat ini hendak mendeskripsikan ehwal ketidaksantunan berbahasa dalam basis budaya Indonesia yang diyakini akan menjadi berbeda jika didasarkan pada budaya lainnya.

TUJUAN KAJIAN

Sejalan dengan rumusan masalah yang disampaikan sebelumnya, maka rumusan tujuan penelitian ini adalah, untuk mendeskripsikan kewujudan makna pragmatik ketidaksantunan berbahasa dalam masyarakat dan budaya Indonesia. Dengan deskripsi ini, maka studi ketidaksantunan berbahasa dengan basis budaya tertentu (*culture specific*), khususnya berasaskan budaya Indonesia, akan semakin dapat digalakkan dan digelorkan.

Dengan studi pragmatik yang didasarkan pada kekhasan budaya demikian ini akan diperoleh perian yang lebih kontekstual, kerana pada dasarnya teori pragmatik dan linguistik yang berasaskan budaya Barat, tidak sepenuhnya tepat jika diimplementasikan pada budaya yang sifatnya spesifik. Tujuan lain daripada penulisan ini adalah agar ketimpangan studi antara fenomena kesantunan berbahasa dengan fenomena ketidaksantunan berbahasa menjadi semakin berkurang, terlebih-lebih apabila studi ketidaksantunan berbahasa ini dilanjutkan oleh para peneliti lain yang juga menaruh minat dan perhatian yang sama serta memiliki misi ilmiah yang sama dengan yang dimiliki penulis

KAJIAN LITERATUR

Studi ketidaksantunan dalam berbahasa ini didasarkan pada teori ketidaksantunan berbahasa yang disampaikan oleh sejumlah pakar yang berasaskan budaya Barat. Teori yang disampaikan tidak dijadikan alat analisis, tetapi sekadar dijadikan sebagai kerangka acuan. Teori ketidaksantunan tersebut dipaparkan secara ringkas sebagai berikut.

Miriam A Locher (2008), memandang bahawa fenomena ketidaksantunan dalam berbahasa merupakan '*behaviour that is face-aggravating in a particular context.*' Ketidaksantunan berbahasa menunjuk pada perilaku 'melecehkan' muka (*face-aggravate*). Perilaku melecehkan muka itu lebih daripada sekadar '*mengancam*' muka (*face-threaten*) seperti yang ditawarkan dalam banyak definisi kesantunan klasik Leech (1983), Brown and Levinson (1987), atau sebelumnya pada 1978, yang cenderung dipengaruhi konsep muka Erving Goffman (Rahardi, 2009). Interpretasi lain yang berkaitan dengan definisi Locher terhadap ketidaksantunan berbahasa ini adalah bahawa tindakan tersebut bukanlah sekadar '*melecehkan muka*', melainkan '*memain-mainkan muka*'. Jadi, ringkasnya ketidaksantunan berbahasa dalam pemahaman Miriam A. Locher adalah sebagai tindak berbahasa yang melecehkan muka dan memainkan muka.

Berbeza dengan Locher, Bousfield (2008) memahami ketidaksantunan berbahasa sebagai '*The issuing of intentionally gratuitous and conflictive face-threatening acts (FTAs) that are purposefully performed.*' Bousfield memberikan penekanan pada dimensi '*kesembronoan*' (*gratuitous*), dan dimensi '*konflikatif*' (*conflictive*). Berbeza lagi yang disampaikan Cullpeper (2008) yang memahami ketidaksantunan berbahasa sebagai '*Impoliteness, as I would define it, involves communicative behavior intending to cause the "face loss" of a target or perceived by the target to be so.*' Beliau memberikan penekanan pada fakta '*kehilangan muka*'. Jadi, ketidaksantunan berbahasa itu merupakan perilaku komunikatif yang diperantikan secara intensional untuk membuat orang benar-benar kehilangan muka (*face loss*), atau setidaknya orang tersebut '*berasa*' kehilangan muka.

Selanjutnya Terkourafi (2008) memandang ketidaksantunan sebagai, '*impoliteness occurs when the expression used is not conventionalized relative to the context of occurrence; it threatens the addressee's face but no face-threatening intention is attributed to the speaker by the hearer.*' Jadi, perilaku berbahasa akan dikatakan tidak santun apabila mitra tutur (*addressee*) merasakan ancaman terhadap muka (*face threaten*), dan penutur (*speaker*) tidak mendapatkan maksud ancaman muka itu daripada mitra tuturnya

METODOLOGI

Penelitian fenomena ketidaksantunan pragmatik berbahasa dalam basis budaya Indonesia ini merupakan penelitian deskriptif. Adapun tujuan pokok daripada penelitian ini adalah untuk memerikan secara konkrit fenomena ketidaksantunan berbahasa. Pendekatan yang digunakan dalam penelitian kesantunan berbahasa ini bersifat kualitatif. Artinya, penelitian ini tidak akan memanfaatkan metode kuantifikasi tertentu, mengingat bahwa tujuan pokoknya tidak menuntut pemerantian daripada semuanya itu.

Wujud data penelitian fenomena ketidaksantunan berbahasa ini adalah bermacam-macam wujud tuturan yang diperoleh secara natural, yang terdapat bentuk kebahasaan yang secara linguistik mahupun nonlinguistik mengandung maksud tidak santun. Bentuk kebahasaan yang bermakna tidak santun baik secara linguistik mahupun nonlinguistik tersebut merupakan objek sasaran penelitian dan sisa bentuk kebahasaan yang ada merupakan konteksnya.

Adapun sumber data penelitian ini adalah beragabagai macam petikan tuturan yang semuanya diambil secara natural dalam praktik perbincangan dalam masyarakat dan budaya Indonesia. Sumber data penelitian ketidaksantunan berbahasa ini juga dapat berupa rakaman hasil semakan tuturan. Data penelitian ini diperoleh baik secara terbuka mahupun tersembunyi, sehingga diharapkan data yang diperoleh bersifat natural, andal, dan tepercaya. Data kebahasaan itu dikumpulkan dengan memerantikan metode semak, yakni menyemak pertuturan langsung dalam ranah keluarga yang dipresumsikan di dalamnya terdapat bentuk kebahasaan yang mengandung makna ketidaksantunan itu baik secara linguistik mahupun nonlinguistik.

Adapun teknik yang digunakan dalam rangka melaksanakan metode semak ialah teknik catat dan teknik rakaman. Daripada catatan dan/atau rakaman pertuturan itulah data diperoleh sebagai bahan penelitian ketidaksantunan berbahasa ini. Data penelitian ini juga didapatkan dengan cara memberikan pancingan tuturan, yang dimungkinkan hadirnya pertuturan yang menghasilkan bentuk yang tidak santun. Teknik itu dapat dilengkapi dengan pencatatan atau perakaman, baik secara langsung mahupun secara tidak langsung, baik secara terbuka mahupun tersembunyi, sehingga hasilnya dapat diperoleh data ketidaksantunan.

Pemerantian intuisi lingual peneliti juga dimungkinkan untuk menghasilkan data penelitian ketidaksantunan berbahasa ini mengingat bahawa para peneliti memiliki kedekatan dan/atau distansi lingual yang dekat dengan bahasa Indonesia yang dijadikan objek dalam penelitian ketidaksantunan berbahasa ini.

Analisis data dilakukan secara kontekstual, yakni dengan memerantikan dimensi konteks dalam menginterpretasikan data yang telah berhasil diidentifikasi, diklasifikasi,

dan ditipifikasikan. Data yang telah diinterpretasi dalam tahapan analisis data kemudian hasilnya disajikan secara tidak formal, dalam erti bahawa hasil analisis data itu dirumuskan dengan kata-kata biasa, bukan dengan simbol tertentu kerana memang hasil penelitian ini tidak menuntut model sajian itu.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Deskripsi wujud dan maksud fenomena ketidaksantunan berbahasa dalam basis budaya Indonesia ini dipaparkan dalam lima kategori, iaitu kesembronan yang disengaja, bermain-mainkan muka, melecehkan muka, mengancam muka, dan menghilangkan muka. Paparan rinci daripada setiap kategori ketidaksantunan berbahasa tersebut disajikan satu per satu sebagai berikut dalam subkategori ketidaksantunan berbahasa.

1. Kategori Kesembronan yang Disengaja

Ketidaksantunan berbahasa yang difahami sebagai kesembronan yang disengaja pertama-tama disampaikan oleh Bousfield (2008). Kesembronan dalam pandangannya dapat difahami sebagai perilaku yang mengandung ketidakseriusan. Selain memiliki ciri ketidakseriusan, perilaku sembrono juga ditandai dengan perilaku berbahasa yang mengandung gurauan. Selanjutnya, ketidaksantunan dalam kategori kesembronan yang disengaja itu dirinci dalam subkategori dengan contoh tuturannya sebagai berikut.

a. Subkategori Kepura-puraan dengan Gurauan

Ketidaksantunan dalam subkategori kesembronan dengan kepura-puraan mengacu pada perilaku berbahasa yang bersifat humor atau candaan yang mengandung tindakan tidak sungguh-sungguh. Perkara yang dinyatakan penutur sesungguhnya bertitik tolak dengan perkara yang diharapkan oleh mitra tutur seperti tampak pada petikan tuturan berikut.

X: Udah nih? Nggak ada yang maju lagi? Ya udah selesai yok! Kita pulang!

Y: Ehh.. buk, ya udah saya buk.

b. Subkategori Asosiasi dengan Gurauan

Kesembronan dengan asosiasi dapat difahami sebagai perilaku berbahasa yang mengandung ketidakseriusan dengan mempertautkan gagasan atau idea dengan benda, objek, atau peristiwa lain. Dengan demikian, kesembronan dengan asosiasi ditandai dengan perilaku berbahasa yang mengandung gurauan dengan mempertautkan benda atau objek yang memiliki ciri tertentu, misalnya fisik, nama jabatan, dan sifat tertentu seperti pertuturan berikut.

X: Kamu punya pacar nggak mbak?

Y: Ya tergantung

X: Kalau ‘tergantung’ kenapa tidak diambil mbak? Kasihan pacarnya ‘tergantung’.

c. Subkategori Asosiasi dengan Ungkapan Tabu

Asosiasi ketabuan ialah pertalian antara gagasan, ingatan, atau kegiatan pancaindra yang dihubungkan dengan hal yang dilarang kerana tidak santun untuk diucapkan seperti tampak pada tuturan berikut.

d. Subkategori Sinisme dengan Ejekan

Tuturan tidak santun yang merupakan kesembronoan dengan sinisme dapat difahami sebagai perilaku berbahasa yang mengandung ketidakseriusan, candaan, atau humor dengan sikap mengejek dan memandang rendah mitra tutur seperti tampak pada tuturan berikut.

X: Iki diapakke?

Y: Yo dicopy, mosok tok pangan?

e. Subkategori Kesombongan dengan Gurauan

Dalam konteks komunikasi, menyombongkan diri termasuk pada perilaku tidak santun. Lazimnya, tuturan kesembronoan jenis ini yang diungkapkan menunjukkan rasa percaya diri yang berlebihan, seperti dapat dilihat pada contoh tuturan berikut.

X: Kamu tu jajan-jajan dulu, daripada ke perpustakaan ngapain!

Y: Biasa pak, cari vitamin dengan OL.

f. Subkategori Pleonasme dengan Gurauan

Dalam tuturan berikut terdapat unsur pleonastis, yakni ‘harus’ dan ‘wajib’ yang digunakan sekali gus. Kesembronoan dengan pleonasme ditandai dengan perilaku berbahasa yang mengandung humor atau gurauan dengan ungkapan yang berlebih-lebihan, seperti yang terlihat pada tuturan berikut.

X: Eh, daripada kamu jalannya lewat situ, mending terbang aja deh.

Y: Emang harus gitu ya?

g. Subkategori Plesetan dengan Gurauan

Plesetan dalam batas tertentu menyenangkan kerana di dalamnya terdapat unsur humor, tetapi kalau dilakukan secara berlebihan akan mendatangkan kejengkelan. Sebagai contoh, kata ‘piye’ diplesetkan menjadi ‘piyek’, seperti yang terlihat pada tuturan berikut ini.

X: Koweki piye wiii??

Y: Piyek ki anak ayam!

h. Subkategori Merendahkan dengan Gurauan

Kesembronoan yang dilakukan dengan merendahkan pihak lain dapat dikategorikan sebagai tindakan yang tidak santun. Contoh tuturan berikut dapat dicermati untuk memperjelas hal ini.

X: Ngopo pak? PDKT po?

Y: Wuaaa.. hayo biasane lan kudu ngonono!

i. Subkategori Menggoda dengan Gurauan

Menggoda dapat dimaknai sebagai mengganggu, mengusik, atau menarik-narik hati supaya berbuat dosa atau jahat. Dalam konteks ketidaksantunan berbahasa makna yang lebih banyak muncul adalah mengganggu dan mengusik. Berkaitan dengan hal ini, tuturan berikut dapat dicermati.

X: Ini bentar lagi nikah .

Y: Weh, pak, nggak yo. Mosok lagi lulus SMP nikah

j. Subkategori Seruan dengan Gurauan

Dalam kaitan dengan ketidaksantunan berbahasa, seruan sering muncul dalam bentuk tuturan eksklamatif, misalnya 'wow, ampun, ah, aduh'. Akan tetapi, bentuk eksklamatif itu disampaikan dalam bentuk humor atau gurauan, seperti tampak pada tuturan berikut.

Y: Ini lihat ejaannya masih salah.

X: Ya, ampun.

k. Subkategori Melucu dengan Gurauan

Intinya, kesembronoan yang dilakukan dengan humor selalu mengandung unsur yang menggelikan hati, kerana bersifat jenaka. Kejenakaan itu muncul, antaranya kerana tuturan sengaja disimpangkan daripada norma yang ada. Tuturan berikut dapat dipertimbangkan berkaitan dengan pernyataan ini.

X: Ini guru atau penerawang, siswa kok ditrawang-trawang.

Y: saya sedang menjelaskan mata uang, Bu.

l. Subkategori Mengejek dengan Gurauan

Dalam pragmatik, tuturan yang bermakna mengejek, sekalipun disampaikan secara bergurau, termasuk tuturan yang tidak santun. Dapat dikatakan sebagai tuturan yang tidak santun kerana gurauan dengan maksud mengejek pasti membuat perasaan mitra tutur menjadi tidak nyaman. Tuturan berikut memperjelas hal ini.

Y: Yang lain membaca dalam hati

X: cie ... membaca dalam hati

m. Subkategori Menyapa dengan Ungkapan Keakraban

Dalam tuturan berikut terdapat makna pragmatik menyapa. Akan tetapi, sapaan itu diungkapkan dengan ungkapan yang seolah-olah akrab dengan penuturnya sehingga terkesan sembrono dengan penutur. Kesembronoan demikian ini merupakan manifestasi ketidaksantunan berbahasa.

A: "Hei Pastor! Saya mau cerita soal saya berburu beruang."
B: "Baik silakan."

2. Kategori Memain-mainkan Muka

Memain-mainkan muka termasuk salah satu kategori ketidaksantunan berbahasa yang mengandung ciri bahwa mitra tutur cenderung dibuat merasa jengkel. Ciri lain perilaku memain-mainkan muka adalah adanya unsur sinis, sindiran, cercaan, tuturan yang semuanya itu menunjuk pada perilaku yang menjengkelkan orang lain, dan membuat bingung orang lain. Ketidaksantunan dalam kategori memain-mainkan muka dapat dirinci lebih lanjut ke dalam subkategori berikut.

a. Subkategori Tindakan Menjengkelkan dengan Sinisme

Ketidaksantunan berbahasa kategori memain-mainkan muka dengan tindakan yang menjengkelkan merupakan tuturan yang disampaikan oleh penutur dilandasi rasa kesal atau mendongkol, yang disebabkan oleh sifat atau tingkah laku seseorang (KBBI, 2008). Tuturan berikut dapat dicermati lebih lanjut untuk memperjelas hal ini.

X: Lek diantil wae kui! (Segera dihajar/dipukul saja)
Y: Ho'o yo?

b. Subkategori Tindakan Membingungkan dengan Perintah Kasar

Memain-mainkan muka dengan tindakan membingungkan dapat dimaksudkan sebagai menyampaikan celaan dengan perkataan yang sifatnya membuat mitra tuturnya tidak mengerti atau tidak jelas dengan maksud tuturan si penutur (KBBI, 2008). Akibatnya, mitra tutur merasa diri bodoh dan bingung, serta dapat menyebabkan pikirannya kacau. Berikut ini contoh tuturan yang mengandung makna pragmatik memain-mainkan muka subkategori tindakan membingungkan dengan perintah kasar.

X: Kamu pindah sana!
Y: Lha piye to, aku kelompok 3 kok! (Bagaimana sih, saya kelompok tiga kok!)

c. Subkategori Mencerca dengan Ejekan

Cercaan diwujudkan dalam nada bertekanan keras. Tuturan yang mengandung cercaan tersebut dapat menimbulkan rasa kesal dan marah mitra tuturnya. Berikut ini contoh tuturan tidak santun kategori memain-mainkan muka subkategori mencerca dengan ejekan.

X: Mishel... ala Mishelinglung.
Y: Heh, kamu tu rese!

d. Subkategori Meledak dengan Gurauan

Ketidaksantunan berbahasa kategori bermain-mainkan muka subkategori meledak biasanya memerantikan bentuk kebahasaan yang bernuansa jenaka. Dengan kejenakaan itu diharapkan mitra tutur berasa senang. Akan tetapi, kejenakaan yang digunakan untuk meledak seseorang dapat berubah menjadi ketidaksantunan jika konteks pertuturannya tidak tepat. Tuturan berikut perlu dicermati untuk memperjelas hal ini.

X: Harusnya memilih lagu yang lain, kenapa harus pop.
Y: Lho, ini kan lagu pop, Om.

e. Subkategori Meremehkan dengan Sinisme

Memain-mainkan muka dengan sinisme dapat dimaknai sebagai penyampaian tuturan yang sifatnya merendahkan atau mengejek lawan tutur bahkan penutur meragukan sifat kebaikan yang dimiliki mitra tuturnya (KBBI, 2008). Berikut ini contoh tuturan bermakna pragmatik bermain-mainkan muka subkategori meremehkan dengan sinisme.

X: Trus bagaimana yang tidak membawa buku?
Y: Di-reject aja, Bu.

f. Subkategori Menyakiti Perasaan dengan Keketusan

Memain-mainkan muka subkategori menyakiti perasaan dengan tuturan disampaikan dengan keras dan tajam atau lancang hingga dapat menyakitkan perasaan mitra tuturnya (KBBI, 2008). Berikut ini tuturan tuturan yang menggambarkan makna pragmatik tersebut.

X: Beliin soto ya?
Y: Gah! Males! ?

g. Subkategori Melawan dengan Penolakan

Ketidaksantunan bermain-mainkan muka dapat terjadi ketika seseorang menolak melakukan sesuatu, sedangkan sesungguhnya penolakan itu melanggar aturan atau norma. Dengan penolakan itu, seseorang akan merasakan dirinya dimain-mainkan mukanya apalagi jika dalam hubungan penutur-mitra tutur orang tersebut berkedudukan lebih tinggi seperti tampak pada contoh tuturan berikut.

X: Masuk!
Y: Engko-engko buk!

3. Kategori Melecehkan Muka

Melecehkan muka termasuk salah satu bentuk ketidaksantunan berbahasa yang mengandung ciri bahwa mitra tutur cenderung dibuat jengkel. Ciri lain perilaku melecehkan muka adalah adanya unsur sinis, sindiran, dan cercaan yang semuanya menunjuk pada perilaku menjengkelkan dan membingungkan orang lain. Ketidaksantunan kategori melecehkan muka dapat dirinci ke dalam subkategori berikut ini

a. Subkategori Mencela dengan Sinisme

Tuturan yang bernada sinis daripada seseorang kepada orang lain dapat melukai perasaan orang tersebut. Orang dapat berasa luka hatinya kerana harga dirinya dilecehkan dengan tuturan yang sinis. Tuturan berikut dapat dicermati lebih lanjut untuk memperjelas pernyataan ini.

X: "Rambutmu pantes, seperti itu?" (sambil melihat mahasiswa yang potongan rambutnya kurang pantas bagi calon guru)
Y: Hehehe.. iyaa buk.

b. Subkategori Mencerca dengan Ejekan

Ketidaksantunan melecehkan muka dengan cercaan merupakan salah satu kategori ketidaksantunan berbahasa yang menggunakan ejekan yang keras atau makian (KBBI, 2008). Bentuk cercaan dapat diwujudkan tuturan yang bernada keras dan bersifat langsung/direktif. Tuturan yang mengandung cercaan tersebut menimbulkan kejengkelan penutur ataupun mitra tuturnya. Berikut ini contoh tuturan yang mengandung makna pragmatik melecehkan muka subkategori mencerca dengan ejekan.

X: Pikiran kalian ini sudah teracuni oleh otak kalian sendiri. Saya belajar neurolinguistik, jadi tahu.
Y: Wah, tapi saya takut dan tidak percaya diri.
X: Pikiran kamu ini benar-benar sudah teracuni. Payah!

c. Subkategori Mengumpat dengan Kata-kata Kasar

Ketidaksantunan melecehkan muka subkategori mengumpat dengan kata kasar dinyatakan melalui bentuk kebahasaan yang menyatakan makna tabu, kotor, kejam, kasar, dan sebagainya. Kata umpatan tersebut disampaikan sebagai ungkapan kerana marah atau kecewa, atau sesuatu hal (KBBI, 2008:1526). Berikut ini contoh tuturan ketidaksantunan kategori melecehkan muka subkategori mengumpat dengan kata kasar.

X: Heh, *kowe ngopo neng kene?* (Hei, kamu kenapa di sini?)
Y: *Mejeng* (menjual tampang)
X: *Asu ki..* (Anjing ii..)

d. Subkategori Menyapa dengan Asosiasi

Ketidaksantunan melecehkan muka subkategori menyapa dengan asosiasi ditandai dengan

menggunakan referen yang berupa gambaran tentang sesuatu. Dalam contoh tuturan berikut, gambaran tentang sesuatu tersebut ialah bentuk ‘su’ yang merupakan kependekan daripada ‘asu’. Relasi yang akrab antara penutur dengan mitra tutur memungkinkan bentuk asosiatif seperti itu digunakan dalam berkomunikasi. Akan tetapi, penutur harus berhati-hati menggunakan bentuk asosiatif itu kerana apabila konteks tuturannya tidak tepat akan dapat dipandang sebagai sapaan yang justeru melecehkan muka mitra tutur. Dengan perkataan lain, makna pragmatik menyapa dengan asosiasi yang melecehkan muka dapat terjadi kerana penggunaan bentuk asosiatif yang konteksnya tidak tepat. Tuturan berikut dapat memperjelas pernyataan ini.

X: Heh, konco-koncoooo!! (Hai, teman-teman)

Y: Kowe ki ngopo su?? (Anjing, kamu itu kenapa?)

e. Subkategori Mengejek dengan Kependekan

Melecehkan muka juga dapat dilakukan dengan menggunakan bentuk pendek, baik yang berupa akronim mahupun singkatan. Perbezaan akronim dan singkatan ialah akronim melahirkan kata baharu, sedangkan singkatan tidak dapat melahirkan kata baharu. Bentuk kependekan yang digunakan untuk melecehkan muka itu biasanya memperlihatkan makna mengejek. Contoh tuturan berikut dapat dicermati untuk memperjelas hal ini.

X: “Ealah gondhes..gondhes.” (eh gondhes...gondhes)

Y: “Mbahmu..aku dudu gondhes yo.” (Sialan, aku bukan gondhes)

f. Melecehkan Muka Subkategori Memerintah dengan Kata Kasar

Makna pragmatik memerintah sangat berpotensi melecehkan mitra tuturnya apalagi kalau perintah itu diungkapkan dengan kata kasar seperti pada tuturan berikut.

X : Bisa apa,kekayaan menyelesaikan masalah saat saudara terkena gempa bumi? Saudara gak mikir..gak mikir! Percuma! Yang bisa selesaikan semua itu adalah Tuhan Yesus.

Y: Ya gak gitu juga pak, saya pikir. Kekayaan itu bisa menolong orang kog pak.

4. Kategori Mengancam Muka

Mengancam muka termasuk salah satu bentuk ketidaksantunan berbahasa yang mengandung ciri bahawa mitra tutur cenderung berasa dipojokkan, diancam, tidak diberi pilihan lain. Ciri lain perilaku mengancam muka adalah terdapat unsur ancaman, tekanan, paksaan, memojokkan, dan menjatuhkan. Dalam kaitan dengan konsep muka, tindakan mengancam muka dapat dibezakan menjadi dua, yakni mengancam muka positif dan mengancam muka negatif. Sebuah tindakan akan dikatakan mengancam muka positif kalau orang terganggu harga dirinya. Sebaliknya, sebuah tindakan akan dikatakan mengancam muka negatif kalau orang terganggu wilayah diri atau peribadi atau kebebasannya

Subkategori Melarang dengan Menakut-nakuti

Ketidaksantunan mengancam muka dengan menakut-nakuti merupakan bentuk kebahasaan yang sifatnya mengancam mitra tuturnya baik secara langsung maupun tidak langsung. Menakut-nakuti dalam hal ini berhubungan dengan wujud tuturan yang bertujuan membuat mitra tuturnya menjadi takut, khawatir, atau gelisah akan sesuatu (KBBI, 2008:1382). Berikut ini contoh mengancam muka subkategori melarang dengan menakut-nakuti.

X: Ini, RPP tanpa konsultasi, jadi nanti kalau hancur lebur, saya tidak tahu.

Y: Hehe..

a. Subkategori Menyuruh dengan Ungkapan Kasar

Seseorang akan terganggu kebebasan atau kemerdekaannya ketika disuruh oleh pihak lain untuk melakukan sesuatu. Dalam konteks ketidaksantunan berbahasa tindakan menyuruh demikian itu digolongkan sebagai tindakan yang tidak santun, apalagi suruhan itu diungkapkan dengan ungkapan kasar. Tuturan berikut memperjelas hal ini.

X: Wis to, lek njepat seko kene! (Sudahlah, ayo cepat pergi dari sini!)

Y: Ah, ngopo koweki nyusu-nyusu. (Kamu kenapa? Kok terburu-buru)

b. Subkategori Menghindar dengan Umpatan

Tindakan menghindar untuk melakukan sesuatu yang seharusnya dikerjakan sangat sering terjadi dalam masyarakat. Orang memang cenderung akan melakukan sesuatu sesuai dengan kebebasannya dalam menjalankan sesuatu tersebut. Akan tetapi, dalam praktik bertutur sapa dengan masyarakat, kadangkala orang harus mengorbankan kebebasannya lalu bekerja untuk pihak lain. Ketidaksantunan dengan kategori mengancam muka terjadi apabila orang bersikukuh kepada kebebasan untuk melakukan sesuatu seperti pada contoh tuturan berikut.

X: Bu, bu, ini lho masih makan di sini.

Y: Opo to kowe? Bajingan ik! (Kenapa sih kamu? Dasar bajingan!)

c. Subkategori Memperingatkan dengan Ungkapan Eksklamatif

Ketidaksantunan mengancam muka subkategori memperingatkan dengan ungkapan eksklamatif ditandai dengan bentuk tuturan yang menunjukkan makna emotif seperti 'ssst, hah, ohh'. Bentuk kebahasaan itu lazimnya muncul untuk menunjukkan maksud eksklamasi. Jika dikategorikan menurut kategori katanya bentuk kebahasaan seperti itu termasuk dalam kategori fatis. Tuturan berikut dapat dicermati lebih lanjut untuk memperjelas pernyataan ini.

X: Heh, ssttt...

Y: Ngopo kowe ki sat sut sat sut... (Kamu itu kenapa sat sut sat sut)

d. Subkategori Menolak dengan Ungkapan Eksklamatif

Ketidaksantunan mengancam muka subkategori menolak memiliki maksud bahawa tuturan yang disampaikan dapat membuat seseorang berasa terdesak atau diperlakukan dengan paksaan untuk bertindak sesuatu (KBBI, 2008). Makna pragmatik menolak dapat dilakukan dengan sejumlah cara, antaranya dengan menggunakan ungkapan eksklamatif seperti 'hasyah, ah', pada tuturan tuturan berikut.

X: Sekarang kalian berkelompok seperti kemarin.

Y: Hasyah, males banget buk!

e. Subkategori Menegur dengan Ejekan

Ketidaksantunan mengancam muka subkategori menegur dengan ejekan ditandai dengan tuturan yang bernada mempersoalkan sesuatu yang seharusnya mampu dikerjakan oleh mitra tutur. Akan tetapi, mitra tutur tidak melakukannya sehingga ketika penutur mempertanyakan atau mempersoalkan, makna pragmatik menegur dengan ejekan itu menjadi nyata. Pada tuturan berikut makna pragmatik tersebut dapat dicermati lebih lanjut.

X: Kalian sudah besar, bikin kelompok gini saja tidak bisa!

Y: Hah, ibuk ki. (Ah, ibu ini)

f. Subkategori Memperingatkan dengan Ungkapan Kasar

Ketidaksantunan berbahasa kategori mengancam muka untuk maksud memperingatkan seseorang sangat lazim diungkapkan dengan kata kasar kerana yang diperantikan ialah ungkapan kasar, tidak aneh kalau kemudian mitra tutur berasa sakit hatinya. Jika seseorang berasa sakit hatinya, maka dengan sendirinya harga diri orang tersebut terusik. Contoh tuturan berikut perlu dicermati lebih lanjut untuk memperjelas pernyataan ini.

X: Jangan lupa konsultasi, jangan sok jadi jagoan neon.

Y: ya, Bu.

5. Kategori Menghilangkan Muka

Menghilangkan muka termasuk salah satu bentuk ketidaksantunan berbahasa yang mengandung ciri bahawa mitra tutur cenderung berasa dipermalukan secara berlebihan dan dicoreng mukanya di depan banyak orang. Ciri lain daripada perilaku menghilangkan muka

adalah terdapat unsur marah, keras/kasar, tercela, sindiran/ejekan yang sangat memalukan. Mitra tutur cenderung berasa luka hatinya, sakit hatinya, dan dapat berakibat dendam.

a. Subkategori Menyuruh dengan Cercaan

Ketidaksantunan kategori menghilangkan muka ditandai dengan penggunaan ungkapan yang adanya pengeseran makna untuk mempermalukan mitra tutur. Mitra tutur menjadi hilang mukanya kerana ungkapan memalukan tersebut lazimnya disampaikan banyak orang. Pada tuturan berikut, mahasiswa hilang mukanya kerana dosen menyampaikan tuturan bernada memalukan itu di depan mahasiswa lainnya. Perasaan hilang mukanya itu sangat dirasakan oleh mahasiswa, terutama dengan ungkapan 'Ya ampuunnn'. Implikasi daripada tuturan itu ialah harapan bahawa semestinya ungkapan memalukan tidak disampaikan kepadanya oleh seorang dosen. Berkaitan dengan ini, pembaca dimohon mencermati tuturan berikut.

X: Kamu itu cara nulisnya terpengaruh sama konsep bahasa Jawa!

Y: Oh, iya ya buk? Ya ampuunnnn...

b. Subkategori Memperingatkan dengan Sindiran

Ketidaksantunan menghilangkan muka dapat dimunculkan dengan pemerantian sindiran. Masyarakat yang berbudaya tinggi sangat lazim menyampaikan maksud melalui ungkapan yang tidak langsung. Orang juga mengatakan bahawa hantam kanan untuk menghantam sisi kiri. Akan tetapi, jika maksud menyindir seperti yang diungkapkan yang di atas itu tidak tepat konteksnya, yang terjadi ialah ketidaksantunan seperti yang dapat dilihat pada tuturan tuturan berikut.

X : Ba'da subuh, tidur. Bangun nanti jam 10.00 pagi, ngopi, yang dibaca koran, sampai dzuhur masih angop terus gitu ya. Kemudian nanti dzuhur nonton tv, ya, bukan pergi ke masjid. Ini perilaku-perilaku yang tidak mensyukuri. Malam hari ba'da isya' nonton bola sampai jam 03.00 pagi. Akhirnya subuhnya kesiangan, ya, perilaku-perilaku yang tidak mensyukuri kehidupan. Akhirnya orang ini hidup dalam kesengsaraan, kemelaratan.

c. Subkategori Memperingatkan dengan Analogi Negatif

Pada tuturan berikut, makna pragmatik memperingatkan dengan analogi negatif ditemukan daripada tuturan autentik dalam ranah agama. Dengan analogi negatif itu maksud memperingatkan sepertinya cukup efektif digunakan oleh pemuka agama kepada umatnya. Akan tetapi, tuturan berikut berpotensi tidak santun dalam kategori menghilangkan muka.

X : Lihat, orang-orang yang diuji Allah untuk menjadi pekerja-pekerja keras. Saya teringat bu, kerana di kampung kami kemarin ada penambangan pasir liar. Itu sopir-sopir truk antri dari malam sampai pagi, sampai sore, sampai maghrib. Subuh, dzuhur, ashar, maghrib tidak dilalui dengan ibadah. Teruuus mereka bekerja, padahal berapa yang mereka dapatkan.

d. Subkategori Memperingatkan dengan Perumpamaan Hiperbola

Dalam ranah agama, sering ditemukan seorang pemuka agama menyampaikan maksud memperingatkan umatnya dengan menggunakan hiperbola. Dengan cara demikian itu, kemampuan menyatakan suatu yang lucu atau humor kadangkala muncul dan membuat tertawa seluruh umat. Akan tetapi, makna pragmatik yang disampaikan dengan cara demikian itu dalam konteks tertentu dapat menghilangkan muka umatnya kerana sekalipun lucu tuturan itu bermakna memperingatkan, yang membatasi kebebasan seseorang untuk bertindak. Tuturan berikut dapat dicermati untuk memperjelas pernyataan ini.

X : “Lha kalau berdua sama nenek-nenek tua, peyot, sakit-sakitan, korengan. Bukan nenek kita lagi, ya. Kemana-mana dia minta gendong kita terus, kira-kira senep nggak itu tinggal berdua di hutan, ya. Bagaimana di alam barzah, kata Rasulullah nanti kalau amal sholehnya itu buruk, amal kejahatannya lebih banyak maka dia seperti ditemani dengan seorang nenek tua, yang dari kulitnya keluar nanah, darah, penyakit, yang dia minta gendong kita kemana pun kita pergi. Maka betapa tersiksanya mereka yang tidak setia menjaga amal sholehnya.”

e. Subkategori Memperingatkan dengan Gurauan

Bergurau tidak selalu menghasilkan hal positif dalam pertuturan sapaan. Memperingatkan dengan gurauan kadangkala membuat mitra tutur malu lalu mereka berasa malu hilanglah citra diri daripada mitra tutur itu, apalagi tutur sapa itu terjadi dalam wahana keagamaan, seperti tuturan berikut.

X : Ketika sudah *nge-top* penuh kemuliaan, tash, berhenti. Ngga lalu, teng-teng-teng-teng-teng-teng-teng, *rodo* turun, nggak.

f. Subkategori Memperingatkan dengan Mengejek

Ejekan selalu berpotensi mengganggu citra diri seseorang. Apalagi ejekan itu digunakan untuk memperingatkan seseorang. Pada tuturan berikut, terdapat makna pragmatik memperingatkan dengan ejekan. Ejekan itu disampaikan dengan nada humor, tetapi tetap sahaja ejekan itu menghilangkan muka mitra tutur.

X: “Bapak/Ibu dengar bacaan pertama tadi. Jumeneng kok dibaca jengking.” Bisa baca ndak ya? Wah nek koyo ngene le moco kitab suci iso kliru kabeh umate le ngerti, injeh boten Bapak/Ibu?

Y: Romo, kan ngak ada persiapan jadi dimaklumi ya hehehe..
(senyum-senyum malu kerana salah)

X: Yo, tak maklumi. Sesuk kleru meneh sing okeh yo.. (tertawa)

g. Subkategori Memerintah dengan Sindiran

Tindakan memerintah juga dapat menghilangkan muka mitra tutur. Dikatakan hilang mukanya kerana dengan perintah itu, seseorang terkurangi kebebasan atau kemerdekaan dirinya untuk melakukan sesuatu yang sesuai dengan kehendaknya. Alih-alih melakukan sesuatu yang sesuai dengan kemerdekaan hatinya, dia harus mengikuti perintah yang disampaikan penutur. Oleh sebab itu, tindakan yang demikian dikategorikan sebagai tidak santun. Apalagi tindakan yang tidak santun dengan memerintah itu diungkapkan dalam wujud sindiran. Tuturan berikut memperjelas pernyataan ini.

X : Yang Allah beri kemudahan, kemudahan rejeki, kemudahan hati, kerana ada orang yang tipenya jane kantongnya longgar tapi hatinya sempit, gitu lho.

h. Subkategori Memerintah dengan Analogi Negatif

Berbeda dengan subkategori memerintah dengan sindiran yang dipaparkan di atas, subkategori memerintah dengan analogi negatif menggunakan perbandingan dengan sesuatu yang berciri sama. Kerana sifatnya negatif, perbandingan itu menunjukkan dimensi negatifnya pula. Pemerantian analogi negatif untuk memerintah seseorang dalam ranah apapun akan dapat menghilangkan muka kerana yang bersangkutan pasti berasa malu dan hilang mukanya seperti tuturan berikut.

X : Tetapi ada di antara umat Islam yang diuji dengan kesulitan, himpitan ekonomi dan sebagainya sehingga jangankan untuk menyempatkan pengajian, sholat pun nampaknya dikejar-kejar. Lihat! Maaf, sholatnya sopir-sopir itu bu, mirip seperti waktu nyopir, ngebut. Nggak sempat dzikir, gerakannya seperti ayam mematak, ya. Sholat dzuhur dua menit, ya, nggak ada tu maknanya sama sekali. Kenapa? kerana sudah ditunggu sama bos, nggak sempat dia beribadah.

i. Subkategori Memerintah dengan Ilustrasi

Sekalipun ilustrasi digunakan oleh seseorang dalam menyampaikan maksud memerintah, tetap sahaja tuturan demikian itu mengandung makna ketidaksantunan. Alasannya, perintah yang disampaikan seseorang selalu bermakna membatasi kebebasan atau kemerdekaan seseorang untuk melakukan tindakan yang sesuai dengan kehendak hatinya kerana kemerdekaan itu terbatas oleh perintah tersebut, tuturan demikian itu menghilangkan 'muka' seseorang. Tuturan berikut dapat dipertimbangkan dalam kaitan dengan hal ini.

X : Ya udah Pak ustaz saya bayar penuh. Wah gimana biarin saya hidup agak sengsara yang penting pahala anak saya nggak diambil orang. Gitu Pak, ya. Akhirnya dia usahakan itu gimana caranya, konsultasi sama istrinya. "Mi, kita harus selamatkan anak kita jangan sampai dijual sama donatur."

j. Subkategori Memerintah dengan Sindiran Cerdas

Seorang ustaz dalam berkhotbah sangat sering menggunakan sindiran cerdas untuk maksud memerintah umatnya. Akan tetapi, sering dilupakan bahawa sindiran cerdas itu berpotensi memunculkan maksud tidak santun, apalagi kalau konteks tuturannya tidak tepat. Dalam contoh tuturan berikut, sang ustaz menggunakan sindiran cerdas itu dalam menyampaikan maksud memerintah dan umat sepertinya merasakan adanya makna yang tidak santun itu.

X : Waktu sholat mungkin masih dijalan. Kalau ke mall bawanya jutaan, ke masjid isinya pedang sama apa itu. . . e blangkon gitu kan ya. Tapi kalau ke mall isinya peci sama kopiah gitu ya, kalau nggak Sudirman ya Soekarno Hatta, ya. Padahal Rasul melarang kita bawa pedang ke masjid, ya. Ya Pak ya? Iya. Ke masjid itu bawanya peci harusnya gitu lho. Tapi kotak amal kita kebanyakan isinya pedang sama blangkon gitu, seharusnya isinya adalah peci, seratusan, lima puluh ribuan.

j. Subkategori Memerintah dengan Nada Kasar

Memerintah dengan nada kasar seharusnya dihindari oleh seorang pemuka agama ketika berbicara ketika berbicara dengan umatnya. Memberikan perintah dengan nada kasar akan dapat menghilangkan muka umatnya. Tuturan berikut perlu dicermati untuk memperjelas hal ini.

X: Nih lihat, yang saya kasih garis merah. Filipi itu ada di Eropa. Ini Asia, Asia kecil, Asia minor, zaman dulu namanya begitu, sekarang namanya Turki dan Filipi itu ada di sini sekarang ini wilayah Yunani, ya.

• Subkategori Mengajak dengan Paparan/Illustrasi Cerita

Tuturan berikut memiliki subkategori mengajak dan ajakan itu diwujudkan dalam bentuk paparan yang panjang lebar disampaikan oleh seorang pimpinan agama kepada umatnya. Dalam ranah agama, sudah bukan rahsia lagi bahawa pemimpin umat biasa berbicara berpanjang-panjang untuk mengajak umatnya melakukan sesuatu. Akan tetapi, ajakan yang disampaikan dengan tuturan panjang itu berpotensi menghilangkan muka umatnya kerana muka mitra tutur hilang maka dengan sendirinya, tuturan demikian itu harus dianggap sebagai tuturan yang tidak santun, seperti pada tuturan berikut.

X : Makanya tuntutananya bukan masalah kita mengetahui takdir atau tidak, ya, kerana sekali lagi kematian, kesehatan, lapar, pintar. Pintar bodoh sudah takdir belum itu? Takdir tho, apa kemudian kayaknya takdir saya bodoh ini, jadi buat apa saya ngaji ya kalau memang takdirnya bodoh. Apa kemudian cara berpikrnya begitu? Ya nggak, walaupun bodoh ya tetap ngaji, walaupun nggak bisa ya tetap datang, kan begitu ya.

l. Subkategori Menghina dengan Cercaan

Dalam konteks pragmatik, tuturan yang mencerca di depan banyak orang termasuk dalam

kategori ketidaksantunan menghilangkan muka. Dalam konteks ini, mitra tutur berasa dipermalukan secara berlebihan dan dicoreng mukanya di depan banyak orang (lebih daripada dua orang).

X: Kalau mereka tidak tahu mengenai billiard berarti mereka kampungan karena orang Filipina familiar dengan billiard.

Y: Ahh.. gitu amat.

IMPLIKASI

Implikasi daripada penelitian ini ialah bahawa ternyata banyak wujudnya makna pragmatik ketidaksantunan dalam basis budaya Indonesia. Banyaknya wujud makna pragmatik ketidaksantunan berbahasa dalam bahasa Indonesia tersebut menegaskan bahawa kaedah ketidaksantunan berbahasa yang hadir daripada teori barat, tidak selalu sama manifestasinya jika diterapkan pada bahasa dalam budaya spesifik. Dengan perkataan lain, kajian sosiopragmatik terhadap fenomena pragmatik yang selama ini telah dipandang mapan kerana didasarkan pada data bahasa barat, sangat perlu untuk dikaji kembali dan direinterpretasikan lebih lanjut demi perkembangan ilmu bahasa, khususnya dalam dimensi pragmatiknya.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan perlu ditegaskan bahawa kewujudan makna pragmatik ketidaksantunan berbahasa dalam basis budaya Indonesia yang terbahagi ke dalam lima kategori ternyata dapat dirincikan lebih lanjut ke dalam subkategori. Perincian subkategori ketidaksantunan dalam berbahasa itulah manifestasi daripada studi ketidaksantunan berbahasa dalam basis budaya Indonesia. Dengan basis budaya tertentu, misalnya sahaja budaya Malaysia, akan sangat dimungkinkan manifestasi makna pragmatik ketidaksantunan berbahasa itu akan menjadi sangat berbeza. Variasi maknanya pun dimungkinkan juga akan menjadi sangat bermacam-macam.

BIBLIOGRAFI

- Allan, Keith. 1986. *Linguistic Meaning*. New York: Routledge & Kegan Paul Inc.
- Blum-Kulka, Shoshana. 1987. Indirectness and politeness in requests: Same or different? *Journal of Pragmatics*, 11, 131-146.
- Bousfield, Derek. (2008). *Impoliteness in Interaction*. Philadelphia: John Benjamins.
- Culpeper, J. (2008). "Reflection on Impoliteness, Relational Work, and Power" in Bousfield, Derek, and Locher, Miriam A. (ed). M(2008). *Impoliteness in Language: Studies on its Interplay with Power in Theory and Practice*. Berlin: Mouton de Gruyter
- Grice, H.P. (1975). *Logic and Conversation, Syntax and Semantic, Speech Act*, 3, New York: Academic Press.
- Grundy, Peter. (2000). *Doing Pragmatics*. London: Arnold.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI)*. (2008). Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, Republik Indonesia.

- Leech, Geoffrey N. (1983). *Principles of Pragmatics*. London: Longman.
- _____. (1993). *Prinsip-Prinsip Pragmatik* (diterjemahkan oleh M.D.D. Oka dan Setyadi Setyapranata). Jakarta: Penerbit Universitas Indonesia.
- Levinson, Stephen C. 1983. *Pragmatics*. London: Cambridge University Press.
- Locher, Miriam A., (2008). *Introduction: Impoliteness and Power in Language: Studies on its Interplay with Power in Theory and Practice*. New York: Mouton de Gruyter
- Mahsun. (2005). *Metode Penulisan Bahasa: Tahapan Strategi, metode, dan tekniknya*. Jakarta: Rajawali Pers.
- Mey, Jacob L. (1994). *Pragmatics, An Introduction*. Massachusetts: Basil Blackwell Inc.
- Morris, Charles W. 1938. 'Foundations of the theory of Signs', dalam O. Neurath, R. Carnap dan C. Morris (Eds.) *International Encyclopedia of United Science*. Chicago: University of Chicago Press.
- Nadar, F.X. (2009). *Pragmatik dan Penelitian Pragmatik*. Yogyakarta. Graha Ilmu.
- Parker, Frank. (1986). *Linguistics for Non Linguists*. London: Taylor and Francis Ltd.
- Rahardi, Kunjana. (2004). *Berkenalan dengan Ilmu Bahasa Pragmatik*. Malang: Dioma
- Rahardi, Kunjana. (2006). *Pragmatik: Kesantunan Imperatif Bahasa Indonesia*. Jakarta: Erlangga.
- Rahardi, Kunjana. (2009). *Sosio pragmatik*. Jakarta: Erlangga.
- Sperber, Dan dan Deirde Wilson. 1986. *Relevance: Communication and Cognition*. Oxford: Basil Blackwell Ltd.
- Stalnaker, R.C. 1973. 'Pragmatic Presupposition'. In Munitz, M.K. & D.K. Unger (Eds.) *Semantics and Philosophy*. New York: New York University Press.
- Terkourafi, Marina. (2008). "Towards a Unified Theory of Politeness, Impoliteness, and Rudeness" in Bousfield, Derek, and Locher, Miriam A. (ed). (2008). *Impoliteness in Language: Studies on its Interplay with Power in Theory and Practice*. Berlin: Mouton de Gruyter
- Thomas, Jenny. (1983). 'Cross-cultural Pragmatics Failure'. *Applied Linguistics*, 4, 2. PP. 91—112.
- Verschueren, Jeff. (2009). *Understanding Pragmatics*. London: Arnold.
- Wierzbicka, Anna. (1991). *Cross-Cultural Pragmatics, The Semantics of Human Interaction*. Berlin: Walter de Gruyter.

UCAPAN TERIMA KASIH

Penulis mengucapkan terima kasih kepada DP2M DIKTI, KEMENRISTEK, yang telah membiayai penelitian ini dalam Skim Hibah Kompetensi dari tahun 2013 s.d. 2015.

BIODATA PENULIS



Dr. R. Kunjana Rahardi, M., Hum., lahir di Yogyakarta pada 13 Oktober 1966. Dosen Program Studi Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia (PBSI), FKIP, Universitas Sanata Dharma Yogyakarta dengan Jabatan Akademik Lektor Kepala. Ia lulus dari program doktor Universitas Gadjah Mada Yogyakarta dalam bidang Ilmu Bahasa/Linguistik pada tahun 1999. Buku-buku teks yang telah diterbitkan di antaranya: *Pragmatik: Kesantunan Imperatif dalam Bahasa Indonesia* (Penerbit Erlangga Jakarta, 2006), *Asyik Berbahasa Jurnalistik: Kalimat Jurnalistik dan Temali Masalahnya* (Penerbit Santusta Yogyakarta, 2006), *Paragraf Jurnalistik: Menyusun Alinea Bernilai Rasa dalam Bahasa Laras Media* (Penerbit Santusta Yogyakarta, 2006), *Dasar-dasar Bahasa Penyuntingan Media* [Penerbit Gramata Jakarta, 2009], *Penyuntingan Bahasa Indonesia untuk Karang-mengarang* [Penerbit Erlangga Jakarta, 2009], *Sosiopragmatik* [Penerbit Erlangga Jakarta, 2009] *Kajian Sociolinguistik ihwal Kode dan Alih Kode (revised edition)* (Penerbit Ghalia Indonesia, Jakarta, 2010), *Bahasa Indonesia Perguruan Tinggi: Mata Kuliah Pengembangan Kepribadian* (Penerbit Erlangga Jakarta, 2010), *Bahasa Jurnalistik: Pedoman Kebahasaan untuk Mahasiswa, Jurnalis, dan Umum* (Penerbit Ghalia Indonesia, Jakarta, 2010), *Menulis Artikel Opini dan Kolom di Media Massa* (Penerbit Erlangga Jakarta, 2012), *Pragmatik: Fenomena Ketidaksantunan Berbahasa* (Penerbit Keppel Yogyakarta, 2015).

Pendekatan Semantik Ranah Dalam Analisis Makna Leksis Bahasa Sukuan “Lansaran” Dalam Korpus Bahasa Melayu

Effendy Yusuff, Anida Sarudin* dan Norliza Jamaluddin

Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris

ABSTRAK

Penyelidikan ini dilaksanakan untuk mengkaji pengekalan penggunaan lexis bahasa sukuan peribumi Sabah dalam korpus bahasa Melayu. Sumber data yang dimanfaatkan adalah daripada data korpus bahasa Melayu yang dibangunkan sendiri oleh penyelidik. Data korpus tersebut terdiri daripada enam buah novel yang berlatarkan masyarakat peribumi Sabah, iaitu novel *Bagaton* dan *Mariga* karya Amil Jaya, manakala novel *Dukanya Abadi*, *Kukui*, *Dari Dalam Cermin*, dan *Debur Menerpa* karya Azmah Nordin. Sebanyak 465 leksikal bahasa sukuan telah dikenal pasti digunakan secara bersama-sama dengan bahasa Melayu dalam data korpus. Berdasarkan angka tersebut, kekerapan penggunaan leksikal yang tertinggi ialah sebanyak 130 bilangan kekerapan, iaitu lexis *lansaran*. Analisis dijalankan menggunakan teori semantik ranah (*frame semantics*) yang dipelopori oleh Charles Fillmore (1982). Dapatan kajian awal menunjukkan bahawa pendekatan berteori linguistik, khususnya semantik kognitif dapat memerihalkan gelagat semantik lexis bahasa sukuan dalam korpus bahasa Melayu. Seterusnya, menyelogkar makna yang cuba digambarkan untuk membawa konsep masyarakat penutur di sebalik penggunaan lexis tersebut. Pendeskripsian yang dilakukan diharap dapat menjelaskan fungsi kewujudan dan kewajaran setiap lexis disebabkan motivasi, potensi dan reputasi lexis tersebut.

Kata kunci: *leksis, data korpus, bahasa sukuan, semantik ranah*

Frame Semantics Approach in the Analysis of Lexis Meaning Ethnic Languages “Lansaran” in the Malay Language Corpus

ABSTRACT

This study was conducted to discover the usage sustainability of Sabah ethnic language lexis in the Malay Language corpus. The data source used was of the Malay Language corpus developed by the researcher himself using Antconc 3.4.3w Software. The corpus data comprised six novels with the background of the Sabah indigenous society which include the novels Bagaton and Mariga by Amil Jaya, as well as the novels Dukanya Abadi, Kukui, Dari

INFO MAKALAH

Pewasitan Makalah:

Dihantar: -

Diterima: -

E-mel:

ffendyyusuff@yahoo.com.my (Effendy Yusuff)

anida@fbk.upsi.edu.my (Anida Sarudin)

norliza@fbk.upsi.edu.my (Norliza Jamaluddin)

*Penulis Penghubung

Dalam Cermin, and Debur Menerpa by Azmah Nordin. Altogether, there were 465 ethnic language lexis which had been identified to be used together with the Malay Language in the corpus data. Based on these figures, the highest frequency of use lexis frequency is about 130 the number of lexis "lansaran". The analysis was executed using the frame semantics theory postulated by Charles Fillmore (1982). Early research findings show that the linguistically based approach, specially the cognitive semantics, may explain the lexis semantics of the ethnic language within the Malay Language corpus. The findings further portray the meanings illustrated to highlight the users' societal concepts underlying the usage of such lexical. The descriptions may help explain that the existence and the usability of the lexical are due to motivation, potential and reputation of the lexis itself.

Keywords: lexis, corpus data, ethnic language, frame semantics

PENGENALAN

Bahasa terdiri daripada satu sistem yang beroperasi secara teratur yang dalamnya terkandung pelbagai unsur yang saling berhubungan secara fungsional untuk membentuk keseluruhan makna. Ini menunjukkan bahawa bentuk bahasa tersebut begitu kompleks dengan mengandungi pola dan peraturan tertentu. Bahasa sebagai medium penyampai tentulah memiliki masyarakat penuturnya. Apabila menyentuh tentang penutur, pastinya ada komuniti atau kumpulan yang saling berkomunikasi, menyampaikan idea, berhubungan dan berkongsi kefahaman tentang bahasa tersebut. Perhubungan anggota masyarakat ini banyak dipengaruhi oleh persekitaran yang melingkari kehidupan mereka. Dalam hal ini, tidak dapat tidak, soal budaya akan turut terangkum.

Apabila membicarakan antara bahasa dengan budaya, Wan Abdul Kadir (2005) mengatakan bahawa hubungan budaya dan bahasa ini saling lengkap-melengkapi. Terdapat hubungan yang amat erat antara pemikiran, bahasa dan budaya yang mempengaruhi pola pemikiran masyarakat. Slobin (1996), Zaitul Azma dan Ahmad Fuad (2011) menjelaskan bahawa hubungan ini sebagai pola-pola pemikiran manusia itu sebenarnya dipengaruhi oleh bahasa pertama dan budaya setempat. Hal ini bermaksud cara penutur itu berfikir dapat digambarkan melalui perkataan yang digunakan dalam kehidupan harian.

Keunikan bahasa yang berfungsi sebagai jambatan penghubung antara penutur memperlihatkan bahawa perkongsian idea tersebut dapat menggambarkan telah berlaku saling faham memahami atas setiap butir kata yang digunakan. Ini menyerlahkan bahawa konsep makna bahasa secara lahiriah oleh sesuatu kelompok masyarakat dikongsi bersama-sama anggota penutur. Keadaan ini menggambarkan bahawa bahasa dalam suatu kelompok masyarakat itu dapat dilihat dari sudut makna kognitif. Dalam hal ini, Norsimah (2003) menjelaskan bahawa kajian bahasa yang berpandukan teori kognitif bukan sahaja melibatkan bahasa tetapi juga bidang lain seperti kognisi, sosial, budaya dan lain-lain. Ini membuktikan bahawa dalam bidang kognitif, unsur budaya yang melingkari cara hidup penutur dapat ditelusuri lagi kerana wujud sistem yang beroperasi mengawal selianya.

Sementara itu, Hajar (2005) membuktikan bahawa satu daripada aspek bahasa, iaitu lexis mampu digunakan untuk meneropong budaya. Beliau menjelaskan bahawa bidang linguistik boleh digunakan untuk menyelidik potensi sesuatu lexis tersebut, khususnya

sebagai sumber penerokaan bidang sosiologi. Justeru, pemakaian bahasa yang kerap dan bersifat semula jadi boleh dijadikan sumber untuk meneroka budaya masyarakat tersebut. Dalam hal ini, Stubbs (1996) mengatakan bahawa ekspresi bahasa yang kerap merupakan bersifat empirikal boleh diselongkar, khususnya melihat jelmaan budaya tersebut melalui pemakaian leksis. Ketepatan takrif makna sesuatu kata berhubung kait dengan kebudayaan sesuatu masyarakat. Hal ini terjadi kerana bahasa itu bukan sahaja merupakan hasil budaya, bahkan merupakan medium penyampai kebudayaan masyarakat berkenaan. Puteri Roslina (2012) pula menjelaskan bahawa setiap bahasa di dunia mempunyai khazanah perbendaharaan kata yang terbentuk berdasarkan keperluan persekitaran dan budaya mereka.

PERMASALAHAN KAJIAN

Perbincangan tentang kajian bahasa dan budaya sering kali dilihat dari sudut antropologi, sosiologi, falsafah dan sastera. Kajian tentang perkaitan antara antropologi dan bahasa banyak menyentuh tentang pemikiran masyarakat. Namun, penerokaan bidang bahasa, khususnya disiplin semantik untuk melihat gelagat bahasa dalam budaya masih kurang dilakukan. Adapun kajian yang dilakukan tidak memfokuskan kesalinghubungan antara unit-unit dalam bahasa tersebut dengan konsep keseluruhan makna yang disampaikan oleh sesuatu masyarakat. Dalam hal ini, kajian yang sekadar memerikan hubungan antara bahasa pemikiran masyarakat seperti kajian Puteri Roslina (1994), Hajar Abd Rahim (2005), Intan Safinaz dan Nor Zakiah (2008), dan Saidatul Nornis dan Mohd. Rasdi (2013). Kajian yang dilakukan tersebut didapati masih belum dapat menjelaskan mekanisme yang berlaku mengapa sesuatu leksis itu dipilih.

Sementara itu, kajian Khazriyati Salehuddin (2000a, 2000b, 2003, 2009), Salinah Jaafar (2005), Imran Ho (2011), Zaitul Azma Zainon dan Ahmad Fuad (2011), dan Rogayah Osman (2010) memperlihatkan penerapan teori dalam kajian mereka. Penjelasan tentang perilaku leksikal dilakukan dengan menggunakan teori linguistik dengan lebih sistematik dan berpada. Namun demikian, kajian ini terbatas pada data idiom sahaja dan kurang meneroka kepada bentuk leksikal biasa. Hakikatnya, dalam kehidupan seharian pada hari ini, masyarakat kurang menggunakan idiom dalam interaksi sosial. Justeru, perlu juga penelitian dilakukan kepada leksikal yang biasa digunakan dalam kehidupan harian masyarakat.

Seterusnya, terdapat juga beberapa kajian yang memberikan fokus kepada leksikal. Kajian leksikologi melibatkan kajian yang dilakukan ke atas gelagat leksis. Kajian yang memberikan fokus kepada leksis dengan menggunakan pendekatan semantik ranah adalah seperti kajian Rusmadi (2005, 2009), Intan Safinaz (2011, 2013), Intan Safinaz, Nor Hashimah dan Imran Ho (2012, 2014), dan Rusmadi, Nor Hashimah dan Imran Ho (2013). Hal ini amat bersesuaian dengan kajian ini, iaitu menyelongkar gelagat leksis dalam korpus. Namun demikian, kajian tersebut tidak memperdalam perbincangan tentang mekanisme pembentukan ranah tetapi sebaliknya ada kajian hanya mengeksploitasi ranah daripada bahasa kedua untuk dipetakan kepada bahasa sasaran. Kelompangan dari aspek ulasan kritis diberi perhatian dalam kajian ini, khususnya mekanisme pembentukan ranah yang seterusnya mendukung konsep kesejagatan penutur.

Berpandukan beberapa kajian lepas, kajian ini merupakan satu lagi lorong untuk meneroka fenomena bahasa. Dalam hal ini, data korpus yang digunakan dalam kajian ini memperlihatkan satu keunikan apabila fenomena kehadiran yang begitu aktif beberapa leksis bahasa sukuan dalam korpus bahasa Melayu. Situasi ini sesuatu yang menarik untuk diselongkar, khususnya apabila melihat bahawa kewujudan bentuk leksis bahasa sukuan yang digunakan secara bersama-sama dalam korpus bahasa Melayu seolah-olah begitu selesa. Berdasarkan data tersebut, timbul persoalan mengapakah berlaku pengekalan leksis bahasa sukuan dalam korpus bahasa Melayu? Apakah terdapat satu sistem (dalam konteks kajian ini ialah sistem semantik kognitif) yang mengawalinya. Justeru, menerusi kajian ini gelagat leksis bahasa sukuan dalam korpus bahasa Melayu akan diselidik untuk membuktikan bahawa terdapatnya unsur motivasi linguistik, khususnya semantik kognitif terhadap pemakaian beberapa leksis bahasa sukuan.

OBJEKTIF KAJIAN

Penelitian leksis bahasa sukuan dalam data korpus bahasa Melayu dilaksanakan untuk menjelaskan bahawa bagaimanakah leksis bahasa sukuan itu dapat hadir bersama-sama dalam korpus bahasa Melayu. Justeru, objektif kajian ini adalah seperti yang berikut:

- i) Menganalisis perkaitan leksis bahasa sukuan *lansaran* dengan leksis bahasa Melayu dalam korpus bahasa Melayu.
- ii) Mendeskripsikan penggunaan leksis bahasa sukuan *lansaran* dalam data korpus bahasa Melayu dengan menggunakan pendekatan Semantik Ranah.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini dapat memberikan maklumat tentang hubungan antara leksis bahasa sukuan dengan bahasa Melayu. Di samping itu, kajian ini akan membincangkan isu pengekalan leksis bahasa sukuan dalam korpus bahasa Melayu melalui disiplin semantik ranah dengan lebih jelas.

KERANGKA TEORI

Konsep yang mendukung satu idea, fikiran, pandangan dalam bentuk yang abstrak adalah sukar untuk diterangkan. Sesungguhnya, operasi mental yang berlaku ialah sesuatu yang unik dan sifatnya teratur (Imran Ho, 2000). Konsep dalam minda itu terbina secara bersistem dan saling berkaitan antara satu item dengan item yang lain. Justeru, kajian ini menggunakan teori *Frame Semantik* (dalam kajian ini penyelidik akan menggunakan istilah Semantik Ranah seperti yang digunakan oleh Rusmadi Baharuddin, 2009) yang dipelopori oleh Charles Fillmore (1982).

Idea berkenaan *frame semantic* dimulakan oleh Fillmore pada 1975. Beliau menggunakan makna ranah sebagai sistem pemilihan linguistik (*system of linguistic choice*). Misalnya, kata tertentu merangkumi pilihan nahu dan kategori linguistik dikelompokkan berdasarkan situasi tertentu. Satu ranah itu mewakili satu pilihan linguistik yang berkaitan

dengan satu situasi tertentu (*since* atau *situation*). Ranah dilihat sebagai satu sistem konsep yang saling berhubung kait. Makna keseluruhan sesuatu konsep tersebut didukung oleh kehadiran ranah yang lain. Teras teori *Frame Semantic* ialah ranah semantik atau ranah (*frame*) iaitu representasi yang membekalkan latar dan motivasi bagi kewujudan dan penggunaan lazim sesuatu kata dalam sesuatu bahasa (Atkins dan Rundell, Fillmore, 2006, Fillmore dan Baker, 2010). Teori ini menjelaskan potensi gabungan sesuatu item leksikal dan penjelasannya berasaskan paparan eksplisit sesuatu elemen ranah direalisasikan pada struktur permukaan, sama ada secara sintaksis ataupun leksikal. Ranah yang terbit ini merupakan struktur pengetahuan yang diperlukan untuk pemahaman dan penggunaan yang sesuai bagi setiap item leksikal atau frasa yang tertentu. Menurut teori Semantik Ranah (1986), setiap ranah mempunyai unsur ranah yang dikenali sebagai elemen ranah berfungsi untuk mendukung ranah tersebut. Di sini, Charles Fillmore (1982) telah mengemukakan satu pendekatan yang khusus tentang analisis semantik bahasa alami.

Menurut Fillmore (1982), satu kalimat, teks atau perbualan biasanya membawa satu konsep yang mengandungi sistemnya tersendiri. Kesemua sistem itu secara automatik wujud bersama-sama untuk membawa konsep yang sama. Fillmore, Johnson dan Petruck (2003) mengatakan:

Frame are schematic representations of the conceptual structures and pattern of beliefs, practice, institutions, images that provide foundation for meaningful interaction in a given speech community.

Berdasarkan pernyataan di atas, makna ranah merupakan satu perwakilan skematik untuk mewakili struktur konseptual, aspek berkaitan dengan kepercayaan, amalan, institusi yang terlibat, dan imej yang menjadi asas untuk interaksi yang bermakna dalam perhubungan antara satu dengan yang lain dalam kumpulan masyarakat. Makna lebih mudah dimengertikan dengan melihat struktur konsep yang menunjangi dan memotivasikannya. Prinsip asas ialah seseorang perlu memahami elemen apakah yang mengambil peranan membentuk konsep keseluruhan ranah tersebut sebelum dapat memahami makna setiap kata yang mendukungnya.

Dalam hal ini, satu contoh klasik yang telah diberi oleh Fillmore (1982) untuk menerangkan konsep ranah tersebut ialah ranah *COMMERCIAL EVENT*. Unsur ranah yang perlu ada untuk membawa makna *COMMERCIAL EVENT* ialah unsur *BUYER* (pembeli), *SELLER* (penjual), *MONEY* (wang), *GOODS* (barangan). Kesemua unsur dalam ranah ini mengambil bahagian dalam transaksi tersebut. Dengan kata lain, unsur itu dinamakan elemen ranah dalam teori semantik ranah. Dalam situasi seperti itu terdapat dua orang individu, iaitu penjual dan pembeli yang terlibat dalam menjayakan proses transaksi, di samping wujudnya dua peralatan yang saling bertukar milik, yakni wang dan barangan hasil proses yang berlaku. Sehubungan itu, beberapa perkataan yang mempunyai kaitan semantik dan boleh digolongkan ke dalam ranah tersebut berdasarkan konteks tertentu termasuklah perkataan *beli, jual, bayar, caj, belanja*, dan sebagainya. Prinsip utama yang ditekankan dalam teori ini adalah untuk memahami makna salah satu daripada kata ini, seseorang perlu memahami elemen apakah yang mengambil peranan dalam transaksi komersial itu

(Rusmadi, 2009). Pengalaman yang distrukturkan oleh transaksi komersial membekalkan latar dan motivasi kepada kategori kata yang direpresentasikan oleh perkataan.

METODOLOGI

Kajian ini berbentuk analisis dokumen, iaitu data korpus yang dibangunkan sendiri oleh pengkaji. Di samping itu, kaedah kepustakaan juga dijalankan untuk menelusuri kajian terdahulu. Data korpus tersebut diambil daripada enam buah novel yang berlatar belakang masyarakat peribumi Sabah. Karya-karya novel itu tersebut ialah hasil garapan dua orang penulis yang telah mapan.

Seterusnya, kajian ini memanfaatkan teori semantik ranah dalam menelusuri, meneroka dan menganalisis data. Sehubungan itu, prosedur pelaksanaan kajian dan mekanisme analisis menggunakan teori akan turut diketengahkan dalam kajian ini.

RUANG LINGKUP KAJIAN

Menerusi kajian ini, data korpus yang digunakan ialah hasil data korpus yang telah dibangunkan oleh pengkaji. Data korpus tersebut merangkumi enam buah novel berbahasa Melayu hasil karya dua orang penulis yang terkenal, iaitu Amil Jaya melalui karyanya *Bagaton* (1987) dan *Mariga* (2012), manakala novel nukilan Azmah Nordin pula ialah *Dukanya Abad* (1988), *Kukui* (1990), *Dari Dalam Cermin* (1992), dan *Debur Menerpa* (1992). Novel yang terpilih ini mempunyai latar belakang cerita masyarakat peribumi Sabah. Seterusnya, berdasarkan data korpus tersebut, analisis semantik ranah digunakan untuk menyelongkar dan meneroka akan kehadiran leksis bahasa sukuan dalam korpus bahasa Melayu tersebut.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dalam kajian ini, leksis bahasa sukuan yang dikaji ialah leksis *lansaran*. Berdasarkan data yang dianalisis leksis *lansaran* yang hadir sebanyak 130 kali dalam hasil karya dua orang penulis, iaitu Azmah Nordin dan Amil Jaya yang terbit dari 1987 hingga 2012. Pemanfaatan karya ini dianggap relevan dalam memberikan penjelasan rinci tentang leksis bahasa sukuan dalam korpus bahasa Melayu. Suatu leksis itu dikatakan mempunyai sistem konsep tersendiri. Hal ini dapat dilihat menerusi Fillmore (1982) yang mengatakan bahawa setiap perkataan boleh dijelaskan mengikut maklumat konseptual yang sedia ada dan berkaitan dengan ranah latar yang terlibat. Justeru, leksis ini dikaji secara berpada berpandukan analisis Semantik Ranah yang dianggap tepat untuk membantu memahami konsep tertentu secara sistem konsep. Semantik Ranah melihat ranah itu sebagai penaakulan skematik bagi struktur konseptual, iaitu berkaitan dengan kepercayaan, amalan, institusi dan imej yang menjadi asas untuk interaksi bermakna dalam perhubungan antara satu sama lain dalam sesebuah kumpulan masyarakat. Sehubungan itu, dapat dirumuskan bahawa setiap leksis yang terdapat dalam kumpulan tersebut mengandungi sistem konsep tertentu yang mewakili latar sesebuah masyarakat. Oleh yang demikian, menerusi analisis seterusnya hal inilah yang cuba diselongkar dan dijelaskan.

MAKLUMAT KONSEPTUAL LEKSIS *LANSARAN*

Setelah penelitian dilakukan ke atas lexis *lansaran* dalam korpus, didapati bahawa konsep *lansaran* memiliki makna teras dan makna kembangan, iaitu merujuk kepada nama tempat dan nama sejenis tarian. Menurut Fillmore, Johnson dan Petruck (2003), melalui pendekatan teori semantik ranah, makna teras dan makna kembangan ini diperoleh berdasarkan kepada maklumat konseptual yang sedia ada berkaitan dengan latar yang terlibat

Sehubungan itu, analisis yang dijalankan adalah dengan melihat kehadiran lexis dalam seberkas ayat konkordans. Berpandukan 130 lexis *lansaran*, analisis dijalankan untuk mengenal pasti maklumat konseptual yang terlibat. Menurut Intan Safinaz (2013), pemerhatian terhadap data konkordans dapat membantu mengenal pasti suatu ranah makna, elemen ranah yang terlibat dan maklumat valensi, iaitu kumpulan dan pola valensi dalam ayat yang mengandungi nodus kata. Hasilnya, maklumat konseptual dalam lexis *lansaran* dapat ditunjukkan seperti jadual yang berikut:

Jadual 1: Maklumat konseptual *lansaran*

Lema	Ranah	Elemen Ranah	Elemen Ranah
LANSARAN	TEMPAT TARIAN	LOKASI BERLANGSUNG	PELAKU + AKSI + RUANG
	NAMA TARIAN	GAMBARAN MAJLIS	UPACARA + AKSI

ANALISIS LEMA *LANSARAN*

Maklumat lema ini diperoleh berdasarkan ciri leksikal yang terdapat dalam data yang dikaji. Secara tidak langsung analisis dapat mencerahkan ketidakjelasan dalam persoalan berkaitan ciri unit leksikal *lansaran* itu dikekalkan dalam novel karya penulis. Fillmore (1982) menjelaskan bahawa pendeskripsian lema penting apabila dapat memberikan gambaran konseptual dalam ruang semantik. Pada peringkat lema, sifat sintaksis sesuatu kata seperti kata benda, maskulin dan feminin dapat diaktifkan dan membantu memberikan latar konseptual sesuatu maklumat. Sifat sintaksis ini merupakan konstruksi yang membina sesuatu maklumat, namun bentuk-bentuk linguistik merupakan konstruksi tatabahasa yang menyerlahkan lagi fungsinya masing-masing.

Berdasarkan data korpus dikenal pasti bahawa lema *lansaran*, mempunyai dua makna ranah, iaitu makna teras dan makna kembangan. Makna teras, yakni makna ranah pertama ialah TEMPAT TARIAN, manakala makna pinggirannya ialah NAMA TARIAN. Setiap ranah itu pula mempunyai elemen ranah yang lain. Ini dapat dilihat, seperti ranah TEMPAT TARIAN elemen ranah LOKASI BERLANGSUNG yang mengandungi elemen ranah PELAKU, elemen ranah AKSI dan ranah RUANG. Sementara itu, untuk ranah pinggirannya, iaitu ranah NAMA TARIAN pula mengandungi elemen ranah GAMBARAN MAJLIS

yang terkandung dalamnya elemen ranah, seperti elemen ranah UPACARA, dan elemen ranah AKSI.

Analisis linguistik ranah TEMPAT TARIAN

Fillmore (1982) menjelaskan bahawa ranah merupakan satu sistem konsep yang saling berhubung kait. Pemahaman terhadap makna keseluruhan membolehkan kita memahami sesuatu konsep tertentu. Ini menjelaskan lagi bahawa, suatu makna tersebut terbit hasil daripada beberapa makna yang dibawakan oleh hubungan antara lexis yang wujud. Dalam hal ini, Fillmore dan Petruck (2003) menjelaskan bahawa setiap ranah mempunyai elemen ranah yang mendukung makna ranah tersebut. Elemen ranah pula ialah entiti atau sifat yang akan menyerlahkan lagi makna ranah tersebut (Fillmore dan Baker, 2001). Rusmadi (2009) pula mengatakan bahawa pendeskripsian makna sesuatu kata harus diawali dengan mengenal pasti elemen atau ranah yang menjadi dasar struktur konsepsinya.

Sehubungan itu, berdasarkan data yang dikaji didapati bahawa lexis *lansaran* membawa dua makna, iaitu makna teras dan makna kembangan. Makna ranah pertama ialah makna teras, iaitu bermaksud TEMPAT TARIAN yang mengandungi elemen ranah LOKASI BERLANGSUNG yang mengandungi ranah tersendiri. Hal ini bermaksud, realisasi leksikal dalam data korpus seperti lexis *ruang*, *dewan*, *penjuru* dan *puncak* menyerlahkan lagi ranah LOKASI BERLANGSUNG sesuatu pesta tarian tersebut.

Pecahan makna ranah TEMPAT TARIAN

Seterusnya, jadual di bawah pula menunjukkan ranah TEMPAT TARIAN yang mengandungi elemen ranah LOKASI BERLANGSUNG. Elemen ranah LOKASI BERLANGSUNG mengandungi elemen ranah PELAKU, AKSI dan RUANG. Berpandukan konteks *lansaran* dalam data yang dianalisis, dapat dibuktikan bahawa *lansaran* dirujuk sebagai tempat tarian oleh masyarakat peribumi. Menerusi pendekatan semantik ranah membuktikan bahawa ranah TEMPAT TARIAN dibentuk oleh ranah LOKASI BERLANGSUNG yang terhasil daripada elemen ranah PELAKU, AKSI dan RUANG. Penjelasan lanjut data ditunjukkan dalam Jadual 2;

Jadual 2: Maklumat analisis linguistik ranah LOKASI BERLANGSUNG

Lema	Lansaran
Unit Leksikal	Lansaran
Kelas Kata	Kata Nama
Ranah LOKASI BERLANGSUNG	PELAKU lakukan/dilakukan AKSI di RUANG, seseorang/sekumpulan @ perkara melakukan/dilakukan AKSI di RUANG tertentu, iaitu tarian/nyanyian dilakukan oleh sekumpulan penari/penyanyi di tempat khusus
Unsur ranah	PELAKU, AKSI dan RUANG

Struktur Nahu	Transitif
Contoh ayat	Subjek + KK + Keterangan (KS + "lansaran") Dia berdiri dan melangkah masuk ke ruang <i>lansaran</i> . Walter Flint melihat kelibat Lingad dalam kalangan anak gadis yang bersorak di penjuru dewan <i>lansaran</i> . Sudah ada Pak Ketua, kami telah memasanginya di atas puncak <i>lansaran</i> . Galoh terus memandang kosong ke arah para penari yang sedang mengayun tangan di ruang tengah dewan <i>lansaran</i> . Lantas dia melonjak naik ke atas kayu yang dijadikan landasan di dewan <i>lansaran</i> .

Analisis Linguistik pecahan makna LOKASI BERLANGSUNG yang mengandungi elemen ranah PELAKU, elemen ranah AKSI dan elemen ranah RUANG

Berdasarkan Jadual 2, makna ranah bermaksud PELAKU lakukan/dilakukan AKSI di RUANG, seseorang atau sekumpulan atau perkara melakukan/dilakukan AKSI di RUANG tertentu, iaitu tarian/nyanyian dilakukan oleh sekumpulan penari/penyanyi di tempat khusus. Tiga elemen yang terdapat dalam ranah ini ialah ranah PELAKU iaitu pelaku/perkara, ranah AKSI menerangkan perbuatan yang dilakukan, dan RUANG, iaitu tempat perbuatan itu dilakukan

Seterusnya, ranah TEMPAT TARIAN juga diterbitkan oleh ranah LOKASI BERLANGSUNG mengandungi elemen ranah PELAKU, elemen ranah AKSI dan elemen ranah RUANG. Berdasarkan data kajian, leksis *lansaran* digabungkan dengan leksis-leksis seperti *ke ruang*, *di penjuru*, *dewan*, *di atas*, *puncak*, *di ruang*, dan *tengah* membawa makna ranah RUANG manakala leksis *melangkah masuk*, *melihat kelibat*, *memasanginya*, *mengayun tangan*, dan *dijadikan landasan* ialah realisasi unit leksikal untuk menerbitkan ranah AKSI. Seterusnya leksis *dia*, *Walter Flint*, *Pak Ketua*, dan *Galoh* pula menerbitkan ranah PELAKU. Gabungan antara ranah PELAKU, dengan ranah AKSI dan ranah RUANG menerbitkan ranah LOKASI BERLANGSUNG yang menyerlahkan lagi ranah TEMPAT TARIAN. Ini membuktikan bahawa wujudnya perkaitan antara leksis dengan leksis, dan antara ranah dengan ranah sehingga memperlihatkan elemen ranah yang berperingkat-peringkat.


Analisis Tatatingkat leksis *lansaran* ranah TEMPAT TARIAN

Seterusnya, Ranah LOKASI BERLANGSUNG yang mengandungi elemen ranah PELAKU + AKSI + RUANG dapat ditunjukkan dengan membuktikan bahawa terdapatnya elemen ranah yang saling berhubungan. Fillmore dan Baker (2009) menjelaskan bahawa beberapa unit leksikal yang bermotivasi akan menerbitkan ranah yang kemudian ranah tersebut bergabung melahirkan tahap berlapis-lapis untuk melengkapkan makna secara rinci dalam struktur ayat. Elemen ranah ini dikenal pasti melalui analisis yang berlapis-lapis pada setiap unit leksikal yang dikaji. Proses yang berlapis-lapis ini ditunjukkan dalam data berikut.

1. [TEMPAT TARIAN [LOKASI BERLANGSUNG [[PELAKU Dia][AKSI berdiri dan melangkah masuk]] [RUANG ke ruang *lansaran*]]]]]
2. [TEMPAT TARIAN [LOKASI BERLANGSUNG [[PELAKU Walter Flint][AKSI melihat kelibat Ligad dalam kalangan anak gadis yang bersorak]] [RUANG di penjuru dewan *lansaran*]]]]]
3. [TEMPAT TARIAN [LOKASI BERLANGSUNG [[PELAKU Sudah ada Pak Ketua, kami][AKSI telah memasangnya]] [RUANG di atas puncak *lansaran*]]]]]
4. [TEMPAT TARIAN [LOKASI BERLANGSUNG [[PELAKU Galoh][AKSI terus memandang kosong ke arah para penari yang sedang mengayun tangan]] [RUANG di ruang tengah dewan *lansaran*]]]]]
5. [TEMPAT TARIAN [LOKASI BERLANGSUNG [[PELAKU Lantas dia][AKSI melonjak naik ke atas kayu yang dijadikan landasan]] [RUANG di dewan *lansaran*]]]]]

Berdasarkan data 1 hingga 5 di atas, terdapat 5 lapisan ranah yang terbit hasil perkaitan antara unit leksikal dengan unit leksikal dan gabungan antara elemen ranah dengan elemen ranah. Ranah 1, iaitu elemen ranah PELAKU terdiri daripada leksis *dia*, *Walter Flint*, *Pak ketua*, *Galoh* dan *dia* bergabung dengan ranah 2, iaitu elemen ranah AKSI yang diwakili oleh leksis seperti *melangkah*, *melihat*, *memasangnya*, *memandang* dan *melonjak*. Kemudian, elemen ranah tersebut bergabung dengan elemen ranah 3, iaitu elemen ranah RUANG yang direalisasikan oleh leksis seperti *ke ruang*, *di penjuru*, *di atas*, *di ruang* dan *di dewan* yang digabungkan dengan leksis *lansaran*. Gabungan ketiga-tiga elemen ranah tersebut menerbitkan ranah 4, iaitu ranah LOKASI BERLANGSUNG yang merupakan pemerian tentang ranah 5, iaitu ranah TEMPAT TARIAN.

**Pemetaan Ranah TEMPAT TARIAN
(LOKASI BERLANGSUNG (PELAKU + AKSI + RUANG))**



Rajah 1: Pemetaan Ranah LOKASI BERLANGSUNG (PELAKU + AKSI + RUANG)

Berdasarkan data (merujuk data 1 hingga 5) yang dikaji, ranah LOKASI BERLANGSUNG telah diserlahkan menerusi ranah PELAKU, ranah AKSI dan ranah RUANG. Menurut Kamus Dewan (2012), lokasi bermaksud tempat, letak, kedudukan sesuatu manakala berlangsung pula bermaksud berlaku peperangan, keramaian, diadakan, terjadi atau berlaku terus. Oleh itu, gambaran tentang lokasi berlangsung tersebut direalisasikan menerusi lexis seperti *ke ruang*, *di penjuru*, *di atas puncak*, dan *di dewan* untuk menggambarkan lokasi berlakunya sesuatu aktiviti yang membentuk ranah RUANG, manakala ranah AKSI seperti

realisasi leksis *terhinjut-hinjut, lumansar tinggi-tinggi, mengayun tangan, melonjak naik* dan *melangkah* menggambarkan tarian yang dilakukan oleh ranah PELAKU yang terdiri daripada leksis *dia, Walter Flint, Pak Ketua, dan Galoh*. Justeru, gabungan antara leksis yang menggambarkan aksi tarian ini menyerlahkan lagi keadaan sesuatu tempat tarian tersebut. Menurut Fillmore (1982), pemetaan ranah dilihat sebagai rangka pengetahuan yang menyepadukan jenis pengalaman yang diperoleh daripada analisis konsep. Ini membuktikan bahawa pemetaan dapat menyempurnakan maksud keseluruhan makna konsep sesuatu leksis tersebut.

Analisis Linguistik ranah NAMA TARIAN

Selanjutnya, makna ranah kedua ialah makna kembangan, iaitu bermaksud NAMA TARIAN yang mengandungi elemen ranah GAMBARAN MAJLIS. Ranah GAMBARAN MAJLIS diterbitkan oleh gabungan dua kumpulan iaitu, yang pertama terdiri daripada elemen ranah UPACARA yang direalisasikan oleh leksis seperti *majlis, upacara, dan kedengaran, bunyi, dengungan, malam lansaran, anglang, dan andui-andui* manakala elemen ranah AKSI pula adalah seperti leksis *berbalas lalangut, berculang-caling, menyabung ayam, dan minum*.

Pecahan makna ranah NAMA TARIAN

Seterusnya, ranah NAMA TARIAN ini dapat dirincikan lagi dengan melihat elemen ranah yang merealisasikannya. Ranah NAMA TARIAN ini direalisasikan oleh ranah GAMBARAN MAJLIS yang dibentuk dalam seperangkat ayat yang mengandungi dua elemen ranah, iaitu elemen ranah UPACARA dan elemen ranah AKSI. Pendeskripsian semantik ranah dapat memperjelas dengan lebih lanjut tentang peranan ranah NAMA TARIAN dengan lebih mudah, iaitu diterbitkan oleh ranah GAMBARAN MAJLIS yang mengandungi elemen ranah UPACARA dan elemen ranah AKSI. Ini memperkukuh hujah bahawa hubungan antara ranah yang begitu kompleks dan saling bertindan-tindan.

Jadual 4: Maklumat analisis linguistik ranah NAMA TARIAN

Lema	Lansaran
Unit Leksikal	Lansaran
Kelas Kata	Kata Nama
Ranah GAMBARAN MAJLIS	UPACARA digambarkan dengan AKSI
Unsur ranah	UPACARA + AKSI
Struktur Nahu	“Lansaran” + KK

Contoh ayat

1. Ehh, ketika lansaran dulu bukan main kuatnya engkau minum, kenapa malam ini engkau menolak?
2. Selain daripada tarian *lansaran* dan tarian angalung-angalung mereka juga akan mengadakan upacara menyabung ayam
3. Di kejauhan masih jelas kedengaran bunyi dengungan kayu *lansaran* berculang-caling dengan suara-suara para penari yang berbalas lalangut
4. Kecualilah kalau ada majlis-majlis keramaian diadakan di sini seperti *lansaran*, anglang dan andui-andui
5. Cuba bayangkan kembali reaksi anak gadis pujaan mu ketika malam *lansaran*

Analisis Linguistik pecahan makna GAMBARAN MAJLIS yang mengandungi elemen ranah UPACARA dan elemen ranah AKSI

Berdasarkan Rajah 1 di atas, makna ranah bermaksud UPACARA yang digambarkan oleh AKSI. Dua elemen ranah yang terdapat dalam ranah ini ialah ranah UPACARA, iaitu nama bagi satu jenis majlis dan elemen ranah AKSI, iaitu menggambarkan perbuatan yang dilakukan semasa upacara dijalankan. Huraian semantik ranah dapat memperjelas dengan lebih lanjut tentang peranan ranah NAMA TARIAN dengan lebih mudah, iaitu diterbitkan oleh ranah GAMBARAN MAJLIS yang mengandungi elemen ranah AKSI dan elemen ranah UPACARA. Bukti ranah yang kompleks ini memperlihatkan unsur ranah yang berlapis-lapis dan hubungan yang saling berkaitan antara leksis.

Berdasarkan data kajian, leksis *lansaran* bergabung dengan leksis *ketika*, *tarian*, *majlis*, *keramaian*, *dengungan kayu lansaran*, *anglang*, *andui*, dan *malam* membentuk ranah UPACARA. Di samping itu, ranah AKSI pula diserlahkan melalui leksis *mengadakan*, *menyabung ayam*, *berculang-caling*, *berbalas*, *diadakan*, *bayangkan* dan *lalangut*. Ini memperkukuh bukti bahawa hubungan antara leksis dengan leksis akan menerbitkan elemen ranah, manakala hubungan antara elemen ranah dengan elemen ranah pula akan menerbitkan ranah sehingga akhirnya wujudlah ranah yang begitu kompleks sifatnya. Perkaitan yang wujud antara leksis, elemen ranah dan ranah ini menyerlahkan lagi konsep latar yang mendasari makna ranah tersebut.

Analisis Tatatingkat leksis *lansaran* ranah NAMA TARIAN

Ranah NAMA TARIAN merupakan makna kembangan yang wujud selain ranah TEMPAT TARIAN. Ranah NAMA TARIAN diterbitkan oleh ranah GAMBARAN MAJLIS yang terdiri daripada elemen ranah UPACARA dan elemen ranah AKSI.


Pembentukan ranah NAMA TARIAN diperoleh dengan mengenal pasti elemen ranah yang terbit daripada unit leksikal data yang dikaji. Analisis tatatingkat ranah ini ditunjukkan melalui data di bawah. Ranah NAMA TARIAN ialah hasil gabungan elemen ranah UPACARA dan elemen ranah AKSI. Bagi ranah NAMA TARIAN yang dilatari oleh elemen ranah UPACARA dan AKSI difahami melalui proses tatatingkat ranah seperti yang ditunjukkan dalam data berikut.

1. [NAMA TARIAN [GAMBARAN MAJLIS [UPACARA Ehh, ketika *lansaran* dulu][AKSI bukan main kuatnya engkau minum, kenapa malam ini engkau menolak]]]]
2. [NAMA TARIAN [GAMBARAN MAJLIS [UPACARA Di kejauhan masih jelas kedengaran bunyi dengungan kayu *lansaran*][AKSI berculang caling dengan suara-suara para penari yang berbalas lalangut]]]]
3. [NAMA TARIAN [GAMBARAN MAJLIS [UPACARA Selain daripada tarian *lansaran* dan tarian angalung-angalung mereka juga][AKSI akan mengadakan upacara menyabung ayam]]]]

Berdasarkan data yang dikaji, terdapat empat lapisan ranah yang terbit hasil perkaitan antara unit leksikal dengan unit leksikal dan ranah dengan ranah. Ranah 1, iaitu ranah UPACARA yang terdiri dapat leksis *ketika, lansaran, tarian, angalung-angalung, bunyi, dengungan, dan kayu* bergabung dengan ranah 2, iaitu ranah AKSI yang terdiri daripada leksis *minum, mengadakan, berculang-caling, dan berbalas lalangut* menerbitkan ranah 3, iaitu ranah GAMBARAN MAJLIS yang terdiri daripada realisasi sintaksis, iaitu *ehh, ketika lansaran dulu bukan main kuatnya engkau minum, kenapa malam ini engkau menolak?, selain daripada tarian lansaran dan angalung-angalung mereka juga akan mengadakan upacara menyabung ayam, di kejauhan masih jelas kedengaran bunyi dengungan kayu lansaran berculang-caling dengan suara-suara penari yang berbalas lalangut*. Ranah GAMBARAN MAJLIS yang merupakan gabungan dua ranah tadi merupakan pemerian tentang ranah 4, iaitu ranah NAMA TARIAN.

PEMETAAN RANAH

Pemetaan Ranah NAMA TARIAN (GAMBARAN MAJLIS (UPACARA + AKSI))




Rajah 2: Pemetaan Ranah NAMA TARIAN (GAMBARAN MAJLIS (UPACARA + AKSI))

Berdasarkan data (merujuk data 1 hingga 3) yang dikaji, ranah GAMBARAN MAJLIS telah diserlahkan menerusi ranah PERKARA, ranah AKSI dan ranah UPACARA. Menurut Kamus Dewan (2012), gambaran bermaksud *gambar, lukisan atau kisah (keterangan, bayangan dsb) tentang suatu keadaan*. Sementara itu, majlis bermaksud *badan yang dilantik, perjumpaan (orang ramai), keramaian, tempat bangunan* (Kamus Dewan, 2012) Oleh itu, realisasi lexis dengan penggunaan seperti *majlis, lalangut, berculang-caling, penari, dengungan kayu, muzik, tarian, andui-andui, pujian, keramaian* dapat menyerlahkan lagi suasana dan kemeriahan sesuatu pesta hiburan. Justeru, gabungan

antara lexis yang menggambarkan kemeriahan suatu pesta yang dihiasi dengan hiburan ini menyerlahkan lagi nama tarian tersebut.

Pemetaan Keseluruhan Ranah *lansaran*



IMPLIKASI KAJIAN

Kajian ini merupakan satu nilai tambahan dalam membicarakan lexis bahasa sukuan, khususnya hubungan lexis tersebut dengan bahasa Melayu. Menerusi mekanisme yang digunakan dalam menganalisis data-data, pendekatan secara berteori berupaya mewajarkan kewujudan data yang relevan dan bukan hanya sekadar pendedahan semata-mata. Ini menunjukkan bahawa kehadiran lexis bahasa sukuan secara bersama-sama dengan bahasa Melayu dapat dibuktikan secara empirikal dan telus menggunakan data yang sah.

Seterusnya, kajian ini juga membuka ruang penyelidikan terhadap kajian pemikiran masyarakat peribumi Sabah menerusi penjelmaan kata. Hal ini bermakna pelahiran setiap butir kata bukan wujud secara wewenang tanpa sebarang kawalan tetapi tetap turut diikat dan dirangsang oleh pengaruh persekitaran, adat dan sosiobudaya. Pemanfaatan data korpus bahasa Melayu pula mengukuhkan lagi hujah bahawa pengekalan tradisi budaya setempat, khususnya peribumi Sabah tetap wujud walhal dalam medium yang berbeza.

Justeru, dalam konteks kajian ini didapati bahawa pengekaln leksis bahasa sukuan dalam beberapa keadaan menggambarkan pemikiran masyarakat peribumi yang sentiasa diikat dengan identiti etnik masyarakatnya.

Selanjutnya, penyelidikan ini diyakini dapat memberikan sumbangan dalam bidang leksikografi bahasa Melayu terutama dalam membantu penyusunan kamus. Pengekaln leksis bahasa sukuan dalam korpus bahasa Melayu menunjukkan bahawa telah berlakunya penyerapan istilah bahasa sukuan secara tidak langsung dalam bahasa Melayu. Bersesuaian dengan sifat bahasa yang dinamik, hal ini harus dipandang sebagai sesuatu yang positif kerana kewujudan istilah bahasa sukuan ini dapat memperkaya perbendaharaan kata bahasa Melayu.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, penjelasan secara berpada dengan menggunakan mekanisme yang sistematik dan berautoriti dapat dilakukan dalam penyelidikan ke atas leksis bahasa sukuan, khususnya leksis *lansaran* dalam korpus bahasa Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa data yang ditunjukkan menggambarkan telah berlaku penyerapan secara tidak langsung bahasa sukuan ke dalam bahasa Melayu. Perbincangan tentang leksis bahasa sukuan dalam korpus bahasa Melayu perlu dirincikan dengan tuntas, khususnya melibatkan aspek pengleksikalan, sosiobudaya dan pemikiran penutur. Berpandukan dapatan kajian menunjukkan bahawa leksis bahasa sukuan, iaitu *lansaran* telah dikekalkan dalam korpus bahasa Melayu. Pengekaln leksis ini bukanlah sewenang-wenangnya tetapi sebenarnya ada satu sistem yang telah mengikat atau mengawalinya. Penjelasan secara semantik ranah menyerlahkan lagi fenomena ini. Apabila dianalisis, didapati terdapat satu konsep yang melatari pemilihan setiap leksis apabila leksis *lansaran* digunakan. Bersesuaian dengan konsep teori semantik ranah, iaitu representasi yang membekalkan latar dan motivasi bagi kewujudan dan penggunaan lazim sesuatu kata dalam sesuatu bahasa (Atkins dan Rundell, Fillmore, 2006, Fillmore dan Baker, 2010). Justeru, dalam hal ini pengkaji mendapati bahawa konsep yang mengikat kewujudan setiap leksis bersama-sama leksis bahasa sukuan *lansaran* tersebut ialah unsur tradisi yang cuba dikekalkan untuk menggambarkan kehidupan etnik yang melatarinya. Dalam hal ini, unsur nodus atau inti dalam bidang semantik ranah telah mengikat kewujudan unit leksikal sukuan dalam korpus. Kajian ini mendapati bahawa inti yang mengikat saling hubungan tersebut ialah ranah TRADISI.

Kajian ini mendapati bahawa penggunaan leksis yang berleluasa ini bukanlah berlaku sewenang-wenang tetapi bermotivasi. Dengan kata lain, setiap perubahan yang berlaku itu boleh dibicarakan serta dapat dibuktikan dengan menggunakan pendekatan linguistik yang sistematis.

BIBLIOGRAFI

- Aini Karim. (2005). Teori medan makna pendeskripsian leksikal kata kerja dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*. 5(3), 78-104.
- Anida Sarudin & Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). Peluasa makna wakaf: Analisis proses dan prinsip kognitif. *Jurnal Pertanika MAHAWANGSA*. 2(2), 9-30.

- Nor Hasimah Jalaluddin, Anida Sarudin & Zaharani Ahmad. (2012). Peluasan Makna *Alim*: Analisis semantik kognitif. *GEMA Online Journal*, *12*(2), 57-72.
- Amil Jaya. (1979). *Bagaton*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amil Jaya. (2012). *Mariga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asimah Ajamain. (2009). Komunikasi berkesan dengan bahasa sukuan. Dlm. *Etnik Melestarikan Bahasa Sukuan Sabah* (hlm.9-13). Kota Kinabalu: Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah.
- Asmah Omar. (1994). *Bahasa dan pemikiran alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atkins, B. T. S., & Rundell, M. (2008). *The Oxford guide to practical lexicography*. Oxford: Oxford University Press.
- Azmah Nordin. (1988). *Dukanya abadi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka .
- Azmah Nordin. (1990). *Kukui*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka .
- Azmah Nordin. (1992). *Dari dalam cermin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azmah Nordin. (1992). *Debur menerpa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Daftar Kata Bahasa Sukuan Sabah: Bahasa Melayu-Bahasa Murut Tahol*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fillmore, C. J. (1982). Frame semantics. Dlm. The Linguistic Society of Korea (Eds.), *Linguistic in the morning calm*. Seoul: Hanshin Publishing Co.
- Fillmore, C. J. & Petruck, M. R. L. (2003). Background to FrameNet. *International Journal of Lexicography*. *16*(3), 235-50.
- Glosari leksikal Bahasa Sukuan*. (2012). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hajar Abd. Rahim. 2005. Bahasa dan Identiti: Satu kajian tentang pengaruh lexis tempatan dalam evolusi bahasa Inggeris standard di Malaysia. *Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Kacukan Bahasa dan Bahasa Kacukan: Proses Penduduk dan Daya Hidup*. USM, Pulau Pinang. 17 September.
- Imran Ho-Abdullah. (2011). Analisis kognitif semantik peribahasa Melayu bersumberkan anjing. *GEMA: Online Journal of Language Studies*, *11*(1), 125-141.
- Intan Safinaz Zainuddin, Nor Hashimah Jalaluddin & Imran Ho-Abdullah. (2012). Entri, makna dan padanan dalam Kamus Dwibahasa Melayu-Inggeris: Satu analisis semantik ranahan. *Jurnal Bahasa*, *12*(1), 41-59.
- Intan Safinaz Zainuddin, Nor Hashimah Jalaluddin & Imran Ho-Abdullah. (2014). Meaning in Malay-English dictionaries: An application of frame semantics and the framenet. *Kajian Malaysia*, *32*, 131-149.
- Intan Safinaz Zainuddin & Nor Zakiah Abdul Hamid. (2008). Tinjauan unsur budaya dalam Kamus Dwibahasa Melayu-Inggeris. Dlm. Nor Hashimah & Rusmadi Baharuddin (penyt.), *Leksikologi dan leksikografi Melayu* (hlm.495-507). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khazriyati Salehuddin. (2000). Mekanisme kognitif dalam simpulan bahasa kuasa/kawalan. *Jurnal Dewan Bahasa*, *44*(12), 1222-1238.
- Khazriyati Salehuddin. (2000). Control metaphors in animal farm – an insight from the perspective of the hierarchical image schema. Dlm. Rosli Talif & Mohammad A. Quayum (penyt.), *Diverse voices 2: Selected reading in literature*. Serdang: Universiti Putera Malaysia.
- Khazriyati Salehuddin. (2003). *Grasping the cognitive mechanisms in control metaphor*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khazriyati Salehuddin. (2009). Metafora Melayu dalam mendidik anak: Analisis semantik kognitif. Dlm. Nor Hashimah et. al (pnyt). *Linguistik teori dan aplikasi* (hlm.136-151). Bangi: Universiti Kebangsaan

Malaysia.

- McEnery, T. & Wilson, A. (2001). *Corpus linguistics: An introduction* (2nd Edition). Edinburgh: Edinburgh University Press.
- McArthur. (1992). *The Oxford companion to the English language*. London: OUP.
- McEnery, T., Xiao, R. & Tono, Y. (2006). *Corpus-based language studies: An advanced resource book*. London: Routledge Applied Linguistics.
- Norsimah Mat Awal. (2003). *Analisis struktur dalaman dan peluasan makna kata adjektif dari perspektif semantik kognitif: Terjemahan karya Shahnun Ahmad* (Disertasi doktor falsafah). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. (2012). *Menelusuri peristilahan BM*: 114. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Rogayah Osman. (2010). *Kesisteman metafora dalam makna simpulan bahasa: Satu analisis semantik kognitif*. (Disertasi doktor falsafah). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rusmadi Baharuddin. (2005). Pemerian polisemi "datang": Satu analisis linguistik kognitif. *Jurnal Bahasa* 5(4), 23-39.
- Rusmadi Baharuddin. (2009). Menangani sinonim dalam kamus: Satu pendekatan semantik ranahan. Dlm. Nor Hashimah & Rusmadi Baharuddin (pnyt). *Leksikologi dan leksikografi Melayu* (hlm 372-387). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rusmadi Baharudin, Nor Hashimah Jalaluddin & Imran Ho-Abdullah. (2013). Sumbangan Framenet kepada leksikografi korpus: Kajian kes penyelidikan makna kata kerja 'Melihat'. *GEMA: Online Journal of Language Studies*, 13(1), 61-81
- Saidatul Normis Hj. Mahali. (2007). *Unsur bahasa dalam budaya*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Saidatul Normis dan Mohd Rasdi. (2013). Haiwan sebagai perlambangan dalam peribahasa orang Semai. *GEMA: Online Journal of Language Studies*, 13(1), 83-98.
- Salinah Jaafar. (2005). Fungsi leksikal "bunga" dalam simpulan bahasa dan peribahasa bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, 5(4), 40-66.
- Sapir, E. (1921). *Language: An introduction to the study of speech*. London: Harcourt Brace Jovanovich Publishers.
- Sinclair, J. (1991). *Corpus, concordance, and collocation*. Oxford: Oxford University Press.
- Slobin, D. I. (1996). From "thought and language" to "thinking for speaking". Dlm. J.J. Gumperz, & S.C. Levinson (pnyt), *Rethinking linguistic reality* (hlm 70-96). Cambridge: University Press.
- Stubbs, M. (1996). *Text and corpus analysis*. Blackwell Publishers.
- Ungerer, F. & Schmid, H-J. (2006). *An introduction to cognitive linguistics* (Edisi Ke-2). Great Britain: Pearson Education Limited.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusoff. (2005). Bahasa dan pemikiran budaya. Dlm. Hashim Hj Musa (pnyt). *Bahasa dan Pemikiran Melayu* (hlm. 134). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu. Universiti Malaya.
- Zaitul Azma & Ahmad Fuad. (2011). Bahasa dan Pemikiran dalam Peribahasa Melayu. *GEMA: Online Journal of Language Studies* 11(3), 31-51.



Pertanika

Gerbang sebaran hasil penyelidikan berkualiti tinggi

MAHAWANGSA (Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu)

Garis Panduan Penulisan dan Tatacara Serahan

Semakan: Ogos 2015

Sila baca dan patuhi garis panduan dengan teliti. Makalah yang memenuhi spesifikasi yang diberikan akan membantu melancarkan proses penerbitan. Lembaga Editorial berhak menolak makalah yang tidak mematuhi garis panduan ini.

LATAR BELAKANG

Pertanika merupakan jurnal berwasit antarabangsa yang berfungsi sebagai medium penerbitan dan perbincangan isu pertanian tropika serta bidang berkaitan. *Pertanika* memulakan penerbitan pertama pada 1978 sebagai *Journal of Tropical Agricultural Science*. Pada 1992, *Pertanika* diselaraskan kepada tiga jurnal berasingan, iaitu *Journal of Social Sciences & Humanities* (JSSH), *Journal of Tropical Agricultural Science* (JTAS) dan *Journal of Science and Technology* (JST), sebagai memenuhi keperluan jurnal yang lebih khusus dalam bidang pengajian. Pengasingan ini memberikan ruang tumpuan yang khusus terhadap kekuatan bidang yang pelbagai di universiti. Pada 2013, siri terbaharu dalam *Pertanika* telah diwujudkan, iaitu Jurnal *Pertanika* MAHAWANGSA. Siri jurnal ini lebih tertumpu kepada bidang bahasa, budaya dan warisan Melayu. MAHAWANGSA diterbitkan dalam **bahasa Melayu** dengan kekerapan dua kali setahun, iaitu pada **Jun** dan **November** dan dibuka kepada penulis dari seluruh dunia.

MATLAMAT

Menyebarkannya penyelidikan berkualiti tinggi kepada umum.

KUALITI

Pertanika menasaskan kecemerlangan melalui profesionalisme dalam penerbitan. Keputusan penerimaan makalah dijamin dalam tempoh 14 minggu. Tempoh masa daripada serahan makalah sehingga penerbitan artikel adalah dalam purata 5-6 bulan.

INDEKS PETIKAN

Pertanika menasaskan kecemerlangan melalui profesionalisme dalam penerbitan. Keputusan penerimaan makalah dijamin dalam tempoh 14 minggu. Tempoh masa daripada serahan makalah sehingga penerbitan artikel adalah dalam purata 5-6 bulan.

VISI

Pertanika akan terus mempertingkatkan kandungan, khidmat penyelidikan dan capaian arkib jurnal kepada umum. *Pertanika* berusaha merealisasikan wawasan baharu yang akan memberikan manfaat kepada ahli akademik dan masyarakat umum. Kemunculan medium atas talian menjadi pemacu utama sebaran berita penyelidikan terkini untuk pembaca *Pertanika*.

SKOP DAN MATLAMAT

Matlamat MAHAWANGSA adalah untuk menjadi peneraju utama dalam bidang bahasa, budaya dan warisan Melayu merentas multidisiplin. Kandungan penulisan boleh berbentuk konseptual, teoritikal, empirikal, sejarawi, dan sebagainya dalam kerangka kebahasaan, kesusasteraan, pendidikan, kebudayaan dan warisan Melayu. Rana pengajian mestilah meliputi alam Melayu dan diaspora Melayu.

Kenyataan Redaksi

Pertanika ialah jurnal rasmi Universiti Putra Malaysia. Singkatan untuk Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu ialah **MAHAWANGSA**.

GARIS PANDUAN PENULISAN

Dasar Penerbitan

Dasar *Pertanika MAHAWANGSA* melarang penghantaran makalah yang sama untuk penilaian serentak oleh dua atau lebih penerbitan. Penerbitan semula mana-mana makalah yang telah diterbitkan oleh pihak penerbitan lain sama ada secara menyeluruh atau sebahagiandaripadanya juga dilarang. Penerbitan semula makalah yang telah diterbitkan secara keseluruhan dalam bentuk prosiding juga dilarang.

Proses Editorial

Penulis akan dimaklumkan tentang penerimaan makalah, status dan sebarang keputusan berkaitan dengan proses penerbitan oleh pihak Editorial dari semasa ke semasa.

Proses Pewasitan: Makalah yang sesuai untuk diterbitkan akan dimajukan kepada sidang editorial dan/atau pewasit. Penulis digalakkan untuk mencadangkan pewasit yang berpotensi untuk pewasitan. Makluman keputusan sidang editorial lazimnya mengambil masa **8 hingga 10 minggu** daripada tarikh penerimaan makalah. Sidang editorial tidak menjamin penerbitan setiap makalah.

Keberanian Penulis: Penulis bertanggungjawab terhadap semua kenyataan yang disiarkan dalam makalah tulisannya, termasuk perubahan yang dilakukan oleh editor. Penulis perhubungan diminta bersedia untuk berunding dengan editor jurnal untuk menjawab soalan semasa proses editorial dan meluluskan salinan makalah yang telah disunting. **Penulis akan menerima versi makalah yang telah disunting untuk kelulusan akhir.** Untuk melancarkan proses penerbitan, sebarang perubahan pada makalah yang sudah disunting dan diluluskan adalah tidak dibenarkan.

Penyediaan Makalah

Pertanika Mahawangsa menerima serahan empat jenis makalah. Setiap serahan diklasifikasikan sebagai **makalah** atau **karya asli**, **ulasan buku**, **nota penyelidikan** dan juga cadangan untuk terbitan **isu khas**. Makalah harus ditulis dalam **bahasa Melayu** dan mestilah tepat, jelas, mudah difahami dan berupaya menyampaikan isi dengan baik menggunakan aturan bahasa Melayu yang gramatis.

Penulis digalakkan membuat **semakan bahasa** sebelum dimajukan kepada pihak editorial. Makalah yang lemah dalam penggunaan tatabahasa akan ditolak serta-merta.

Penggunaan singkatan perkataan adalah diterima. Penggunaan *slang*, jargon atau singkatan yang tidak jelas adalah dilarang. Unit dalam sukatan metrik dibenarkan dan sekiranya unit ukuran (penjelasan) dalam bahasa Inggeris digunakan, unit tersebut hendaklah dimasukkan di dalam kurungan. Sebarang singkatan perkataan hendaklah dieja penuh pada setiap kali penggunaan pertama dalam teks

Pewasitan

Makalah yang diterima disemak melalui proses pewasitan. Pewasit bagi setiap makalah terdiri daripada pakar bidang dalam skop makalah. Pewasit akan dipilih oleh sidang editor jurnal atau dipertimbangkan melalui cadangan pewasit yang telah dinamakan oleh penulis.

Pewasit akan mengemukakan penilaian bertulis yang menyatakan kekuatan dan kelemahan makalah bagi tujuan penambahbaikan dan pengenalanpastian bahan sokongan tambahan yang sesuai untuk makalah tersebut.

Makalah akan dinilai oleh **dua hingga tiga orang** pewasit. **Penulis digalakkan untuk mencadangkan nama pewasit yang berpotensi dan dinyatakan dalam borang penilaian.** Walau bagaimanapun, cadangan yang dikemukakan tetap tertakluk kepada keputusan akhir editor.

Makalah dinilai berdasarkan kandungan. Oleh itu, editor berhak membuat suntingan pada teks untuk mengelakkan kekaburan makna dan pengulangan serta meningkatkan komunikasi antara penulis dengan pembaca. Makalah akan dikembalikan kepada penulis untuk semakan sekiranya perubahan perlu dilakukan.

Proses Semakan Jurnal

Tujuh langkah proses semakan editorial:

1. Editor Eksekutif meneliti makalah untuk menentukan kesesuaiannya dengan skop jurnal. Makalah yang tidak sesuai dengan skop jurnal akan ditolak. Penulis akan dimaklumi sekiranya makalah ditolak.
2. Editor Eksekutif akan menghantarkan maklumat identifikasi makalah kepada dua hingga tiga pewasit. Salah seorang pewasit biasanya terdiri daripada sidang editorial jurnal, sementara dua orang pewasit lain mewakili pakar dalam bidang atau disiplin perbincangan makalah tersebut. Proses penilaian melibatkan dua borang, iaitu (a) '**Borang Pewasitan**' dan (b) '**Borang Ulasan Pewasit**' bersama '**Panduan Pewasitan**'. Proses pewasitan ini mengambil masa dua hingga tiga minggu. Ulasan yang diberikan merangkumi kesesuaian kerangka teori dan konseptual, sorotan kajian, metodologi, dapatan, perbincangan dan kesimpulan. Pewasit biasanya akan menyertakan bersama cadangan penambahbaikan. Ulasan dan penilaian yang dibuat adalah berdasarkan kepentingan dan sumbangan makalah terhadap perkembangan disiplin ilmu.
3. Editor Eksekutif meneliti laporan pewasitan. Editor Eksekutif akan berunding dengan Ketua Editor untuk memutuskan sama ada sesebuah makalah wajar ditolak atau diserahkan semula kepada penulis untuk pembetulan. Keputusan akhir

- tertakluk kepada sidang editorial yang berhak menolak apa-apa bahan untuk diterbitkan. Dalam beberapa keadaan, makalah diterima dengan hampir tiada semakan. Laporan pewasitan akan dimajukan kepada penulis dengan sedikit penambahan daripada editor untuk memudahkan penulis mengambil tindakan mengikut cadangan panel pewasit.
4. Penulis memberikan jawapan terhadap ulasan penilaian. Penulis dikehendaki menghantarkan edisi semakan makalah kepada Editor Eksekutif bersama-sama maklumat khusus yang memerihalkan respons terhadap laporan pewasitan.
 5. Setelah selesai proses semakan, Editor Eksekutif, sidang editorial dan Ketua Editor akan membuat semakan terhadap laporan pewasitan. Keputusan sama ada makalah tersebut diterima untuk penerbitan atau memerlukan semakan semula atau ditolak akan dibuat pada peringkat ini.
 6. Makalah yang memerlukan semakan semula akan dihantar kepada penilai selain penilai asal makalah tersebut.
 7. Makalah yang diterima akan dihantar kepada Bahagian Penerbitan untuk dicetak. Proses cetakan makalah mengambil masa lebih kurang 3 bulan. Pihak penerbit akan memastikan bahawa makalah mematuhi gaya penulisan yang ditetapkan (petikan, rujukan, jadual, kejelasan dan tatabahasa). Penulis diminta memberikan kerjasama terhadap sebarang keperluan dan pertanyaan daripada pihak penerbitan. Halaman yang sudah siap disemak akan dihantar kepada penulis utama untuk pengesahan akhir. Sebarang perubahan pada penulisan pada tahap ini hanya melibatkan perubahan yang penting. Makalah yang telah melalui kesemua proses ini akan diterbitkan dalam talian pada keluaran semasa.

Jurnal *Pertanika* menerima makalah berbentuk:

1. Makalah

Definisi: Karya asli yang menampilkan kajian empirikal. Kajian asal yang dirujuk mestilah disertakan dengan rujukan yang jelas. Sementara itu, penjelasan berkaitan penemuan dalam kajian haruslah yang terkini.

Panjang Makalah: Jumlah perkataan **tidak melebihi 6000 perkataan** (tidak termasuk muka surat abstrak dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, rujukan, jadual serta gambar rajah).

2. Ulasan Buku

Definisi: Penilaian ringkas tentang sesuatu karya (buku, hasil seni, makalah dan sebagainya). *Panjang Ulasan:* Jumlah perkataan **tidak melebihi 6000 perkataan** (tidak termasuk muka surat abstrak dalam bahasa Melayu dan Inggeris, rujukan, jadual serta gambar rajah).

3. Nota Penyelidikan

Definisi:- Maklumat baharu berkaitan sebahagian atau keseluruhan dapatan kajian dalam bentuk penulisan ringkas yang rinci. Nota penyelidikan sesuai untuk penerbitan berkaitan disiplin teknikal atau penemuan baharu tentang mana-mana disiplin atau subdisiplin ilmu yang mempunyai hubungan dengan budaya, warisan dan bahasa Melayu.

Panjang Laporan:- Jumlah perkataan **tidak melebihi 3000 perkataan** (tidak termasuk muka surat abstrak dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, rujukan, jadual serta gambar rajah).

4. Isu Khas

Definisi: Bahan daripada hasil kajian yang telah dibentangkan dalam persidangan, seminar, kongres atau simposium.

Panjang Makalah: Jumlah perkataan **tidak melebihi 4000-8000 perkataan** (tidak termasuk muka surat abstrak dalam bahasa Melayu dan Inggeris, rujukan, jadual serta gambar rajah).

5. Lain-lain

Definisi: Laporan ringkas, kajian kes, komen, Surat kepada Editor, dan balasan pada makalah sebelum ini yang disiarkan boleh dipertimbangkan.

Panjang Makalah: Jumlah perkataan **tidak melebihi 2000 perkataan**.

FORMAT

Penulis digalakkan untuk menyediakan makalah dalam format **Microsoft Word**. Teks ditulis dalam **satu ruang lajur (column)** dengan **margin 4cm** dan **langkau 2 baris**. Penulis digalakkan untuk menggunakan rupa taip **Times New Roman**, dengan saiz fon **12 poin**. Penulis dinasihatkan agar memberikan perhatian pada penggunaan aksara/rupa taip khas dalam penulisan sekiranya penulisan tersebut menggunakan jenis rupa taip berbeza daripada aksara khas, terutamanya fon *Symbol* dan *Mincho*.

Penulis diminta meninggalkan satu jalur kosong antara setiap perenggan teks dan rujukan. Jadual dan gambar rajah perlu diasingkan daripada teks ataupun diletakkan pada ruang lampiran.

Pengarang dikehendaki memberikan penomboran pada setiap muka surat.

JUDUL

Judul bagi setiap jenis penulisan hendaklah ditulis dalam **bahasa Melayu dan bahasa Inggeris** dengan **tidak melebihi 10 perkataan**. Judul ditulis menggunakan fon dan saiz fon yang sama dengan penulisan teks penuh.

ABSTRAK

Abstrak perlu ditulis dalam **bahasa Melayu dan bahasa Inggeris** dengan **tidak melebihi 200** perkataan bagi makalah dan **tidak kurang daripada 100 perkataan** bagi nota penyelidikan. Abstrak perlu ditaip menggunakan saiz **fon 11 poin** dengan **langkau sebaris (single spacing)**. Penulis perlu menyertakan **5 hingga 8 kata kunci** pada ruang di bawah abstrak untuk menjelaskan keseluruhan isi kandungan makalah.

SUNAN MAKALAH

Halaman 1: Judul

Judul mestilah tidak melebihi 10 perkataan. Singkatan bagi judul makalah perlu diletakkan di jidar bahagian atas setiap halaman makalah (*header*).

Halaman 2: Maklumat Penulis dan Penulis Utama:

Halaman ini harus mengandungi judul makalah beserta nama penulis, institusi dan alamat penuh serta saluran untuk dihubungi (sambungan pejabat, telefon bimbit, fax dan alamat e-mel). Nama penulis mestilah ditulis dalam bentuk singkatan sebagaimana yang digunakan dalam sistem penamaan antarabangsa. Misalnya, Salleh, A.B., Tan, S.G., atau Sapuan, S.M.

Alamat Penulis

Bagi makalah yang ditulis oleh lebih daripada seorang penulis dengan alamat yang berbeza, alamat setiap penulis perlu diberikan penomboran dengan menggunakan superskrip.

George Swan¹ dan Nayan Kanwal²

¹ Jabatan Biologi, Fakulti Sains, Universiti Duke, Durham, Carolina Utara, USA.

² Pejabat Timbalan Naib Canselor (P&I), Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia.

Halaman 3: Halaman ini mengandungi tajuk penuh makalah beserta abstrak (sila rujuk Subtajuk Abstrak untuk panduan penulisan abstrak).

Halaman 4 dan seterusnya: Halaman ini harus dimulai dengan pengenalan makalah. Perbincangan subtajuk selepasnya bermula daripada halaman 5 dan seterusnya.

Singkatan

Sebarang singkatan yang digunakan dalam penulisan hendaklah dinyatakan dengan jelas dan disusun mengikut abjad. Perkataan atau frasa yang menggunakan singkatan perlu ditulis penuh pada setiap kali penggunaan kali pertama dalam teks dan disertakan singkatan baginya dalam kurungan ().

Nota kaki

Alamat semasa penulis sekiranya berbeza dengan paparan di bahagian jidar atas halaman perlu dinyatakan pada nota kaki.

Kandungan

Makalah perlu mengandungi bahagian **pengenalan, bahan dan kaedah, dapatan dan perbincangan dan penutup**.

Jadual

Semua jadual hendaklah tekal dengan format dan kesesuaian isu semasa jurnal dan hendaklah dinomborkan dengan angka Arab (1,2,3...). Bahan rujukan perlu disertakan dalam bentuk jadual dan nota kaki. Setiap jadual dilampirkan dalam halaman yang berasingan.

Perhatian: Jadual bagi makalah yang diterima untuk penerbitan mestilah diserahkan dalam bentuk:- .doc, .rtf, excel atau powerpoint- jadual yang diserahkan dalam bentuk data imej tidak boleh disunting untuk penerbitan.

Formula dan Persamaan

Sebarang rumus, persamaan dan formula yang digunakan dalam makalah perlu dinyatakan dengan jelas dan ditaip dengan langkau 3 baris . Penomboran rumus ditulis dalam tanda kurung siku [] dan diposisikan di margin kanan penulisan.

Rajah dan Gambar

Penulis yang melampirkan rajah atau gambar dinasihati agar menggunakan aplikasi yang menyediakan fail TIFF beresolusi tinggi. Secara umumnya, pihak editorial menerima resolusi. 300 dpi atau yang lebih tinggi untuk lampiran berwarna dan karya hafton; 1200 dpi atau yang lebih tinggi untuk lukisan garis.

Bagi fail bersaiz besar, penulis boleh melampirkan rajah beresolusi rendah yang jelas untuk memastikan bahawa saiz makalah sesuai untuk penghantaran secara atas talian. Penulis boleh memohon persembahan ilustrasi berwarna dengan kos tambahan sebanyak Ringgit Malaysia 50 bagi setiap halaman berwarna.

RUJUKAN

Nama penulis dan tahun terbitan hendaklah diletakkan bagi petikan rujukan dalam teks. Bagi rujukan yang ditulis oleh lebih daripada dua orang, nama penulis pertama perlu diikuti dengan 'et al.'

Swan dan Kanwal (2007) melaporkan bahawa ...

Dapatan kajian ini ditafsirkan sebagai ... (Kanwal et al., 2009).

Senarai rujukan perlu disusun mengikut abjad nama penulis. Bagi penulis yang sama atau kumpulan penulis yang sama, rujukan perlu disusun secara kronologi. Sekiranya penulis mempunyai lebih daripada satu penerbitan dalam tahun yang sama, angka 'a', 'b' dsb ditambahkan pada tahun terbitan.

Sekiranya teks rujukan ditulis oleh lebih daripada 11 orang penulis, senaraikan 5 penulis dan diikuti dengan et al.,

Dilarang menggunakan ensotan (*indent*) dalam penulisan rujukan. Gunakan langkau baris untuk mengasingkan setiap rujukan. Nama jurnal perlu ditulis penuh.

Contoh:

Mellers, B. A. (2006a). Choice and the relative pleasure of consequences. *Psychological Bulletin*, 126, 910-924.

Mellers, B. A. (2006b). Treatment for sexually abused children and adolescents. *American Psychologist*, 55, 1040-1049.

Hawe, P. (2005). Capturing the meaning of "community" in community intervention evaluation: Some contributions from community psychology. *Health Promotion International*, 9, 199-210.

Braconier, H., & Ekholm, K. (2006). Swedish multinationals and competition from high and low wage location. *Review of International Economics*, 8, 448-461.

Sebarang data yang belum diterbitkan dan komunikasi peribadi tidak dianggap sebagai petikan rujukan. Bagaimanapun, penulis boleh menyatakan bahan tersebut dalam kurungan (). Artikel yang sudah diterima untuk penerbitan (*in press*) boleh dijadikan rujukan dengan menyatakan penerbit dan tarikh terbitan bagi artikel tersebut dalam rujukan (jika ada).

Contoh petikan rujukan:

Monograf: Kalimapour, Y.R. (2004). *Images of the U.S. Around the World: A Multicultural Perspective*. Albany, NY: State University of New York Press.

Bab dalam buku: Bjork, R. A. (2007). Retrieval inhibition as an adaptive mechanism in human memory. Dalam H. L. Roediger III & F. I. M. Craik (Eds.), *Varieties of memory & consciousness* (pp. 309-330). Hull: Hull University Press.

Prosiding: Amir Awang. (2006). Counseling, human resources development and counseling services. Dalam Sulaiman M. Yassin, Yahya Mat Hassan, Kamariah Abu

Bakar, Esah Munji dan Sabariah Mohd. Rashid (Eds.), *Proceedings of Asia Pacific Conference on Human Development* (p. 243-246). Serdang: Universiti Putra Malaysia.

GAYA MAKALAH

Makalah yang diserahkan untuk penerbitan harus mematuhi panduan versi terkini Manual Penerbitan *American Psychological Association (APA)*. Jurnal ini menerima ejaan Amerika dan British untuk penulisan yang melibatkan penggunaan bahasa Inggeris. Penulis boleh menggunakan edisi terkini *Oxford Advanced Learner's Dictionary* sebagai panduan untuk ejaan British.

PENYERAHAN MAKALAH

Surat Iringan

Penyerahan manuskrip perlu disertakan dengan surat iringan yang menyatakan maklumat makalah yang diserahkan. Makalah yang diterima untuk penerbitan dalam jurnal ini ialah tulisan yang asli dan belum pernah diterbitkan atau dihantar kepada mana-mana syarikat penerbitan. Perkara ini perlu dinyatakan dalam surat iringan.

Penulis juga perlu memaklumkan dalam surat iringan bahawa kesemua penulis telah memberikan sumbangan dalam proses penulisan makalah dan telah bersetuju dengan kandungan makalah yang dihantar untuk penerbitan.

Surat iringan perlu mengandungi (i) tajuk; (ii) nama penuh penulis; (iii) alamat institusi; (iv) poskod dan alamat e-mel, faksimili dan nombor telefon penulis perhubungan. Alamat semasa bagi penulis yang berbeza dengan alamat insititusi hendaklah dinyatakan pada ruangan nota kaki.

Suntingan Bahasa

Pertanika menitikberatkan aspek ketepatan dalam penggunaan bahasa bagi setiap makalah yang diterbitkan. Penulis dinasihati untuk **memastikan bahawa manuskrip yang dihantar menggunakan bahasa Melayu yang baik, jelas dan tepat dari segi tatabahasa**. Khidmat semakan profesional boleh digunakan bagi tujuan ini. Makalah yang baik dari segi bahasa akan memudahkan dan mempercepat urusan semakan untuk penerbitan.

Polisi Arkib

Penulis yang memerlukan pemulangan sebarang bahan yang ditolak untuk penerbitan harus menyatakan sedemikian dalam surat iringan. Hal ini kerana pihak Editorial akan melupuskan semua bahan bercetak dan elektronik sekiranya tiada tuntutan daripada penulis secara bertulis seperti yang disebutkan.

Hak cipta

Penulis dikehendaki menandatangani **Borang Akuan** yang menyatakan bahawa penulis telah mendapat kebenaran untuk menggunakan bahan hak cipta dan bahan terbitan sebelumnya. Sekiranya penulis utama menandatangani Borang Akuan bagi pihak penulis yang lain, syarat yang digariskan dalam Borang Akuan hendaklah dibaca dan dipersetujui oleh kesemua penulis yang terlibat sebelum ditandatangani. Makalah tidak akan diterbitkan selagi Borang Akuan hak cipta belum ditandatangani.

Jeda Masa

Jangka waktu keputusan penerimaan dan penolakan makalah ialah tiga hingga empat bulan (lebih kurang 14 minggu). Jangka waktu antara penyerahan makalah dengan penerbitan adalah lebih kurang lima hingga enam bulan.

Salinan Cetak Jurnal dan Cetak Ulang

Penulis utama akan menerima satu salinan cetak (*hardcopy*) jurnal yang mengandungi makalah tulisannya.

PROSEDUR SERAHAN

Makalah perlu diserahkan bersama-sama '**Surat Iringan**' dan '**Kit Penyerahan Makalah**' yang telah lengkap diisi. Makalah yang dihantar perlu memenuhi garis panduan dan tatacara yang telah dinyatakan. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan makalah dipulangkan dan menimbulkan kelewatan penerbitan. Penyerahan makalah dalam bentuk CD adalah diterima. Penulis dinasihati untuk menyimpan salinan makalah dan dokumen berkaitan untuk rujukan peribadi. Penulis dikehendaki memaklumkan sebarang pertukaran alamat pada makalah yang dihantar sebelum suntingan akhir.

Makalah hendaklah diserahkan melalui Ketua Editor untuk tindakan seterusnya ke alamat seperti yang berikut::

Ketua Editor
MAHAWANGSA (Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu)
Pejabat Dekan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM, Serdang, Selangor,
Malaysia
e-mel: mahawangsa@upm.edu.my
Tel: + 603-8946 8326/ 8661

Pengarang dinasihatkan untuk menyimpan salinan makalah dan dokumen berkaitan untuk rujukan peribadi. Pengarang dikehendaki memaklumkan sebarang pertukaran alamat pada makalah yang dihantarsebelum suntingan akhir.

Why should you publish in

Pertanika?

BENEFITS TO AUTHORS

PROFILE: Our journals are circulated in large numbers all over Malaysia, and beyond in Southeast Asia. Our circulation covers other overseas countries as well. We ensure that your work reaches the widest possible audience in print and online, through our wide publicity campaigns held frequently, and through our constantly developing electronic initiatives such as Web of Science Author Connect backed by Thomson Reuters.

QUALITY: Our journals' reputation for quality is unsurpassed ensuring that the originality, authority and accuracy of your work are fully recognised. Each manuscript submitted to Pertanika undergoes a rigid originality check. Our double-blind peer refereeing procedures are fair and open, and we aim to help authors develop and improve their scientific work. Pertanika is now over 38 years old; this accumulated knowledge has resulted in our journals being indexed in SCOPUS (Elsevier), Thomson (ISI) Web of Science™ Core Collection, Emerging Sources Citation Index (ESCI), Web of Knowledge [BIOSIS & CAB Abstracts], EBSCO, DOAJ, ERA, AGRICOLA, Google Scholar, ISC, TIB, Journal Guide, Citefactor, Cabell's Directories and MyCite.

AUTHOR SERVICES: We provide a rapid response service to all our authors, with dedicated support staff for each journal, and a point of contact throughout the refereeing and production processes. Our aim is to ensure that the production process is as smooth as possible, is borne out by the high number of authors who prefer to publish with us.

CODE OF ETHICS: Our Journal has adopted a Code of Ethics to ensure that its commitment to integrity is recognized and adhered to by contributors, editors and reviewers. It warns against plagiarism and self-plagiarism, and provides guidelines on authorship, copyright and submission, among others.

PRESS RELEASES: Landmark academic papers that are published in Pertanika journals are converted into press-releases as a unique strategy for increasing visibility of the journal as well as to make major findings accessible to non-specialist readers. These press releases are then featured in the university's UK and Australian based research portal, ResearchSEA, for the perusal of journalists all over the world.

LAG TIME: The elapsed time from submission to publication for the articles averages 3 to 4 months. A decision on acceptance of a manuscript is reached in 3 to 4 months (average 14 weeks).



Address your submissions to:
The Chief Executive Editor
Tel: +603 8947 1622
nayan@upm.my

Journal's Profile: www.pertanika.upm.edu.my/

Call for Papers 2017-18

now accepting submissions...

Pertanika invites you to explore frontiers from all key areas of agriculture, science and technology to social sciences and humanities.

Original research and review articles are invited from scholars, scientists, professors, post-docs, and university students who are seeking publishing opportunities for their research papers through the Journal's three titles; JTAS, JST & JSSH. Preference is given to the work on leading and innovative research approaches.

Pertanika is a fast track peer-reviewed and open-access academic journal published by Universiti Putra Malaysia. To date, Pertanika Journals have been indexed by many important databases. Authors may contribute their scientific work by publishing in UPM's hallmark SCOPUS & ISI indexed journals.

Our journals are open access - international journals. Researchers worldwide will have full access to all the articles published online and be able to download them with zero subscription fee.

Pertanika uses online article submission, review and tracking system for quality and quick review processing backed by Thomson Reuter's ScholarOne™. Journals provide rapid publication of research articles through this system.

For details on the Guide to Online Submissions, please visit http://www.pertanika.upm.edu.my/guide_online_submission.php

About the Journal

Pertanika is an international multidisciplinary peer-reviewed leading journal in Malaysia which began publication in 1978. The journal publishes in three different areas — Journal of Tropical Agricultural Science (JTAS); Journal of Science and Technology (JST); and Journal of Social Sciences and Humanities (JSSH). All journals are published in English.

JTAS is devoted to the publication of original papers that serves as a forum for practical approaches to improving quality in issues pertaining to tropical agricultural research- or related fields of study. It is published four times a year in *February, May, August* and *November*.

JST caters for science and engineering research- or related fields of study. It is published twice a year in *January* and *July*.

JSSH deals in research or theories in social sciences and humanities research. It aims to develop as a flagship journal with a focus on emerging issues pertaining to the social and behavioural sciences as well as the humanities, particularly in the Asia Pacific region. It is published four times a year in *March, June, September* and *December*.



An Award-winning
International-Malaysian Journal
— CREAM AWARD, MoHE
—Sept 2015







Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

<http://www.mahawangsa.upm.edu.my/>
E-mail: mahawangsa@upm.my
Tel: +603 8947 1621 / 1619

PENERBIT
UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
PRESS

<http://www.penerbit.upm.edu.my/>
E-mail: penerbit@upm.my
Tel: +603 8946 8855



9 772289 725004